



PENSEJARAHAN
MELAYU
1800 — 1960

Muhd. Yusof Ibrahim

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kuala Lumpur
1994

KK 930.6983 4101

Cetakan Pertama 1994
© Muhd. Yusof Ibrahim 1994

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundangan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Muhd. Yusof Ibrahim, 1943—

Pensejarahan Melayu: satu kajian awal 1800–1960 / Muhd.
Yusof Ibrahim.

Bibliografi: hlm. 185–189

Mengandungi indeks

ISBN 983-62-4265-1

1. Malays – Malaysia – History – Sources. 2. Malaysia –
History – Miscellanea. 3. Historiography – Malaysia. I. Judul.
959.5

Diatur Huruf oleh Maamal Grafik

Muka Taip Teks: Times Roman

Saiz Taip Teks: 10/12 poin

M 806493

Dicetak oleh

Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka

Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS

Ampang/Hulu Kelang

Selangor Darul Ehsan

RM20.00

13 OCT 1995

KANDUNGAN

<i>Prakata</i>		vii
<i>Pendahuluan</i>		ix
<i>Penghargaan</i>		xvii
■ BAB 1	PENSEJARAHAN NEGERI DAN JURAI KETURUNAN: 1800–1930	1
■ BAB 2	PENSEJARAHAN NEGERI DAN JURAI KETURUNAN: 1930–1960	15
■ BAB 3	PENSEJARAHAN NEGERI DAN RIWAYAT HIDUP TOKOH DALAM BENTUK SYAIR	29
■ BAB 4	RIWAYAT HIDUP DALAM BENTUK PROSA: 1800–1930	38
■ BAB 5	RIWAYAT HIDUP DALAM BENTUK PROSA: 1930–1960	47
■ BAB 6	PENSEJARAHAN KEAGAMAAN: RIWAYAT HIDUP PARA NABI DAN RASUL	54
■ BAB 7	PENSEJARAHAN KEAGAMAAN: RIWAYAT HIDUP TOKOH, ULAMA DAN BEBERAPA KERAJAAN ISLAM	63
■ BAB 8	PENSEJARAHAN SOSIOPOLITIK DAN EKONOMI: 1800–1940	77

■ BAB 9	PENSEJARAHAN SOSIOPOLITIK DAN EKONOMI: 1940-1960	90
■ BAB 10	PENSEJARAHAN PEPERANGAN	103
■ BAB 11	KARYA PENSEJARAHAN BERBENTUK BUDAYA ATAU TAMADUN	114
■ BAB 12	KARYA-KARYA PENSEJARAHAN YANG LAIN	126
■ BAB 13	PENSEJARAHAN MELAYU DALAM AKHBAR DAN MAJALAH: 1900-1920	134
■ BAB 14	PENSEJARAHAN MELAYU DALAM AKHBAR DAN MAJALAH: 1920-1960	149
<i>Kesimpulan</i>		163
<i>Lampiran I</i>		171
<i>Lampiran II</i>		181
<i>Bibliografi</i>		185
<i>Indeks</i>		191

PRAKATA

Setakat ini sangat sedikit usaha yang telah dilakukan untuk mengkaji pensejarahan Melayu dari sudut klasifikasi dan tertib tarikh perkembangannya. Kekurangan dari sudut ilmu sejarah itu sendiri juga sangat dirasakan. Hal ini ditimbulkan kerana dipercayai bahawa jumlah karya pensejarahan Melayu yang telah dihasilkan sejak sekian lama dahulu bukanlah sedikit. Dalam kajian awal untuk tempoh antara tahun 1800 hingga tahun 1960 ini sahaja sudah terdapat lebih daripada 160 buah hasil karya penulisan yang boleh diklasifikasikan sebagai berbentuk pensejarahan. Jumlah ini hanya terdiri daripada karya yang telah diterbitkan sahaja. Bagaimanakah pula hasil penulisan yang masih dalam bentuk manuskrip yang masih terpendam di dalam pelbagai tempat simpan di seluruh dunia? Pada tahun 1993, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur sahaja dilaporkan telah memperoleh lebih daripada seribu naskhah manuskrip yang masih belum dipastikan bidangnya. Kemungkinan besar tentu ada juga antara naskhah tersebut yang berupa karya pensejarahan yang menarik untuk dikaji.

Dalam pada itu, akhbar dan majalah Melayu khususnya sejak awal abad ke-20 ini juga didapati telah menyiarkan penulisan yang berbentuk pensejarahan itu. Sungguhpun penulisan pensejarahan di dalam media tersebut tidaklah begitu bersifat ilmiah, namun ada pula antaranya sangat berguna dan bererti bagi melihat perkembangan pensejarahan Melayu dan kesedaran masyarakat Melayu terhadap kepentingan sejarah.

Dengan latar belakang yang demikian itu, maka usaha awal yang dipersembahkan di sini hanyalah menjadi penambah kepada usaha yang telah pernah diwujudkan dan menjadi penggerak bagi usaha yang seterusnya. Hakikatnya pensejarahan Melayu ialah suatu bidang yang

harus dikaji terus-menerus sehingga dapat ditentukan dengan jelas pelbagai persoalan yang berkait rapat dengannya.

Sebagai kajian awal, sudah pasti penerbitan ini mempunyai pelbagai kelemahan. Oleh sebab itu pandangan serta kritikan yang membina sangat dialu-alukan kerana itu mungkin boleh dijadikan panduan bagi menghasilkan karya yang lebih luas dan mendalam pada masa yang akan datang. Dengan demikian, kefahaman serta pengetahuan kita tentangnya akan terus meningkat dari satu tahap ke satu tahap yang lebih baik, sesuai dengan perkembangan masyarakat kita yang semakin maju ini.

**Prof. Madya Muhd. Yusof Ibrahim,
Jabatan Sejarah,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Bangi,
Selangor Darul Ehsan,
Julai 1994.**

PENDAHULUAN

Kajian ini cuba untuk mengesan bentuk dan perkembangan pensejarahan Melayu pada tempoh antara tahun 1800 hingga tahun 1950-an. Percubaan ini dilakukan kerana belum banyak kajian dilakukan terhadap pensejarahan itu dari sudut perspektif yang sewajarnya ia dihasilkan, iaitu perspektif sejarah. Kebanyakan kajian yang dilakukan setakat ini adalah dari perspektif kesusasteraan sahaja dan tertumpu pula kepada kajian yang terperinci terhadap sesebuah karya pensejarahan terutamanya pensejarahan negeri tertentu. Oleh sebab itu, adalah dirasakan bahawa pensejarahan Melayu harus juga dikaji dari sudut sejarah dan karya-karya yang tidak berupa pensejarahan negeri diketengahkan sekurang-kurangnya untuk melihat kelainan dalam penghasilan pensejarahan Melayu itu.

Walau bagaimanapun, sebagai kajian awalan, tumpuan kajian adalah terhadap karya pensejarahan yang telah diterbitkan pada tahun 1800 hingga tahun 1950-an, iaitu penerbitan yang berbentuk buku dan juga makalah pensejarahan yang dimuatkan dalam akhbar/majalah sekitar tahun 1900 hingga tahun 1950-an. Tujuan utama kajian ini ialah melihat bentuk dan perkembangan pensejarahan Melayu itu dari pelbagai sudut yang lazim bagi karya-karya yang berbentuk pensejarahan termasuklah dari segi klasifikasinya. Walau bagaimanapun, kajian awal ini tidaklah bertujuan untuk melakukan perbandingan di antara klasifikasi itu, iaitu sama ada dari segi nilai sejarahnya mahupun dari segi kandungannya. Jika ada dilakukan perbandingan, maka itu hanya secara kebetulan dan merupakan kenyataan sepintas lalu sahaja.

Kajian ini diharapkan dapat mengemukakan beberapa pandangan yang bermakna bagi pensejarahan Melayu. Pandangan ini selain berkaitan dengan bentuk dan perkembangannya, ia berkait dengan nilai

sejarahnya, kesedaran terhadap takrif dan kepentingan sejarah dan kemunculan serta perkembangan pensejarahan Melayu moden. Pandangan-pandangan ini adalah penting kerana bukan sahaja ia dapat memberi gambaran yang jelas terhadap pensejarahan Melayu, tetapi ia akan menampakkan pula asas serta arus perkembangannya. Dengan demikian, adalah diharapkan juga agar pemahaman terhadap pensejarahan Melayu dari perspektif ilmu sejarah dapat dipertingkatkan. Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat memberi sumbangan bagi menempatkan pensejarahan Melayu pada kedudukan yang sewajarnya dalam arus perkembangan ilmu kemasyarakatan dan kemanusiaan di tanah air kita dan sekali gus memberi penghargaan dan penilaian yang setimpal terhadap sejarawan yang telah menyumbang ke arah perkembangan tersebut. Sesungguhnya sehingga kini sejarawan dan pensejarahan Melayu boleh dikatakan satu bidang kajian yang telah diabaikan. Kajian ini juga bertujuan menyumbang bagi memperbanyakkan serta memperluaskan kajian yang lebih mendalam tentang bidang persejarahan.

Dalam pada itu, kajian ini tidaklah pula bertujuan untuk melanjutkan lantas mengusutkan lagi tengkarah yang berterusan di sekitar takrif dan pengertian pensejarahan Melayu. Ini kerana kita sedia maklum bahawa terdapat sejumlah penulisan yang memuatkan perkara tersebut, sama ada yang dihasilkan oleh para orientalis mahupun pengkaji tempatan.¹ Walaupun penulisan mereka itu masih lagi boleh diberi komentar yang barangkali akan dapat memantapkan lagi pemahaman dan pengertian terhadap pensejarahan Melayu, tetapi ini bukanlah menjadi tujuan utama kajian ini. Seperti yang telah dinyatakan lebih awal tadi, kajian ini hanya melihat bentuk dan perkembangan pensejarahan Melayu pada

1 Antara penerbitan mutakhir yang banyak memuatkan perbincangan tentang perkara tersebut ialah *Hikayat Banjar* oleh J.J. Ras. Kajian asal hikayat ini berjudul *Hikayat Banjar*, oleh Johannes Jacobus Ras. 1968, ditulis dalam bahasa Inggeris, The Hague: Martinus Nijhoff. Buku ini telah diterjemahkan oleh Siti Hawa Salleh 1990, *Hikayat Banjar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Lihat terutamanya bahagian "Pengenalan" hlm. 14-21, yang memuatkan pelbagai pandangan beberapa sarjana khususnya tentang beberapa naskhah pensejarahan Melayu dan umumnya tentang pensejarahan Melayu itu sendiri. Selain itu, terdapat juga pelbagai makalah dan kajian yang ditulis dalam bahasa Melayu yang sesetengahnya telah dihimpun menjadi sebuah penerbitan dan sesetengahnya masih dalam bentuk asal. Lihat misalnya, Zahrah Ibrahim 1986, *Sastera Sejarah: Interpretasi dan Penilaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka; Ali Ahmad 1987, *Karya-karya Sastera Bercorak Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka; lihat juga Siti Hawa Salleh 1987, *Cendekia: Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

tahun 1800 hingga tahun 1950-an terutamanya dengan berdasarkan karya-karya pensejarahan yang telah diterbitkan pada tempoh tersebut. Penerbitan itu termasuklah juga makalah Melayu terutamanya yang diterbitkan selepas tahun 1900. Terbitan dalam akhbar/majalah itu memang mempunyai keistimewaannya sendiri dalam perkembangan pensejarahan Melayu. Oleh itu, ia dianggap penting dan perlu ditinjau dengan sewajarnya.²

Repositori

Bahan-bahan yang digunakan dalam kajian ini, sebahagian besarnya didapati daripada repositori di Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (Bangi); Perpustakaan Universiti Malaya, Lembah Pantai (Kuala Lumpur); Perpustakaan Negara Malaysia (Kuala Lumpur); Arkib Negara Malaysia (Kuala Lumpur) dan cawangannya (Johor Bahru, Terengganu dan Kedah) dan juga Perpustakaan British (British Library) khasnya bahagian Oriental Collections, yang pada ketika itu terletak di No. 14, Store Street (London). Dari repositori tersebut, kira-kira sejumlah 160 buah penerbitan telah dapat dilihat dan diambil kira sebagai hasil pensejarahan Melayu dalam berbagai-bagai bentuk dan jenis. Dari segi akhbar/majalah pula, Roff mencatatkan sejumlah 173 telah diterbitkan pada tahun 1900–1941.³ Dari jumlah itu,

2 Satu kajian awal tentang perkara ini telah dilakukan oleh penulis dengan judul, "Akhbar dan Majalah Ditinjau Dari Sudut Pensejarahan Melayu," dalam *Akhbar dan Majalah Malaysia: Sejarah dan Perkembangan*, santingan Mohd. Sarim Hj. Mustajab dli., 1988, Bangi: Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 17–28. Lihat juga Khoo Kay Kim 1979. "Local Historians and The Writing of Malaysian History in The Twentieth Century" dlm. Anthony Reid dan David Marr (ed.) 1979, *Perceptions of the Past in Southeast Asia*, disunting oleh Anthony Reid David Marr: Asian Studies Association of Australia, Southeast Asia Publication Series, Singapura; Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., hlm. 303–304.

3 Lihat W.R. Roff 1972. *Bibliography of Malay and Arabic Periodicals Published in the Straits Settlements and Peninsular Malay States; 1876–1941*, London: Oxford University Press, hlm. 1; tetapi daripada 173 akhbar/majalah itu, hanya 162 sahaja dalam bahasa Melayu; dalam bahasa Inggeris yang diterbitkan untuk orang Melayu dan tiga diterbitkan sebahagian dalam bahasa Inggeris dan sebahagian dalam bahasa Melayu (satu daripadanya ditulis sebahagiannya dalam bahasa Tamil). Lihat juga A.M. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu (1876–1968)*, hlm. viii, beliau mengatakan terdapat sekurang-kurangnya 157 akhbar/majalah Melayu yang telah diterbitkan. Lihat juga, Muhammad bin Datuk Muda, *Tarikh Suratkhbar*, Bukit Mertajam: Matbaah al-Zaimiah, yang memuatkan sejumlah 129 akhbar/majalah Melayu

tidaklah semuanya pula didapati mengandungi makalah pensejarahan. Tetapi dianggarkan bahawa sejumlah besarnya memuatkan makalah demikian. Kajian ini hanya sempat meninjau sebanyak lebih kurang 90 buah akhbar/majalah yang telah diterbitkan antara tahun 1900-1960 yang didapati mengandungi makalah yang berbentuk pensejarahan itu.

Kesedaran Sejarah

Dari satu segi, jumlah itu sudah tentulah menggambarkan adanya kesedaran sejarah dalam masyarakat Melayu pada jangka masa itu. Penelitian terhadap beberapa buah daripadanya pula menampakkan wujudnya kesedaran sejarah yang tinggi sama ada dari sudut yang fungsional mahupun yang objektif.⁴ Dari sudut yang fungsional, kesedaran sejarah itu biasanya tergambar dalam karya pensejarahan yang menekankan kepentingan sejarah itu sebagai iktibar, yakni yang akan memberi faedah sama ada kepada masyarakat semasa mahupun zuriat yang akan datang.⁵ Justeru itu, cara penghuraiannya kerap berasaskan konsep pengajaran, yang disampaikan secara berkhutbah dan diselang-selikan pula dengan perbuahan yang bertujuan menimbulkan kesan yang mendalam serta keyakinan terhadap iktibar yang akan diperolehi. Secara amnya, iktibar yang dimaksudkan ialah sesuatu pengajaran ataupun teladan daripada sesuatu peristiwa sejarah yang dituliskan itu. Matlamatnya pula di samping bertujuan untuk menyedarkan masyarakat tentang budaya dan warisannya, adalah untuk memperbaiki, mengekalkan dan memperkukuhkan malah mewariskan unsur budaya dan warisan yang perlu dilakukan demikian. Selain itu, ia juga bertujuan menyedarkan masyarakat tentang perkembangan yang berlaku di sekeliling mereka sama ada yang berbentuk sosial, politik, ekonomi mahupun agama dengan harapan agar anggota masyarakat ini berwaspada serta bersedia menghadapi cabaran yang dibawanya.

yang telah diterbitkan pada tempoh tersebut, Muhammad bin Datuk Muda 1938, "Tarikh Akhbar-akhbar dan Majalah-majalah Melayu keharan Semenanjung Tanah Melayu" dalam *Majalah Guru*, xv, 10, hlm. 361-408 yang memuatkan sejumlah 111 akhbar dan majalah.

4 Bagi perbincangan tentang kesedaran sejarah ini, sila lihat Muhd. Yusof Ibrahim 1992, "Kesedaran Sejarah: Satu Tinjauan Umum Terhadap Pengertian, Fungsi dan Perkembangannya di Dalam Masyarakat Melayu", kertas kerja yang telah dibentangkan dalam Seminar Sejarah Malaysia Moden; anjuran Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 21-22 Disember.

5 Lihat misalnya A. Samad Ahmad (ed.) 1979, *Sulalatus Salatin* (Sejarah Melayu). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 3.

PENDAHULUAN

Kesedaran sejarah dari sudut yang objektif pula menggambarkan hasrat seseorang sejarawan itu menghasilkan satu karya pensejarahan yang boleh dipertanggungjawabkan pensejarahannya. Raja Ali Haji misalnya, yang antaranya telah menghasilkan *Tuhfat-al-Nafis* pada tahun 1865, berhasrat untuk menulis sebuah karya pensejarahan yang "sempurna" dengan tujuan "supaya terpakai".⁶ Muhammad bin Haniff, dalam karyanya yang berjudul *Bangsa Cina* (1950) berharap dapat menghasilkan buku yang "tidak mengangkat merendahkan sebarang pihak, melainkan menghidangkan sahaja ilmu pengetahuan yang difikirkan berguna."⁷ Kesedaran yang berfungsional itulah yang lebih ditekankan dan secara amnya seolah-olah telah menjadi satu ciri yang tetap ditemui dalam hampir setiap karya pensejarahan yang dihasilkan dalam jangka waktu kajian.⁸ Malah dalam karya-karya pensejarahan Melayu yang dianggap mutakhir, kita dapat melihat betapa fungsi yang demikian itu masih tetap dinyatakan dengan jelas.⁹

6 Raja Ali Haji 1932. *Tuhfat al-Nafis. Sejarah Melayu dan Bugis*. Teks ini dirumikan oleh Munis bin Ali daripada naskhah Jawi terbitan JMBRAS, Jil. X, Bahagian II, (Singapore: Malaysia Publications Ltd., 1965, hlm. 1 dan 379).

7 Muhammad bin Haniff 1950. *Bangsa Cina*. Pulau Pinang: The United Press, "Pendahuluan", terbitan ini dalam tulisan Jawi.

8 Dalam *Hikayat Johor* (1911) karangan Hj. Muhammad Said Sulaiman dinyatakan bahawa karya itu dikarang berdasarkan ingatan dan kenyataan serta bahan-bahan lain yang diperolehi daripada buku-buku yang tercetak yang demikian boleh memberi kepuasan hati kepada yang membacanya. Lihat bahagian "Pengenalan". Lihat juga sebuah karya terjemahan oleh R.D. Pringle, *Kisah Hidup Sir Stamford Raffles*. Singapura: Methodist Publishing House, "Pendahuluan", yang mengatakan, "Buku ini untuk mengetahui kisahnya [Raffles] ... supaya kita sekalian menghormati mereka itu." Lihat juga sebuah buku sejarah politik oleh Abdullah Thani bin Raja Kecil, 1938. *Pusat Kekuasaan Inggeris di dalam Laut Mediterranean*. Ipoh: Malay Press, "Pendahuluan" yang mengatakan, "saya usahakan mengarang buku ini dengan harapan moga-moga pemuda-pemuda bangsa Melayu dapat mengahai satu-satu dasar siasah kerajaan Inggeris yang pintar cerdik dan penaung kita yang maha adil itu adanya." Lihat juga Abdullah Hj. Musa Lubis, t.t. [1959?], *Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang*. Singapura: Qalam. Kata Pengantar yang antaranya menyatakan "... kita telah sedia faham sesungguhnya pelajaran sejarah itu adalah suatu jenis pelajaran yang mustahak bagi sesuatu bangsa ... kerana dengan pelajaran sejarah mungkin dapat mengubah jiwa manusia yang berbagai anika rupa kepada suatu bentuk yang disesuaikan oleh alam masyarakat."

9 Lihat juga misalnya, Kluw Kay Kim 1984. *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat, 1850-1873; Kesan Perkembangan Dagang Terhadap Politik Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. "Kata Pengantar" hlm. vi yang menyatakan, "mudah-mudahan buku ini akan memberi kesedaran kepada pemuntut sejarah bahawa untuk mencari kebenaran kerajinan adalah satu sifat mustahak." Ataupun lihat Muhd. Yusof

Bentuk dan Jenis/Klasifikasi

Hal ini sebenarnya menyeret kita kepada persoalan tentang bentuk dan jenis pensejarahan Melayu. Bukan sahaja bentuk dan jenisnya itu perlu dibincangkan dari sudut perkembangannya, tetapi juga dari sudut klasifikasi ataupun pembahagiannya. Pada umumnya, bentuk karya-karya pensejarahan Melayu pada jangka waktu kajian ini, adalah terdiri daripada yang berbentuk prosa dan puisi, khususnya yang berbentuk syair. Jenis ataupun klasifikasinya pula bolehlah dibahagikan seperti berikut:

- i. Pensejarahan negeri-negeri yang terdiri daripada babad bagi sesebuah negeri ataupun salasilah jurai keturunan raja-raja dan pembesar-pembesar utamanya. Selain itu, kerja tersebut membincangkan tentang perkembangan sesebuah negara itu.
- ii. Biografi atau riwayat hidup – kebanyakannya tentang tokoh-tokoh tempatan.
- iii. Pensejarahan keagamaan – khususnya yang berkenaan dengan tokoh-tokoh, negara atau kerajaan Islam dan peristiwa bersejarah yang berkaitan dengannya.
- iv. Pensejarahan sosiopolitik dan ekonomi.
- v. Pensejarahan peperangan.
- vi. Karya pensejarahan berbentuk budaya atau tamadun.
- vii. Lain-lain – khususnya terjemahan dan catatan perjalanan atau lawatan.

Jenis atau klasifikasi ini bukanlah sesuatu yang muktamad. Ia boleh diklasifikasikan mengikut cara lain; misalnya, mengikut bentuk ia dihasilkan, iaitu prosa dan syair. Selain itu, klasifikasi boleh dibuat mengikut jenis penulisannya; misalnya, babad, salasilah, catatan, dokumentari, titah-perintah, laporan, karya popular dan penulisan objektif. Malahan boleh juga ia dikelaskan mengikut pengertian dan hasil penganalisisan terhadap misalnya, pensejarahan tradisi, pensejarahan moden, pensejarahan popular, pensejarahan Islam dan sebagainya. Oleh sebab itu, susunan di atas itu hanyalah satu bentuk klasifikasi sahaja dengan

Ibrahim dan Mahayudin Hj. Yahaya 1988. *Sejarawan dan Pensejarahan: Ketokohan dan Karya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. "Prakata", hlm. xii yang mengatakan, "... apa yang kami muatkan dalam buku ini, moga-moga akan dapat menambahkan minat ... serta mengekalkan kesedaran tentang betapa pentingnya sejarah itu dipelajari secara berterusan."

harapan karya-karya dan penulisan tersebut dapat dibicarakan dengan lebih teratur dan wajar.

Perkembangan dan Persoalan

Sementelah itu, perkembangan penulisan itu juga sangat menarik perhatian kita. R.O. Winstedt mengatakan bahawa Semenanjung Tanah Melayu sangat kaya dalam bidang penulisan sejarah.¹⁰ Sungguhpun pernyataan beliau itu lebih merujuk pensejarahan tradisi, tetapi perkembangannya, setelah karya-karya yang boleh dianggap bercorak moden mula dihasilkan, tidaklah pula menampakkan kekurangan, malah menampakkan pertambahan yang tinggi; apatah lagi jika diambil kira makalah pensejarahan yang dimuatkan dalam akhbar/majalah Melayu, terutama sejak awal abad ini hingga dekad 1950-an.

Kajian tentang perkembangan penulisan karya sejarah ini akan memerlukan kita meninjau pula tentang beberapa persoalan yang berkaitan dengannya. Misalnya, bilakah pensejarahan Melayu tradisi itu berakhir dan bilakah penulisan yang moden itu bermula? Bagaimanakah caranya sesebuah karya itu diklasifikasikan? Mengikut ciri-ciri atau mengikut waktu/zaman ia dihasilkan? Apakah ciri-ciri pensejarahan Melayu tradisi dan pensejarahan Melayu moden? Bagaimanakah tahap perkembangannya dari keadaan yang tradisional kepada yang moden? Apakah ia berkembang secara konsisten atau terputus-putus? Bukanlah mudah untuk menyelesaikan persoalan tersebut; namun demikian, jawapannya akan dapat memberikan gambaran tentang perkembangan pensejarahan Melayu pada jangka waktu kajian ini. Sementara itu, kita akan membicarakan jenis atau klasifikasinya seperti yang telah dinyatakan.

10 R.O. Winstedt 1977, *A History of Classical Malay Literature*. Petaling Jaya, Selangor: Oxford University Press, hlm. 155.



PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat saya menghasilkan sebuah buku tentang pensejarahan Melayu ini. Karya ini sebenarnya dipadankan daripada laporan penyelidikan awal saya tentang perkara yang sama. Justeru itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor yang telah meluluskan sejumlah peruntukan yang mencukupi bagi membiayai penyelidikan (UKM KOD 44/90) yang berkenaan sempena cuti sabbatical saya dari 1 April 1990 hingga 31 Disember 1990.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang terhingga kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, kerana menerbitkan karya saya ini. Ribuan terima kasih juga ingin saya sampaikan kepada individu dan pertubuhan/institusi yang telah membantu saya dalam melaksanakan penyelidikan, menyiapkan laporan dan seterusnya menghasilkan penulisan ini. Antaranya ialah Puan Rohani binti Abdul Ghani yang telah membantu penyelidikan saya di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur; Perpustakaan Universiti Malaya; Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka dan Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur. Terima kasih juga kepada kakitangan Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi terutama cawangannya di IBKKM (kini ATMA); ketua dan kakitangan am; Arkib Negara Malaysia Cawangan Selatan (Johor Bahru) dan Terengganu; kakitangan Pejabat Am, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi dan kakitangan Pejabat Oriental Collection, British Muzeum, London, terutamanya Cik Annabela Teh Gallap, Kurator Koleksi Melayu dan Indonesia, dan seterusnya kepada Puan Roselyn, Puan Zainabun dan Puan Salimah yang telah sudi menaip dan menaip semula penulisan saya ini. Tidak lupa juga ingin

saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada editor Dewan Bahasa dan Pustaka yang bertanggungjawab serta menguruskan penerbitan karya ini, iaitu Puan Hajah Rahimah Harun, Encik Abd. Karim Abu Bakar dan Encik Baharin Aiyob. Hanya Allah S.W.T. yang dapat membalas jasa mereka. Apa yang lemah dan kurang di dalam karya ini tidaklah tertanggung kepada sesiapa melainkan diri saya jua.

Terima kasih.

Prof. Madya Muhd. Yusof Ibrahim,
Jabatan Sejarah,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

BAB 1

PENSEJARAHAN NEGERI DAN JURAI KETURUNAN: 1800-1930

Istilah Pensejarahan Berunsur Kesusasteraan

Daripada sejumlah karya yang telah dapat ditinjau, pensejarahan Melayu berupa pensejarahan negeri dan jurai keturunan ini memang kerap ditemui, sama ada dalam bentuk tradisi ataupun sudah boleh dianggap bercorak moden. Pensejarahan inilah, terutamanya yang berbentuk tradisi, yang banyak mendapat perhatian para pengkaji terutamanya untuk melakukan kajian secara mikro khususnya dari sudut ilmu kesusasteraan, bahasa dan kebudayaan.¹ Istilah popular yang digunakan oleh se-setengah pengkaji bagi merujuk kepada karya pensejarahan tradisional itu secara amnya ialah "sastera sejarah", iaitu sebagai melambangkan sudut kajian mereka terhadap karya-karya itu dan juga sebagai menandakan bahawa karya-karya tersebut adalah karya sastera yang berunsur sejarah.² Jika ditinjau dari sudut kajian sejarah, sudah tentulah

1. Lihat misalnya Ismail Hussein 1962. "Hikayat Negeri Johor: Satu Penyelenggaraan Teks." Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Lihat juga Ismail Hussein (ed.), "Hikayat Johor", *JMBRAS*, Reprint No. 6, Kuala Lumpur. Lihat juga Haron Daud 1989, *Sejarah Melayu: Satu Kajian Daripada Aspek Pensejarahan Budaya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Ini adalah sebuah karya yang penting kerana setakat ini, kajian ini cuba melihat *Sejarah Melayu* dari sudut sejarah kebudayaan dan mendekatinya melalui kaedah sejarah dan bukan kesusasteraan.
2. Lihat misalnya Zahrah Ibrahim, *Sastera Sejarah: Interpretasi dan Penilaian*, "Penganntar" hlm. v dan vi-xvii. Lihat juga Ali Ahmad, *Karya-karya Sastera Bercorak Sejarah*, hlm. 7-19. Lihat juga Mohammed Khalid Taib 1981, "Sastera Sejarah in the Malay World: A Structural and Contextual Study of Folkloristic Elements in A Transitional Genre." Disertasi yang diserahkan kepada Graduate School, Universiti Indiana, Amerika sebagai sebahagian daripada syarat keperluan bagi Ijazah Doktor Falsafah, 1981. Lihat misalnya, hlm. 2-22.

istilah tersebut akan mengelirukan, kerana ia tidak menampakkan satu pengertian yang jelas; apakah ia satu dokumen, catatan, laporan ataupun penulisan sejarah? Barangkali kecenderungan untuk menggunakan istilah ini terhadap karya pensejarahan itu timbul kerana wujudnya unsur kesusasteraan dalam karya-karya tersebut. Selain itu, ia juga disebabkan kuatnya dorongan dan meluasnya kegemaran dan penerimaan terhadap ilmu kesusasteraan itu sendiri, terutamanya di Malaysia sejak tahun 1920-an lagi. Walhal pada hakikatnya, karya-karya tersebut merupakan karya pensejarahan yang sebenarnya dan adalah wajar jika ia dinamakan sebagai "karya sejarah yang berunsur kesusasteraan".

Selain beberapa buah karya pensejarahan Melayu yang telah terdapat pada abad ke-14 hingga ke-17 Masihi, maka antara yang paling awal yang terletak di ambang lingkungan kajian ini ialah *Misa Melayu*, karangan Raja Chulan.³ Karya ini merupakan catatan sejarah yang penting bagi negeri Perak dari tahun 1742 hingga tahun 1778, iaitu bermula dari pemerintahan Sultan Jalilullah (?-?) hinggalah awal pemerintahan Sultan Alauddin Mansur Syah (1778-1786).⁴ Walau bagaimanapun, sebahagian besar daripadanya adalah terdiri daripada peristiwa yang dianggap penting oleh pengarangnya yang berlaku semasa pemerintahan Sultan Iskandar Zulkarnain yang bertakhta selama empat belas tahun. Peristiwa-peristiwa itu termasuklah kegiatan dan pergolakan politik istana kerabat diraja Perak, kegiatan sosial adat istiadat, keagamaan dan ekonomi.⁵ Karya ini dapat menggambarkan kepada kita keadaan negeri

3 Raja Chulan ibni Raja Hamad ibni Yang Dipertuan Muda, Sultan Mansur [Mahmud ?] Syah (Marhum Pulau Tiga, +1627? -1630?). Beliau telah dianugerahi gelaran Raja Kecil Besar oleh Sultan Muzaffar Syah III (1728-1756) dan beliau telah mengiringi keberangkatan Sultan Iskandar Zulkarnain (1756-1770) menyusur Sungai Perak di sepanjang pantainya hinggalah ke Matang. Beliau juga adalah seorang penyair yang ulung pada ketika itu, malah hampir separuh daripada *Misa Melayu* itu adalah dalam bentuk syair. William Maxwell mengatakan bahawa beliau telah mati dibunuh oleh seorang suami yang ingin menuntut bela, tetapi kemudiannya Winstedt, melalui maklumat daripada Raja Chulan ibni Sultan Abdulfah mengatakan itu tidaklah benar. Beliau telah meninggal dunia kerana keuzuran, iaitu pada ketika beliau menyandang jawatan Raja Muda. Lihat misalnya, Raja Chulan 1966, *Misa Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, Cetakan Keempat, hlm. 3 dan 195 yang memuatkan pandangan William Maxwell dan maklumat Raja Chulan itu sendiri. Lihat juga W.E. Maxwell 1871, "Notes on Two Perak Manuscripts", *JSBRAS*, No. 2 DAC yang telah diterbitkan semula dalam R.O. Winstedt 1974, "A History of Perak", *JMBRAS*, No. 3, Kuala Lumpur: Percetakan Mas Sdn. Bhd., hlm. 185-186.

4 Lihat R.O. Winstedt 1977, *A History of Classical Malay Literature*, hlm. 162.

5 Bagi ringkasan isi kandungan yang lebih lengkap lagi, sila lihat Raja Chulan, *Misa Melayu*, hlm. 6-19. Lihat juga Ali Ahmad 1987, *Karya-karya Sastera Bercorak Se-*

Perak semasa karya tersebut dihasilkan, terutamanya tentang kegiatan kerabat diraja dan juga pemerintahan serta pentadbiran negeri.

Selain *Misa Melayu*, Perak juga didapati mempunyai sebuah salasilah raja-rajanya, iaitu seperti yang dinyatakan oleh William Maxwell dalam makalahnya yang berjudul "Notes on Two Perak Manuscripts" dan "The History of Perak from Native Sources".⁶ Karya yang berjudul *Salasilah Perak* itu tidaklah diketahui siapakah sejarawannya. Walau bagaimanapun, menurut Maxwell lagi, kemungkinan besar karya itu ditulis atas perintah salah seorang Bendahara negeri tersebut dan beliau telah mendapat manuskrip itu daripada Raja Osman, Bendahara Perak yang terakhir pada ketika itu.⁷ Manuskrip setebal 72 halaman itu tidaklah dapat diketahui tarikh ia ditulis. Ia merupakan satu salasilah raja-raja Perak yang beragama Islam, iaitu bermula dari Sultan Muzaffar Syah (keturunan Sultan Mahmud Syah - Melaka) hinggalah kepada Sultan Mahmud Syah, yakni dari kira-kira tahun 1528-1770-an.⁸ Jumlah jurai keturunan raja-raja Perak yang dimuatkan dalam jangka masa itu ialah seramai dua belas orang, tetapi pengarangnya tidak menyatakan tempoh pemerintahan bagi setiap sultan, iaitu satu perkiraan yang rambang sahaja.⁹ Manuskrip ini juga mencatatkan kedua-dua serangan Aceh terhadap Perak (tahun 1573 dan tahun 1619) dan juga serangan orang Bugis yang berlaku pada tahun 1740-an dan 1770-an.¹⁰

jarah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 178-186. Lihat juga Santusi Samid 1967, "Misa Melayu: Nilai Sejarahnya" dalam *Dewan Bahasa*, Jil XI, BVil. 6, (Jun), hlm. 257-262. Lihat juga Winstedt 1963, "Malay Chronicles From Sumatra and Malaya", dalam *Historians of Southeast Asia*, disunting oleh D.G.E. Hall, London: Oxford University Press, hlm. 26.

6 Dalam "Notes on Two Perak Manuscripts" juga Maxwell telah memuatkan catatan Leyden yang mengatakan memang banyak terdapat karya pensejarahan Melayu; antaranya ialah *Hikayat Raja Bongas* yang merupakan satu salasilah raja-raja Melayu; *Hikayat Melaka* yang mengisahkan pembukaan Melaka oleh seorang pendatang dari Jawa [Sumatera/Srivijaya?], kedatangan orang Portugis dan pertempuran orang Melayu dengan askar Portugis yang dipimpin oleh Albuquerque dan yang lain-lain; *Hikayat Piteajava-Putti*, iaitu sejarah tentang seorang Raja Melaka purba; *Hikayat Asli* atau Aceh dan *Hikayat Hang Tuha [Tuah]*. Lihat "Notes on Two Perak Manuscripts" hlm. 182.

7 W.E. Maxwell, "Notes on Two Peak Manuscripts", hlm. 185.

8 *Ibid.*, hlm. 182 dan 184. Lihat juga Haji Buyong Adil 1981, *Sejarah Perak*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 6 dan 38 bagi tarikh kedua-dua sultan yang berkenaan.

9 W.E. Maxwell, "Notes on Two Perak Manuscripts", hlm. 184.

10 *Ibid.*, Maxwell telah menterjemah bahagian awal Salasilah ini. Lihat "The History of Perak From Native Sources", hlm. 202-215.

Sebuah lagi karya pensejarahan tradisi dalam kategori sejarah negeri-negeri ini ialah naskhah yang secara amnya dikenali sebagai *Hikayat Merong Mahawangsa*. Naskhah ini tidak mencatatkan tarikh yang tepat bila ia mula ditulis mahupun disiapkan, melainkan tarikh karya ini telah selesai disalin semula, iaitu pada 2 Rejab 1316, bersamaan 16 November 1898.¹¹ Oleh sebab itu, ada para pengkaji yang cuba menetapkan satu jangka masa yang umum bagi penghasilan naskhah asal karya ini.¹² Di samping itu, karya ini juga mempunyai beberapa salinannya. Siti Hawa Salleh khususnya telah menyenaraikan sebanyak enam salinan manuskrip yang telah dapat dikesan oleh beliau setakat itu (tahun 1966).¹³ Kira-kira dua tahun kemudian, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan satu kajian naskhah pensejarahan itu yang didasarkan pada satu naskhah kepunyaan Muzium Kedah.¹⁴

Walaupun *Hikayat Merong Mahawangsa* telah dikritik oleh tokoh-tokoh pengkaji kesusasteraan Melayu, terutamanya dari sudut kesejarahannya, namun ia tetap merupakan sebuah hasil karya pensejarahan Melayu tradisi dengan ciri-cirinya yang tradisi itu pula.¹⁵ Misalnya, ia di-

- 11 Bagi salinan naskhah R.J. Wilkinson dan Muzium Kedah misalnya, ia telah disalin oleh Muhammad Yusuf bin Nasru'din. Lihat Siti Hawa Salleh 1970. *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, hlm. XV. Lihat juga Dzulkifli Mohd. Salleh 1973. *Hikayat Merong Mahawangsa*. Cetakan keenam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, "Pengenalan", hlm. ix.
- 12 Hooykaas misalnya, menganggap bahawa karya ini telah dihasilkan pada "abad yang kelapan belas". Namun demikian, adalah lebih wajar jika dikatakan bahawa "... orang-orang Melayu telah lama mengenal cerita-cerita yang terkandung dalam hikayat ini. Cerita-cerita ini tersebar secara lisan. Hanya pada akhir abad kelapan belas atau pada abad kesembilan belas barulah cerita ini ditulis." Lihat juga Siti Hawa Salleh. *Hikayat Merong Mahawangsa*, hlm. xliii yang memetik daripada C. Hooykaas dan karyanya yang berjudul *Perintis Sastera*. Lihat juga Dzulkifli Mohd. Salleh. *Hikayat Merong Mahawangsa*, "Pengenalan", hlm. xiii.
- 13 Salinan dan manuskrip tersebut ialah salinan R.J. Wilkinson; A.J. Sturrock; Ms. Maxwell 21; Ms. Van Ronkel yang juga dikenali sebagai *Sjadjarah Negeri Kedah*; Ms. Maxwell 16; naskhah yang diterjemahkan oleh James Low ke dalam bahasa Inggeris; dan *Kesah Raja Merong Mahawangsa* terbitan Pustaka Antara. Lihat Siti Hawa Salleh. *Hikayat Merong Mahawangsa*, "Pendahuluan", hlm. xi.
- 14 Naskhah ini yang juga telah dicatatkan oleh pengkajinya sebagai "... salasilah negeri Kedah Darul Aman", disalin oleh Encik Muhammad Yusuf Nuruddin yang menamatkan usahanya pada 2 Rejab 1316H = 16 November 1898. Naskhah ini kemudiannya dicetak di Pulau Pinang. Usaha menyalin dan mencetak itu adalah atas kehendak R.J. Wilkinson. Pemangku Penyelia Sekolah-sekolah Negeri-Negeri Selat pada ketika itu. Lihat Dzulkifli Mohd. Salleh, *Hikayat Merong Mahawangsa*, "Pengenalan" hlm. ix.
- 15 Antara pengkritik itu ialah Crawford yang mengatakannya sebagai "... dongeng yang

tulis oleh seorang sejarawan yang sentiasa merendahkan dirinya dengan hanya menganggap dirinya sebagai "fakir" dan tidak pula menyatakan namanya. Ia menulis kerana memenuhi suruhan sultannya, iaitu Sultan Mu'adzam Syah, dipercayai Sultan Kedah yang kedua dari jurai keturunannya yang beragama Islam. Tujuannya pula ialah "... supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada ini serta dikurnia dengan sejarahnya".¹⁶ Oleh sebab itu, dari segi tujuan, memanglah ia dihasilkan dengan motif sejarah, yakni mencatatkan peristiwa masa lalu untuk kepentingan zuriat yang akan datang. Malah, penggunaan istilah sejarah di bahagian pencerangan tentang motif itu sedikit sebanyak menggambarkan tentang motif penulisannya. Apakah yang dimuatkan di dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* ini?

Hikayat ini bermula dengan pendudukan Langkasuka yang dipercayai terletak berdekatan Gunung Jerai, oleh Raja Merong Mahawangsa serta pengikutnya setelah angkatan kapalnya untuk membawa Putera Raja Rom berkahwin dengan Puteri Raja Cina diserang dan dimusnahkan oleh burung garuda. Langkasuka telah dijadikan negeri, tetapi semasa pemerintahan puteranya, iaitu Raja Merong Mahapudisat, pusat pemerintahan telah dipindahkan ke Kedah. Selepas perpindahan itu hanya nama Kedah sahaja yang disebutkan, sedangkan Langkasuka tidak disebut lagi.¹⁷ Peristiwa Raja Merong Mahawangsa membuat negeri itu dan perpindahan pusat pemerintahan ke Kedah itu dianggap sebagai permulaan atau pembukaan Langkasuka yang kemudiannya dikenali pula sebagai Kedah. Seterusnya, karya ini memuatkan pula satu jurai keturunan atau salasilah raja-raja Kedah yang bermula daripada Raja Merong Mahawangsa hinggalah Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah [1706?-1710?], iaitu sejumlah tujuh belas keturunan mengikut hikayat

tidak boleh memberikan apa-apa pengetahuan"; R.O. Winstedt yang menganggapnya sebagai "sejarah yang palsu" dan "satu kumpulan cerita-cerita rakyat". C. Hooykaas yang menganggapnya sebagai "satu kumpulan cerita-cerita aneh." Lihat W.E. Maxwell, "Noted on Two Perak Manuscript", hlm. 181, yang memetik pandangan Crawford. Dzulkifli Mohd. Salleh juga memuatkan pandangan R.O. Winstedt, dan C. Hooykaas itu. Lihat juga Siti Hawa Salleh, *Hikayat Merong Mahawangsa*, hlm. xiii-xlv.

16 Tujuan penulisan ini misalnya, dimuatkan dalam naskah Muzium Kedah dan naskah R.J. Wilkinson. Lihat Dzulkifli Mohd. Salleh, *Hikayat Merong Mahawangsa*, "Pengenalan" hlm. xii dan Siti Hawa Salleh, *Hikayat Merong Mahawangsa*, hlm. 1.

17 Lihat Dzulkifli Salleh 1986, "Hikayat Merong Mahawangsa Sebagai Sumber Sejarah" dalam Zahrah Ibrahim (ed.), *Sastera Sejarah: Interpretasi dan Penilaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 170.

ini. Antara keturunan yang memerintah itu termasuklah Raja Ong Maha Perita Deria yang dikenali sebagai Raja Bersiong yang merupakan raja kelima. Tetapi tidaklah pula setiap zaman pemerintahan rajanya diceritakan; malah yang menjadi isi keseluruhan hikayat ini hanyalah melingkungi lapan rajanya sahaja iaitu daripada Raja Merong Mahawangsa hingga Raja Pra' Ong Mahawangsa. Dalam pada itu, raja keenam iaitu yang menggantikan Raja Bersiong, tidak disebutkan namanya; baginda hanya dikenali sebagai "anak Raja Bersiong" sahaja. Rajanya yang kelapan iaitu Raja Pra' Ong Mahawangsa telah memeluk agama Islam dan baginda dianggap sebagai Raja Kedah yang pertama memeluk agama Islam. Baginda kemudiannya menukar nama kepada Sultan Mudzalfah Syah.¹⁸ Setelah itu, pembesar-pembesar dan juga rakyat negeri Kedah turut memeluk agama Islam. Sebenarnya peristiwa pengislaman baginda dan rakyat Kedah itu telah diceritakan dengan panjang lebar, walaupun tarikh-tarikh yang menentukan tempoh berlakunya peristiwa yang sangat penting itu tidaklah dinyatakan.

Selain itu, hikayat ini juga banyak menggambarkan corak masyarakat, sistem pemerintahan dan pentadbiran Melayu zaman tradisi khususnya "seperti yang terdapat di Langkasuka dan Kedah pada abad Masihi kesebelas dan dua belas itu".¹⁹ Keseluruhannya, hikayat ini adalah sebuah karya pensejarahan tradisi yang boleh digunakan sebagai sumber kajian sejarah Kedah, terutamanya pada zaman awalnya, iaitu sebelum negeri itu menerima agama Islam mulai kira-kira tahun 1474.²⁰

Sebenarnya selain *Hikayat Merong Mahawangsa* terdapat tiga buah lagi karya pensejarahan negeri Kedah yang telah dihasilkan dalam jangka masa kajian. Karya-karya tersebut ialah *Silsilah atau Tawarikh*

18 Lihat Dzulkifli Mohd. Salleh, *Hikayat Merong Mahawangsa*, hlm. 147. Tetapi menurut beberapa sumber lain, Raja Kedah yang pertama sekali memeluk agama Islam (melalui Syeikh Abdullah) ialah Seri Paduka Maharaja Derbar Raja dan nama Islam baginda ialah Sultan Muzafar Syah. Lihat Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad 1968, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 26-27. Lihat juga Hj. Buyong Adil 1981, *Sejarah Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 7.

19 Dzulkifli Salleh, *Hikayat Merong Mahawangsa*, hlm. 174. Lihat hlm. 170-176 bagi ringkasan yang menyeluruh bagi hikayat tersebut.

20 Lihat *Ibid.*, hlm. 175-176, yang juga memuatkan beberapa pendapat dan perbincangan tentang kemasukan agama Islam ke negeri Kedah. Bagi karya yang dihimpunkan oleh Wan Mahmud itu, iaitu yang dalam tulisan Jawi sebenarnya ialah *Silsilah atau Tarikh Kerajaan Kedah* dan bukannya *Silsilah atau Tawarikh Kerajaan Kedah*.

Kerajaan Kedah oleh Wan Yahya bin Wan Muhammad Taib (1913); *Al-Tarikh Silsilah Negeri Kedah*, oleh Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad (1928); dan *Peringatan Raja-Raja Kedah*.²¹ Selain *Peringatan Raja-Raja Kedah* yang naskahnya, menurut Siti Hawa Salleh tidak dapat diperoleh, kedua-dua karya tersebut mempunyai isi kandungan yang hampir sama, tetapi *Silsilah atau Tarikh Kerajaan Kedah* itu adalah lebih ringkas.²² Namun, menurut Siti Hawa Salleh lagi, jika dibandingkan dengan *Hikayat Merong Mahawangsa*; kedua-dua naskah itu menunjukkan beberapa perbezaan dari segi isi kandungannya, terutamanya "di bahagian awalnya yang menceritakan bagaimana negeri Kedah dibuka hingga agama Islam mula-mula dibawa ke negeri itu."²³ Di samping itu, terdapat juga perbezaan dari segi jurai keturunan raja-raja Kedah sebelum kedatangan agama Islam.²⁴

Jika dibandingkan pula di antara kedua-dua karya itu, didapati *Silsilah atau Tarikh Kerajaan Kedah* itu, selain lebih ringkas dan padat, mengandungi catatan tarikh yang lebih banyak jumlahnya daripada *Al-Tarikh*. Tarikh-tarikh itu terdiri daripada tahun-tahun Masihi. Boleh dikatakan semua catatan peristiwa yang dianggap penting dinyatakan tarikh berlakunya. Misalnya, Merong Mahawangsa telah membuat negeri di Langkasuka pada tahun 48 Hijrah = tahun 630, Baginda mangkat pada tahun 68 Hijrah = tahun 650 dan Islam telah masuk ke Kedah pada tahun 818 Hijrah = tahun 1400.²⁵ Silsilah ini juga tidak ditulis dengan bahasa dan cara yang lazim bagi sesebuah karya pensejarahan tradisi, seperti *Misa Melayu* atau *Al-Tarikh*. Malah, sekali imbas ia lebih merupakan satu catatan atau dokumentasi ringkas dan padat tentang sejarah Kedah dan semua raja serta pembesarnya dari awal hingga awal abad kedua puluh ini.²⁶

21 Siti Hawa Salleh, *Hikayat Merong Mahawangsa*, hlm. liv.

22 *Ibid.*, hlm. lvii.

23 *Ibid.*, hlm. liv.

24 *Ibid.*

25 Lihat Wan Yahya bin Wan Muhammad Taib 1913 (?), *Silsilah atau Tarikh Kerajaan Kedah*. Matbah Penang and Straits Press, hlm. 3-4; lihat juga keseluruhan karya itu.

26 Selain *Hikayat Merong Mahawangsa* dan *Silsilah atau Tarikh Kerajaan Kedah* itu terdapat beberapa buah lagi karya pensejarahan negeri bagi negeri-negeri di utara di Semenanjung. Sebahagiannya masih dalam bentuk manuskrip tulisan tangan (jawi) dan sebahagiannya pula dihasilkan sebelum tarikh kajian. Misalnya, "Safasilah Perlis" (hlm. 85 dalam simpanan Dewan Bahasa dan Pustaka) masih dalam bentuk tulisan tangan Jawi (21 x 17 cm; 30 hlm.); dan *Hikayat Petani* yang menurut kajian

Sezaman dengan karya-karya yang terkenal seperti *Misa Melayu* dan *Hikayat Merong Mahawangsa* itu ialah *Silsilah Melayu dan Bugis dan Sekalian Raja-Rajanya* yang dikatakan telah disusun dan ditulis semula oleh Raja Ali Haji pada tahun 1865.²⁷ Sebagai sebuah silsilah, karya ini memuatkan jurai keturunan "Raja-raja Riau, Johor dan Selangor ... [dan] dari naskhah inilah dapat disusun salasilah raja-raja Johor dan Selangor yang ada sekarang."²⁸ Jurai keturunan yang dimaksudkan itu ialah daripada pihak Bugis yang berasal dari negeri Luwu, Tanah Bugis. Rajanya yang asal bernama Siti Malangkai yang kononnya berketurunan daripada Puteri Balqis, isteri Nabi Sulaiman A.S. Daripada jurai keturunan raja perempuan inilah, iaitu La Dereng Tello Tenreng, telah lahir Lamaddusalat, raja Luwu yang pertama sekali memeluk agama Islam. Lamaddusalat pula telah beranakan Opu Tendri Burung Daeng Rilaka, bapa kepada lima orang putera Bugis yang terkenal dalam sejarah Alam Melayu ini.²⁹ Sebenarnya ketokohan dan peranan serta kembara politik di Alam Melayu putera Bugis lima bersaudara inilah yang menjadi "tema" utama silsilah ini.³⁰ Perkara lain, misalnya yang

A. Teeuw dan D.K. Wyatt, telah dihasilkan menurut sekitar pertengahan abad kelapan belas.

- 27 Menurut teks kajian Arena Wati, penulis asal karya ini ialah al-fakir Haji Abdullah anak Khairuddin peranakan negeri Juang pada tahun 1282 H. [Tahun 1865]. Raja Ali Haji telah mendapat naskhah asal itu daripada Syed al-Syariff Abdul Rahman ibnu Syed Kasim Sultan Pontianak bin Syed Abdul Rahman al-Kadri. Lihat Raja Ali Haji, 1973, *Silsilah Melayu dan Bugis*, disusun dan dikaji oleh Arena Wati, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara. "Pengantar" hlm. I, hlm. 3, dan hlm. 241. Bagi beberapa versi dan naskhah salasilah ini masih tersimpan, sila lihat *Silsilah Melayu dan Bugis* 1984, diusahakan oleh Mohd. Yusof Md. Nor. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, "Pengantar" yang menyatakan tidak kurang dari sepuluh buah semuannya.
- 28 Raja Ali Haji, *Silsilah Melayu dan Bugis* dikaji dan disusun kembali oleh Arena Wati, "Pengantar" hlm. 8. Namun demikian, teks ini menyatakan, "... inilah silsilah *sirah*, hikayat dan kisah asal raja-raja sebelah Mempawa, dan Pontianak, dan Sambas, dan Riau dan Selangor dan yang termasuk-masukan jadi kerabat setengah atas setengahnya sama ada daripada pihak bapa dan daripada pihak ibu." Lihat hlm. 15.
- 29 Putera yang pertama bernama Daeng Parani; kedua, Daeng Menambun; ketiga, Daeng Merewah; keempat, Daeng Celak dan kelima, Daeng Kamase. Bagi kemasukan dan pengaruh mereka dalam politik Johor-Riau dan seterusnya Tanah Melayu; lihat misalnya, Leonard, Y. Andaya 1975. *The Kingdom of Johor, 1641-1728: Economic and Political Development*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. 283-314.
- 30 Sebuah lagi penulisan pensejarahan yang meriwayatkan ketokohan dan peranan putera Bugis lima bersaudara itu ialah *Hikayat Upu Daeng Menambun*. Menurut pen-

berkaitan dengan aspek sosioekonomi merupakan perkara sampingan. Sebenarnya isi kandungan karya ini mempunyai banyak persamaan dengan sebuah lagi karya Raja Ali Haji yang terkenal, iaitu *Tuhfat al-Nafis*.³¹ Oleh sebab itu, kepentingannya sebagai sumber sejarah adalah nyata, terutamanya bagi mengetahui peranan orang Bugis dalam sejarah Malaysia khususnya dan Alam Melayu umumnya. Ia juga penting sebagai sebuah karya pensejarahan kerana kesedaran pengarangnya (terutamanya Raja Ali Haji) terhadap sejarah dan kaedah penyelidikannya yang membolehkan karya ini sangat meyakinkan dari segi kesejarahannya.

Boleh dikatakan sebagai seangkatan dengan *Salsilah atau Tarikh Kerajaan Kedah* itu dan *Silsilah Melayu dan Bugis* ialah *Hikayat Seri Kelantan*. Sungguhpun hikayat ini belum diterbitkan tetapi setakat ini ia telah pun dikaji dan diubah huruf dari jawi ke rumi oleh Mohd. Taib Osman. Karya ini telah ditulis oleh Haji Nik Mahmud bin Haji Wan Ismail dan beliau telah menyelesaikan penulisan itu pada tahun 1332, Hijrah (bersamaan tahun 1914).³² Pada asasnya, karya ini masih merupa-

dangan penyelenggaranya yang mutakhir, iaitu Rogayah A. Hamid, hikayat ini agak lebih tua jika dibandingkan dengan naskah lain seperti *Tuhfat al-Nafis* dan *Silsilah Raja-Raja Melayu dan Bugis*. Pada mulanya ia telah disalin oleh Zabidah Ahmad daripada mikrofilem bertulisan jawi. Pengarang asalnya tidak diketahui, begitu juga tarikh asal ditulis tidaklah dinyatakan dalam teks asal itu. Ia masih tergolong dalam kategori pensejarahan Melayu tradisi dengan unsur-unsur kesuasasteraannya yang jelas. Sungguhpun isi kandungannya memuatkan peranan upu-upu Bugis yang terkenal itu pada satu tahap pergerakan sejarah di Alam Melayu ini, tetapi penekanan adalah kepada peranan dan silsilah atau jurai keturunan Upu Daeng Menambun, iaitu sebagaimana yang dinyatakan oleh tajuk karya ini. Upu Daeng Menambun telah berjaya meletakkan asas politik dan kuasanya di Mempawah, Kalimantan, apabila beliau berkahwin dengan Puteri Kesumba iaitu putera Sultan Muhammad Zamuddin yang sedang berperang dengan Pangeran Agung untuk merebut takhta kerajaan Matan. Selain itu, dimuatkan juga secara ringkas silsilah atau jurai keturunan Sultan Muhammad Zainuddin itu. Lihat Rogayah A. Hamid (penyelenggara) 1980, *Hikayat Upu Daeng Menambun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Keseluruhan teks berjumlah 84 halaman dalam tulisan rumi.

31 Malah menurut Mohd. Yusof Md. Nor, terdapat sebuah manuskrip (ms 87) yang tersimpan di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, berjudul "Sejarah Raja Melayu dan Bugis", mengandungi 500 halaman yang isinya serupa dengan "Tuhfat al-Nafis". Lihat *Salsilah Melayu dan Bugis*, diusahakan oleh Mohd. Yusof Md. Nor "Pengantar" hlm. 8.

32 Lihat Khoo Kay Kim 1979, "Local Historians and The Writing of Malaysian History in the Twentieth Century", dlm. *Perceptions of the Past in Southeast Asia*, disunting Anthony Reid dan David Marr, Asian Studies Association of Australia, Singapore: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., hlm. 300 dan 301.

kan sebuah karya pensejarahan tradisi, terutamanya kerana ia masih mengandungi unsur-unsur kesusasteraan seperti dongeng dan legenda dan juga perbualan di antara tokoh-tokoh terkemukanya. Kisahnya bermula daripada riwayat negeri Kelantan di bawah pemerintahan seorang raja perempuan bernama Encik Siti. Baginda kemudiannya telah mengambil Tuan Puteri Sa'dong, anak Raja Jembal, sebagai anak angkat kerana baginda tiada mempunyai anak. Puteri Sa'dong telah dikahwinkan dengan Raja Abdullah dan akhirnya mewarisi takhta kerajaan Kelantan. Dalam satu serangan Siam terhadap Kelantan, Puteri Sa'dong telah ditangkap dan dibawa ke Siam untuk dikahwinkan dengan Raja negeri tersebut. Tetapi kesaktian yang ada pada puteri itu menyebabkan Raja Siam tidak dapat mengahwinkannya. Akhirnya, Puteri Sa'dong telah dihantar kembali ke Kelantan dan setelah mendapati suaminya, Raja Abdullah telah berkahwin dengan seorang gadis, beliau telah membunuh suaminya. Bahagian ini berakhir dengan perpindahan pusat pemerintahan Puteri Sa'dong dari Jembal ke Bukit Marak. Ia disambung dengan kisah Long Pandak di Kubung Labu dan anaknya Raja Muda di Tok Keranji. Kisah seterusnya ialah tentang Long Yunos dan Long Jaafar yang telah membuka negeri di Jeram, Kelantan. Setelah Long Yunos meninggal dunia, anak Long Jaafar, iaitu Long Muhammad telah mengambil alih pemerintahan negeri Kelantan dan menggelar dirinya Sultan Muhammad. Kemangkatan Sultan Muhammad telah mencetuskan perang saudara kerana merebut takhta kerajaan, iaitu antara puak Long Senik Mulut Merah anak Raja Temenggong Long Tan dengan puak Raja Bendahara Long Jenal. Buat sementara waktu, Long Jenal telah mendapat kejayaan, tetapi Long Senik, dengan bantuan Ligor telah berjaya merampas kuasa dan mengisytiharkan dirinya sebagai sultan dengan gelaran Sultan Muhammad II. Kisah seterusnya ialah pemerintahan baginda dan juga zuriatnya sehingga pemerintahan Sultan Mansur. Hikayat ini tamat pada peringkat itu. Tetapi Haji Nik Mahmud menghasilkan sekurang-kurangnya dua karya lagi yang boleh dianggap sebagai karya pensejarahan atau yang berkait rapat dengannya. Salah satu daripadanya ialah *Kitab Geografi dan Tarikh Negeri Kelantan* (Kota Bharu, 1926) dan sebuah lagi ialah *Ringkasan Cetera Kelantan* (Kota Bharu, 1934).³³ Di samping itu, terdapat beberapa buah karya pensejarahan Kelantan sama ada yang diterbitkan ataupun tidak diterbitkan. Antaranya ialah "Ringkasan Tarikh Kelantan" karangan Osman bin

33. *Ibid.*, hlm. 303.

Yusof (tidak diterbitkan); *Riwayat Kelantan* (1930/31)³⁴ dan *Buku Tarikh Kelantan* (1930).³⁵ Secara amnya, isi kandungan karya ini memuatkan salasilah keturunan raja-raja Kelantan, perkembangan dan pergolakan politiknya dan juga pengaruh serta kemasukan kuasa penjajah British, kecuali *Hikayat Seri Kelantan* yang tidak memuatkan peristiwa terakhir itu.

Seterusnya, selain Kelantan, sebuah lagi pensejarahan Melayu tradisi tentang negeri-negeri ini, ialah *Hikayat Pahang*. Menurut pengkajinya yang mutakhir, iaitu Kalthum Jeran (yang berdasarkan kajiannya pada *Hikayat Pahang* ms. 937 dalam huruf Jawi), kemungkinan hikayat ini telah disalin daripada naskah asalnya pada tahun 1932, iaitu berdasarkan tarikh yang dimuatkan di dalamnya.³⁶ Tetapi nama pentalinnya dan begitu juga pengarangnya tidaklah dapat diketahui. Menurut Kalthum lagi, dalam naskah yang disimpan di kepunyaan Arkib Negara Malaysia ada dicatatkan di bahagian akhirnya satu imbasan tentang penulis/pengarang hikayat tersebut. Imbasan itu berbunyi, "telah selesai fakir mengarang hikayat ini, iaitu peranakan Pahang."³⁷ Imbasan ini tidak pula diperluaskan dengan memberikan penerangan lebih lanjut mahupun menyatakan nama pengarang yang memanggil dirinya sebagai "peranakan Pahang" itu.

Dalam pada itu, *Hikayat Pahang* ia tidak pula memuatkan satu bentuk mukadimah seperti yang lazim terdapat dalam karya-karya pensejarahan Melayu tradisi seperti *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu*. Hal ini boleh menimbulkan anggapan bahawa ia adalah semata-mata merupakan sebuah hasil kesusasteraan lama sahaja; sama seperti sebuah

34 Merupakan 15 makalah siri sejarah yang ditulis oleh Asaad Shukri dan diterbitkan dalam majalah *Kembara* dalam jangka tersebut. Siri ini kemudiannya diterbitkan sebagai sebuah buku berjudul *Sejarah Kelantan* 1962, Kota Bharu. Lihat *Ibid.*, hlm. 303.

35 Lihat Khoo Kay Kim 1975, *Pensejarahan Malaysia*. Syarahan Tam Seri Lanang, Kuala Lumpur; Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, hlm. 18 yang juga merujuk pada Nik Mohamed bin Nik Salleh, "Chatetan Rengkas Tentang Sumber-sumber Tempatan Mengenai Sejarah dalam Kelantan", dlm. *Journal Persatuan Sejarah Kelantan*, Bil. 1 (1964/5).

36 Lihat *Hikayat Pahang* 1980, disahakan oleh Kalthum Jeran. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., "Pendahuluan", hlm. iii-iv. Walau bagaimanapun, beliau juga membuat perbandingan yang "sangatlah terbatas sekali" dengan sebuah lagi *Hikayat Pahang*, naskah Arkib Negara Malaysia yang telah siap ditulis pada tahun 1909; lihat juga Khoo Kay Kim, "Local Historians", hlm. 300, nota No. 4. Lihat juga "Bibliographical Index" hlm. 409.

37 *Ibid.*, hlm. iv.

karya cerita rakyat seperti *Awang Sulung Merah Muda*, *Terong Pipit*, dan *Hikayat Seri Rama*, dan bukan sebuah karya pensejarahan. Tetapi keadaan yang sebenarnya adalah sebaliknya, iaitu ia bukanlah karya sastera, apatah lagi jika dianggap sebagai cerita rakyat sahaja. Ia adalah sebuah karya pensejarahan yang memuatkan peristiwa dan tokoh-tokoh sejarah, walaupun bentuknya masih dalam bentuk pensejarahan tradisi. Ertinya, di sebalik bentuknya yang masih tradisional itu, isi kandungannya terdiri daripada peristiwa dan tokoh-tokoh sejarah negeri tersebut. Apakah isi kandungannya?

Hikayat Pahang memuatkan peristiwa yang berlaku dan tokoh-tokoh di negeri tersebut dalam jangka masa yang agak singkat jika dibandingkan dengan *Misa Melayu*, *Merong Mahawangsa*, malahan *Hikayat Johor*. Ringkasnya, hikayat ini memuatkan sejarah yang "berlaku di Pahang semasa pemerintahan Bendahara Tun Ali, Bendahara Tun Mutahir dan Bendahara Tun Ahmad yang kemudiannya bergelar Sultan Ahmad Al-Muazzam Syah, iaitu antara tahun 1832 hinggalah lebih kurang tahun 1932."³⁸ Dalam jangka masa yang berkenaan berlakulah beberapa peristiwa yang bersejarah seperti Perang Saudara (1857-1863) di antara puak Bendahara Tun Mutahir dengan adiknya, iaitu Wan Ahmad yang berkesudahan dengan kemenangan di pihak Wan Ahmad; kemasukan kuasa British ke Pahang dan juga penentangan Dato' Bahaman terhadap British (1891-1895). Berhubung dengan kemasukan kuasa British itu misalnya, hikayat ini mencatatkan Sultan Ahmad (dahulunya Bendahara Wan Ahmad) sebagai berkata: "Saya ini sangatlah tiada bersetuju kerana di bawah naungan lain. Tetapi apa boleh buat, sudah takdir Tuhan atas hambanya, melainkan inilah saya memanggil sekalian datuk-datuk. Jikalau sudah datuk fikirkan begitu, saya pun menurutlah, kerana bukan lawannya kita dengannya. Maka kepada hari ini, tetaplah mesyuarat kita, diikut kehendak Tuan Gabenor."³⁹ Hikayat ini juga mencatatkan tentang penentangan Dato' Bahaman, "Setelah berlakulah Orang Kaya Pahlawan itu derhaka kepada kerajaan Pahang, maka pada ketika itu keluar ia daripada Orang Kaya Pahlawan, balikhlah nama kerat pusatnya, iaitu Bahaman (menjadi si derhaka dan celaka)."⁴⁰

Dari satu segi, *Hikayat Pahang* ini seolah-olah merupakan satu dokumentasi ringkas sejarah Pahang bagi jangka masa yang telah dinyatakan. Ini kerana catatannya yang ringkas, ayat-ayat yang tidak begitu ter-

38 Lihat *Hikayat Pahang*, "Pendahuluan", hlm. iii.

39 *Ibid.*, hlm. 109.

40 *Ibid.*, hlm. 116.

atur, malah kadangkala terburu-buru tentang peristiwa-peristiwa yang dimuatkan. Nama-nama tokoh dan tempat dinyatakan juga dengan tepat. Pengolahannya pula mempunyai satu kronologi yang teratur walaupun penggunaan tarikh-tarikh nampaknya tidaklah begitu ditekankan. Walau bagaimanapun, perkara ini tidaklah membolehkannya dianggap sebagai pensejarahan moden sama ada yang Islam mahupun yang ala Barat. Pada hakikatnya, ia masih lagi merupakan satu pensejarahan tradisi yang berasaskan pensejarahan Islam dalam kategori yang sama seperti *al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* ataupun *Misa Melayu*.

Masih dalam kategori sejarah negeri-negeri ialah sebuah karya yang berjudul *Hikayat Sarawak* yang dikarang oleh Mohd. Rakawi Yusof.⁴¹ Menurut pengarangnya, *Hikayat Sarawak* ini terdiri daripada tiga bahagian. Bahagian pertama mengisahkan tentang Pulau Borneo secara amnya, termasuklah catatan khusus tentang kerajaan Sarawak Darul Hana (Fasal 13). Bahagian kedua ialah tentang sebab-sebab penyerahan Sarawak kepada James Brooke dan seterusnya pemerintahan beliau sebagai Raja Sarawak. Bahagian ketiga pula ialah "tentang setia dan taat anak-anak Melayu Sarawak yang patut diingat membantu rajanya dan mengkhidmatkan tanah airnya pada mendatangkan keamanan itu hingga sampai mengorbankan nyawanya..."⁴² Keseluruhannya karya ini terdiri daripada 25 fasal (atau bab) dan dalam ketiga-tiga bahagian yang telah dinyatakan oleh pengarangnya termuat juga catatan tentang suku-suku kaum di negeri itu dan satu fasal (Bab 12) tentang James Brooke (yang kemudiannya menjadi Raja Sarawak pada tahun 1841-1868), iaitu sejak kelahirannya dan kegiatan pelayarannya hinggalah beliau sampai ke Singapura pada tahun 1839.⁴³ Jilid ini diakhiri dengan mengesahkan tentang serangan yang dilakukan oleh tentera kerajaan terhadap kubu musuh terutamanya kubu Syarif Sahab di Putusan dan Syariff Maula di Sekrang. Antara pemimpin tentera kerajaan yang membuat serangan itu ialah Datu Patinggi Ali. Tindakan itu telah membawa kemenangan di pihak kerajaan, tetapi Datu Patinggi Ali dan 29 orang daripada anggota pasukannya, serta Mister Steward telah terkorban dan seramai 56 orang lagi cedera.⁴⁴

41 Karya ini dikatakan oleh pengarangnya terdiri daripada dua jilid. Jilid pertama telah diterbitkan dan dicetak oleh Sarawak Printing Co., Kuching pada tahun 1932. Jilid kedua telah diiklankan pada bahagian bawah hlm. 133; dikatakan mengandungi 30 fasal, tetapi setakat ini belum didapati lagi.

42 Lihat Mohd. Rakawi Yusof, *Hikayat Sarawak*, Jilid I, "Sepakat Kata".

43 *Ibid.*, hlm. 51-55.

44 *Ibid.*, hlm. 130-131.

Sungguhpun *Hikayat Sarawak* (Jilid 1) ini merupakan sebuah buku yang agak kecil (barangkali disebabkan ia ditulis dalam tulisan Jawi), namun ia telah memuatkan peristiwa dan faktor-faktor yang agak terperinci bagi sejarah Sarawak terutamanya semasa bahagian awal pemerintahan Raja James Brooke, iaitu dari kira-kira tahun 1841-1845. Cara persembahannya juga adalah menarik dan begitu juga kaedah penyelidikan sedikit sebanyak memang meyakinkan. Pengarang mengatakan bahawa, "... dari beberapa telek dan siasat telah didapati belumlah lagi ada nampaknya sesuatu buku yang telah terkarang dalam bahasa Melayu mencetra dengan khas peri negeri Sarawak "Darul Hana" ini. Pada hal sungguhpun rajanya daripada bangsa Inggeris, tetapi bumi-puteranya terutama sekali Melayulah. Lagipun pada zaman dahulu sememang jua negeri Sarawak ini dipunyai oleh kerajaan Melayu sendiri, di bawah naungan Kerajaan Brunei "Darussalam", iaitu sebuah kerajaan yang termasyhur dan tertinggi kuasanya di sekutah [seluruh?] Pulau Borneo zaman tadi. Oleh yang demikian, terajaklah kalbu saya pada berusaha, walaupun dengan bertatih, mengarangkan buku yang amat kecil ini dengan berpandukan buku-buku (history of Sarawak) yang telah terkarang dalam bahasa Inggeris."⁴⁵ Dengan kenyataan seperti itu, terutama pada bahagian awal dan akhirnya jelaslah bahawa Mohd. Rakawi Yusof memang mempunyai kesedaran sejarah yang tinggi dan memahami dengan jelas akan kaedah yang harus dilakukan dalam menghasilkan sebuah karya pensejarahan yang boleh dipertanggungjawabkan ketepatannya.⁴⁶ Hakikatnya karya ini adalah merupakan sebuah karya pensejarahan yang sudah bercorak moden setanding dengan *Sejarah Alam Melayu* tulisan Abdul Hadi Hassan terdahulu darinya dan *Kenang-kenangan Selangor* suntingan A. Samad Ahmad kemudiannya. Ia memang boleh digunakan sebagai sumber rujukan bagi mengkaji lebih lanjut lagi sejarah Negeri tersebut.

45 Lihat, *Ibid.*, "Lidah pengarang."

46 Dari segi latar belakangnya, Mohd. Rakawi Yusof adalah juga seorang nasionalis Melayu Sarawak dalam zaman sebelum Perang Dunia Kedua dahulu. Pada T.M. 1930 beliau bersama-sama dengan Tuan Haji Abdul Rahman bin Haji Kassim dan Johari bin Awang telah menjadi pengarang dan penerbit *Fajar Sarawak*, iaitu akhbar Melayu pertama di Sarawak. Beliau yang dikenali sebagai "Master Rakawi" di kalangan masyarakat Melayu Sarawak, pernah menjadi Kaunselor (1934-1936) dalam Majlis Kebersihan dan Perbandaran Kuching. Bagi keterangan lanjut, lihat Haji Mohammad Hasbie Sulaiman 1969. *Perjuangan Anti-Cession Sarawak: Peranan Utama Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak*. Kuching: Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, hlm. 16-17 dan hlm. 23-25.

BAB 2

PENSEJARAHAN NEGERI DAN JURAI KETURUNAN: 1930-1960

Dari tahun 1930 hingga tahun 1960, karya-karya pensejarahan negeri dan jurai keturunan masih terus dihasilkan. Satu contoh jelas ialah *Hikayat Pahang* yang telah diterbitkan pada tahun 1932. Memang benar hikayat ini bukanlah merupakan sebuah hasil karya pensejarahan yang bercorak moden. Sebaik-baiknya ia hanyalah merupakan satu dokumentasi, iaitu setaraf dengan karya yang awal berjudul *Silsilah atau Tarikh Kerajaan Kedah*, karangan Wan Yahya bin Wan Muhammad Taib yang diterbitkan pada tahun 1913. Tetapi ini bukanlah bererti bahawa sekitar tahun 1930-an masih belum ada dihasilkan karya-karya pensejarahan Melayu yang bercorak moden itu. Sebenarnya, karya-karya yang demikian sudah diterbitkan lebih awal lagi. Pada tahun 1930-an, selain *Hikayat Sarawak*, sebuah karya pensejarahan negeri yang lebih mirip kepada bentuk moden ini ialah *Pesaka Selangor*, susunan dan suntingan A. Samad Ahmad dan pertama kali diterbitkan pada tahun 1937.¹

Pengarang asal *Pesaka Selangor* ialah Wan Muhammad Amin bin Wan Muhammad Said yang telah dilantik menjadi Dato' Bentara Kiri dengan gelaran Dato' Amar Diraja, Penghulu Istiadat Selangor, mulai tahun 1916, iaitu semasa pemerintahan Sultan Alauddin Sulaiman Syah. Karya ini melingkungi jangka masa kira-kira lima puluh satu tahun, yakni bermula dari tarikh keputeraan Raja Muda Musa Ibnu Sultan

¹ Judul asalnya ialah *Kenang-Kenangan Selangor*; dalam huruf jawi diterbitkan oleh Malaysia Printers Ltd., Singapura, 1937. Dicitak semula dalam huruf rumi oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pada tahun 1966, dengan judul *Pesaka Selangor*. Tetapi naskhah asalnya telah mula ditulis pada 11 Jamadilawal 1338 = 1 Februari 1920. Lihat A. Samad Ahmad 1966. *Pesaka Selangor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 2.

Abdul Samad (11 September 1865) hingga tahun 1916, iaitu apabila Wan Muhammad Amin dianugerahkan jawatan Dato' Bentara Kiri atau Penghulu Istiadat Selangor. Isi kandungannya yang terpenting memuatkan salasilah keturunan raja-raja Selangor khususnya dan juga amnya bagi beberapa negeri yang lain terutamanya Kedah (disebabkan hubungan yang erat di antara keluarga diraja Kedah dengan Selangor melalui Tengku Kudin); juga menceritakan tentang Perang Kelang I (1866) dan Perang Kelang II (1870) dan persengketaan pada tahun 1870-an yang seterusnya memberi peluang kepada pihak British campur tangan dan menegakkan kuasanya di Selangor. Selepas itu, dimuatkan sedikit sebanyak adat istiadat diraja Selangor.

Seperi *Hikayat Pahang*, *Pesaka Selangor* seolah-olah merupakan sebuah dokumentasi sejarah bagi negeri yang berkaitan, iaitu Selangor. Tetapi berbeza dengan hikayat tersebut, *Pesaka Selangor* tidaklah dihasilkan seolah-olah daripada ingatan pengarangnya sahaja. Sungguhpun pengarang asalnya, iaitu Wan Muhammad Amin hidup dalam jangka masa setiap peristiwa yang diriwayatkan itu berlaku, tetapi beliau tidak cuba bergantung pada ingatannya untuk menghasilkan karya itu. Malah antara sumber yang terpenting yang telah digunakannya ialah buku-buku peringatannya, "... yang tertulis di situ sedikit, di sana sedikit dengan beberapa susah payah..." Mengenai sumber ingatan sendiri, pengarang menampakkan pula sikap yang kritis terhadapnya, iaitu seperti kata beliau: "... dalam pada itu tak dapat tiada banyaklah perkara yang terlupa dan yang terkhilap, kerana itu tidaklah ku sebutkan dan sesetengahnya sengaja tiada ku ambil."²

Seterusnya, tarikh-tarikh yang tepat bagi peristiwa yang dianggap penting oleh pengarang juga telah dimuatkan. Penggunaan tarikh yang tepat, rujukan kepada sumber-sumber yang boleh dipercayai, sikap kritis terhadap sumber dan ketiadaan unsur-unsur dongeng dan mitos di dalamnya adalah antara ciri-ciri yang mengarah kepada penghasilan sebuah karya pensejarahan moden. Namun, satu kelemahan kecil masih tertera iaitu pengarang masih gemar memuatkan kata-kata perbualan beberapa tokoh yang berkenaan misalnya kecekapan antara Raja Haji Ahmad dengan Raja Sulaiman dalam perahu Raja Sulaiman.³ Tetapi kebanyakan perbualan itu bukanlah olahan pengarang, malah didengar-

2 *Ibid.*, hlm. 2.

3 *Ibid.*

4 *Ibid.*, hlm. 25; lihat juga hlm. 62, 64, 82 dan 85.

nya daripada orang-orang berkenaan. Tetapi dalam hal itu pun, pengarang masih bersikap objektif dengan mengatakan bahawa jawapan itu adalah sesuatu yang didengarnya sendiri. Artinya kata-kata perbualan itu bukanlah direka atau diolahnya sendiri mengikut keadaan yang sesuai. Hakikat ini sudah tentu menguatkan lagi kedudukannya sebagai sebuah karya pensejarahan yang bercorak moden. Tambahan lagi, karya-karya pensejarahan yang bercorak demikian sudah pun dihasilkan sebelum *Pesaka Selangor* (iaitu *Kenangan-kenangan Selangor*) ini mula dituliskan. Antaranya ialah *Hikayat Johor dan Tawarikh Al-Marhum Sultan Abu Bakar* (1911), *Geografi dan Sejarah Semenanjung Tanah Melayu* (1911) dan *Kitab Tawarikh Melayu* yang telah diterbitkan pada tahun 1918. Dengan terbitnya karya-karya seperti itu, maka arena pensejarahan Melayu sudah mempunyai contoh-contoh yang boleh dijadikan "model" untuk menghasilkan karya-karya yang lebih bersifat objektif dan selari dengan tuntutan konsep pensejarahan moden.

Dari segi karya-karya pensejarahan negeri yang boleh dianggap berbentuk demikian, kita tidak dapat lari daripada memperkatakan sedikit sebanyak karya-karya Dato' Haji Muhammad Said Haji Sulaiman.⁵ Sesungguhnya beliau adalah seorang penulis yang prolific, di sebalik kesibukannya menjalankan tugas sebagai salah seorang pentadbir/pegawai negeri Johor yang berpengaruh.⁶ Bagi karya-karya beliau yang berbentuk sejarah, khususnya sejarah negeri-negeri, sebahagiannya diter-

5 Dato' Haji Muhamad Said Haji Sulaiman dilahirkan di Teluk Belanga, Singapura, pada 7 Oktober 1876. Beliau mendapat pendidikan di sekolah Melayu, agama dan Inggeris. Beliau telah jawat beberapa jawatan penting, sebelum dilantik menjadi Setiausaha Sulit kepada Sultan Ibrahim, Johor, pada tahun 1910. Kegiatannya dalam Angkatan Temera Johor (J.M.F.) telah menyebabkan beliau dianugerahkan pangkat Mejar. Pada tahun 1930, beliau telah dianugerahkan Bintang Seri Paduka Mahkota Johor (SPMJ) dengan gelaran Dato' Paduka Seri Setia Johor. Beliau telah bersara daripada jawatan Setiausaha Sulit pada tahun 1952. Beliau meninggal dunia tiga tahun kemudian (1955).

6 Koleksi beliau di Arkib Negara Cawangan Johor berjumlah 90 jilid; sebahagian besarnya merupakan karya beliau sendiri. Beliau bergiat menulis dalam jangka masa kira-kira setengah abad yang bermula dari karya beliau yang berjudul *Hikayat Queen Victoria* (1904/5) hinggalah *Johor Bharu 100 Tahun 1855-1955* (1955). Sebahagian besar daripada karya beliau merupakan karya sejarah ataupun yang berkaitan dengannya yang selebihnya adalah tentang agama Islam, bahasa, dan catatan perjalanan. Lihat autobiografi beliau sendiri berjudul *Riwayat Hidup Major Dato' Muhammad Said bin Haji Sulaiman Johor*, Pulau Pinang: Percetakan Nanyang, t.t. Bagi senarai karya, lihat misalnya, M.A. Fawzi Mohd. Basri 1971/72, "Major Dato' Haji Muhammad Said bin Sulaiman: Peranan dan karyanya dalam Sejarah Persuratan dan Kesusasteraan Melayu Moden", dlm. *Humanisma*, I.

bitkan melalui siri majalah *Peredar*⁷ dan sebahagiannya pula diterbitkan secara bebas. Antara yang terpenting yang diterbitkan melalui majalah *Peredar* itu ialah *Hikayat Semenanjung Tanah Melayu dan Negeri-negeri Berhampiran* yang mengandungi 29 fasal (atau bab) semuanya. Sumber asas bagi penulisan beliau ialah *Sulalatus Salatin* karya Tun Seri Lanang dan juga *Hikayat Johor* karangan beliau sendiri.⁸ Oleh sebab itu, bahagian awal (sehingga Bab 16) adalah ditumpukan kepada asal usul, kebangkitan, perkembangan dan keagungan Empayar Melayu Melaka dengan dicatatkan sejarah beberapa buah negeri di Sumatera yang ada kaitan dengan kemunculan Melaka, terutama sekali Palembang. Bab yang berikutnya pula (Bab 17-19) menceritakan tentang kerajaan Johor yang muncul selepas kejatuhan Melaka itu. Selepas itu (Bab 20-28), dimuatkan sejarah negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu, termasuklah Singapura iaitu sebagai sebahagian daripada Negeri-Negeri Selat. Bab 29 ialah penutup yang ringkas sahaja.

Sebenarnya, ada banyak lagi karya sejarah yang ditulis oleh Mejar Haji Muhammad Said yang telah diterbitkan melalui *Peredar*. Tetapi pensejarahannya yang boleh dianggap sebagai *magnum opus* telah diterbitkan jauh lebih awal, iaitu pada tahun 1911. Karya itu berjudul *Hikayat Johor dan Tawarikh Marhum Sultan Abu Bakar* yang terdiri daripada 26 fasal, bermula dengan asal usul kerajaan Johor hinggalah pemerintahan dan kemangkatan Sultan Abu Bakar, iaitu Sultan Johor yang pertama dari keturunan Temenggung Abdul Rahman Singapura. Karya beliau ini merupakan satu rujukan yang penting tentang sejarah Tanah Melayu, terutamanya bagi negeri Johor. Beliau boleh dianggap sebagai sejarawan Melayu moden yang terawal yang telah menghasilkan karya-karya pensejarahan Melayu bercorak moden mengatasi karya-karya zaman sebelumnya, seperti karya-karya Abdullah Munshi dan Raja Ali Haji yang telah bergiat pada pertengahan abad kesembilan belas. Mejar Muhammad Said memang mempunyai kedudukan istimewa dalam arena penulisan dan perkembangan pensejarahan Melayu abad kedua puluh ini.

Menjelang meletusnya Perang Dunia Kedua, didapati penulisan

7 Koleksi beliau di Arkib Negara Cawangan Johor menyimpan sebanyak 26 siri penerbitan *Peredar*; dengan *Peredar Angka 1* berjudul "P.B.M.P.B. bagi Johor, Tabuh Lembaga" (1935) dan *Peredar Angka 26* berjudul "Semangat Nippon yang Sebenar Diturunkan" (1942).

8 Lihat *Hikayat Semenanjung Tanah Melayu dan Negeri-negeri Berhampiran*, "Pendahuluan", 1939, Cetakan Pertama, Singapura, Mathabah Al-Atmadiyah.

pensejarahan dalam bentuk sejarah negeri tidak begitu ketara penghasilannya. Malah sepanjang tempoh Perang Dunia Kedua, sekali gus dalam tempoh pendudukan Jepun di tanah air kita, karya-karya pensejarahan dalam apa bentuk sekalipun sangat sukar ditemui. Hal ini sangat jelas terutama sekali karya-karya yang ditulis dan diterbitkan dalam bentuk buku seperti yang pernah berlaku secara berterusan dalam tempoh sebelum perang dahulu. Ini disebabkan kesukaran serta pelbagai kekurangan yang terdapat semasa perang. Walau bagaimanapun, pada tahun 1941, iaitu barangkali tidak berapa lama sebelum perang itu sampai ke Tanah Melayu, telah diterbitkan sebuah karya berjudul *Melihat Tanah Air*, oleh seorang tokoh yang sudah terkenal pada ketika itu, iaitu Ibrahim Haji Yaacob. Tetapi karya ini, di sebalik tajuknya yang sungguh menjanjikan itu, bukanlah sebuah pensejarahan negeri mahupun jurai keturunan. Semasa berlaku Perang Dunia Kedua, sebuah karya pensejarahan yang dapat ditemui setakat ini ialah *Semangat Nippon yang Sebenarnya Diuraikan*, iaitu sebuah karya terjemahan oleh Muhammad Said Sulaiman. Karya ini yang telah diterbitkan pada 2602 tahun Jimmo (tahun 1942) juga bukanlah merupakan sebuah karya yang berbentuk pensejarahan negeri. Dengan hal demikian, nampaknya penulisan dan penerbitan karya-karya pensejarahan yang berbentuk demikian hanya bernafas semula setelah perang ditamatkan dan pendudukan Jepun berakhir.

Selepas perang, karya pensejarahan negeri yang pertama dapat kita temui ialah sebuah karya dari negeri Sarawak. Malangnya karya ini bukanlah sambungan *Hikayat Sarawak* tulisan Mohd. Rakawi Yusof, Ia adalah sebuah karya berasingan walaupun kandungannya terdapat beberapa persamaan. Karya ini adalah *Perihal Sarawak yang Sebenarnya*. Karya ini merupakan terjemahan yang telah disiarkan secara bersambung-sambung oleh akhbar *Majlis* dalam keluarannya mulai 7 November hingga 28 Disember 1946. Dalam bahagian "Pendahuluan" ada dikatakan bahawa ia ditulis untuk menerangkan kedudukan Sarawak yang merdeka, tetapi akan dijadikan tanah jajahan oleh kerajaan British.⁹ Ia mencatatkan sejarah awal Sarawak semasa di bawah kekuasaan Raja Brunei dan seterusnya diserahkan kepada James Brooke pada tahun 1841. James Brooke dan waris-warisnya memerintah Sarawak sebagai

9 Tajuk asal yang disiarkan dalam *Majlis* ialah "Perkara Sebenarnya Berkemungkinan Sarawak". [1947?] Diterbitkan atas nama Anthony Brooke dan dicetak oleh Nanyang Press, Batu Road, Kuala Lumpur, t.t. (1947?).

raja yang berdaulat sehinggalah kerajaan British mengambil negeri itu pada tahun 1946. Sebenarnya, tujuan utama karya ini diterbitkan ialah untuk menyatakan tentangan terutamanya terhadap tindakan pihak kerajaan British mengambil alih kuasa di negeri itu daripada waris James Brooke yang dianggap sebagai pemerintah yang sah.¹⁰ Pada hakikatnya, ia boleh dianggap sebagai satu dokumentasi sejarah yang bermaksud "dijadikan asas mencari keadilan oleh barang siapa yang mengambil berat dalam masalah ini [misalnya, penyerahan kuasa]."¹¹

Bagi negeri yang berhampiran dengan Sarawak, iaitu Sabah, salah sebuah buku yang didapati ada mengandungi catatan sejarahnya ialah *Sa-ratus (100) Tanya-Jawab Sejarah dan Ilmu Alam Negeri Sabah* karangan Muhammad Abul Rahman.¹² Buku ini diterbitkan "memandangkan kekurangan buku-buku pelajaran di Sabah dewasa ini dan kerana mustahaknya buku-buku serupa itu kepada pelajar-pelajar terutama murid-murid sekolah Melayu ..."¹³ Oleh itu, sesuai dengan tajuknya, bentuk kandungannya adalah berupa soal jawab yang terdiri daripada soal jawab sejarah dan juga ilmu alam. Contoh bagi soal jawab sejarah ialah: "Soal: Sejak bilakah Pulau Borneo telah didiami orang? Jawab: Sejak 2000 tahun sebelum Tahun Masihi. Soal: Terangkan nama-nama pemerintah yang telah memerintah negeri Sabah? Jawab: Kerajaan China Kublai Khan (tahun 1300); Kerajaan Brunei (tahun 1450 ke atas); Chartered Co., (tahun 1881); Kerajaan Jepun (tahun 1942-1945); dan kerajaan British (tahun 1945); menjadi Crown Colony pada 15 Julai 1946".¹⁴ Buku ini tidak boleh dianggap sebagai karya pensejarahan yang sebenarnya; malah ia hanyalah merupakan buku yang memberi pengetahuan asas bagi sejarah dan ilmu alam negeri tersebut.

Jika kita kembali ke Semenanjung dalam jangka masa tahun 1950-

10 Dalam "Pendahuluan" buku itu dikatakan "bahawa cara yang diambil bagi menentankan penyerahan negeri itu adalah bertelingkah dan tidak betul, oleh yang demikian bertlawanan dengan maksud pemasyhuran Ikrar Atlantik, kehendak-kehendak bumiputera Sarawak tidak diambil tahu dan langsung tidak dibiraukan dan tuntutan bagi pihak mereka itu yang telah dimajukan oleh Persatuan Melayu Sarawak dan Persatuan Dayak memohon supaya dikembalikan semula kemerdekaan mereka dan takhta kerajaan mereka yang turun-temurun itu adalah perkara yang patut dan seyogianya ditunaikan ..."

11 Lihat "Pendahuluan".

12 Diterbitkan oleh Ahmad Latiff Press, Pulau Pinang, 1958.

13 Lihat "Bingkisan Pengantar" bagi buku itu.

14 Muhammad Abdul Rahman 1958. *Sa-ratus (100) Tanya-Jawab Sejarah dan Ilmu Alam Negeri Sabah*, Pulau Pinang: Ahmad Latiff Press, hlm. 7.

an itu, bukan sahaja sudah terdapat beberapa buah lagi karya pensejarahan negeri yang dalam beberapa hal menampilkan aliran yang semakin menuju kepada pensejarahan moden, tetapi dalam beberapa hal pula masih terikat dengan cara penulisan tradisi. Demikianlah kita lihat misalnya dalam *Tawarikh Johor* karangan Shahrom Hussein.¹⁵ Di samping memuatkan satu senarai bacaan rujukannya serta menjelaskan sesuatu peristiwa itu tanpa mengaitkan dengan ciri-ciri yang berupa dongeng mahupun lagenda, namun buku ini masih tidak mengetepikan terus pemakaian kata-kata perbualan yang seolah-olah dipetik secara kata demi kata daripada pengucapannya.¹⁶ Bahasanya juga masih terikat dengan "bahasa hikayat". Tetapi dalam buku tersebut, di sebalik kelemahan yang kecil itu, adalah jelas bahawa Shahrom Hussien (atau Shabhi) memang memahami tata kaedah penyelidikan sejarah yang sebenarnya. Malah beliau memang memahami pengertian yang asas bagi sejarah itu sendiri. Kata beliau, "Oleh itu kita yakin mengatakan, sejarah bangsa dan tanah air itu mustahak disemak dan dikaji semula, bagi panduan hidup masa sekarang dan masa akan datang. Diharap dengan jalan ini dapat kita membanding di antara buruk dengan baik atas hal-hal yang telah berlaku, mudah-mudahan tidak lagi terjadi berbagai-bagai keburukan, kekhilapan dan kelemahan seperti yang telah berlaku di sekeliling masyarakat bangsa kita yang lalu. Kemuliaan, kebijakan, dan kehandalan bangsa yang telah lalu itu berkehendak dikekalkan sekarang."¹⁷ Seterusnya dalam Bab X, iaitu yang boleh dianggap sebagai lampiran kepada karya induknya, beliau mengatakan bahawa, "daripada pelajaran tawarikh juga dapat kita menyingkap balik lembaran sejarah darihal kebangkitan, kemajuan, kejatuhan dan kemunduran sesuatu bangsa. Dengan pelajaran ini juga dapat seseorang guru itu membentuk jiwa murid-murid atau penuntut. Demikian juga dapat membentuk budi pekerti, sopan santun, dan semangat hidup mereka."¹⁸

Ditinjau dari segi isi kandungannya pula, *Tawarikh Johor* mengandungi sepuluh bab, dengan Bab IX dan Bab XI boleh dianggap sebagai lampiran sahaja. Anehnya, ia tidak mengandungi Bab VIII; malah dari Bab VII ia terus kepada Bab IX sahaja. Bagaimanapun, dari segi seja-

15. Buku ini telah diterbitkan oleh Jabatan Persuratan Guru-guru Melayu Johor dan dicetak oleh al-Ahmadiah Press, Singapura, 1950.

16. Lihat misalnya, hlm. 20, 54 dan 55.

17. Shahrom Hussien 1950. *Tawarikh Johor*. Singapura: al-Ahmadiah Press. "Persembahan Kita".

18. *Ibid.*, Bab X "Pelajaran dan Mengajar Tawarikh", hlm. 109.

rahnya ia memuatkan urutan yang panjang iaitu bermula dari Kesultanan Melayu Melaka hinggalah ke zaman pemerintahan Sultan Abu Bakar yang telah mangkat pada tahun 1895. Secara amnya, isi kandungannya boleh dibahagikan kepada empat bahagian; yang pertama (Bab I-III) merupakan latar belakang kerajaan Johor yang wujud sebelum dan semasa keagungan Empayar Melayu Melaka. Pada ketika itu, khususnya semasa keagungan Empayar Melaka itu, pengarang mengatakan, iaitu setelah merujuk kepada karya-karya sejarah seperti *Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin)* dan juga *Hikayat Pada Menyatakan Citra Tanah Melayu serta Pulau Perca dan Sebagainya*, bahawa "dengan keterangan ini makin bertambah kuatlah sangkaan kita mengatakan pada masa dahulu Johor tertakluk kepada Melaka."¹⁹

Bahagian kedua pula (Bab IV) ialah kemunculan Johor sebagai pusat sebuah kerajaan Melayu yang kuat menggantikan Melaka yang telah ditakluki Portugis pada tahun 1511. Bahagian ini menceritakan tentang jurai keturunan raja-raja Melayu dan jurai keturunan Bendahara Tun Habib (Bendahara Seri Maharaja Padang Saujana) yang memerintah Johor. Di samping itu, dicatatkan juga persengketaan Johor dengan Aceh dan kedatangan kuasa Belanda ke Johor. Johor kemudiannya membantu Aceh dan Belanda mengalahkan kuasa Portugis di Melaka pada tahun 1641.

Bahagian tiga pula (Bab V) mencatatkan Johor semasa pemerintahan keturunan Bendahara Tun Habib. Pada masa itu juga, Raja Kecil dari Siak yang mengaku sebagai waris diraja yang sah bagi takhta kerajaan negeri itu telah menyerang Johor untuk menegakkan haknya. Dalam bahagian ini juga dimuatkan tentang kemasukan orang Bugis ke dalam arena politik Melayu Johor/Riau dan penentangan mereka terhadap kuasa Belanda dan seterusnya kemaraan kuasa Belanda terutamanya di Riau yang pada ketika itu sudah menjadi pusat pemerintahan Johor.

Seterusnya dalam bahagian empat (Bab VI) dicatatkan bagaimana kerajaan Johor/Riau telah terbahagi kepada dua pemerintahan iaitu setelah Sultan Mahmud Syah III mangkat pada tahun 1812. Kemangkatan baginda telah menimbulkan perbalahan di kalangan para pembesar untuk memilih pengganti baginda; ada yang memihak kepada Tengku Hussien (atau Tengku Long), putera baginda yang tua; dan ada pula pihak yang memihak kepada Tengku Abdul Rahman, putera baginda

19 *Ibid.*, hlm. 5.

yang muda. Pihak Belanda kemudiannya memihak kepada Tengku Abdul Rahman dan dengan itu baginda telah dilantik menjadi sultan dengan gelaran Sultan Abdul Rahman Muazzam Syah. Akibat daripada itu, Tengku Hussien "telah menjauhkan diri berundur ke Terengganu".²⁰ Dalam pada itu, pihak British yang sedang berusaha mengambil Singapura telah melantik Tengku Hussien sebagai sultan bagi negeri Singapura dan Johor serta jajahan takluknya dengan gelaran Sultan Hussien Syah.²¹

Berikutan itu, nyatalah bahawa kerajaan Johor-Riau kini telah berada di bawah pengaruh dua kuasa Barat, iaitu Belanda dan British, yang kemudiannya mengukuhkan pengaruh serta penguasaan masing-masing melalui perjanjian sesama mereka yang dikenali sebagai Perjanjian Inggeris-Belanda tahun 1824.²² Singapura dan Johor akhirnya terlepas pula daripada penguasaan Sultan Hussien serta warisnya dan dapat ke tangan Temenggung Abdul Rahman serta keturunannya iaitu bermula daripada Temenggung Daeng Ibrahim (atau Daeng Ronggek) pada tahun 1825.

Bahagian kelima (Bab VII) yang mempunyai tajuk yang sesuai sekali iaitu "Johor Terserah ke Tangan Raja-Raja Keturunan Temenggung". Keturunan Temenggung yang pertama sekali menguasai Johor, seperti yang dinyatakan di atas ialah Temenggung Ibrahim. Ini diikuti dengan waris-warisnya yang lain. Dalam *Tawarikh Johor* ini, ia tamat semasa pemerintahan keturunan Temenggung yang kedua sahaja, iaitu Abu Bakar anak Temenggung Ibrahim, yang kemudiannya mendapat gelaran "Maharaja" (tahun 1868) dan seterusnya "Sultan" pada tahun 1886.²³ Bahagian ini juga mengandungi catatan tentang pakaian orang Melayu Johor, pakaian kebesaran Kerajaan Johor dan juga perkara yang berkenaan dengan "panji-panji dan bendera-bendera kebesaran negeri dan kerajaan Johor."²⁴ Secara amnya, *Tawarikh Johor* ini boleh diterima

20 *Ibid.*, hlm. 49.

21 *Ibid.*, hlm. 50. Tetapi dalam halaman yang sama, pengarang telah mencatatkan pemasyhuran perlantikan itu, iaitu yang dipetikanya daripada *Hikayat Abdullah* dan *Tuhfat al-Nafis*, yang mengatakan bahawa perlantikan itu adalah bagi "dalam negeri Singapura ini serta daerah takluk rantau jajahannya."

22 Lihat misalnya T.J. Newbold 1971. *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. 449-456 yang memuatkan salinan perjanjian tersebut.

23 Shahrom Hussien, *Tawarikh Johor*, hlm. 85.

24 Lihat hlm. 97-99 dan juga hlm. 100 bagi yang berkaitan dengan pakaian. Misalnya, baju kurung Melayu Johor itu dikatakan telah dibentuk dan direka oleh Sultan Abu

sebagai satu sumber kajian tentang sejarah Johor, iaitu seperti juga halnya dengan *Hikayat Johor* karangan Mejar Haji Muhammad Said Sulaiman.

Sebuah lagi sejarah negeri yang telah diterbitkan pada tahun 1950-an ialah *Mengkaji Sejarah Terengganu*, oleh Haji Muhammad Salleh Haji Awang (MISBAHA).²⁵ Karya pensejarahan ini merupakan satu babad kerajaan Terengganu, iaitu yang mengandungi salasilah keturunan dan kisah raja-raja negeri itu dari awal hinggalah kira-kira tahun 1920-an yakni semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III. Semasa pemerintahan baginda itu dinyatakan juga tentang pemerintahan yang adil dan menjalin hubungan yang baik dengan kuasa British yang menjajah Tanah Melayu pada ketika itu. Karya ini juga boleh dijadikan sumber kajian sejarah negeri tersebut. Walau bagaimanapun, jika ingin menggunakannya, seseorang itu haruslah berhati-hati terhadapnya. Ini adalah kerana, berbeza dengan *Tawarikh Johor*, ia tidak menyatakan sumber rujukan dan juga tidak memuatkan nota kaki bagi mengukuhkan hujahnya. Bahasa yang digunakan adalah sederhana, hanya kadangkala didapati pengarang masih terikat dengan "bahasa hikayat". Dalam pada itu, kata perbualan masih digunakan. Misalnya, pada halaman 41 (Jil. 2) "Apa hal! Yang Dipertuan suruh rombak rumah, mari duduk berdiam-diam."²⁶ Oleh yang demikian, kita dapati karya ini seolah-olah ditulis oleh MISBAHA melalui ingatan ataupun catatan peribadi beliau sahaja. Dengan demikian, maka kewibawaan serta kesahihannya adalah terletak kepada pengalaman serta keterlibatannya dalam perjalanan sejarah negeri Terengganu.²⁷

Bakar, kemudian dipinda sedikit oleh Dato' Jaafar bin Muhammad, Menteri Besar Johor I.

25 Karya ini berjumlah tiga jilid semuanya dan diterbitkan dalam tulisan Jawi oleh Angkatan Sasterawan Terengganu, Kuala Terengganu, 1957. Buku ini dicetak oleh al-Ahmadiyah Press, Singapura. Bagi kajian ini hanya dua jilid (Jil. II dan III) yang dapat dilihat, iaitu didapati di British Library, London.

26 Lihat juga hlm. 42 dan 43 jilid yang sama.

27 Seperti Mejar Haji Muhammad Said Sulaiman, MISBAHA adalah seorang tokoh yang sangat dikenali dan disegani di Terengganu dari tahun 1930-an hingga ke saat kajian ini. Beliau dilahirkan pada 13 Jun 1917. Beliau mendapat pendidikan di sekolah Melayu, agama dan Inggeris. Pada tahun 1930-an, beliau giat berkecimpung dalam penulisan di akhbar dan majalah. Beliau menjadi guru agama sejak tahun 1937 dan bersara pada 31 Mei 1971 dari jawatan Pemeriksa Hal Ehwal Agama Terengganu. Beliau juga kemudiannya telah menulis *Sejarah Terengganu* (Kuala Terengganu, 1966) dan *Terengganu Dalam Bentuk Sejarah* (Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors, 1978). Kedua-dua buku ini adalah berasaskan karyanya yang lebih awal itu.

Seiring dengan terbitnya buku *Mengkaji Sejarah Terengganu* itu ialah *Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang*, tulisan Abdullah Haji Musa Lubis.²⁸ Sebagai seorang guru sejarah, seperti juga halnya dengan Shahrom Hussien, Abdullah Haji Musa mempunyai kesedaran yang jelas terhadap fungsi serta kepentingan sejarah. Ini jelas dimuatkannya dalam "Kata Pengantar" buku tersebut yang menyebut bahawa "kita telah sedia faham sesungguhnya pelajaran sejarah ini adalah satu jenis pelajaran yang mustahak bagi sesuatu bangsa yang sedang menuju ke mercu kemajuan; kerana dengan pelajaran sejarah mungkin dapat mengubah jiwa manusia yang berbagai-bagai aneka rupa kepada suatu bentuk yang disesuaikan oleh alam masyarakat."²⁹ Sedangkan tujuan ia diterbitkan pula ialah "kerana mengisi kekosongan buku-buku pelajaran di Sekolah-sekolah Umum (Sekolah Melayu) dan untuk membantu melaksanakan perkembangan bahasa ibunda yang kita sayangi itu".³⁰

Buku *Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang* mencatatkan kronologi sejarah Perak daripada kerajaan yang terawal, iaitu Gangga Negara (yang kononnya terletak di Jajahan Dinding) hingga tahun 1957, iaitu di ambang Tanah Melayu akan mencapai kemerdekaan daripada kuasa British. Keseluruhannya, buku ini terdiri daripada dua belas bab. Antaranya termasuklah juga bab-bab yang mencatatkan tentang salasilah Sultan Perak dari sejak zaman silam hingga tahun 1950-an, serangan dan penguasaan Aceh ke atas Perak, orang Bugis melanggar Perak, hubungan British dengan Perak dan juga campur tangan British dalam pemerintahan negeri, pembesar-pembesar negeri serta gelaran masing-masing, perkakas kerajaan, Perak di bawah pemerintahan Jepun dan penguasaan semula British terhadap Perak.

Karya tersebut merupakan satu periwayatan dan bukannya penganalisisan mahupun tafsiran sejarah negeri tersebut dalam jangka masa yang telah dinyatakan tadi. Buku ini tidak memuatkan nota kaki mahupun senarai buku rujukan di bahagian yang perlu dimuatkannya. Tetapi ini bukan bererti bahawa pengarang tidak membuat rujukan langsung. Rujukan, walaupun sedikit, memang ada dilakukan. Misalnya, pengarang ada merujuk *Hikayat Merong Mahawangsa* dan juga *Sejarah Melayu*.³¹ Dalam pada itu, pengarang tidak lagi memuatkan kata perbualan.

28 Karya ini telah diterbitkan oleh Percetakan Qalam, Singapura [1957/8?].

29 Abdullah Haji Musa Lubis t.t. *Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang*, Qalam: Singapura, "Kata Pengantar".

30 *Ibid.*

31 *Ibid.*, lihat him. 2 dan 4.

misalnya, antara tokoh-tokoh yang diceritakan, iaitu seperti yang sering terdapat dalam pensejarahan tradisi. Ini membolehkan kita membuat kesimpulan bahawa karya ini memang boleh disifatkan sebagai sebuah karya pensejarahan Melayu bercorak moden. Walaupun keadaannya belum sempurna, ia tetap dapat menampung kekurangan penulisan sejarah negeri itu menjelang tarikh penerbitannya.³²

Selain sejarah negeri-negeri seperti negeri Perak ini, terdapat beberapa buah penulisan sejarah yang membicarakan sejarah yang lebih luas daripada sebuah negeri sahaja. Maksudnya, catatannya mahupun pembicaraannya mencakupi seluruh tanah air kita khususnya Tanah Melayu pada ketika itu. Antaranya ialah *Kitab Tawarikh Melayu* (dipercayai dikarang oleh R.O. Winstedt dan Daeng Abdul Majid bin Tengku Muhammad Salleh yang diterbitkan oleh The Education Department S.S. & F.M.S. Singapore, 1918),³³ *Sejarah Melayu Raya: Tarikh Perjuangan dan Ekonomi Indonesia, Filipina dan Malaya* oleh Abdullah Abbas "Nasution", *Sejarah Malaya Merdeka*, oleh Zainal Abidin bin Daud dan *Rengkesan Tawarikh Negeri Kita* oleh Ibrahim al-Yusuffi. Namun demikian, karya-karya ini lebih merupakan karya sejarah dalam kategori sosiopolitik atau sarwajajat daripada sejarah negeri-negeri sahaja. Oleh itu, karya-karya tersebut akan dibincangkan mengikut kategori masing-masing kemudian.

Sejarah Tempatan

Dalam pada itu, terdapat juga karya sejarah yang masih boleh dikira sebagai sebahagian daripada sejarah negeri-negeri ini, karya itu ialah tentang sejarah tempatan. Salah sebuah daripadanya ialah yang berjudul *Riwayat Kinta*, tulisan Abdul Talib Haji Ahmad. Karya ini menarik perhatian bukan sahaja disebabkan ia adalah antara sejumlah kecil penulisan sejarah tempatan yang ditemui, tetapi juga kerana beberapa pandangan sejarah. Umpamanya, tentang sejarah, beliau mengatakan "seja-

32 Antara karya pensejarahan Perak sudah ditulis sebelum ini, iaitu selain *Misa Melayu* yang telah diketahui setakat ini ialah karya Wan Abdul Karim bin Wan Abdul Hamid 1934, *Tawarikh Raja-raja dan Adat Istiadat Zaman Purbakala Negeri Perak Darul Ridzuan*, Kuala Kangsar; dan Dato' Haji Ramli Abdullah 1935, *Orang Melayu Perak Darul Ridzuan daripada Zaman Purbakala*. Taiping. Lihat Khoo Kay Kim, *Local Historians*, hlm. 303, nota 18.

33 Karya ini telah dicetak oleh Kelly and Walsh, Ltd., Singapura, 1918, dalam tulisan Rumi untuk kegunaan sekolah-sekolah Melayu pada ketika itu.

rah haruslah pada yang benar janganlah adanya cara sejarah yang dibuat oleh penjajah sebab mereka lebih utama berselindung untuk politik bahkan sejarah dunia juga banyak yang melenyapkan langsung apa yang sebenarnya berkenaan dengan nabi-nabi buat bangsa Melayu sepatutnya berfikirilah dengan mengambil pada penyiasatan asli supaya jadi satu bahan asli bukan bahan celupan dalam bab itu."³⁴ Bagi menegaskan lagi bentuk penulisannya, supaya tidak menimbulkan kekeliruan, Abdul Talib mengatakan, "apa yang ada dalam buku saya ini bukan nobol [nobel] tetapi riwayat."³⁵ Dari segi sumber pula, beliau nampaknya bergantung pada sumber lisan sahaja, iaitu seperti katanya, "kandungan buku ini ditulis secara yang sebenar dengan diperolehi dari mulut ke mulut dari orang-orang yang berkenaan, sama ada yang masih hidup atau yang telah meninggal."³⁶

Dilihat dari segi isi kandungannya, pengarang berikrar untuk mengemukakan "apa yang sebenarnya berlaku di Kinta" iaitu sebagai memenuhi hasratnya untuk memenuhi konsep "sejarah haruslah pada yang benar tadi". Penulisannya bermula dengan meriwayatkan asal usul Kinta yang dikatakan telah dibuka oleh seorang nakhoda dan beberapa pengikutnya yang datang dari Sumatera.³⁷ Seterusnya, buku ini membicarakan peristiwa yang berkaitan dengan perkembangan Kinta, pembukaan lombong bijih timah, kedudukan pembesarnya dan keterlibatan mereka dalam perang Perak menentang British pada tahun 1875. Keseluruhannya, karya ini bolehlah diterima sebagai sebuah karya pensejarahan tempatan yang menarik, terutama kerana kurangnya penulisan yang berbentuk demikian didapati dalam tempoh kajian ini. Tetapi jika ditinjau daripada perincian yang lain, umpamanya dari segi bahasa, gaya persembahan, analisis, malah penggunaan sumber, karya ini tidaklah begitu memuaskan. Oleh hal yang demikian, ia masih berupa sebuah karya pensejarahan popular dan bukan berbentuk ilmiah sepenuhnya.

Begitu jugalah halnya dengan sebuah lagi karya pensejarahan tempatan yang berjudul *Riwayat Tanjung Malim* tulisan Zainal Abidin bin Daud.³⁸ Menurut Khoo Kay Kim, penulis telah mengarang riwayat ini sebagai kenang-kenangannya semasa bertugas di daerah tersebut.³⁹ Se-

34 Abdul Talib Haji Ahmad 1959, *Riwayat Kinta*, Kuala Lumpur: Pustaka Rusna, "Madah Awal Pengarang".

35 *Ibid.*

36 *Ibid.*

37 *Ibid.*, hlm. 2.

38 Telah diterbitkan di Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada tahun 1947.

39 Lihat Khoo Kay Kim, *Local Historians*, hlm. 308.

perti juga *Riwayat Kinta*, sumber utama karya ini adalah sumber lisan dan kepentingannya terletak pada hakikat bahawa setakat waktu itu masih belum ada didapati penulisan sejarah tentang daerah tersebut. Malah bagi daerah-daerah lain juga, jumlahnya jika ada tentulah tidak banyak.

BAB 3

PENSEJARAHAN NEGERI DAN RIWAYAT HIDUP TOKOH DALAM BENTUK SYAIR

Seperti yang telah disentuh di bahagian awal, memang terdapat karya-karya pensejarahan Melayu yang dihasilkan dalam bentuk puisi, khususnya syair. Penghasilan karya dalam bentuk ini bukan sahaja merupakan sesuatu yang digemari sekurang-kurangnya sehingga tahap menjelang Perang Dunia Kedua, tetapi ditinjau dari segi pengolahan serta isi kandungannya, menampakkan pula kepintaran dan keistimewaan penggubahnya dalam menggambarkan sesuatu peristiwa sejarah itu.

Adakalanya seolah-olah dirasakan penggubah itu merupakan saksi bagi peristiwa yang dirakamkannya itu. Sebenarnya, pembaca berasa sedemikian terhadap gubahan sesebuah syair itu, sehingga menimbulkan anggapan bahawa seolah-olah kita pula yang berada di sisi peristiwa berkenaan. Hal ini sudah tentulah menimbulkan beberapa persoalan. Misalnya, apakah penggubah benar-benar merupakan saksi kepada rentetan peristiwa sejarah yang telah dirakamkannya dalam bentuk syair itu? Jika penggubah itu memang menjadi saksi, adakah perkara yang disaksikannya dan "disyairkannya" itu telah dilakukan demikian dengan setepat yang mungkin? Jika ia bukannya saksi, apakah sumber-sumber yang telah dirujuknya sehingga membolehkan ia memberi gambaran yang begitu grafik? Sejauh manakah pula ia telah menggunakan daya imaginasi, iaitu dalam hal membentuk gaya, lirik dan irama syairnya dan juga dalam hal menerangkan peristiwa atau fakta sejarah yang telah berlaku? Persoalan ini akhirnya akan membawa pula kepada persoalan sejauh manakah dapat diterima kesejarahan isi kandungan sesebuah syair yang berbentuk pensejarahan itu? Persoalan ini bukanlah dapat dijawab dengan begitu mudah dan memuaskan, ia tentu memerlukan kajian yang teliti serta mendalam terhadap peristiwa yang diterangkan. Walau bagaimanapun, asasnya ialah bagaimana menentukan bahawa peristiwa ber-

kenaan adalah peristiwa sejarah dan bukannya terbit daripada khayalan mahupun imaginasi penggubahnya. Jika ini telah dapat dipastikan, maka sesebuah syair itu, di sebalik bentuk dan gaya penyampaian serta bahasanya, bolehlah diterima sebagai satu karya pensejarahan. Sebenarnya, masyarakat Melayu secara amnya memang kaya dengan karya pensejarahan yang berbentuk syair ini. Khoo Kay Kim menganggarkan ada kira-kira 60 buah karya yang berbentuk demikian.¹ Tetapi dari jumlah tersebut tidaklah semuanya merupakan pensejarahan negeri dan juga tokoh terutamanya yang diterbitkan di sini dan daerah persekitaran yang terdekat.

Dari segi pensejarahan negeri misalnya, antara syair, yang terawal ialah syair yang terdapat di bahagian dua *Misa Melayu* karangan Raja Chulan. Tetapi syair ini tidaklah meriwayatkan semula sejarah negeri Perak seperti yang telah dituliskan dalam bahagian pertama *Misa Melayu*. Malah, penumpuannya adalah tentang keberangkatan baginda Sultan Iskandar "belayar menyusuri sepanjang Sungai Perak hingga ke kualitasnya; kemudian menyusur pula sepanjang pantai hingga ke Matang."²

Selain itu, beberapa buah syair lagi yang ada kaitan dengan kategori sejarah negeri-negeri itu telah dibicarakan secara ringkas oleh J.C. Bottoms dalam makalahnya yang berjudul "Some Malay Historical Sources: A Bibliographical Note".³ Antaranya yang berkaitan dengan bidang dan skop kajian kita ialah empat buah syair tentang peristiwa yang berlaku di Singapura pada abad ke-19. Dua daripadanya iaitu *Syaer Singapura Terbakar* atau *Syaer Singapura di Makan Api* dan *Syaer Kampung Gelam Terbakar* adalah karangan pujangga terkenal abad ke-19, iaitu Abdullah Munsyi.⁴ Syair yang pertama menceritakan

- 1 Lihat Muhammad Yusoff Hashim 1979, "Syair Tuan Hampris: Satu Tradisi Pensejarahan Melayu Terengganu Awal Abad ke-20", dalam *PESAKA*, Monograf Lembaga Muzium, Negeri Terengganu, disusun oleh Dato' Haji Muhammad Salleh bin Haji Awang (MISBAHA) dan Mohd. Yusof Abdullah, Kuala Lumpur: United Selangor Press Sdn. Bhd., hlm. 41, yang dipetik daripada Khoo Kay Kim, "Recent Malaysian Historiography", *Journal of Southeast Asian Studies*, Singapore University Press, Jil. X, No. 2, hlm. 255, nota 29.
- 2 Lihat Raja Chulan 1962, *Misa Melayu*, Cetakan baru, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, "Bibliographical Note".
- 3 J.C. Bottoms 1968, "Some Malay Historical Sources: Bibliographical Note", dalam *An Introduction To Indonesian Historiography*, Cetakan kedua disunting oleh Soejodjatmoko et al., New York: Cornell University Press, hlm. 126-193. Bagi syair, lihat misalnya hlm. 172-174 dan 184-186.
- 4 *Ibid.*, hlm. 185.

peristiwa kebakaran di Singapura pada 13 Februari 1830 dan keadaan selepasnya.⁵ Manakala syair yang kedua pula menceritakan tentang kebakaran yang berlaku di Kampung Gelam pada tahun 1847.⁶ Syair yang dua lagi, iaitu *Syaer Kampung Boyan di Makan Api* dan *Syaer Bah Singapura* tidaklah diketahui siapa pengarangnya dan juga tarikh tepat diterbitkan. Walau bagaimanapun, ia meriwayatkan peristiwa yang pernah berlaku di Singapura pada abad ke-19. Sebuah lagi ialah *Syaer Perang Siak* yang dihasilkan pada kira-kira pertengahan abad ke-19 dahulu. Syair ini menceritakan tentang Bengkalis yang merupakan sebahagian daripada Siak dan juga peperangan Siak dengan Johor.⁷

Sebenarnya, di samping pensejarahan negeri, terdapat juga beberapa syair yang meriwayatkan tokoh-tokoh (iaitu raja dan pembesar negeri) sesebuah negeri itu. J.C. Bottoms misalnya telah menyatakan tentang sebuah syair tentang riwayat hidup dan pemerintahan Sultan Zainal Abidin III, Terengganu.⁸ Dua karya yang lebih awal daripada ini yang disebut oleh penulis ini ialah *Syaer Raja Haji* dan *Syaer Sultan Mahmud di Lingga*.⁹ *Syaer Raja Haji* mengisahkan tentang riwayat Raja Haji menentang Belanda di Melaka yang berakhir dengan terbunuhnya Raja Haji.¹⁰ *Syaer Sultan Mahmud* pula merupakan sebuah syair yang panjang (melebihi 100 halaman dalam huruf jawi) yang meriwayatkan tentang "Sultan Mahmud Muzaffar Syah Ibnī Marhum Lingga dan keluarganya dan perjalanannya ke Makkah".¹¹

Selain syair yang dinyatakan oleh J.C. Bottoms itu terdapat beberapa buah syair tentang tokoh-tokoh di atas. Di Terengganu misalnya, selain *Syaer Tawarikh Zainal Abidin* terdapat sebuah lagi syair berjudul *Syaer Tuan Humphreys Terengganu*, yang ditulis oleh Hajah Wok Aisyah binti Haji Nik Idris.¹² Syair ini ditulis "bagi ingatan tawarikh semasa J.L. Humphreys mentadbir kerajaan Terengganu".¹³ Namun demi-

5 *Ibid.*

6 *Ibid.*

7 *Ibid.*, hlm. 186.

8 Syair ini berjudul *Syaer Tawarikh Zainal Abidin yang Ketiga*, 2 jilid, dalam huruf jawi (Singapura), oleh "T.D.K. dalam Kota Maziah". Lihat *Ibid.*, hlm. 174 dan nota kaki 69.

9 Lihat *Ibid.*, hlm. 186 dan 178.

10 *Ibid.*, hlm. 186.

11 *Ibid.*, hlm. 174.

12 Syair ini telah dicetak oleh Matbaah al-Abliyah, Kampung Dak, Terengganu, 1928: dalam huruf Jawi, berjumlah 29 halaman. Sebuah naskhah asal syair ini tersimpan di Arkib Negara Malaysia, Cawangan Terengganu.

13 Lihat kulit depan syair tersebut.

kian, tidaklah semua bahagian syair ini meriwayatkan peristiwa tentang J.L. Humphreys yang menjadi Ejen British dan seterusnya Penasihat British dari tahun 1915-1925. Malah syair ini boleh dibahagi kepada dua bahagian yang penting. Pertama tentang J.L. Humphreys dan kedua pula tentang Sultan Zainal Abidin III yang sezaman dengan tokoh yang menjadi judul syair.¹⁴ Tetapi syair ini dimulai dengan menceritakan sedikit sebanyak tentang diri pengarang dan juga tujuannya mengarang.¹⁵ Kemudian, barulah beliau menyentuh asal usul J.L. Humphreys sambil memberi beberapa pujian terhadapnya. Misalnya, beliau mengatakan:

“Adapun tuan muda mulia
Umurnya baru dipandang cahaya
Cantik majlis segak bergaya
Belum beristeri khabarnya dia.

Demikianlah konon madah rencana
Tuan tersangat bijak laksana
Tabah dicari barang di mana
Akalnya arif lagi sempurna.”¹⁶

Cerita tentang J.L. Humphreys terhenti pada halaman tiga. Ia disambung pula dengan bahagian dua, iaitu tentang Sultan Zainal Abidin III. Kata-kata pujian dan sanjungan juga telah diberi kepada Sultan Zainal Abidin III. Umpamanya, baginda adalah bersifat:

“Adil dan murah bukan suatu
Sangatlah alim paduka ratu
Adapun nama Sultan Paduka
Zainal Abidin yang ketiga.

Di dalam negeri jadi mustika
Memerintah jajahan ta’aluk belaka.

Rajanya alim lagi jauhari
Kitab Quran sangat pelajari

14 Lihat Muhammad Yusoff Hashim, “Syair Tuan Hampris”, hlm. 28.

15 Lihat Hajah Wok Aisyah 1928. *Syair Tuan Humphreys Terenggani*. Kampung Dak Terenggani: Matbaah al-Ahliyah, hlm. 1. Lihat juga Muhammad Yusoff Hashim, “Syair Tuan Hampris”, hlm. 29-30 bagi riwayat hidup pengarang dan suaminya.

16 *Ibid.*, hlm. 2.

Akhirnya tidak lagi terperi
Termasyhur khabar ke sana kemari."¹⁷

Walau bagaimanapun secara amnya, syair ini adalah tentang "kedua-dua tokoh Terengganu ini diterangkan segala macam sifat keistimewaan mereka, sebagai manusia dan pemerintah pentadbir yang ulung di situ. Diterangkan juga bermacam-macam peristiwa yang terjadi di Terengganu, tetapi kesemuanya menyangkuti hal-hal yang terlibat dengan mereka."¹⁸ Oleh sebab itu, sedikit sebanyaknya syair ini boleh dijadikan salah satu sumber kajian sejarah Terengganu, khususnya bagi tempoh yang berkait dengan zaman kedua-dua tokoh tersebut.

Sebuah lagi syair sejarah tentang tokoh ini *Syaer al-Marhoem Baginda Sultan Abu Bakar di Negeri Johor*, yang dikarang oleh seorang Cina peranakan, bernama Na Tien Piet.¹⁹ Seperti yang digambarkan oleh judulnya, syair ini adalah tentang riwayat hidup Sultan Abu Bakar Johor yang memerintah dari tahun 1862–1896.²⁰ Namun demikian, ia memuatkan juga beberapa rangkap syair di bahagian permulaan yang menceritakan sedikit tentang riwayat hidup penulis.²¹ Beliau juga merendah diri dengan menganggap dirinya sebagai "bukan orang yang bijaksana", dan juga "sangat bebal sudahlah nyata dan kurang faham berkata".²² Tujuan beliau mengarang juga disebutkan, iaitu:

Beta mengarang kerana Alla[h]

17 *Ibid.*, hlm. 3.

18 Muhammad Yusoff Hashim, "Syair Tuan Hampris", hlm. 28.

19 Berlainan dengan syair-syair yang lain, syair ini telah ditulis dan diterbitkan dalam tulisan rumi, setebal 200 halaman dan diterbitkan di Singapura, 1896.

20 Bagi riwayat hidup Sultan Abu Bakar ini, lihat juga Muhammad Said bin Haji Sulaiman 1940. *Hikayat Johor dan Tawarikh al-Marhum Sultan Abu Bakar*. Cetakan ke-10, Singapura: Malaya Publishing House Ltd., hlm. 12–75.

21 Beliau adalah peranakan Cina yang telah dilahirkan di Bangkokulu dan pindah berniaga ke Singapura pada ketika berumur 24 tahun. Beliau beragama Kristian dan besar kemungkinan beliau mempunyai hubungan yang rapat dengan keluarga istana Johor dan juga pembesar-pembesar negeri itu. Misalnya, Datuk Bentara Luar, iaitu Muhammad Salleh bin Perang pernah mengutus surat jawapan kepada sahabatnya, iaitu Na Tien Piet di Singapura yang meminta beliau menceritakan riwayat hidupnya. Sebagai gambaran, surat ini bermula dengan "ke hadapan majlis sahabat dan kekasih saya Tuan Na Tien Piet. Lihat Muhamamad bin Haji Alias 1928. *Tarikh Datuk Bentara Luar*. Johor Bahru: Matbaah al-Atlas, hlm. 54–93. Bagi riwayat hidup Na Tien Piet, lihat syair karangan beliau, iaitu *Syaer al-Marhoem Baginda Sultan Abu Bakar di Negeri Johor*, bahagian yang pertama, Singapura, 1896, hlm. 1, 2, 3 dan 200.

22 *Ibid.*

Boekannya maksud untuk mentjela
 Djikalau dikarang ada yang sala[h].
 Maafkan beta yang membatja segala.²³

Syair ini terbahagi kepada dua bahagian tetapi dari segi isi kandungannya, ia khususnya memuatkan riwayat hidup Sultan Abu Bakar dari sejak baginda dilahirkan pada tahun 1831 sehingga menjadi pemerintah pada tahun 1861,²⁴ dan seterusnya baginda mangkat pada tahun 1896. Bahagian pertama (hlm. 1-100) selain menceritakan sedikit sebanyak tentang diri pengarang dan juga tentang Datuk Bentara Luar (Muhammad Salleh bin Perang), memuatkan juga beberapa jamuan dalam pesta yang dianjurkan oleh baginda sempena beberapa peristiwa. Misalnya, pesta perkahwinan puteri baginda dengan anak saudara baginda sendiri, iaitu Engku Ahmad yang diadakan pada tahun 1894.²⁵ Pesta tari-menari (ball) diadakan pada tahun 1895 bersempena dengan penerimaan bintang daripada Raja China dan juga penggubalan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor. Majlis ini diadakan di istana Tiyersell dengan dihadiri oleh kira-kira 750 jemputan, termasuklah yang lain.²⁶ Selain itu, bahagian ini juga memuatkan usaha dan kegiatan baginda memaju dan menambah lagi kawasan penempatan di Johor. Seterusnya, dirakamkan juga peristiwa baginda berangkat ke London pada tahun 1885 dan diberi gelaran "Sultan" oleh Ratu Victoria.²⁷ Ciri-ciri terbilang baginda juga banyak dimuatkan di bahagian pertama dan disambung

23 *Ibid.*, hlm. 6.

24 Tarikh baginda naik takhta itu dinyatakan pada halaman 47 seperti yang berikut:

"Setelah ajahanda Baginda mangkat
 Taheen 1861 Baginda diangkat
 Semua orang segalanya moefakat
 Djadi Maharadja diberi pangkat."

Sebenarnya tarikh ini bertentangan dengan tarikh yang terdapat dalam sumber-sumber yang menyebut tarikh berkenaan pada tahun 1862 atau Sanat 1278. Lihat misalnya Muhammad Said bin Haji Sulaiman, *Hikayat Johor*, hlm. 15. Lihat juga Haji Buyong Adif 1980, *Sejarah Johor*. Cetakan kedua, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 245.

25 Na Tien Piet, *Shaer Almarhoem*, hlm. 14-28.

26 *Ibid.*, hlm. 28-44. Lihat juga Muhammad Said bin Haji Sulaiman, *Hikayat Johor*, hlm. 63-64, yang antara lain mengatakan bahawa, "Majlis menari (ball) yang diadakan pada malam itu boleh dikatakan sebesar-besar majlis menari iaitu belum pernah jadi dalam Singapura dan Tanah Melayu sedemikian".

27 *Ibid.*, hlm. 68-72.

dalam bahagian kedua. Antaranya, baginda adalah seorang raja yang:

“Duduk bertakhta di Johor Negeri
Sultan yang arif bijak bistari
Sukar bandingannya dapat dicari
Sangat masyhur namanya diri.”²⁸

Sungguh baik budinya baginda
Budi bahasanya sangatlah indah
Sangat manis tutur dan sabda
Tentulah memuji segala menda.

Di mana boleh dapat dicari
Seperti perangai baginda histari
Sukar dicari keliling negeri
Dengan sebenarnya beta berper.”²⁹

Bahagian kedua syair ini (halaman 101–200) selain meneruskan catatan usaha baginda memajukan Johor, banyak menumpukan pada tempoh akhir pemerintahan baginda, dan juga tentang kegeringan serta akhirnya kemangkatan baginda di London pada 4 Jun 1895.³⁰ Malah, peristiwa kegeringan, kemangkatan dan seterusnya penghantaran jenazah dari London pada pemakaman baginda itulah yang merupakan sebahagian besar isi kandungan bahagian kedua syair ini.³¹ Selebihnya ialah merupakan “doa” dan pujian Na Tien Piet terhadap kebesaran dan keadilan baginda.³² Sebagai sebuah karya pensejarahan berbentuk syair, kemungkinan berlaku tokok dan tambah. Akan tetapi gambarannya yang

28 *Ibid.*, hlm. 8.

29 *Ibid.*, hlm. 40. Lihat juga hlm. 53, 124.

30 *Ibid.*, hlm. 135.

31 *Ibid.*, hlm. 128–174.

32 Di halaman 83, Na Tien Piet mengatakan:

34 tahoen soeda memerinta[h]
Menjdhapi Sultan di Johor Kota
Brapa mendapat bersoeka tjita
Pergi blaijar koelilingnja rata.

Poecalah kesenangan di dunia ini
Soeda maliat negri kesana sini
Soeda meninggalkan doena yang fani
Senang disorga sekarang ini.

terperinci tentang tokoh yang diriwayatkan sedikit sebanyaknya dapat juga membantu kita mengenali tokoh seperti Sultan Abu Bakar.

Seterusnya sebuah lagi syair sejarah tokoh ialah karya Mejar Dato' Muhammad Said bin Sulaiman berjudul *Syaer Riwayat Hidup Yang Amat Mulia Tengku Ampuan Besar Pahang (Tengku Mariam bt. Sultan Abu Bakar Johor)*.³³ Syair ini meriwayatkan sejarah hidup Tengku Mariam puteri Sultan Abu Bakar Johor yang telah dilahirkan di Singapura pada tahun 1871. Tengku Mariam kemudian berkahwin dengan Sultan Mahmud Pahang dan diberi gelaran Tengku Ampuan Besar Pahang. Gelaran tersebut telah diberi setelah Tengku Mariam menjadi Permaisuri Pahang, iaitu selepas kemangkatan Sultan Ahmad Pahang pada tahun 1914. Baginda telah digantikan oleh Sultan Mahmud yang memerintah selama kira-kira tiga tahun sahaja (1914-1917). Setelah baginda mangkat, Tengku Mariam telah dibawa semula kembali ke Johor oleh adindanya, Sultan Ibrahim. Tengku Mariam telah meninggal dunia pada tahun 1952 dan juga dimakamkan di Makam Mahmudiah.³⁴ Selain itu, syair ini juga mengandungi beberapa kisah yang berkaitan dengan "enam orang sultan-sultan kita Melayu" iaitu Sultan Abu Bakar, dan Sultan Ibrahim Johor; Sultan Ahmad, Sultan Mahmud, Sultan Abdullah dan Sultan Abu Bakar Pahang. Di samping itu, syair ini juga mengandungi satu bahagian yang terdiri daripada 16 rangkap syair berjudul "Jepun Melanggar Malaya".³⁵ Sebenarnya perkara yang dimuatkan dalam syair ini merupakan sebahagian daripada peristiwa yang berlaku dan dilalui oleh Tengku Mariam pada sepanjang hayatnya (1871-1952). Syair ini telah diterbitkan pada tahun 1953, iaitu ketika karya pensejarahan berbentuk syair, malah karya-karya yang berupa syair, sudah tidak begitu mendapat tempat lagi jika dibandingkan dengan waktu sebelum Perang Dunia Kedua misalnya. Namun, pengarang telah memberanikan diri merakamkan riwayat hidup tokoh berkenaan dalam bentuk yang demikian. Selepas itu, setakat yang diketahui, boleh dikatakan tiada lagi diterbitkan karya-karya pensejarahan berbentuk syair, kecuali sebuah yang berjudul *Syair Pelayaran Sultan Iskandar Perak*, oleh Abdul Talib Ahmad.³⁶ Namun demikian, syair ini adalah penyalinan

33 Mejar Dato' Haji Muhammad Said bin Haji Sulaiman, 1953. *Syaer Riwayat Hidup Yang Amat Mulia Tengku Ampuan Besar Pahang (Tengku Mariam bt. Sultan Abu Bakar Johor)*. Pejabat Kerajaan Johor, diterbitkan dalam huruf jawi, berjumlah 17 halaman.

34 *Ibid.*, hlm. 15.

35 *Ibid.*, hlm. 11-12.

36 Abdul Talib Ahmad 1958. *Syaer Pelayaran Sultan Iskandar Perak*. Kuala Lumpur

semula daripada syair yang terdapat dalam *Misa Melayu* karya Raja Chulan. Walaupun ia diterbitkan kira-kira dua abad sejak ia mula-mula dikarang, namun isi dan bentuknya tidaklah banyak berubah.

BAB 4

RIWAYAT HIDUP DALAM BENTUK PROSA: 1800-1930

Bentuk karya yang lebih mantap kesejarahannya daripada riwayat hidup dalam bentuk syair ialah riwayat hidup yang dihasilkan dalam bentuk prosa. Ia dianggap demikian kerana bentuk ini lazimnya tidaklah memberi ruang yang begitu banyak bagi pengarang/penulisnya untuk memperkembangkan imaginasi sejarahnya melalui ungkapan ataupun rima bahasa seperti yang perlu dilakukan dalam syair. Dari segi penghasilannya pula, karya-karya seperti ini, iaitu dilihat dari segi bentuk umumnya, sudah pun wujud sejak terdapatnya karya-karya seperti *Hikayat Muhammad Hanafiah* dan *Hikayat Amir Hamzah* seperti yang dimuatkan dalam *Sulalatus Salatin*. Artinya, bentuk ini secara umumnya sudah dapat dikesan sejak zaman Empayar Melayu Melaka lagi. Walau bagaimanapun, bentuk yang awal itu tidak begitu menepati pengertian atau takrif pensejarahan riwayat hidup yang sebenarnya kerana kandungannya merupakan kegiatan kembara nekad tokoh-tokoh berkenaan bertujuan menonjolkan ketokohan mereka ataupun untuk iktibar dan teladan. Oleh sebab itu, riwayat ini tidak menepati riwayat hidup yang sebenarnya, tetapi menjadi riwayat kegiatan atau pengembaraan tokoh-tokoh berkenaan bagi memenuhi satu tugas ataupun tujuan hidup.

Sepanjang yang dapat dikesan setakat ini, keadaan ini tidaklah banyak berubah sehinggalah munculnya karya Abdullah Munsyi berjudul *Hikayat Abdullah* pada kira-kira pertengahan abad ke-19. Karya ini boleh dianggap sebagai karya pensejarahan riwayat hidup yang terawal dalam erti kata yang sebenarnya walaupun beberapa kelemahan dan "penyelewengan" masih dilakukan oleh pengarangnya. Lebih istimewa lagi, *Hikayat Abdullah* bukanlah semata-mata riwayat hidup, tetapi adalah riwayat diri (autobiografi) yakni riwayat hidup yang ditulis sendiri

oleh tokoh yang berkenaan, iaitu Abdullah Munsyi.¹ Karya ini mula ditulis pada tahun 1840 dan telah diterbitkan dengan cap batu pada tahun 1849. Tujuan utama beliau menulis karya ini ialah untuk memenuhi permintaan "seorang sahabatku, iaitu orang putih yang kukasihi akan dia; maka ialah meminta sangat-sangat padaku, iaitu hendak mengetahui akan asal usulku, dan peri hikayat kehidupan diriku; maka ia meminta karangkan satu kitab dalam bahasa Melayu."² Selepas itu, beliau menyatakannya rasa keberatan dan "picik pengetahuannya" dalam hal mengarang untuk memenuhi "kehendak kekasih"nya itu.³ Namun demikian, beliau akan mencuba sedaya upaya dan memohon kepada Allah S.W.T. agar ia dapat memenuhi tugas yang telah diberikan kepadanya itu.⁴

Sesuai dengan hasratnya untuk menghasilkan sebuah riwayat hidup bagi memenuhi permintaan orang yang dikasihi itu, beliau memulakan penulisannya dengan berkata:

"Bahawa sekarang dengarkan olehmu, hai kekasihku. Maka adalah aku karangkan akan kitab ini dari hal hikayat diriku, maka ku namai akan dia *Hikayat Abdullah*."⁵

Selepas itu, beliau memberi satu sinopsis tentang kandungan hikayatnya itu. Kata beliau:

"Maka adalah kurencanakan dalamnya dari zaman moyangku sampailah kepada masa aku diperanakkan oleh ibuku dalam negeri Melaka, barang dipelihara Allah daripada segala merbahaya dan bencana, sehingga barang yang ku lihat hal ehwal zaman-zaman yang tersebut itu, baik dalam negeri dan ku dengar daripada segala Melaka; baik dalam negeri Singapura adalah kusebutkan dalam hikayatku ini, iaitu sehingga kepada tarikh penghabisan kitab ini."⁶

Abdullah telah membahagikan karyanya kepada 27 bab, termasuk

1 Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi memang merupakan pendeta Melayu keturunan India-Arab yang terkenal pada abad ke-19. Bagi riwayat hidup dan beberapa perbincangan tentang karyanya, lihat misalnya R.A Datoek Besar dan R. Roofvink 1953. *Hikayat Abdullah*. Djakarta: Penerbitan Djambatan, "Pendahuluan", hlm. VII-XVII.

2 *Ibid.*, "Maqadimah", hlm. 1.

3 *Ibid.*

4 *Ibid.*, hlm. 3.

5 *Ibid.*, hlm. 4.

6 *Ibid.*

bab terakhir yang berjudul "Kata Penghabisan". Namun demikian, riwayat hidup ataupun autobiografi beliau sendiri hanya dimuatkan dalam tiga bab yang masing-masing berjudul "Hikayat Abdullah", "Peri Abdullah Diperanakkan", dan "Permulaan Belajar Mengaji". Bab-bab yang berikutnya menceritakan kegiatan dan pengalaman beliau, sama ada semasa di Melaka ataupun di Singapura. Bab-bab tersebut memanglah menepati bahagian kedua sinopsisnya iaitu, "barang yang kulihat dan kudengar daripada segala hal ehwal zaman-zaman yang tersebut itu, baik dalam negeri Melaka, baik dalam negeri Singapura, adalah ku-sebutkan dalam hikayatku ini" Dengan hal yang demikian, bab-bab yang berikutnya diberi judul yang sesuai dengan, "segala yang kulihat dan kudengar" tadi. Misalnya Bab Empat berjudul, "Darihal Kota Melaka", Bab Enam; "Darihal Tuan Raffles", Bab Lapan; "Dari hal Tengku Panglima Besar", Bab Sebelas; "Darihal Negeri Singapura", Bab Tiga Belas; "Darihal Tengku Long", Bab Dua Puluh; "Darihal Doktor Mengubati Penyakit Pasang-pasangan", Bab 23; "Inilah Silsilah Asal Penghulu Naning", dan Bab 24; "Darihal Sultan Hussien Syah Singapura".⁷

Dalam pada itu, *Hikayat Abdullah* ini juga mengandungi beberapa komentar dan kritikan kemasyarakatan, iaitu seperti yang gemar dilakukan oleh Abdullah dalam setiap buah karyanya. Sebenarnya kegemarannya ini merupakan satu ciri terpenting bagi karya-karya pendeta Melayu yang agung ini. Dalam *Hikayat Abdullah* misalnya, kritikan itu bermula dari halaman pertama "muqadimah" lagi apabila beliau mengatakan, "kebanyakan pula orang yang mengaku dirinya pada zaman ini pandai. Dan cakupnya pun berlebihan, supaya dipercaya orang akan dia pandai, tetapi cakap angin sahaja".⁸ Walau bagaimanapun, komentar dan kritikan yang terus terang itu kebanyakannya dibuat di bahagian awal hikayat ini iaitu bahagian riwayat hidup beliau itu sendiri dan dengan subjudul khas, "Nasihat".⁹ Dalam "Nasihat" di akhir Bab 3 misalnya, beliau mengatakan:

"Adalah suatu heran lagi tercengang aku sebab melihatkan dan memikirkan hal orang Melayu ini belum sadar akan dirinya. Ia tinggal da-

7 *Ibid.*, hlm. 4-18.

8 *Ibid.*

9 *Ibid.*, "Muqadimah", hlm. 1-2. Lihat juga para dua dan dalam halaman yang sama sementak. Selat telah menjadi negeri, belalang telah menjadi lang, dan pijat-pijat pun telah menjadi kura-kura, dan cacing pun telah menjadi ular naga".

10 Lihat misalnya, *Ibid.*, hlm. 33, 22 dan 46.

lam bodohnya itu, oleh sebab ia tiada mahu belajar bahasanya sendiri, dan tiada mahu menaruh tempat belajar bahasanya itu. Maka mustahil pada akal, adakah orang yang tiada belajar itu boleh pandai sendirinya. Bukanlah segala bangsa-bangsa yang lain dalam dunia ini masing-masing ada belajar bahasanya melainkan orang Melayu. Dan lagi pula katanya; apakah gunanya dipelajari kerana ia itu bahasa kita, lagi-pun dalam dunia sahaja berguna; terbaik bahasa Arab berguna dunia-akhirat. Itupun benar juga; tetapi heran aku, bagaimana boleh diketahuhi bahasa orang lain, jikalau sebelum mengetahui bahasa kita sendiri dahulu. Akan tetapi ia berkata-kata itu dalam bahasa Melayu; ia berjual beli dan berkirim surat dan membalas surat dengan bahasa Melayu juga. Maka belumlah aku pernah melihat, baik orang Melayu, baik peranakan, atau barang bangsa Arab dalam pekerjaannya, baik dalam berniaga atau menulis kira-kiranya atau berkirim surat atau membalas surat; melainkan sekalian. Mereka itu menggunakan bahasa masing-masing melainkan dalam sembahyang atau doa itulah sahaja."¹¹

Terdapat juga beberapa komentar lagi yang dimuatkan di bahagian lain dalam hikayat ini, iaitu sebagai untuk mendapatkan ikhtibar atau tefadan daripada sesuatu peristiwa itu. Misalnya, tatkala melihat peristiwa kematian mawas jantan akibat kecewa kerana kematian mawas betina kira-kira seminggu yang lalu, beliau menulis; "maka insaflah hatiku sebab melihatkan hal yang demikian itu. Sedangkan binatang lagi sekian ia berkasih-kasihan laki-bini, istimewa pula kita ini manusia ini. Bahawa mengambil ibaratlah daripada binatang itu".¹²

Oleh hal yang demikian, *Hikayat Abdullah* ini sebenarnya telah melebihi daripada yang berupa riwayat hidup semata-mata. Lebih tepat jika ia dianggap sebagai satu "kenang-kenangan hidup" bagi Abdullah Munshi, kerana apa yang terkandung di dalamnya adalah bermaksud demikian, iaitu selain sedikit tentang riwayat hidupnya. Oleh sebab itu, karya beliau ini, di sebalik adanya beberapa unsur tradisi yang berupa unsur-unsur kesusasteraan seperti perbuahan dan puisi, adalah sangat penting, bukan sahaja dari sudut pensejarahan Melayu, tetapi juga dari sudut sumber sejarah tanah air, iaitu seperti juga karyanya yang berjudul *Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan* dan *Kisah Pelayaran Abdullah ke Negeri Jeddah*.

¹¹ *Ibid.*, hlm. 46.

¹² *Ibid.*, hlm. 78.

Hikayat Napoleon Bonaparte atau Napoleon I

Sebuah lagi karya pensenjarahan tokoh ialah tentang Napoleon Bonaparte, iaitu seorang tokoh negara Perancis yang berasal daripada orang kebanyakan dari Pulau Corsica. Oleh sebab kepintarannya di bidang ketenteraan, beliau telah diangkat menjadi jeneral dalam usianya yang masih muda, iaitu kira-kira 21 tahun (1784). Pada ketika itu, Perancis masih dalam keadaan kucar-kacir akibat revolusi tahun 1789 dan juga peperangan penaklukan yang dijalankan oleh tentera revolusi. Tentera revolusi telah menghadapi beberapa kesukaran dan kekalahan di Semenanjung Itali. Memandangkan keadaan itu, pihak berkuasa di Perancis telah menghantar Napoleon Bonaparte ke Semenanjung Itali untuk mengukuhkan kuasa Perancis di situ. Beliau telah mendapat kejayaan yang besar di Itali. Selepas mencapai kejayaan demi kejayaan, Napoleon telah menjadi tokoh politik dan tentera yang paling berkuasa di Perancis. Akhirnya, pada 20 Mei 1804, "dengan kesukaan orang banyak maka Napoleon diangkat dan dijadikan Kaiser dengan kuasa menyebutkan dirinya, "Napoleon dengan rahmat Allah" dan dengan menurut aturan negeri telah menjadi kaiser atas segala bangsa Perancis".¹³ Berikutan dengan itu, peperangan penaklukan ke atas negara-negara Eropah yang lain diperhebatkan lagi sehinggalah beliau menguasai kebanyakan negara itu kecuali England. Napoleon memang berhasrat memerangi dan menakluki England, tetapi tidak berjaya. Kemudian beliau ingin menakluki Rusia pula. Hikayat ini menceritakan bahawa "pada tahun seribu delapan ratus dua belas maka Kaiser-Napoleon berangkat ke Rusia dengan 500 000 orang bala tenteranya dibantu oleh bangsa Austria dan Prussia dan Hollanda".¹⁴ Tetapi serangan ini sangat merugikan dan mengecewakan Napoleon. Sungguhpun pada peringkat awal ia dapat mengalahkan Rusia dan Moscow dapat ditawan, namun dasar "bakar dan undur" yang diamalkan oleh Rusia ke atas bandar atau wilayah yang akan diserang oleh Napoleon, menyebabkan kesukaran, kesengsaraan dan kematian yang bukan sedikit di pihak Napoleon. Moscow telah dibakar oleh tentera Rusia. Akhirnya, Napoleon terpaksa ber-

13. Lihat "Bahawa ini Hikayat Napoleon Bonaparte atau Napoleon I, iaitu Seorang Raja Negeri Perancis yang Amat Masyhur Namanya Daripada Sangat Bijak dan Perkasa-nya dan Beraniaya Beberapa Negeri-negeri Dikalangkannya Dengan Perang Sehingga Ia Menjadi Raja Besar Bergelar Emperor atau Kaiser." Tercetak pada Percetakan Kerajaan Lingga: T.H. 1305, hlm. 62.

14. *Ibid.*, hlm. 101.

undur dan dalam perjalanan pulang ke Perancis itu mereka telah diburu dan diserang pula oleh tentera Rusia. Keadaan cuaca yang sejuk dan salji yang kian menebal telah menyukarkan lagi perjalanan mereka. Akibatnya, daripada sejumlah 500 000 tentera yang dibawa hanya kira-kira 50 000 sahaja yang selamat, itu pun setakat kota Smolensco,¹⁵ sebelum mereka berpecah pergi ke negeri masing-masing sambil diburu oleh tentera Rusia. Sesungguhnya, usaha Napoleon memerangi dan menakluki Rusia merupakan salah satu peristiwa yang menyebabkan kejatuhannya.

Dalam pada itu, beberapa negara Eropah yang lain yang diketuai oleh England telah bermuafakat memerangi Napoleon secara besar-besaran. Akhirnya, Napoleon telah dapat dikalahkan di Leipzig dan beliau turun takhta pada 11 April 1814. Berikutnya, beliau telah dibuang negeri ke Pulau Elba dan dijadikan raja di situ. Tetapi beliau kemudiannya melarikan diri dan pulang ke Paris. Kepulungannya telah membangkitkan semula semangat orang Perancis. Kuasa-kuasa Eropah sekali lagi bermuafakat untuk memeranginya. Peperangan telah bermula pada 15 Jun 1815 dan berakhir pada 6 Julai 1815 dengan kekalahan di pihak Napoleon di medan pertempuran Waterloo.¹⁶ Napoleon telah menyerah diri dan dihukum buang negeri ke Pulau St. Helena. Beliau dan pengikutnya sampai di situ pada 4 Ogos 1815.¹⁷ Beliau meninggal dunia pada 4 Mei 1821.¹⁸

Hikayat ini tidaklah diketahui siapa pengarangnya yang sebenar. Hanya di bahagian akhir, iaitu selepas perkataan "demikianlah ceteranya tamat", ada dimuatkan dua huruf rumi, iaitu P.B. yang mungkin merupakan dua huruf awal bagi nama pengarangnya. Tetapi keterangan yang lebih lanjut tidak dinyatakan; oleh itu, kedua-dua huruf itu tidaklah dapat membantu bagi menyelesaikan masalah ini. Kemungkinan juga ia merupakan sebuah karya terjemahan daripada bahasa Inggeris kerana huruf P.B. itu, dan juga penerangan gambar lukisan terakhir di dalamnya, iaitu gambar Napoleon, adalah dalam bahasa Inggeris.¹⁹ Lagipun, tarikh-tarikh yang dimuatkan semuanya tarikh Masihi dan bukannya tahun Hijrah seperti lazimnya yang terdapat dalam *Hikayat Abdullah*

15 *Ibid.*, hlm. 106.

16 *Ibid.*, hlm. 118-120.

17 *Ibid.*, hlm. 121.

18 *Ibid.*, hlm. 122.

19 Penerangannya itu berbunyi, "St. Helena: The Last Phase by J. Sant, R.A [Copyright]".

atau karya-karya pensejarahan Melayu yang dihasilkan pada abad ke-19.

Namun demikian, sebagai sebuah karya pensejarahan ia sangat menarik kerana beberapa sebab. Pertama; ia adalah satu-satunya karya tentang tokoh Eropah yang setakat ini diketahui dihasilkan pada abad ke-19. Kedua; ia memang menepati ciri-ciri sebuah karya pensejarahan, walaupun keadaannya masih dalam bentuk yang mempunyai beberapa persamaan dengan karya seperti *Hikayat Abdullah* dan beberapa buah karya Raja Ali Haji. Ketiga; kerana kesedaran pengarang memuatkan tarikh-tarikh yang tepat dan juga angka bilangan yang berkaitan dengan sesuatu peristiwa penting. Walau bagaimanapun, buku ini masih tidak terlepas daripada beberapa ciri pensejarahan tradisi terutamanya unsur-unsur yang berupa kata perbualan dan juga kesedaran yang asas terhadap fungsi sejarah itu. Dalam hal yang berkaitan dengan kesedaran sejarah itu, pengarang beranggapan bahawa sejarah mempunyai fungsi sebagai iktibar sahaja. Oleh itu, pada halaman terawal lagi, pengarangnya mengingatkan bahawa raja yang masyhur dan gagah seperti Napoleon itu pun boleh mengalami kejatuhan. "Daripada hal itu adalah nyata bahawa kehidupan dan selamat dunia ini tiada kekal adanya kerana barang siapa yang kaya mudah menjadi miskin, dan barang siapa yang besar dengan mudah jua dapat kehinaan walau raja-raja sekalipun mana yang terlalu ingkar dan zalim dengan mudahnya ia jatuh daripada takhta kerajaannya."²⁰ Walau bagaimanapun, hikayat ini berakhir dengan pengambilan mayat Napoleon dari Pulau St. Helena dan dikebumikan semula di Paris, "dengan segala kehormatan dan kebesaran sebagaimana yang patut kepada raja besar ..."²¹

Sebuah lagi karya pensejarahan tentang tokoh terkenal ialah penulisan yang dihimpunkan oleh Muhammad Haji Alias yang diberi judul *Tarikh Dato' Bentara Luar Johor* penggal pertama, yang diterbitkan di Johor Bahru oleh Matbaah al-A'raf, 1347 H = 1928 M.²² Seperti yang ternyata, karya ini bukanlah sepenuhnya ditulis oleh Muhammad Haji Alias. Malah beliau hanya menghimpunkan penulisan dan catatan yang pernah dibuat oleh Datuk Bentara Luar. Usahanya itu telah dibantu oleh

20 *Ibid.*, hlm. 2. Lihat juga hlm. 10.

21 *Ibid.*, hlm. 122.

22 Diterbitkan dalam tulisan Jawi, berjumlah 137 halaman. Penyusun bercadang menerbitkannya dalam empat penggal. Penulis hanya membuat kajian tentang penggal pertama sahaja. Karya ini telah diterjemahkan dan dikaji oleh Amin Sweeney 1986 *Reputations Live on. An Early Malay Autobiography*. Berkeley: University of California Press.

oleh anak Allahyarham, iaitu Sulaiman bin Muhammad Salleh bin Perang.²³ Selain kerja "menghimpun" dan "menyusun" itu, Muhammad Haji Alias juga telah memberikan satu "Pendahuluan" dan "Pengenalan" ringkas bagi karya ini. Dalam "Pendahuluan", penyusun telah menyatakan tujuan beliau menghasilkan karya ini, iaitu, "...bergeraklah perasan hamba yang lemah menghendaki tahu akan tarikh Allahyarham itu dengan terangnya..."²⁴ Ini adalah kerana, "...didapati bahawasanya tidaklah Allahyarham itu seorang yang hanya terbilang dalam tawarikh Johor dalam perkara juga membuka atau menjadikan negeri sahaja, tetapi bolehlah jua dikatakan iaitu seorang daripada ahli geografiyah yang masyhur di antara orang-orang Melayu dalam zamannya, panglima perang yang berani dan setiawan dalam gelanggang peperangan ahli syair Melayu yang terbilang, dan ahli permainan dan bunyi-bunyian yang mahir".²⁵

Dari segi kandungannya, bahagian pertama meriwayatkan sejarah Datuk Bentara Luar ("Fakir Muhammad Salleh bin Perang") sejak beliau dilahirkan pada Tahun Hijrah 1257 = Tahun Masihi 1841. Selepas itu, terus diceritakan tentang tokoh itu mula berkhidmat dengan kerajaan Johor dan banyak terlibat dalam pembukaan bandar baru seperti Muar (1887), Endau (1892) dan Batu Pahat (1893). Halaman akhir bahagian ini mencatatkan tentang kematian Datuk Bentara Luar, iaitu pada 18 Syaaban 1333 H = 21 Julai 1915 dan dikebumikan di Makam Mahmudiah, Johor Bahru.²⁶ Bahagian kedua pula memuatkan jurai keturunan beliau, "pelajarannya dan kehidupannya serta perihal membuka Johor Bahru dan peperangan Jementah, Hulu Muar, yang demikian olehnya sendiri pada tahun 1894 dan dikirinkannya kepada seorang sahabatnya bernama Tuan Na Tien Piet pengarang surat khabar yang bernama *Pembrita Betawi* di Tanah Jawa."²⁷ Sebenarnya, bahagian kedua sedikit sebangunnya merupakan ulangan dan pengembangan dari bahagian yang pertama. Perkara menarik dalam bahagian ini, iaitu di samping maklumat dari isi kandungannya, ialah penyampaiannya yang baik.

23 Muhammad bin Haji Alias 1928, *Tarikh Dato' Bentara Luar*, "Pendahuluan", hlm. 8-9.

24 *Ibid.*, hlm. 7.

25 *Ibid.*, "Pendahuluan" hlm. 10.

26 *Ibid.*, hlm. 33-34.

27 Merupakan sepicik surat yang panjang lebar daripada beliau kepada "sahabat dan kekasihnya" Na Tien Piet itu. Ia mengandungi sejarah hidup, kegiatan serta sumbangannya terhadap pembangunan Johor. Lihat *Ibid.*, hlm. 54-93.

Bahagian ketiga pula ialah perihal Y.B. Dato' Bentara Luar mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar Ibn Ibrahim Johor ke Negeri China dan Jepun.²⁸ Lawatan ini dilakukan pada tahun 1883 dan catatan yang dibuat hanya sampai ke Jepun sedangkan catatan perjalanan balik ke Johor tidak dimuatkan. Sebenarnya karya ini tamat di situ sahaja dan di bawah sekali dinyatakan, "Habis penggal pertama, akan datang Penggal Kedua, Insya-Allah."²⁹ Bahagian ini hanya terdiri daripada catatan peribadi Datuk Bentara Luar iaitu yang berkaitan dengan tarikh dan waktu perjalanannya, penglihatan serta pengalamannya dalam perjalanan dan sesudah berada di kedua-dua negara tersebut. Ia tidaklah diolah atau "dikarang" dengan baik seperti surat beliau yang termuat dalam bahagian kedua. Penyusunnya telah menyatakan hal ini dengan merakamkan bahawa, "segala rencana yang di bawah ini ialah dipungut daripada sebuah buku diari (buku peringatan harian) yang ditulis olehnya sendiri yang didahulukan segala rencananya dengan pantun ..."³⁰ Walau bagaimanapun, bagi kesimpulannya karya ini boleh juga diterima sebagai karya pensenjarahan Melayu yang sudah mempunyai beberapa ciri pensejarahan moden. Lebih baik lagi, ia merupakan satu sumber sejarah yang penting bukan sahaja bagi Datuk Bentara Luar, tetapi bagi negeri Johor. Sementelah, beliau adalah tokoh yang telah banyak berjasa kepada negerinya, terutama dari segi memodenkan dan mempertahankannya daripada dikuasai seluruhnya oleh kuasa British.

28 *Ibid.*, hlm. 94.

29 *Ibid.*, hlm. 137.

30 *Ibid.*, hlm. 94. Bagi pantun itu, sila lihat hlm. 95-96, yang antaranya memuatkan "doa" memohon agar pemergian mereka selamat pergi dan balik.

BAB 5

RIWAYAT HIDUP DALAM BENTUK PROSA: 1930-1960

Selepas penerbitan *Tarikh Dato' Bentara Luar* sehinggalah tahun 1960, memang terdapat beberapa buah lagi pensejarahan riwayat hidup. Sungguhpun jumlahnya tidaklah begitu memberangsangkan, namun dari segi konsep, penulisnya tidaklah lagi berada dalam kekeliruan. Artinya, mereka sudah memahami sedikit sebanyak apakah ciri-ciri yang diperlukan bagi menghasilkan karya yang berbentuk demikian. Antaranya, ia haruslah mengandungi riwayat hidup tokoh yang berkenaan, (ibu bapa, kelahiran, pendidikan, kedudukan, kegiatan, kejayaan dan rumah tangga) dan bukanlah riwayat pengembaraannya sahaja.

Selain karya yang berupa terjemahan, maka karya asal dalam kategori ini yang telah diterbitkan selepas penerbitan *Tarikh Dato' Bentara Luar* ialah karya berjudul *King George Yang Keenam* hasil tulisan Ibrahim Haji Yaacob. Buku ini telah diterbitkan pada tahun 1937.¹ Walaupun karya ini bukan merupakan sebuah karya yang analitikal, hanya meriwayatkan kisah kehidupan tokoh yang berkenaan, namun ia telah meninggalkan ciri-ciri pensejarahan tradisi dengan menampakkan kesedarannya terhadap kepentingan sumber, menggunakan bahasa moden dan tidak memuatkan unsur-unsur kesusasteraan yang terlalu ketara. Secara keseluruhannya, ia "mengandungi kisah-kisah duli yang maha mulia lagi maha besar baginda King George yang keenam, juga disertai dengan kisah-kisah yang maha mulia Maharani Queen Elizabeth sebelum yang maha mulia dan maharani itu bersemayam di atas singgahsana takhta kerajaan British dan jajahan takluknya serta tanah jajahannya

¹ Telah diterbitkan di Kuala Lumpur, dalam huruf jawi setebal 48 halaman.

yang amat luas di seluruh dunia."²

Sumber-sumber yang digunakan oleh pengarang adalah akhbar-akhbar berbahasa Inggeris dan "risalah yang diterbitkan oleh Royal Empire Society".³ Penulisan bermula dengan kisah King Edward yang telah turun takhta pada tahun 1936. Selepas itu, barulah ditulis riwayat hidup King George ke-VI (Duke of York) dari sejak kelahirannya (Disember 1895), mendapat pendidikan, berumah tangga dengan Lady Elizabeth, dan seterusnya ditabalkan menjadi raja pada 12 Mei 1937. Selain itu, dimuatkan juga riwayat hidup Lady Elizabeth, iaitu "Smiling Duchess" dari Scotland yang telah berkahwin dengan baginda pada 26 April 1923.⁴

Sebenarnya, karya ini ditulis sempena pertabalan King George VI menjadi Raja Empayar British menggantikan King Edward yang telah turun takhta. Oleh sebab itu, penulisannya tidaklah begitu kritis. Malah, dalam penulisan ini, Ibrahim Haji Yaacob banyak memuji dan menyanjung sifat dan sikap kedua-dua tokoh yang ditulisnya dan juga kerajaan British yang dianggapnya sebagai "empayar yang adil".⁵ Sementelah, tujuan penulisannya pula adalah sebagai satu iktibar, "... mudah-mudahan menambah perasaan setia kasih orang Melayu terhadap Yang Maha Mulia Maharaja dan Maharani yang berdaulat itu, serta taat kepada Empayar British yang adil itu".⁶ Oleh yang demikian, sesuai dengan tujuan karya ini dihasilkan, maka pengarangnya telah mengakhiri karya ini dengan doa, "Allah selamatkan King dan Queen."⁷

2 Ibrahim Haji Yaacob 1937, *King George Yang Keenam*. Kuala Lumpur, "Pendahuluan".

3 *Ibid.*

4 *Ibid.*, antara sifat dan sikap King George VI itu ialah "... berkelakuan lemah lembut dan sopan santun, dengan mempunyai hati yang sabar, tulus ikhlas." Lihat *Ibid.*, hlm. 5. Bagi Lady Elizabeth pula, beliau, "... mempunyai sifat-sifat atau bawakan yang mulia ... umpama tangan kanan bagi suaminya, dengan mengambil bahagian bagi perusahaan perempuan-perempuan". Lihat hlm. 21.

5 *Ibid.*, "Pendahuluan".

6 *Ibid.*

7 *Ibid.*, hlm. 48. Namun, pada bulan Mei tahun 1937, Ibrahim Haji Yaacob dan beberapa orang temannya telah menubuhkan sebuah parti politik radikal yang dikenali sebagai Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang telah didaftarkan pada tahun berikutnya, iaitu tahun 1938. Parti ini bersikap "sosialis, berhasrat bersatu dengan Indonesia, antipenjajahan dan antibangsawan". Lihat John Funston 1980, *Malay Politics in Malaysia: A Study of UMNO & PAS*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia Ltd.), hlm. 32. Bagi riwayat hidup yang ringkas tentang Ibrahim Haji Yaacob, lihat misalnya W.R. Roff *The Origins of Malay Nationalism* 1974. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm. 172-173.

Selain karya-karya di atas, terdapat beberapa buah lagi karya pen-
sejarahan yang sejenis bentuknya; yakni tentang tokoh-tokoh. Antara-
nya ialah *Ringkasan Tawarikh Allahyarham Haji Mohammad Taib bin
Haji Othman* (Penghulu Parit Jamil, Muar) yang dikarang oleh anak
beliau sendiri, iaitu Haji Jaafar bin Haji Mohammad Taib.⁸ Karya ini
meriwayatkan sejarah hidup Haji Mohammad Taib yang berasal dari
Tanah Jawa, merantau ke Singapura, Melaka, Muar dan akhirnya
membuka kawasan timur Parit Raja (iaitu Parit Jamil sekarang) dan
menetap di situ. Oleh sebab jasanya itu, beliau telah dilantik menjadi
penghulu di situ oleh Sultan Johor. Jawatan itu kemudiannya diturunkan
pula kepada anaknya Haji Muhammad Hassan dengan dibantu oleh Haji
Jaafar bin Haji Mohammad Taib, pengarang buku ini. Beliau juga telah
pergi menunaikan fardu haji pada tahun 1272 Hijrah. Beliau meninggal
dunia pada tahun 1331 Hijrah, hari Khamis bersamaan 11 Rabiul Awal,
setelah menunaikan sembahyang subuh.

Penerbitan buku *Ringkasan Tawarikh Allahyarham Haji Moham-
mad Taib bin Haji Othman* ini mempunyai satu tujuan yang jelas, iaitu
untuk iktibar kepada zuriatnya nanti. Di halaman terakhir karya ini,
pengarang mengemukakan soalan yang pada hakikatnya boleh men-
jelaskan tujuan iktibar tersebut. Katanya, "Apakah modal Allahyarham
ini boleh meninggalkan beberapa jasa kepada negeri dan harta benda
kepada anak-anaknya dan apakah pangkat Allahyarham itu hingga ia
dapat bersahabat dengan orang-orang besar dan raja-raja juga?"⁹ Beliau
meneruskan dengan mengatakan, "Demikianlah ringkasan tarikh per-
jalanan Allahyarham Haji Mohammad Taib itu dengan meninggalkan
beberapa jasa dan teladan yang baik dan berguna kepada anak cucunya."¹⁰

Selepas karya ini, kita dapati karya-karya tentang tokoh diterbitkan
dengan lebih kerap lagi pada tahun 1950-an. Antaranya ialah *Riwayat
Hidup Mejar Haji Muhammad Said bin Haji Sulaiman* yang ditulis oleh
tokoh itu sendiri. Sebagai seorang sejarawan, Muhammad Said sedikit
sebenarnya memahami perkara yang patut dan perkara yang tidak pa-
tut dimuatkan dalam sesebuah karya yang berupa autobiografi. Oleh
sebab itu, berbeza dengan karya Abdullah Munsyi misalnya, beliau ti-

8 Diterbitkan di Muar oleh Jamaliah Press, pada tahun 1938, dalam huruf Jawi, setebal
129 halaman.

9 Haji Jaafar bin Haji Mohammad Taib 1938. *Ringkasan Tawarikh Allahyarham Haji
Mohammad Taib bin Haji Othman* (Penghulu Parit Jamil, Muar). Muar: Jamaliah
Press, hlm. 129.

10 *Ibid.*

daklah banyak menyimpang (malah boleh dikatakan tidak menyimpang langsung) dalam hal menulis riwayat hidupnya. Ia memulakan penulisannya dengan mengatakan bahawa dia telah dilahirkan di Teluk Belanga, Singapura pada 7 Oktober 1876. Selepas itu diriwayatkan tentang pelajarannya; iaitu mula-mula masuk sekolah Melayu dan al-Quran, sekolah Inggeris, belajar bahasa Inggeris, pergi ke Makkah dan kembalinya telah belajar bahasa Inggeris dan masuk sekolah semula. Tetapi oleh sebab kekurangan wang, beliau telah berhenti setelah memasuki kelas darjah tujuh selama kira-kira empat bulan sahaja. Kemudian beliau bekerja sebagai kerani dengan seorang paderi Kristian dan setelah paderi itu pulang ke England, beliau terus bekerja dengan penggantinya, iaitu Tuan Miller. Setelah kira-kira tiga atau empat tahun menjadi kerani, beliau telah dilantik sebagai "tukang wang" di pejabat istana besar, Johor Bahru.¹¹ Selepas itu, beliau telah dilantik pula menjadi Setiausaha Sulit Sultan Johor, iaitu Sultan Ibrahim. Schinggalah beliau bersara pada bulan Mei tahun 1952, tetapi disambung semula hingga 31 Ogos 1954.¹² Di samping itu, beliau juga bergiat dalam bidang ketenteraan di negeri Johor dan sebagai membalas jasanya, beliau telah diaugerahi pangkat Kapten dan seterusnya Mejar oleh Sultan Johor. Beliau juga telah dianugerahi beberapa pingat kebesaran oleh Sultan Johor.¹³ Riwayat ini diakhiri dengan mengatakan bahawa "pada 7 Oktober Insha-Allah, sampailah umur saya kepada bilangan 79 tahun dan jatuh dalam bilangan Johor nombor tiga [tua] ..."¹⁴

Walaupun karya ini agak ringkas sahaja (cuma 16 halaman semuanya), namun ia telah memudahkan kita untuk mengetahui riwayat atau sejarah hidup sejarawan yang prolific ini. Seperti yang telah dinyatakan tadi, buku ini ditulis semata-mata untuk memaparkan riwayat hidupnya sahaja tanpa ada tujuan untuk menyisipkan perkara yang berupa komentar kemasyarakatan ataupun unsur iktibar. Sumber-sumbernya sudah tentulah berupa ingatan dan pengalaman beliau sendiri dan barangkali juga dokumen peribadi seperti surat beranak, surat perlantikan dan surat penganugerahan pingat. Karya ini tidak mengandungi ciri-ciri pensejarahan tradisi walaupun buku ini diterbitkan pada pertengahan tahun 1950-an. Oleh sebab itu, seperti kebanyakan karya pensejarahan Mu-

11. Mejar Dato' Haji Muhammad Said bin Haji Sulaiman tanpa tarikh, *Riwayat Hidup Mejar Dato' Haji Muhammad Said Sulaiman*. Tanpa penerbit, hlm. 8.

12. *Ibid.*, hlm. 15.

13. *Lihat Ibid.*, hlm. 16 bagi pingat-pingat yang telah diterima oleh beliau.

14. *Ibid.*

hammad Said, adalah tergolong dalam pensejarahan Melayu moden yang berbentuk popular.

Riwayat Hidup Tunku Abdul Rahman Putra

Pada tahun 1950-an juga telah diterbitkan sebuah karya yang penting yang merupakan biografi awal bagi tokoh yang bakal menjadi Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu dan Malaysia selepas kemerdekaannya tercapai pada 31 Ogos 1957. Karya itu berjudul *Riwayat Hidup Tunku Abdul Rahman Putra* yang dihasilkan oleh sahabat karib dan rakan seperjuangannya pada ketika itu, iaitu Abdul Aziz Ishak.¹⁵ Sungguhpun karya ini agak kecil, tetapi kedudukannya dalam pensejarahan Melayu di dalam bidang biografi sangatlah penting. Ini adalah kerana sepanjang yang diketahui setakat tarikh ia diterbitkan itu, inilah satu-satunya karya riwayat hidup seorang tokoh atau pemimpin politik tanah air yang terkenal pernah dituliskan.¹⁶

Sesuai dengan ketokohnya dalam bidang politik, maka isi kandungannya tidaklah berpusat kepada cerita peribadi beliau yang terbatas sahaja. Malahan ia meliputi pula kisah-kisah ataupun kegiatan sosio-politiknya, terutamanya semasa beliau menjadi pegawai pentadbiran awam Kedah, dan juga setelah menjadi pemimpin politik, terutamanya UMNO.¹⁷ Bahagian awalnya pula menceritakan tentang kisah beliau semasa kanak-kanak dan persekolahannya yang bermula dengan Government English School (Sekolah Sultan Abdul Hamid) dan seterusnya dihantar ke England untuk meneruskan pelajarannya pada tahun 1913. Tetapi beliau telah banyak mensia-siakan masanya di England. Pada tahun 1937, setelah beliau kembali ke Kedah buat kali kedua, beliau

15 Karya ini tidak menyatakan penerbit dan tempat diterbitkan. Kemungkinan besar ia telah diterbitkan oleh pengarangnya sendiri, sementelaha beliau juga adalah bekas seorang wartawan dan sedikit sebanyaknya arif dalam hal penerbitan buku. Karyanya diterbitkan dalam huruf jawi, setebal 135 halaman. Citatan pengarangnya dalam "Kata Pengantar" menyebut tahun 1955 sebagai tarikh penerbitannya.

16 Malah pengarangnya juga beranggapan demikian, walaupun ia menyatakan dengan cara yang agak negatif, iaitu "ia juga tidak hendak mendakwa bahawa dalam menghidangkan riwayat hidup Tunku Abdul Rahman ini ia adalah buku yang pertama dalam lapangan kesusasteraan Melayu moden yang menghidangkan cerita berkenaan seorang pemimpin politik kebangsaan". Lihat Abdul Aziz Ishak 1955, *Riwayat Hidup Tunku Abdul Rahman Putra*, Kuala Lumpur, "Kata Pengantar".

17 Menurut karya ini, Tunku Abdul Rahman "telah dipilih dengan suara terbanyak menjadi Yang Dipertua Agung UMNO pada pukul 10.05 pagi, hari Ahad 26 Ogos 1951". Lihat Abdul Aziz Ishak, *Riwayat Hidup*, hlm. 95.

masih belum lulus dalam jurusan undang-undang walaupun ia telah memasuki Universiti Cambridge untuk tujuan tersebut sejak lebih dari sepuluh tahun.¹⁸

Karya ini juga memuatkan beberapa sifat Tunku, sama ada yang terpuji ataupun yang dianggap sebaliknya. Misalnya, di beberapa bahagian kerap dikatakan bahawa Tunku adalah seorang yang suka menolong orang, suka dan mudah bergaul, suka berjenaka, mempunyai sifat kepemimpinan dan boleh menyelesaikan sesuatu keadaan yang sedang meruncing. Sebaliknya, beliau juga mempunyai sifat "suka berpelesenan" terutama ketika mudanya, dan selalu cenderung membuat keputusan seorang diri.¹⁹ Walau bagaimanapun, pengarang menyimpulkan bahawa, "dia [Tunku] adalah seorang yang mempunyai banyak sifat yang baik dari sifat yang keji".²⁰

Seperti yang dijangkakan, karya Abdul Aziz ini tidaklah mengandungi keseluruhan riwayat hidup tokoh yang ditulisnya itu. Malah ia hanya merupakan sebahagiannya sahaja, walaupun ia merupakan bahagian yang amat penting. Penulisannya terhenti setakat kira-kira tahun 1955, iaitu tatkala Tunku masih belum menjadi pemimpin kerajaan; sedangkan dua tahun selepas itu beliau telah menjadi Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu/Malaysia yang pertama sehingga tahun 1971. Namun demikian, karya ini, walaupun dalam bentuknya yang popular sahaja, memberikan juga kepada kita satu gambaran dan rujukan tentang sebahagian daripada riwayat hidup Tunku Abdul Rahman Putra yang berjuang mencapai kemerdekaan tanah air daripada penjajahan British.

Sebenarnya, pada tahun 1950-an, terdapat pula beberapa buah karya ketokohan yang diterbitkan sempena dengan kancah politik kemerdekaan. Antaranya ialah karya yang ditulis oleh Darus Ahmad, misalnya, *Raja Haji Pahlawan Terbilang* diterbitkan oleh Sinaran Bros: Pulau Pinang pada tahun 1957, dan *Dol Said: Pahlawan Naning* yang juga diterbitkan oleh Sinaran Bros., pada tahun 1957. Karya yang lain ialah *Laksamana Tun Tuah* (Kuala Lumpur, 1954) oleh A. Samad Ahmad; *Perjuangan Hang Tuah* (Johor Bahru, 1956) oleh Razak Ahmad; *Hikayat Hang Tuah-Jebat Derhaka* (Singapura, 1956) oleh Muhammad

18. Beliau hanya berjaya memperoleh kelulusan ijazah undang-undang kira-kira sepuluh tahun kemudian, iaitu pada tahun 1949, ketika beliau berumur 46 tahun. Lihat *Ibid.*, hlm. 76 dan 78.

19. *Ibid.*, hlm. 116.

20. *Ibid.*, hlm. 93.

bin Ibrahim; *Panglima Nayan* (Pulau Pinang: Sinaran Bros., 1960) oleh Mansor bin Abdullah atau Manbina dan *Lt. Nor Pahlawan Gerila*, oleh Abdul Aziz bin Zakaria (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1959). Tetapi karya-karya ini lebih merupakan roman sejarah atau cerita-cerita yang "diasaskan di atas riwayat sejarah"²¹ daripada karya pensejarahan yang sebenarnya. Tujuan utama karya-karya ini diterbitkan ialah untuk menyemarakkan lagi semangat perjuangan orang Melayu menuntut kemerdekaan. Melalui kisah-kisah sejarah, pengarang berharap dapat menanamkan keyakinan kepada masyarakat bahawa orang Melayu dahulu merupakan bangsa yang agung dan bermaruah dan mempunyai pemimpin-pemimpin serta pejuang yang gagah dan kental yang sentiasa sanggup berjuang serta berkorban demi kepentingan agama, bangsa dan nusanya.²²

Pada hakikatnya, penerbitan karya-karya seperti ini sedikit sebanyaknya merupakan lanjutan daripada penerbitan beberapa karya pada masa sebelum Perang Dunia Kedua lagi. Antaranya ialah karya-karya yang diusahakan oleh Ahmad Abdullah, atau lebih dikenali sebagai Ahmad Bakhtiar (juga Ahmad Abdullah Selangor, Cikgu Mat), iaitu seorang pengarang yang bergiat menulis sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua. Tujuannya menulis buku-buku itu adalah juga untuk membina semangat supaya "orang Melayu bersatu padu demi kepentingan bangsa dan nusa".²³ Sebenarnya, penulisan seperti itu tidaklah terhenti setakat tarikh Tanah Melayu mencapai kemerdekaan sahaja (1957), tetapi diteruskan juga sehingga beberapa tahun selepas itu. Antaranya ialah karya Abdul Talib Haji Ahmad yang berjudul *Darah Mengalir di Pasir Salak* (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1961). Karya-karya itu juga tidak terhad kepada tokoh-tokoh sahaja, malah meliputi juga tajuk-tajuk dan peristiwa yang lain.

21 Lihat Za'ba, "Kata-Aluan" dalam A. Samad Ahmad 1963, *Laksamana Tun Tuah*. Cetakan baru, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

22 Darus Ahmad mengatakan, "kita akan mengadap kembali zaman kegemilangan bangsa dan negara. Di samping itu, patut sangatlah jika sekali-kali kita meninjau kembali ke zaman silam, untuk menjadi perbandingan kita masa yang akan datang. Maka inilah saya cuba-cuba juga kepahlawanan bangsa kita dahulu ..."

23 Khoo Kay Kim 1975, *Pensejarahan Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, hlm. 17. Bagi catatan ringkas tentang Ahmad Bakhtiar dan senarai karyanya, lihat Baharudin Zainal (ed.) 1981, *Wajah (Biografi Seorang Penulis)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 100-101. *Perwira Bentan atau Riwayat Hang Tuah Di Air Masin*. Kuala Pilah, tt; *Keris Melaka*, Kuala Pilah, 1941; *Falsafah Hang Tuah, Melayu Tukkan Hilang dan Puteri Gunung Ledang*.

BAB 6

PENSEJARAHAN KEAGAMAAN: RIWAYAT HIDUP PARA NABI DAN RASUL

Jika dibandingkan jumlah penerbitan yang berunsur keagamaan dengan bentuk riwayat hidup, didapati bentuk keagamaan ini lebih banyak. Hal ini tidaklah menghairankan kerana pengetahuan lantas penghasilan sejarah tokoh-tokoh agama terutama sekali para anbia dan rasul serta juga peristiwa sejarah yang berkaitan dengan agama, adalah sesuatu yang dituntut dalam syariat dan masyarakat Islam. Orang Melayu yang telah menerima agama Islam sejak awal abad ke-15 tidaklah terkecuali daripada tuntutan ini. Mereka menganggap penghasilannya sebagai satu sumbangan kepada dunia dan akhirat yang berpanjangan. Selagi karya itu digunakan atau dibaca oleh umat Islam, maka selagi itulah ganjaran pahalanya akan diperolehi oleh penulis. Oleh sebab itu, mereka yang menyedari hakikat ini akan berusaha menghasilkan karya sebaik dan sebanyak yang terupaya.

Secara umumnya, karya-karya pensejarahan berunsur keagamaan selain tentang tokoh-tokoh Islam, juga merupakan peristiwa yang lebih mementingkan kegiatan keagamaan daripada kegiatan politik, ekonomi, ketenteraan dan sebagainya. Semua kegiatan seumpamanya itu adalah sampingan, mahupun gandingan yang menjadi landasan kegiatan keagamaan yang merupakan matlamat terakhir bagi sesuatu tindakan atau peristiwa sejarah itu. Dalam pada itu, peribadi dan keakhlakan seseorang tokoh Islam kerap juga dimuatkan dalam sesebuah karya yang boleh dianggap sebagai riwayat hidup. Karya yang terpenting dalam hal ini ialah riwayat hidup para nabi dan juga rasul-rasul Allah S.W.T., terutamanya Nabi Muhammad S.A.W. Antaranya ialah *Hikayat Nur Muhammad* (atau *Hikayat Kejadian Nur Muhammad*), *Hikayat Nabi Ber-cukur*, *Hikayat Bulan Berbelah* (atau *Hikayat Mukjizat Nabi*) dan *Hika-*

yang *Nabi Wafat*.¹ Kebanyakan buku ini dianggarkan telah dihasilkan sebelum tempoh kajian.

Dalam tempoh kajian pula, didapati tulisan-tulisan yang berupa riwayat hidup tokoh Islam itu diteruskan. Dari segi riwayat hidup Nabi Muhammad S.A.W. misalnya, selain dimuatkan dalam naskhah *Surat al-Anbia* atau *Qissas al-Anbiya*, dituliskan pula dalam karya-karya yang khusus tentang baginda. Antaranya ialah sebuah karya yang "telah dipermelayukan" oleh "Fakir Ulullah Maulah al-Basri Sulaiman bin Sidiq al-Qadahi" berjudul *Risalah Bernama Sirajul Alam: Ertinya Pelita Alam Fi Sirat-Khairul Anam Cetra Nabi Sallallah Hu Alai Hi Wassallam Penghulu kita Yang Maha Mulia*.²

Dari segi kandungannya, risalah ini memuatkan "Tarikh nabi kita dan junjungan kita Nabi Muhammad S.A.W. dan bangsa keturunannya dan kelakuan diperanak akan dia dan kelakuan di dalam peliharaan dan kelakuan kehidupan pencarian dan bilangan isterinya dan anaknya dan kelakuan perjalanannya serta dengan ahlinya hingga wafatnya Nabi Muhammad S.A.W."³ Dengan kata lain, buku ini memuatkan secara ringkas riwayat hidup dan perjuangan Nabi Muhammad S.A.W. yang telah dilantik oleh Allah S.W.T. sebagai rasul-Nya yang terakhir menjalankan dakwah Islamiyah untuk seluruh umat manusia. Selain itu, buku ini juga memuatkan dua menaqib ringkas; pertama, bagi Tengku Mahmud Ibnu Al-Marhum Maulana Sultan Ahmad Tajuddin Mukaram Syah yang meminta supaya risalah ini diterbitkan, dan kedua, bagi pengarangnya sendiri, iaitu Haji Wan Sulaiman bin Wan Sidiq, Syeikhul Islam Negeri Kedah pada ketika itu.⁴ Sungguhpun ia merupakan riwayat yang ringkas tanpa memuatkan tarikh-tarikh yang berkaitan dengan peristiwa yang dipaparkan, namun peristiwa-peristiwa itu merupakan peristiwa yang benar dan yang bersejarah. Sebuah lagi karya ialah *Sejarah Ringkas Nabi Muhammad* karangan Abdullah bin Hamid al-Edrus.⁵

1 Lihat R.O. Winstedt, *A History of Classical Malay Literature*, hlm. 100-105.

2 Karya ini telah disiapkan pada tahun Hijrah 1340 (T.M. 1921) dan telah diterbitkan oleh Matbaah Persama, Pulau Pinang, i.t. dalam huruf jawi, 62 setebal halaman. Nama penuh pengarang atau yang memelayukan risalah ini ialah Haji Wan Sulaiman bin Wan Sidiq, Syeikhul Islam bagi kerajaan Kedah.

3 *Ibid.*, hlm. 2.

4 Menaqib Tengku Mahmud dimuatkan di halaman awal sebelum dimulakan riwayat, sedangkan Menaqib Haji Wan Sulaiman bermula dari halaman 59-62.

5 Diterbitkan oleh Percetakan Qalam, Singapura, penerbitnya ialah i.t. dalam huruf jawi, setebal 84 halaman. Tujuan untuk "sekolah-sekolah umum atau sekolah agama ... semoga berfaedah kepada kanak-kanak kita untuk menyalasat lebih dalam lagi

Menurut penulisnya, buku yang telah disesuaikan dengan karangan Kiai Muhammad Arshad Talib Lubis ini memuatkan ringkasan sejarah hidup Nabi Muhammad S.A.W. sejak baginda dilahirkan hinggalah baginda wafat. Sebuah lagi buku berjudul *Sejarah Ringkas Nabi Muhammad S.A.W.* ditulis oleh Haji Muhammad Arif Abdul Kadir al-Natly.⁶ Kandungannya juga meriwayatkan sejarah Nabi Muhammad S.A.W. sejak baginda dilahirkan hinggalah baginda wafat. Dalam bentuk syair pula, antara yang telah dihasilkan ialah *Syair Yang Mulia Cetra Peranakan Nabi ... Syair Yang Kedua* dan lain-lain ... karangan Ahmad Kasim bin Ibrahim. Syair ini meriwayatkan kelahiran Nabi Muhammad S.A.W. dan seterusnya diikuti dengan syair perjalanan baginda ke Syam kerana menjalankan perniagaan.⁷ Sebuah lagi ialah syair karangan Mejar Dato' Haji Muhammad Said Haji Sulaiman berjudul *Tawarikh Islam: Berita Nabi Muhammad S.A.W.* yang diterbitkan dalam siri *Majalah Tawarikh*, Penggal 6 (enam).⁸ Syair ini juga memuatkan riwayat Nabi Muhammad S.A.W. dari sejak baginda dilahirkan di Makkah hinggalah baginda wafat di Madinah.

Selain Nabi Muhammad S.A.W., beberapa nabi lain yang tergolong dalam kumpulan 25 Rasul itu juga diriwayatkan dalam bentuk syair. Misalnya *Syair Nabi Allah Adam*.⁹ Seterusnya ialah *Syair Nabi Yaakub* yang dikarang oleh Umar bin Muhammad Khan.¹⁰ Pengarang yang sama juga telah menghasilkan syair berjudul *Syair Nabi Ilyas A.S.*, *Syair Nabi Allah Noh A.S.* dan *Syair Nabi Allah Hud A.S.*¹¹

Dalam siri "Tawarikh Islam" yang disiarkan dalam *Majalah Tawarikh* susunan Mejar Dato' Haji Muhammad Said Haji Sulaiman pula ada dimuatkan syair berjudul *Riwayat Nabi Sulaiman Hingga Riwayat Nabi Yahya*.¹² Syair ini mengandungi riwayat Nabi Sulaiman A.S., Nabi Ilias A.S., Nabi Yusof A.S., Nabi Zulkifli A.S., Nabi Zakaria A.S. dan Nabi Yahya A.S., iaitu daripada rasul yang ke-18 hingga ke-25. Beliau

tawarikh junjungan kita itu kelak." Lihat, "Oleh Penyusum".

6. Diterbitkan oleh Ahmad Latiff Press, Pulau Pinang, 1957. Buku ini tebalnya 64 halaman, dan ditulis dalam huruf jawi.

7. Syair ini telah diterbitkan di Pulau Pinang pada T.H. 1326 = T.M. 1928, dalam huruf jawi.

8. Diterbitkan di Singapura oleh The Royal Press, t.t., dalam huruf jawi.

9. Diterbitkan oleh Jawi Press, Singapura, 1937 dalam huruf jawi, setebal 60 hlm.

10. Diterbitkan di Singapura, dalam huruf jawi, setebal 30 hlm. litograf.

11. Diterbitkan di Singapura, dalam huruf jawi, setebal 29 hlm. litograf.

12. Diterbitkan oleh The Royal Press, Singapura, t.t., dalam huruf jawi, hlm. 61-85. *Majalah Tawarikh*, Penggal 4.

menyusunnya dengan bersandarkan riwayat yang dimuatkan dalam kitab suci Al-Quran.

Bagi penulisan yang berbentuk prosa pula, memang terdapat sejumlah karya yang berupa riwayat para rasul dan juga tokoh-tokoh Islam atau yang berkaitan dengannya. Dari segi para Rasul misalnya, terdapat sebuah "kitab" yang terbukti sangat popular sehingga telah diulang cetak berulang-ulang kali.¹³ Karya tersebut ialah *Qissas al-Anbiya* atau kisah para nabi yang diterjemahkan daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu oleh Haji Azahari al-Khalidi Rahmatullah daripada karangan asal Muhammad bin Hassan.¹⁴ Umumnya, karya ini terdiri daripada dua jilid dan isi kandungan memuatkan riwayat 25 Rasul daripada Nabi Adam A.S. hinggalah Nabi Muhammad S.A.W. Namun demikian, ada juga dimuatkan kisah-kisah lain, terutamanya yang ada kaitan dengan kisah kehidupan para Rasul yang berkenaan.¹⁵ Tujuan pengisahan itu adalah untuk iktibar atau contoh teladan kepada para pembacanya.

Satu perkara yang menarik perhatian dalam *Qissas al-Anbiya* ialah tentang sejarah kejadian alam (atau sejarah geologi) yang dimuatkannya di bahagian awal jilid pertama:

"... dewasa Allah Taala hendak menjadikan bumi tujuh lapis dan langit tujuh lapis maka pertama dijadikan seperti mutia [mutiara] yang putih tujuh puluh ribu tahun lamanya terhantar. Setelah itu maka tatkala Allah Subhanahu Wa Ta'ala hendak menjadikan langit dan bumi maka ditilik Tuhan Seru Sekalian Alam akan mutia yang putih itu. Maka mutia itu pun hebat gementar ia oleh menyanjung tilik *rabbul izzat* itu. Maka mutia itu pun menjadi sambatlah sinarnya kata 70 000 tahun lamanya, terkitar-kitar. Setelah itu mutia itu pun menjadi air daripada hebat tilik nazar Tuhan Yang Maha Tinggi itu pun tiada

13 Menurut Hamdan Hassan, terjemahan ini buat pertama kalinya telah diterbitkan di Kaherah oleh Mustaff al-Babi al-Habli wa Awladih pada tahun Hijrah 1348 = T.M. 1929. Namun dianggarkan karya yang dalam bahasa Melayu tentang para Nabi telah pun wujud dalam masyarakat Melayu, sekurang-kurangnya sejak abad ke-18. Hamdan Hassan 1990 *Surat al-Anbiya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. XX dan XXI.

14 "Bermula adapun bahawa inilah tafsir daripada Muhammad bin Hasaan dan ia menengar [mendengar] daripada Ishak Ibn Ibrahim al-Sanaburi Syam benuanya dan ia mendengar daripada ..." Lihat *Qissas al-Anbiya*, hlm. 2.

15 Misalnya, kisah Habil seorang putera Nabi Adam A.S. yang soleh, dan kisah Qabil seorang lagi putera baginda yang derhaka. Oleh sebab berahikan Aqlima yang cantik dan telah berkahwin dengan Habil, Qabil telah membunuh Habil. Itulah pertumpahan darah yang pertama sekali berlaku dalam sejarah manusia.

tenang pada 70 000 tahun lamanya. Maka Allah Subhanahu Wa Ta'ala menjadikan api akan meng[h]anguskan air itu pun menjadi berasap dan berbuih. Syahdan daripada itulah dijadikan langit dan daripada buih itulah dijadikan bumi ... maka pusat bumi itulah Negeri Makkah...¹⁶

Pengarang seterusnya merujuk kepada sepotong ayat yang menerangkan bahawa "Allah Taala menjadikan langit dan bumi dan barang yang antara keduanya itu di dalam enam hari jua".¹⁷

Walaupun karya ini merupakan sebuah terjemahan namun ia adalah sebuah karya yang sangat popular, bagi masyarakat Melayu. Ini terbukti dengan percetakannya yang telah dilakukan berulang kali dan diusahakan pula oleh beberapa penerbit buku agama.¹⁸ Kepopularan karya ini adalah berdasarkan hakikat bahawa ia adalah sebuah "kitab" yang mengisahkan sejarah para nabi yang perlu diketahui oleh umat Islam. Juga barangkali dari segi perincian jalan ceritanya yang antaranya memuatkan perkara yang luar biasa seperti mukjizat para rasul, balasan yang setimpal terhadap mereka yang ingkar terhadap Allah S.W.T. seperti Qarun dan Firaun misalnya dan juga sejarah kejadian alam semesta, khususnya bumi dan langit seperti yang telah dinyatakan tadi.¹⁹

16 Seterusnya dikisahkan juga keadaan bumi yang terhampar dan tidak tenang telah dikukuhkannya dengan Allah menjadikan segala bukit sebagai pasak bumi. Dijadikan juga seekor ikan *nun* yang sangat besar dan di atas belakang ikan duduk seekor lembu putih bercampur hijau warnanya mempunyai 400 cawang tanduknya dan di atas tanduk itulah terletak bumi. ... "Barangkali bumi itu gema, nescaya lembu itu penat, maka dialihnya daripada suatu tanduk kepada suatu tanduknya bumi itu t.t." Lihat Muhammad Ibn al-Hassan, *Qissas al-Anbiya* Singapura: Maktabah Matbaah Sulaiman Marii, hlm. 2 dan 3.

17 *Ibid.*, hlm. 4. Ayat al-Quran itu ialah dari Surah al-Sajda, Ayat 4. Lihat juga Surah al-Arat, Ayat 54 dan Surah al-Hadid, Ayat 4.

18 Lihat Hamdan Hassan, *Surat Al-Anbiya*, "Pendahuluan", hlm. xxi.

19 Malahan kisah para rasul merupakan kisah yang luar biasa yang bukan sahaja melambangkan kekuasaan Allah S.W.T. Tetapi juga melambangkan keistimewaan para rasul itu sendiri. Umpamanya, tentang kesempatan Nabi Allah Idris A.S. yang terkenal dengan kuat beribadat itu, telah dikunjungi oleh malaikat Izrail (iaitu Malikul Maut) dan kemudian dengan izin Allah, telah dibawa ke langit dan Allah Ta'ala telah memperkenankan permohonan Nabi Idris untuk merasai mati dan azab tatkala nyawa dicabut oleh Izrail dari jasadnya, dan kemudian dihidupkan semula; juga kesempatan melihat neraka (lalu ia rebah pengsan akibat kedahsyatan serta kehangatan apunya) dan juga kesempatan masuk syurga (yang menyebabkan dia enggan keluar kerana keindahan dan kenikmatannya). Lihat Muhammad Ibn Hassan, *Qissas al-Anbiya*. Terjemahan Haji Azahari al-Khalidi Rahmatullah. Singapura: Maktabah Matbaah Sulaiman Marii, hlm. 31-38.

Jika ditinjau dari sudut persembahannya, jalan bahasa dan juga penggunaan unsur-unsur seperti dialog dan perbualan, maka nyatalah bahawa *Qissas al-Anbiya* adalah sebuah karya pensejarahan Melayu-Islam tradisi. Tetapi oleh sebab buku ini merupakan sebuah karya terjemahan, maka sewajarnya ia dianggap sebagai salah satu contoh pensejarahan Islam tradisi yang telah dibawa masuk ke alam Melayu iniannya dan ke Tanah Melayu khususnya. Buku ini juga merupakan sebuah sejarah teologi Islam yang menyangkut tentang kejadian alam, manusia, alam roh, mukjizat para rasul, syurga dan neraka serta tentang kekuasaan serta keagungan Tuhan Yang Maha Berkuasa. Oleh sebab itu, tidak menghairankan jika sumber utamanya adalah kitab *al-Quran* itu sendiri. Dalam pada itu, terdapat pula unsur-unsur dialog atau kata-kata yang sesetengahnya diambil daripada *al-Quran* (iaitu sebagai firman Allah), sesetengahnya pula telah diolah oleh pengarang dan diucapkan oleh tokoh-tokohnya mengikut kesesuaian waktu dan keadaan bagi menguatkan atau menjelaskan sesuatu peristiwa atau kedudukan.

Seterusnya, karya pensejarahan para nabi ini juga telah dihasilkan oleh sejarawan tanah air yang tidak asing lagi, iaitu Mejar Dato' Haji Muhammad Said bin Haji Sulaiman. Salah sebuah daripadanya ialah dalam siri "Tawarikh Islam: Riwayat Nabi Adam Hingga Riwayat Nabi Salleh" diterbitkan dalam *Majalah Tawarikh*, Penggal Satu.²⁰ Selain memuatkan riwayat nabi-nabi yang berkenaan (Adam, Seth, Nuh, Hud dan Salleh), siri pertama ini memuatkan juga tujuan ia diterbitkan.²¹ Selain itu, dimuatkan juga tarikh permulaan dunia, iaitu 4004 S.M. bersamaan dengan tarikh dijadikan Nabi Adam A.S.²² Sambungan bagi penulisan itu ialah "Tawarikh Islam: Riwayat Nabi Syuib Hingga Nabi Daud," yang juga diterbitkan melalui *Majalah Tawarikh*, iaitu Penggal Tiga.²³ Para nabi yang diriwayatkan dalam keluaran ini ialah Nabi Syuib A.S., Harun A.S., Musa A.S., Yusa' A.S., dan Daud A.S.

Mejar Dato' Haji Muhammad Said bin Haji Sulaiman kemudiannya

20 Diterbitkan di Singapura oleh The Royal Press, L.L. dalam huruf Jawi. "Tawarikh Islam", dimuatkan dalam hlm. 1-17.

21 Lihat "Pendahuluan" dari juga bab dua penulisan ini. Dalam "Pendahuluan" misalnya, siri ini dikatakan "... dengan ringkas mengandungi kisaht nabi-nabi yang terutama dan khalifah-khalifah Islam hingga pada zaman Sultan Turki yang akhir ... diterbitkan berpenggal-penggal."

22 Tarikh ini dirujuk oleh pengarang kepada *Bible* dan distilalkannya sebagai 1. Tahun Adam. Lihat bahagian "Permulaan Bagi Tawarikh".

23 Lihat *Majalah Tawarikh*, Penggal Tiga, Singapura: The Royal Press, L.L., hlm. 37-60.

menghasilkan sebuah karya pensejarahan yang bermaksud merangkumkan sejarah kejadian alam ini dengan sejarah kebangkitan dan kegiatan dakwah para nabi yang terbilang. Karya ini berjudul *Perihal Kejadian Alam dan Nabi-Nabi yang Terbilang* yang diterbitkan pada tahun 1948.²⁴ Pada hakikatnya, karya ini merupakan sejarah teologi tentang kejadian alam dan para nabi yang terbilang itu yang disaring daripada *al-Quran* dan kitab-kitab lain. Seperti yang terdapat dalam *Qissas al-Anbiya*, karya ini mengambil makna daripada ayat *al-Quran*, Surah al-Sajda, Ayat Empat yang mengatakan Allah Ta'ala telah menjadikan bumi dan langit serta segala yang ada antara kedua-duanya dalam jangka masa selama enam hari sahaja.²⁵ Tarikh kejadian alam pula dikatakan berlaku pada tahun 4004 S.M., iaitu bersamaan dengan tarikh kejadian Nabi Adam, yakni tahun satu Adam seperti yang dimuatkannya dalam *Riwayat Nabi Adam Hingga Nabi Salleh*. Beliau juga telah memuatkan tertib-tarikh nabi-nabi yang terbilang berjumlah 26 orang semuanya; 25 mengikut yang tersebut dalam *al-Quran* dan yang satu lagi, iaitu Nabi Seth A.S. walaupun tidak tersebut namanya tetapi telah diberikan oleh Allah S.W.T. 50 buah syahifah (kitab kecil).²⁶ Tetapi di sebalik tertib-tarikh itu, beliau tidaklah meriwayatkan kisah semua nabi dan rasul yang telah disenaraikannya. Malah karya beliau ini hanya memuatkan kisah sampai nabi yang kedua belas sahaja, iaitu Nabi Yusof A.S.

Mejar Dato' Haji Muhammad Said bin Haji Sulaiman juga telah menulis tentang sejarah Nabi Isa A.S. yang mengisahkan riwayat hidup nabi itu dari sejak dilahirkan hinggalah diangkat oleh Allah S.W.T. ke langit dan kemudian (dalam Bab 12) pada akhir zaman nanti akan kembali semula (atau zahir semula) menjalankan syariat Islam. Menurut Muhammad Said, sumber bagi kezahiran kedua Nabi Isa A.S. ini ialah sebuah hadith yang telah dimasyhurkan oleh Abu Hurairah, iaitu salah seorang sahabat Nabi Muhammad S.A.W. Muhammad Said mencatatkan bahawa "kata hadith, adalah Nabi Isa ini akan melihat dan menjalankan agama Islam dan ianya akan berkahwin serta memperoleh zuriat apakala ia telah memerintah selama 45 tahun ia kelak wafat dan dimakamkan di Madinah di sebelah makam Rasulullah S.A.W."²⁷ Se-

24 Dicetak di Johor Bahru oleh Anis Printing Works dalam huruf jawi, 96 halaman.

25 Lihat Muhammad Hassan Ibn al-Hassan, *Qissas al-Anbiya*, hlm. 4. Lihat juga nota kaki 17 dalam bab ini bagi surah-surah yang berkenaan.

26 *Ibid.*, hlm. 22. Beliau juga memuatkan maklumat bahawa jumlah nabi yang dijadikan Allah S.W.T. ialah 124 000 orang dan yang dikatakan oleh ulama Islam ialah antara 313-325 orang. Lihat *Ibid.*, hlm. 21.

27 Lihat *Majalah Tawarikh*, Penggal Lima, hlm. 110. Lihat juga al-Syeikh Zamil Abi-

bagai sebuah buku pensejarahan keagamaan, karya ini menjadikan *al-Quran* sebagai sumber rujukan utamanya. Di sana sini masih terdapat kata perbualan yang sedikit sebanyak akan melemahkan karya ini jika ditinjau dari sudut pensejarahan moden Barat.

Selain Nabi Isa A.S., terdapat juga karya sejarah tentang Nabi Musa A.S. Karya yang berjudul *Sejarah Nabi Musa* telah dihasilkan oleh Abdullah Hamid Edrus.²⁸ Antara tujuan karya ini ditulis ialah "untuk bacaan dan tatapan alam bacaan Melayu" dan juga "supaya menjadi teladan dan panduan bagi kita kerana sesungguhnya bagi kisah nabi-nabi itu menjadi contoh teladan bagi orang yang berakal dan berfikiran sempurna."²⁹ Tetapi tujuan utamanya ialah untuk menyangkal sebuah filem Inggeris keluaran Hollywood berjudul *The Ten Commandments* yang meriwayatkan sejarah Nabi Musa itu berdasarkan kitab dan dengan ditokok tambah oleh pengusaha filem tersebut. Dalam hal ini, Abdullah Hamid Edrus mengatakan, "... saya dapati banyak cetra-cetranya yang menyalahi daripada apa yang sebenarnya, dan kerana filem itu ditonton pula oleh orang-orang kita Islam, maka inilah yang memaksa saya membuatnya dengan seberapa segera semoga janganlah kelak orang-orang kita tersesat daripada cerita-cerita yang sebenarnya."³⁰

Sebenarnya, karya ini adalah sebuah karya pensejarahan Islam. Abdullah Hamid Edrus telah menggunakan *al-Quran* sebagai rujukan utamanya, dan nama Nabi Musa A.S. telah disebut sebanyak 130 kali.³¹ Buku ini juga merujuk kitab *Taurat*. Selain itu, "Sejarah Nabi Musa ini saya ambil daripada beberapa kitab-kitab tawarikh dan juga tafsir-tafsir yang berkenaan. ..."³² Namun, seolah-olah sumber rujukan yang di atas itu belum mencukupi lagi, beliau berdoa dengan mengatakan, "Kepada Allah saya bermohon semoga sejarah Nabi yang saya buat ini tidak menyalahi daripada pertunjuk-Nya yang sebenarnya".³³

Dari segi kandungannya, karya ini bermula dengan meriwayatkan keturunan Firaun hinggalah ke zaman Firaun Ramses II yang memem-

din bin Muhammad al-Fatani, s.t. *Qasyful Ghaibiah, Pada menyatakan Yang Ghaib-Ghaib Daripada Beberapa al-Hadith al-Rowsayt*, Pulau Pinang: Maktabat Wamat-baah Darul Maaruf, hlm. 61-62.

28 Diterbitkan oleh Qalam, Singapura, 1958.

29 Lihat Abdullah Hamid Edrus 1958. *Sejarah Nabi Musa*, Singapura: Qalam, "Pendahuluan".

30 Lihat, *Ibid.*, "Pendahuluan".

31 *Ibid.*

32 *Ibid.*

33 *Ibid.*

rintah pada zaman Nabi Musa A.S. Riwayat keluarga Firaun ini hanya merupakan sebahagian kecil sahaja daripada keseluruhan penulisan (iaitu sebanyak 17 halaman). Selepas itu, terus diceritakan tentang Nabi Musa A.S., iaitu tentang kelahirannya, kegiatannya dan dakwahnya menyeru Firaun supaya kembali ke jalan Allah S.W.T. Akhirnya, diceritakan juga, usaha dan gerakan Nabi Musa A.S. menyelamatkan kaumnya, (iaitu Bani Israel) daripada penindasan pemerintahan Firaun. Nabi Musa telah dapat membelah Laut Merah (Laut Khalzom) dengan menggunakan mukjizatnya (iaitu tongkatnya) dan membawa umatnya menyeberangi laut itu lantas menyelamatkan mereka daripada buruan Firaun dan orang-orangnya. Selain itu, diceritakan juga bagaimana sebahagian besar daripada umatnya telah berpaling tadah dan menyembah berhala semula setelah mereka diselamatkan. Karya ini ditamatkan dengan kisah Nabi Musa A.S. bertemu dengan Nabi Khidir.³⁴

34 *Ibid.*, hlm. 95-101.

Walau bagaimanapun, berbeza dengan karya Dr. Burhanuddin, karya Zainal Abidin tidak memuatkan sumber rujukannya; apatah lagi nota kaki bagi sesuatu peristiwa ataupun kenyataan yang penting. Oleh sebab itu, karya ini lebih mirip kepada bentuk pensejarahan moden yang popular sahaja. Ia juga disudahi dengan serangkap pantun yang berbunyi:

"Kalau ada parang putah
Harap longgokkan di balik peti
Kalau ada gerangan yang salah
Harap betulkan untuk dibaiki."²⁰

Stinggupun bentuknya tidaklah begitu objektif jika dibandingkan dengan *Falsafah Kebangsaan Melayu*, tetapi penerbitannya mengabadikan gambaran pengarang tentang peristiwa yang berlaku dalam sejarah masyarakat bangsa Melayu dari zaman Kesultanan Melayu Melaka sehingga mencapai kemerdekaan.

Sebenarnya sebuah karya pensejarahan sosiopolitik yang boleh dikatakan bersifat objektif telah pun diterbitkan setahun lebih awal daripada lahirnya *Falsafah Kebangsaan Melayu*. Karya ini berjudul *Sejarah Kenaikan dan Kejatuhan Kekuasaan Portugis di Melaka T.M. 1511-T.M. 1641* yang ditulis oleh Abdul Aziz bin Zakaria.²¹ Karya ini boleh dianggap sebagai antara karya pensejarahan yang terbaik pada sepan-

yang telah menjajah dan monopoli perdagangan di Kepulauan Melayu. Dalam Bab 4, beliau mengatakan bahawa bangsa Melayu yang tertindas telah bangun semula dan berjuang mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

²⁰ *Ibid.*, hlm. 50.

²¹ Abdul Aziz bin Zakaria adalah tokoh pentadbir kerajaan yang berwibawa di Malaysia. Di samping itu, beliau juga bergiat dalam bidang penulisan, terutamanya bidang sejarah dan pentadbiran. Karya-karya beliau yang awal, iaitu sebelum tahun 1960, lebih menumpu kepada sejarah, sedangkan selepas itu lebih kepada pentadbiran. Antara karyanya selepas tahun 1960 ialah *Pengenalan kepada Jentera Pentadbiran Kerajaan di Malaysia* 1976. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. *Darjah-darjah Kebesaran dan Bintang-bintang Kehormatan Persekutuan Serta Cara-cara Memakainya* 1978. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. *Jentera Pentadbiran Kerajaan di Malaysia: Satu Pengenalan* 1987. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. *British, Japanese and Independent Malaysia: A Memoir* 1989. Kuala Lumpur: INTAN. Bagi riwayat hidup beliau secara ringkas, sila lihat kulit belakang buku beliau bertajuk *Jentera Pentadbiran Kerajaan di Malaysia: Satu Pengenalan*. Lihat juga kulit belakang dan halaman 1-6 buku beliau yang bertajuk *British, Japanese and Independent Malaysia: A Memoir*.

jang dekad 1950-an, iaitu ditinjau dari sudut kaedah dan kefahaman penulisnya tentang penyelidikan sejarah. Menurut pengarangnya, karya ini mulanya dikarang dalam bahasa Inggeris, iaitu semasa beliau menuntut di Raffles College; tetapi kemudiannya beliau terjemahkan ke dalam bahasa Melayu semasa menuntut di Universiti Cambridge dan diterbitkan oleh Syarikat Macmillan, London, pada tahun 1953.²² Beliau juga mengatakan bahawa "fikiran-fikiran dan perkara-perkara yang terkandung di dalamnya ialah terbitan daripada bacaan-bacaan saya daripada kitab-kitab tawarikh karangan orang-orang Inggeris, orang-orang Portugis dan orang-orang French [Perancis] yang telah diterjemahkan ke bahasa Inggeris dan juga kitab-kitab Tawarikh Melayu yang ada kena-mengena dengan tawarikh hal ehwal orang-orang Portugis di Gugusan Pulau-pulau Melayu".²³ Sebenarnya, kata-kata akhir dalam penerangannya itu menggambarkan juga kandungannya yang secara ringkas membicarakan sebab-sebab kedatangan kuasa Portugis ke alam Melayu, kegiatan mereka di sini, dan seterusnya penentangan orang Melayu dan juga Belanda yang akhirnya membawa kekalahannya kepada kuasa Portugis pada tahun 1641.

Di samping menyebut secara umum tentang sumber rujukan beliau telah menyenaraikan sejumlah 27 buah buku sebagai rujukan terpenting yang telah digunakan dalam penulisannya itu.²⁴ Walaupun tidak terdapat nota kaki tetapi ada kalanya sumber rujukan dimuatkan dalam kes penulisan. Beliau juga telah menggunakan pendekatan tertib-tarikh atau kronologi dan menerangkan dengan gaya bahasa yang sederhana serta mudah difahami. Jelaslah, bahawa pengarang memang bertujuan menghasilkan sebuah karya pensejarahan yang baik atau yang objektif melalui satu bentuk perkaedahan yang mutakhir pada awal tahun 1950-an itu.²⁵

Karya Abdul Aziz itu juga agak istimewa kerana ia mungkin m

22. Abdul Aziz bin Zakaria 1953, *Sejarah Kenaikan dan Kejatuhan Kekuasaan Portugis di Melaka, T.M. 1511-T.M. 1641*, London: Macmillan and Co. Ltd., "Pendahuluan".

23. *Ibid.*, "Pengenalan".

24. Antaranya termasuklah *Sejarah Alam Melayu*, karya Abdul Hadi bin Hassan; *Sejarah Melayu* oleh Tun Seri Lanang; *The Suma Oriental* oleh Tome Pires; *History of Malaya* dan *A History of Johore* oleh R.O. Winstedt. Sumber rujukan disusun mengikut abjad; kemungkinan beliaulah yang pertama sekali berbuat demikian sampai setakat itu.

25. Karya beliau ini telah diterbitkan semula oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada tahun 1963, dengan judul *Portugis Dalam Sejarah Melaka* dalam bentuk rami, setebal 68 halaman.

rupakan antara sejumlah kecil, walaupun tidak satu-satunya karya pensejarahan Melayu yang telah diterbitkan oleh syarikat British di London. Sedangkan pada ketika itu, kebanyakan daripada karya dalam bahasa Melayu, termasuklah yang berbentuk pensejarahan, diterbitkan di Singapura, Pulau Pinang, Kota Bharu dan Kuala Lumpur.²⁶

Namun demikian, terdapat juga beberapa buah karya pensejarahan yang lain, yang dihasilkan oleh penulis-penulis lain yang telah diterbitkan di luar lingkungan tanah air atau Singapura. Antara karya yang terpenting ialah yang ditulis oleh Ibrahim Haji Yaacob (IBHY). Tiga buah daripada karya beliau telah dapat dikenal pasti telah diterbitkan di Jogjakarta, Indonesia. Karya-karya itu telah diterbitkan di negara tersebut selepas beliau berhijrah ke sana ketika hampir tamatnya Perang Dunia Kedua.²⁷ Karya-karya tersebut berjudul *Sejarah Perjuangan di Malaya* (Jogjakarta, 1948); *Nusa dan Bangsa Melayu* (Jakarta, 1951), dan *Sekitar Malaya Merdeka* (Jakarta, 1957).²⁸

Bagaimanapun, terdahulu daripada penerbitan²⁹ karya-karya beliau itu, Ibrahim juga pernah menghasilkan sebuah karya yang berjudul *Melihat Tanah Air* yang pada zahirnya hanya merupakan sebuah catatan perjalanan tetapi pada hakikatnya adalah sebuah karya politik yang telah menggunakan sejarah sebagai landasan penerangan serta penghuraian-nya.³⁰ Malah Khoo Kay Kim berpendapat bahawa Ibrahim Haji Yaacob adalah penulis Melayu yang pertama sekali melakukan demikian iaitu dengan menerangkan sejarah sistem pemerintahan British di Tanah Melayu secara terperinci sebagai latar belakang perjuangan politiknya.³¹

Dari segi pensejarahan, karya-karya Ibrahim Haji Yaacob ini adalah penting bukan kerana seruan politiknya sahaja, tetapi juga disebabkan penglibatan beliau dalam beberapa peristiwa yang dicatatkannya dan juga tafsirannya tentang peristiwa yang dianggapnya bersejarah. Seba-

26 Kadangkala terdapat juga karya-karya pensejarahan yang diterbitkan di Kuala Pilah, Seremban, Muar, Klang dan Alor Setar, Johor Bahru dan Kuching.

27 Lihat misalnya Gordon P. Means 1976. *Malaysian Politics*. Edisi Kedua. London: Hodder and Stoughton, hlm. 46. Lihat juga W.R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, hlm. 172-174 bagi catatan ringkas sejarah hidup dan kegiatannya hingga awal tahun 1940-an.

28 Kecuali bagi karyanya yang terakhir itu, Ibrahim Yaacob telah menggunakan nama Iskandar Kamil Agastja (I.K. Agastja) bagi karya-karyanya yang diterbitkan di Jogjakarta dan Jakarta.

29 Karya ini telah diterbitkan pada tahun 1941, di Kota Bharu.

30 Khoo Kay Kim, *Local Historians*, hlm. 307.

31 *Ibid.*

hagian *Sejarah dan Perjuangan di Malaya* terutamanya, seolah-olah merupakan dokumen dan komentar tentang pergolakan politik di Tanah Melayu dari sejak tertubuhnya Kesatuan Melayu Muda (1937) hingga tamatnya Perang Dunia Kedua.

Dalam pada itu, tempoh selepas Perang Dunia Kedua hingga lewat tahun 1950-an telah pula menampakkan beberapa penerbitan yang berunsur pensejarahan ekonomi. Antaranya ialah sebuah buku sejarah bacaan sekolah yang telah diterjemahkan dengan judul *Penimban Bacaan Sekolah: Belayar dan Berniaga*.³² Walau bagaimanapun, kandungannya hanya memuatkan kisah tentang tokoh-tokoh pelayar atau pedagang Eropah sahaja, iaitu Marco Polo, Alfonso d'Albuquerque dan Francis Light. Selain bagi tujuan iktibar untuk murid-murid sekolah di Tanah Melayu pada ketika itu, buku ini juga jelas adalah bermotifkan diayah pihak penjajah agar murid-murid sentiasa mengagung dan memandang tinggi tokoh-tokoh yang dibincangkan. Pengarang telah memberikan sanjungan yang tinggi kepada ketiga-tiga tokoh yang dibincangkannya. Alfonso d'Albuquerque yang telah banyak melakukan kekejaman terhadap orang Islam di Hormuz, Socotra dan India dan seterusnya menyerang serta menakluki Melaka, diberikan pujian sebagai seorang yang adil, pemurah, pengasih dan sebagainya. Francis Light pula dianggap sebagai orang yang berjasa kerana telah mengambil Pulau Pinang dan meluaskan perniagaan pihak British.

Sebuah lagi karya pensejarahan yang bercorak seperti di atas ialah *Mengembara dan Berniaga* yang ditulis oleh Abdullah Haji Musa Lubis.³³ Ia juga merupakan sebuah buku untuk bacaan murid-murid sekolah, iaitu seperti yang dinyatakan dalam bahagian "Kata-kata Pendahuluan". Tetapi kandungannya berbeza sedikit daripada karya yang diterbitkan pada tahun 1949 itu kerana ia hanya memuatkan ahli pengembara dan pedagang dari Britain sahaja. Daripada enam orang itu hanya seorang sahaja yang merupakan tokoh yang sangat terkenal di sini, iaitu Stamford Raffles (1781-1829).

Sementara itu, pada tahun 1954, sebuah karya pensejarahan ekonomi yang mempunyai judul yang sangat memberangsangkan telah diterbitkan oleh Maktab Haji Abdullah Mohd. Nordin al-Rawi, Pulau Pinang. Karya setebal 77 halaman yang telah dicetak oleh United Press

32. Buku ini dikarang oleh J.B. Neilson dan diterbitkan pada tahun 1949 oleh Malaya Publishing House Ltd. Singapura, setebal 60 halaman, bagi bacaan Darjah V dan VI.

33. Diterbitkan pada tahun 1956 oleh Sinaran Bros. Ltd., Pulau Pinang, dalam huruf rami, setebal 62 halaman.

(Pulau Pinang) ini bertajuk *Sejarah Ilmu Ekonomi* dikarang oleh Mustafa Abdul Rahman Mahmud. Sungguhpun bentuk persembahan karya ini tidak banyak bezanya dengan karya-karya yang lain pada ketika itu, namun daripada tajuknya sahaja kita mendapat imbasan bahawa karya ini adalah lain daripada yang lain. Sebenarnya inilah satu-satunya penulisan yang telah ditemui dalam jangka masa kajian ini yang telah menggunakan tajuk yang bertepatan sekali. Lebih-lebih lagi karya ini muncul dalam keadaan jumlah karya pensejarahan berbentuk ekonomi itu terlalu kecil sehingga penerbitannya seolah-olah lansung tidak menimbulkan kesan yang jelas. Jika wujud anggapan demikian, maka karya ini telah menghapuskannya. Dari segi kandungannya pula, perkara yang dibicarakan bukan sahaja tentang sejarah ekonomi, tetapi juga "selok-belok ilmu ekonomi".³⁴ Sesuai dengan itu, maka dalam bab tujuh, pengarang telah membicarakan perkara yang secara langsung berkait dengan ilmu ekonomi, iaitu seperti takrif ekonomi harta, alat-alat, pekerjaan dan jenisnya, modal, harga dan persaingan. Sebelum itu, pengarang telah membicarakan sejarah ilmu ekonomi yang dikatakannya "sudah lama wujud ... sejak manusia telah mengenal hidup".³⁵ Tulisan Xenophon yang berjudul "ekonomi" itu misalnya telah dihasilkan pada abad keempat Sebelum Masihi.³⁶ Kemudian, dari bab empat hingga enam, beliau membincangkan sejarah perkembangan ilmu ekonomi yang berlaku di Eropah Barat sejak dari Zaman Pertengahan hinggalah abad kedua puluh ini dengan seorang ahli fikir ekonomi dari Scotland pada abad ke-18 yang terkenal dengan tulisannya *The Wealth of Nations*, Adam Smith dianggap sebagai "bapa ekonomi".³⁷

Sebenarnya, di sebalik penggunaan tulisan jawi dalam penerbitannya, karya ini tidaklah membicarakan sejarah ekonomi Islam. Malah, seperti yang telah dinyatakan, pengarangnya membicarakan sejarah ekonomi Eropah Barat. Namun demikian, antara sumbernya terdiri daripada kitab-kitab dalam bahasa Arab, di samping buku-buku lain.³⁸

Dalam pada itu, pengarang buku *Sejarah Ilmu Ekonomi* ini memang sedar tentang betapa pentingnya ilmu ekonomi kepada sesebuah negara atau masyarakat. Dalam "Sepatah Kata" buku ini, Mustafa mengatakan

34 Mustafa Abdul Rahman Mahmud 1954. *Sejarah Ilmu Ekonomi*. Pulau Pinang: United Press, hlm. 5.

35 *Ibid.*, hlm. 8.

36 *Ibid.*

37 *Ibid.*, hlm. 14.

38 *Ibid.*, hlm. 5.

bahawa "mundur atau majunya sesuatu umat itu dapat diukur daripada lapangan ekonominya. Iktisad memegang peranan terpenting bagi memakmurkan rakyat jelata". Seterusnya, dalam ruangan yang sama, pengarang memberi ingatan agar "di saat umat Melayu berhempas-pulas hendak mendapatkan hak politiknya yang semula jadi, maka janganlah hendaknya tertinggal di medan "siasah ekonomi". Ini kerana ilmu ekonomi dan yang berkaitan dengannya itu ialah ilmu yang "kian luas dikaji oleh umat-umat yang merdeka". Pernyataan seperti ini sebenarnya menambahkan lagi taraf kepentingan karya ini. Sementelah itu, pada sepanjang tempoh kajian ini, inilah satu-satunya karya yang khusus membicarakan sejarah dan teori sesuatu bidang ilmu pengetahuan yang tertentu. Ertinya, belum ada dihasilkan karya yang berbentuk demikian, melainkan kebanyakannya adalah sejarah yang berkait dengan sesuatu peristiwa, tokoh ataupun perkembangan yang berkait dengan sesebuah masyarakat itu.

Selepas karya Mustaffa ini, iaitu masih dalam kategori yang kita bicarakan, boleh dikatakan tidak ada lagi pensejarahan yang berbentuk ekonomi, selain karya yang berjudul *Mengembara dan Berniaga*. Namun, terdapat pula beberapa karya pensejarahan yang berbentuk sosial. Antaranya ialah karya Haji Hakim (dari Rembau, Negeri Sembilan) yang berjudul *Pelajaran Melayu Dahulu dan Sekarang*.³⁹ Pengarang menganggap karyanya ini sebagai sebuah risalah yang dihasilkan "kerana hendak dijadikan kenang-kenangan kepada sekolah Melayu yang sudah dibangunkan hampir 100 tahun lamanya".⁴⁰ Namun, di sebaliknya tajuknya yang demikian, perkara yang dibicarakan bukanlah sejarah sistem pendidikan Melayu *per se*, tetapi adalah sejarah sistem pendidikan orang Melayu dari sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka hingga terbentuknya Jawatankuasa Pelajaran 1956 (dikenali juga sebagai *Penyata Razak*). Buku ini mengandungi pelbagai perkara yang berkaitan dengan pendidikan yang formal dan tidak formal, termasuklah disentuh sedikit tentang tulisan jawi dan sekolah mengaji al-Quran.

Sebuah lagi karya berbentuk pensejarahan sosial ialah karya yang berjudul *Pancharan Melayu* oleh Darus Ahmad.⁴¹ Daripada pengakuan pengarang dan juga dengan meneliti kandungannya, nyatalah bahawa

39 Karya ini telah diterbitkan oleh Sinaran Bros., Pulau Pinang pada tahun 1956, setebal 71 halaman.

40 Haji Hakim 1956, *Pelajaran Melayu Dahulu dan Sekarang*. Pulau Pinang: Sinaran Bros., "Pendahuluan".

41 Diterbitkan oleh Sinaran Bros., Pulau Pinang pada tahun 1957.

karya ini merupakan karya pensejarahan sosiobudaya orang Melayu di Tanah Melayu khasnya dan alam Melayu amnya. Dalam bahagian "Pengenalan", Darus Ahmad mengatakan bahawa karyanya itu bertujuan "memperkenalkan riwayat bangsa, negara, kebudayaan, kesenian dan bahasa Melayu". Beliau juga telah melakukan penyelidikan (sejak tahun 1949) dan telah membuat rujukan kepada pelbagai buku bagi menghasilkan karyanya itu.⁴² Namun demikian, persembahan keseluruhannya tidaklah sepenuhnya berbentuk analisis mahupun objektif walaupun beliau cuba melakukan demikian. Beliau merasakan bahawa karya itu adalah "jauh dari lengkap dan sempurna", dan hanya berharap "moga-moga akan ada juga sedikit faedahnya untuk bangsa dan negara kita".⁴³ Pada umumnya, seperti kebanyakan hasil karya Darus Ahmad, karya ini dihasilkan untuk menjadi iktibar dan dorongan kepada orang Melayu supaya berbangga dan menghayati sejarahnya, kehalusan budi, sopan santun, tertib adab dan sifat kepahlawanan dan keberanian.⁴⁴

Selepas karya Darus Ahmad ini, terdapat pula beberapa karya pensejarahan sosial yang dihasilkan oleh tokoh yang tidak asing lagi, iaitu A. Samad Ahmad. Antara karya-karya beliau yang terkenal ialah satu siri sejarah kesusasteraan Melayu berjumlah tiga jilid yang diterbitkan dari tahun 1957-1958. A. Samad Ahmad memanglah seorang penyelidik, penulis dan sejarawan tanah air yang prolific yang telah menghasilkan karya penulisan dalam pelbagai bidang terutamanya sejarah, novel sejarah (dewasa dan kanak-kanak) dan sastera klasik dan moden.⁴⁵ Ketiga-tiga jilid karya beliau ini mempunyai judul yang sama, iaitu *Sejarah Kesusasteraan Melayu*; hanya jilidnya dan tahun penerbitan sahaja yang berlainan. Jilid pertama diterbitkan pada tahun 1957, sedangkan jilid kedua dan ketiga pada tahun 1958. Ketiga-tiganya diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan kemunculannya adalah pada ketika wujud kekosongan yang sangat dirasakan dalam bidang sejarah kesusasteraan. Pada asal dan asasnya, karya beliau digunakan sebagai buku teks mata pelajaran Kesusasteraan Melayu bagi penuntut di sekolah-menengah atas di seluruh Tanah Melayu, tetapi kemudiannya

42 Darus Ahmad 1957. *Pancharan Melayu*. Pulau Pinang: Sinaran Bros., "Pengenalan".

43 *Ibid.*

44 *Ibid.*, hlm. 20.

45 Bagi riwayat hidup beliau secara ringkas, sila lihat Baharuddin Zainal (ed.) 1981. *Wajah (Biografi Seratus Penulis)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 35-36. Bagi memoir beliau, lihat A. Samad Ahmad 1981. *Sejambak Kenangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

digunakan juga sebagai rujukan umum para penyelidik dan penulis lain. Buku ini memuatkan perbincangan sejarah kesusasteraan Melayu dari segi bentuk dan perkembangannya dari sejak zaman purba/zaman Hindu merentasi zaman Islam hinggalah zaman penjajahan British.

Selain karya A. Samad Ahmad, terdapat sebuah lagi karya pensejaraahan kesusasteraan. Tetapi karya ini diterbitkan setahun lewat daripada *Sejarah Kesusasteraan Melayu*, Jilid III, iaitu pada tahun 1959. Buku itu berjudul *Tinjauan Sastera Tanah Ayer* yang ditulis oleh Abdul Ghani Haji Abbas.⁴⁶ Seperti A. Samad Ahmad, Abdul Ghani juga membincangkan sejarah, bentuk dan perkembangan kesusasteraan Melayu dari zaman purba hingga zaman moden. Walau bagaimanapun, persembahannya tidaklah begitu kemas seperti yang dilakukan oleh A. Samad Ahmad dan pendekatannya adalah berdasarkan tema-tema dan aspek terpenting kesusasteraan Melayu. Penulis karya ini menyifatkan karyanya sebagai satu sumbangan yang harus diambil iktibar oleh pembacanya khususnya bangsa Melayu agar mereka terus berjuang untuk mencapai kemajuan.

Seterusnya, pada tahun 1960 dan tahun-tahun yang berikutnya telah diterbitkan pula beberapa buah karya pensejaraahan dalam kategori sosiopolitik. Antaranya ialah karya Mahmud Ahmad yang berjudul *Kebudayaan Sepintas Lalu* (1960, Singapura: Pustaka Melayu); Ariffin Abdul Rashid, *Peristiwa-peristiwa di Kelantan* (1960, Kota Bharu: Muslim Printing Press); Yasin bin Saini (Penyusun), *Adat Resam dan Kebudayaan Melayu* (1960, Pulau Pinang: Sinaran Bros.); Muhammad Yunus Hamidi, *Sejarah Pergerakan Politik Melayu Semenanjung* (1961, Kuala Lumpur: Pustaka Antara); Abdul Aziz Zakaria, *Portugis dalam Sejarah Melaka* (1962, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka); Syed Abdullah bin Abd. Hamid al-Edrus, *Peristiwa-peristiwa Siasah Di Tanah Melayu* (1962, Singapura: Qalam); Raja Muhammed Nordin, *Risalah Kebudayaan Melayu Sepintas Lalu* (1964, Pulau Pinang: Sinaran Bros.); H.M. Sidin, *Asal Usul Adat Resam Melayu* (1964, Kuala Lumpur: Pustaka Antara); Abdul Rahman Haji Mohammad, *Dasar-dasar Adat Papatih* (1964, Kuala Lumpur: Pustaka Antara) dan Syed Alwi bin Syeikh al-Hadi, *Adat Resam Melayu dan Adat Istiadat* (1965, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka).

46 Telah diterbitkan oleh Qalam, Singapura, pada tahun 1959, setebal 84 halaman. Beliau juga adalah penulis buku *Pantun dan Pepatah Serta Amsal Orang-orang Melayu* (1970) dan pengarang/pelukis buku bergambar bacaan kanak-kanak yang berjudul *Raja Bersiong* (1956).

BAB 10

PENSEJARAHAN PEPERANGAN

Berbanding dengan karya pensejarahan dalam bidang sosiopolitik yang telah dibincangkan, hanya ada beberapa buah sahaja karya pensejarahan peperangan ini yang telah diterbitkan dan dapat ditemui setakat ini. Pada hakikatnya, karya-karya seperti ini juga boleh dikategorikan sebagai sebahagian daripada karya pensejarahan politik kerana peperangan itu kerap pula merupakan akibat daripada tindakan ataupun perbalahan politik atau ideologi antara pihak-pihak yang bersengketa. Walau bagaimanapun, kebanyakan karya yang ditemui bukanlah merupakan karya yang berbentuk analisis sebenarnya tentang sesuatu peperangan itu. Kisah yang dimuatkan ialah tentang peperangan sebagai satu peristiwa besar yang menarik perhatian lantas perlu dirakamkan untuk iktibar mahupun kenangan-kenangan bagi generasi akan datang.

Salah sebuah karya yang awal tentang peperangan ialah sebuah penulisan yang berjudul *Hikayat Perang antara Jerman dengan Perancis 1870 dan 1871*.¹ Karya ini adalah seangkatan dengan buku *Hikayat Napoleon Bonaparte* yang telah diperkatakan lebih awal. Seperti buku tersebut, karya ini tidak memuatkan nama pengarangnya dan kemungkinan ia juga adalah sebuah terjemahan daripada bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, kesan penterjemahan itu tidaklah begitu nyata. Malah,

1 Karya ini telah diterbitkan oleh Percetakan Kerajaan Lingga, bertarikh A.H. 1305 = 1884 M. Karya ini telah diterbitkan dalam huruf Jawi, setebal 157 halaman dan tajuk sepenuhnya cukup panjang: *Hikayat Perang Jerman dan Perancis 1870 dan 1871: Iaitu Perang yang Amat Besar Lebih daripada Perang Dahulu, Banyak Manusia Mati dan Tertawan Sehingga Perancis Mendapat Malu Besar dan Hilang Beberapa Tanahnya Serta Didenda Membayar Wang Belanja Perang Itu Banyak - Tiga Miliard Franc.*

jika ia merupakan satu terjemahan, maka usaha itu telah dilakukan dengan secara bebas oleh penterjemahnya. Penyesuaian juga dilakukan dengan ciri-ciri atau tradisi pensejarahan Melayu pada ketika itu, iaitu yang berasaskan pensejarahan Islam. Buku ini disusun mengikut tertib-tarikh yang baik dan memuatkan tarikh yang tepat berkaitan dengan peristiwa meletusnya peperangan di antara kedua-dua negara itu. Walaupun demikian, buku ini masih mirip kepada pensejarahan tradisi kerana adanya ciri-ciri kesusasteraan seperti adanya kata perbualan dan juga sikap tidak analitikal pengarangnya.

Ditinjau dari segi kandungannya, buku ini sebenarnya telah digambarkan oleh tajuknya yang panjang itu. Ia membicarakan peperangan yang berlaku antara Jerman dengan Perancis pada pertengahan tahun 1870 hingga awal tahun 1871 yang berkesudahan dengan kekalahan di pihak Perancis. Perancis pada ketika itu dipimpin oleh Louis Napoleon (atau Napoleon III), iaitu anak saudara Napoleon Bonaparte. Sementara Jerman pula dipimpin oleh Otto von Bismarck, Perdana Menteri yang sangat berwibawa dan yang berusaha keras untuk menyatukan wilayah-wilayah Jerman di bawah keunggulan Rusia melalui dasar "darah dan senjata". Walau bagaimanapun, karya ini memihak kepada Jerman dan menganggap bahawa Perancis yang menjadi punca dan dalang meletusnya peperangan antara kedua-dua pihak itu. Peperangan ini diakhiri dengan Perjanjian Frankfurt yang ditandatangani pada 28 Februari 1871.²

Sebuah lagi pensejarahan peperangan ialah yang berjudul *Inilah Hikayat Perang Setambul* yang terdiri daripada tiga bahagian bersambung.³ Pengarangnya, mahupun penyusunnya tidaklah diketahui. Sumber-sumber rujukan juga tidak dinyatakan dan persembahannya adalah berbentuk penceritaan sahaja, iaitu tidak bersifat kritis mahupun analitikal.

Buku ini menceritakan peperangan antara tentera Hadrat Maulana Sultan Abdul Majid Khan dengan tentera Rusia pada tahun 1863 berpunca daripada kejadian di Negeri Darul-al-Salam, iaitu Baitulmaqdis.⁴ Buku itu mencatatkan bahawa peperangan itu adalah "perang antara kaum Islam dengan kafir ..."⁵ Peperangan ini berpunca daripada peng-

2 *Ibid.*, hlm. 154-156.

3 Karya ini diterbitkan di Singapura pada tahun 1902, dalam huruf Jawi, setiap bahagiannya terdiri daripada 119, 97 dan 100 halaman dengan bahagian ketiga tidak sempurna keadaannya. Karya ini juga masih diterbitkan dalam bentuk litograf atau cap batu.

4 *Inilah Hikayat Perang Setambul*, 1902. Singapura hlm. 4.

5 *Ibid.*, film. 2.

aduan seorang ulama dari Darul-al-Salam kepada Sultan Abdul Majid mengatakan tentang perbuatan seorang paderi bangsa "Russian Moscovite dan murid-muridnya hendak mengembangkan agamanya di negara ulama itu". Gerejanya terletak di depan masjid dan paderi serta murid-muridnya itu masuk ke masjid tatkala orang Islam bersembahyang, terutamanya hari Jumaat dan mengolok-olok serta mengejek-ejek ... [ini] membawa kepada pergaduhan hingga banyak yang mati".⁶ Sebenarnya hikayat ini lebih merupakan laporan tentang peristiwa tersebut.

Selain itu, terdapat pula sebuah lagi karya tentang sejarah peperangan, berjudul *Chetra Prang Dunia dan Permulaan Prang di Seluruh Benua Eropah*.⁷ Karya ini sebenarnya adalah sebuah karya terjemahan daripada karya berbahasa Inggeris berjudul *The Story of The World War*. Pengarang asalnya ialah Herbert Strang dan penterjemahannya ialah E. Abu Bakar. Sungguhpun buku ini hanya merupakan sebuah karya yang kecil, namun ia telah memuatkan sebab-musabab berlakunya Perang Dunia Pertama, mengapa pihak British menyertainya dan juga perjalanan peperangan itu. Walau bagaimanapun, penerangan itu dilakukan secara ringkas sahaja. Oleh sebab itu, karya ini mungkin diterbitkan dengan tujuan dijadikan bahan bacaan propaganda untuk murid-murid sekolah atau orang awam.

Seterusnya pada tahun 1929, sebuah karya yang berjudul *Hikayat Peperangan Gharib dan Ajib*, tulisan Muhammad Zain bin Ibrahim telah diterbitkan di Pulau Pinang. Dalam bahagian "Pendahuluan", pengarang mengatakan bahawa karya beliau ini memuatkan "cerita yang sangat dahsyat peperangan adik-beradik [Gharib dan Ajib] ... hingga meleburkan beberapa banyak negeri dan raja-rajanya". Peristiwa itu berlaku di Iraq dan Gharib serta Ajib adalah dua orang putera seorang raja Iraq pada satu zaman yang silam. Ajib (putera gahara baginda) digambarkan sebagai tokoh durjana, iaitu "seumpama syaitan yang ganas oleh kerana sangat jahatnya".⁸ Ajib telah membunuh bapanya dan merampas takhta kerajaan Iraq dan menghalau adiknya Gharib (bukan putera gahara) serta memerintah dengan kejam. Persengketaan antara kedua-dua itulah yang telah menyebabkan tercetusnya beberapa peperangan dan

6. *Ibid.*, hlm. 6-7.

7. Diterbitkan oleh Al-Ekhwani Press, Singapura, pada tahun 1929, dalam huruf rumi, setebal 29 halaman.

8. Muhammad Zain bin Ibrahim 1348 H./1929 M. *Hikayat Peperangan Gharib dan Ajib*. Pulau Pinang, hlm. 3. Karya ini setebal 100 halaman dalam tulisan Jawi.

pertempuran. Akhirnya, Gharib dapat menewaskan Ajib dan kembali memerintah Iraq dengan adil.

Sebenarnya karya ini lebih merupakan sebuah karya tentang legenda daripada karya pensejarahan yang sebenarnya. Namun demikian, sebagai legenda, karya ini diasaskan pada peristiwa yang sebenarnya berlaku pada suatu jangka masa yang silam dalam sebuah negeri yang memang sebenarnya wujud. Oleh itu, nilai sejarahnya memang ada, walaupun nilai kesejarahannya tidaklah boleh diterima sepenuhnya. Hakikat ini mengingatkan kita kepada karya-karya seperti *Amir Hamzah*, *Muhammad Ali Hanafiah* dan *Hang Tuah*. Karya ini juga telah diterjemahkan atau "disadur" oleh Muhammad Zain dari bahasa Arab ke bahasa Melayu.

Kira-kira setahun selepas karya ini diterbitkan, Muhammad Zain telah menghasilkan sebuah lagi karya pensejarahan peperangan berjudul *Hikayat Peperangan Sisebana*.⁹ Karya ini juga adalah sebuah terjemahan dari bahasa Arab ke bahasa Melayu. Di bahagian kulit hadapannya dimuatkan catatan kapsul tentang karya ini, iaitu "peperangan yang dahsyat antara Sayidina Ali dengan Maharaja Ghatrif diterjemahkan dari bahasa Arab ke Melayu oleh Muhammad Zain bin Ibrahim - murid Madrasah Masyhur al-Islamiah, Pulau Pinang". Peperangan itu berlaku di Wadi Sisebana. Hikayat ini diriwayatkan oleh Ibn Abbas yang mendapat ceritanya daripada Amru yang menceritakan punca peperangan tersebut. Menurut Amru, puteri Wadi tersebut telah dipinang oleh Raja Ghatrif. Tetapi puteri itu telah mengenakan syarat kepada Ghatrif, iaitu "hendaklah engkau membawa kepada aku Muhammad bin Abdullah (yakni Rasulullah S.A.W.) dan anak mamaknya Ali Ibn Abi Talib; kedua-duanya inilah maharku, tiadalah apa-apa yang lain-lain lagi".¹⁰ Malaikat Jibril kemudiannya telah datang kepada Rasulullah S.A.W. membenarkan apa yang dikhabarkan oleh Amru kepada Ibn Abbas itu. Berikutan dengan itu, baginda telah memanggil Sayidina Ali dan memerintahkannya memerangi Raja Ghatrif. Sayidina Ali akhirnya dapat menewaskan dan membunuh Raja Ghatrif dan pengikutnya telah memeluk agama Islam.¹¹ Satu perkara yang menarik bagi karya ini ialah

9 Karya ini telah diterbitkan di Pulau Pinang, dalam huruf Jawi, setebal 61 halaman. Sebenarnya, tiada dimuatkan tarikh penerbitannya, cuma naskhah yang tersimpan di perpustakaan Muzium British ada cap muzium tersebut, iaitu tahun 1931, merupakan tarikh ia diperolehi. Kemungkinannya karya ini telah diterbitkan setahun sebelumnya.

10 Muhammad Zain bin Ibrahim 1930. *Hikayat Peperangan Sisebana*. Pulau Pinang.

11 *Ibid.*, hlm. 58-59.

bentuk persembahannya yang masih dalam lingkungan pensejarahan tradisi walaupun tarikh penerbitannya (jika tahun 1930 itu boleh diterima) sudah menjangkau dekad ketiga abad ke-20. Tetapi ini bukanlah sesuatu yang menghairankan kerana kemungkinan ia diterjemahkan daripada naskhah asal yang berbentuk demikian. Dalam pada itu, masih juga terdapat lagi karya-karya pensejarahan tempatan yang masih bersifat tradisi dari segi persembahannya. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* misalnya, masih lagi mempunyai beberapa ciri pensejarahan tersebut. Salah satu ciri itu yang terdapat dalam *Hikayat Peperangan Sisebana* ialah puisi yang antaranya berbunyi:

"Sebarang perkataan nabi kita,
hendaklah diturut jangan didusta
ialah benar-benar rasul perkasa
di antara alam masyhur warta.

Selawat dan salam setiap waktu
serta berdoa meminta bantu
Daripada Allah Tuhan Yang Satu
Supaya dimenangkan peperangan itu."¹²

Hikayat ini juga telah diakhiri dengan rangkap puisi yang antaranya berbunyi:

"Cetra ini fakir terjemahkan
daripada bahasa Arab dimelayukan
hanyalah niat buat menyenangkan
sekalian saudara serta rakan."¹³

Sebenarnya pensejarahan peperangan seperti di atas itu, ataupun secara umumnya, memang seronok dibaca. Ia bukan sahaja menggambarkan peristiwa benar serta mendebarkan yang lazimnya berlaku dalam peperangan, tetapi menampakkan pula unsur drama, emosi kemanusiaan, kekejaman, penderitaan, falsafah politik serta keadilan yang timbul daripada kejayaan pihak yang benar menewaskan pihak yang bersalah atau yang memulakan peperangan. Oleh itu, sesuatu peristiwa peperangan itu, apatah lagi peperangan yang besar sama ada dari segi pengertian

12 *Ibid.*, hlm. 12. Rangkap-rangkap syair ini terdapat juga di halaman lain: misalnya hlm. 13, 16-25, 34-35, 55-56 dan 61.

13 *Ibid.*, hlm. 61.

mahupun kegemerengannya, akan sentiasa mendapat perhatian para pencatat dan sejarawan untuk menuliskannya. Demikianlah halnya apabila meletus Perang Dunia Kedua yang melibatkan pula negara kita. Sungguhpun hanya dua buah sahaja karya pensejarahan Melayu mengenai yang telah ditemui dalam tempoh kajian ini, namun penerbitan ini tetap menunjukkan kepekaan pencatat dan sejarawan tanah air tentang peristiwa besar yang melanda dunia dari tahun 1939-1945.

Salah sebuah buku yang telah diterbitkan ialah karya berjudul *Riwayat Perang yang Kedua* (Penggal 1) yang dikumpul dan disusun oleh Syed Abdullah bin Abdul Hamid al-Edrus (atau Edrus atau Ahmad Lutfi) sejak tahun 1944.¹⁴ Walau bagaimanapun, buku ini sebagai Penggal Pertama (Penggal Kedua tidak ditemui), tidaklah menyentuh kaitan dan keadaan tanah air kita dengan atau semasa perang besar itu. Tumpuannya menerangkan sebab berlakunya peperangan tersebut yang pada anggapan beliau berpunca daripada negara Jerman yang telah menjadi miskin malah papa akibat perbuatan mereka mencetuskan Perang Dunia Pertama (1914-1918). Dalam keadaan papa dan "bingung" menghadapi masalah dan bagi mengatasi masalah ekonominya yang kucar-kacir itu, rakyat Jerman telah terpesona dengan seorang pemimpinnya yang sangat bijak berpidato dan menjanjikan penyelesaian yang sewajarnya bagi masalah ekonomi mereka. Pemimpin mereka itu ialah Adolf Hitler. Beliau berjanji akan dapat menyelesaikan pelbagai masalah rakyat Jerman dengan syarat mereka menyerahkan kepada beliau, "... segala-galanya dan ikutlah segala perintahnya, dan jika diturut segala kehendaknya itu katanya akan terselamatlah negeri dan kerajaan".¹⁵ Oleh sebab kepintarannya berpidato, memberi semangat dan janji-janjinya serta cita-citanya yang begitu tinggi terhadap rakyat Jerman, maka mereka telah memberikan sokongan penuh dan menganggapnya seolah-olah "... seperti al-Masih atau seperti Rasul".¹⁶ Begitu terpesona dan taat sekali rakyat Jerman terhadap Hitler itu, sehingga Edrus mengatakan bahawa mereka, "... mengikut segala perintahnya sebagai lembu-lembu mengikut kehendak gembalanya, dibawanya ke sana sini dengan

14 Abdullah bin Hamid al-Edrus t.t. *Riwayat Perang Besar yang Kedua*, penggal pertama, Singapura. Tarikh 1944 itu adalah berdasarkan tarikh di hujung "Pendahuluan" karya ini. Kemungkinannya beliau telah mula menyusun karyanya ini pada tarikh tersebut dan menerbitkannya kemudian. Ia telah diterbitkan dalam tulisan Jawi, setebal 187 halaman.

15 *Ibid.*, hlm. 6.

16 *Ibid.*, hlm. 8.

tidak berfikir apa-apa lagi ... baik dan senang disebut "heil Hitler", menangis dan sedih disebut, "heil Hitler"; ... beginilah keadaan nasib umat Jerman yang telah naik bingung itu yang telah hilang kemerdekaan dalam segala-gala perkara".¹⁷

Karya ini juga membicarakan tentang tindak tanduk Hitler mengukuhkan negaranya dan seterusnya melancarkan cita-cita pembentukan dan perluasan kuasa Jerman di Eropah dengan melakukan serangan dan penaklukan ke beberapa negara. Serangan dan penaklukan ini akhirnya telah mencetuskan perang secara besar-besaran, iaitu bermula dengan pengisytiharan perang oleh Britain dan Perancis ke atas Jerman pada 3 September 1939.¹⁸ Karya ini berakhir pada tarikh Jerman membuat "ikatan" dengan Rusia, "kerana memikirkan menetapkan sempadan di antara keduanya dalam Poland".¹⁹ Buku ini boleh dianggap sebagai sebuah karya pensejarahan moden, walaupun terdapat beberapa kata perbualan tokoh-tokoh yang terlibat di dalamnya. Buku ini juga boleh disamakan tarafnya dengan karya Abdullah Thani yang berjudul *Pusat Kekuasaan Inggeris di Laut Mediterranean*. Seperti karya Abdullah Sani, inilah satu-satunya karya pensejarahan Melayu yang telah diterbitkan dalam tempoh kajian ini yang menyentuh perang tersebut dengan cara yang lebih luas atau secara keseluruhannya.

Sebuah lagi karya pensejarahan peperangan tersebut yang telah diterbitkan ialah yang menyentuh secara khususnya kaitan serta keadaan perang itu yang berlaku di tanah air kita. Karya ini berjudul *Hikayat Perang Dunia Kedua*.²⁰ Karya ini tidak menyebut nama pengarangnya, melainkan dalam bahagian "Pendahuluan" ada disebutkan huruf ringkas pengarangnya sebagai A.M. Tarikh penerbitannya juga tidak dinyatakan; hanya tarikh cap perolehan pihak perpustakaan Muzium British memuatkan tahun 1947. Oleh sebab itu, ada kemungkinannya buku ini telah diterbitkan pada tahun sebelum, iaitu 1946 ataupun hujung tahun 1945.

Hikayat Perang Dunia Kedua ini tidak ditulis mengikut bab-bab tertentu; ia seolah-olah merupakan catatan semasa pengarang dengan memuatkan judul kecil yang melambangkan sesuatu peristiwa atau tokoh-tokoh yang dicatatkan. Namun demikian, seperti sebuah karya

17 *Ibid.*

18 *Ibid.*, hlm. 187.

19 *Ibid.*

20 Diterbitkan oleh Pejabat Perhubungan Raya Kuala Lumpur t.t. dalam huruf rumi, setebal 53 halaman.

pensejarahan, ia juga memuatkan sebab berlakunya peperangan itu. Menurut pengarang, Perang Dunia Kedua "telah disebabkan oleh tamak dan haloba pihak kuasa Pasak yang hendak membahagi-bahagi Dunia Tua ini kepada tiga bahagian, iaitu Benua Eropah untuk Jerman, Benua Afrika untuk Itali dan Benua Asia untuk Jepun",²¹ Tokoh-tokoh seperti Hitler dan Mussolini dan juga tujuan mereka menyertai perang dunia itu juga dimuatkan walaupun tidak ada analisis yang dibuat terhadap tokoh-tokoh mahupun peristiwa yang dimuatkan itu. Sebagaimana yang diketahui, perang itu berakhir dengan kekalahan pihak kuasa Pasak dan di Asia, Jepun menyerah kalah apabila dua biji Bom Zarah [atom] digururkan ke atas bandar Hiroshima dan Nagasaki di negara tersebut.²²

Dalam pada itu, karya ini memuatkan pula tiga catatan ringkas yang berkaitan dengan peranan orang Melayu dan anggota angkatan bersenjata Melayu dalam peperangan tersebut. Catatan tersebut berjudul, "Askar Melayu Mengambil Bahagian", "Bahagian Tentera Laut Melayu Diraja", dan "Tiga Orang Ahli Wataniah".²³ Dalam catatan yang pertama itu misalnya, dinyatakan bahawa, "... orang Melayu tidaklah ketinggalan daripada mengambil bahagian yang cemerlang ... askar Melayu, Tentera Laut Merah Diraja, Jurutera Melayu dan Volunteer Melayu telah berkhidmat dengan taat setianya dalam perang itu ... apa-apa sahaja pasukan pertahanan yang boleh dimasuki oleh Melayu telah dicampuri mereka dengan segala tulus ikhlas kerana mempertahankan tanah air mereka daripada dibinasakan oleh Jepun".²⁴

Seterusnya disebut juga tentang "tujuh orang pegawai Melayu yang gagah perkasa telah mati dengan beraninya dalam peperangan ini, iaitu Kapten Aman Shah, Kapten Yazid, Kapten Abbas, Leftenan Osman bin Kering, Leftenan Abu Bakar, Leftenan Ariffin dan Leftenan Muda Adnan ...".²⁵ Tentera Laut Melayu Diraja pula telah bersama-sama berjuang semasa berundur ke selatan Semenanjung; mereka juga telah menyelamatkan orang-orang dari kapal *The Prince of Wales* dan *Repulse* yang telah ditenggelamkan oleh Jepun. Perkhidmatan mereka juga telah membawa mereka sampai ke Australia, China dan lain-lain dan mereka juga telah sampai ke Ceylon [Sri Lanka] dan India dengan

21 *Hikayat Perang Dunia Kedua*, 1945/46. Pejabat Perhubungan Raya, Kuala Lumpur: "Pendahuluan".

22 *Ibid.*, hlm. 52.

23 *Ibid.*, hlm. 27-29.

24 *Ibid.*, hlm. 27.

25 *Ibid.*

kapal "Kedah" dan "Kelantan".²⁶ Sementara itu, pemuda-pemuda Melayu telah menyertai pelbagai pasukan sukarela serta berjuang dengan taat sehingga Tanah Melayu kalah di tangan Jepun. Kemudian mereka, "masuk pasukan gerila atau wataniah kerana mengambil bahagian dalam menjahanamkan kezaliman Jepun".²⁷ Seperti yang telah disentuh lebih awal, karya ini bukanlah satu analisis tentang peperangan itu ataupun sebab-musabab berlakunya peristiwa tersebut. Ia hanyalah merupakan satu catatan dan dengan demikian tentulah ada kekurangannya. Namun, buku ini tetap berguna sebagai sumber pengetahuan kita tentang peristiwa yang besar itu. Malah pengarangnya berharap agar, "... ilmu pengetahuan pembaca akan bertambah-tambah dengan membaca kitab ini ...".²⁸

Selain *Hikayat Perang Dunia Kedua* ini, sebuah lagi karya yang berkait dengan peperangan ialah *Peperangan Tok Janggut atau Balasan Derhaka* yang ditulis oleh Yahya Abdullah dan diterbitkan di Kota Bharu.²⁹ Walaupun perspektif peperangan dalam karya ini tidak seluas dalam *Hikayat Perang Dunia Kedua*, namun kejadiannya tetap mempunyai kepentingan dalam sejarah tempatan. Buku ini mengisahkan peperangan atau penentangan yang dilancarkan oleh seorang tokoh tempatan dari Nering, Pasir Putih, Kelantan, bersama-sama pengikutnya menentang pihak British dan kerajaan Kelantan. Peristiwa itu berlaku pada tahun 1915. Peristiwa itu dianggap sebagai satu penderhakaan oleh pihak British dan kerajaan Kelantan pada ketika itu. Tok Janggut dan pengikutnya akhirnya tewas dan menerima hukuman masing-masing. Tok Janggut, atau nama penuhnya Haji Mat Hassan, telah terbunuh di Kampung Pupuh dan kemudian mayatnya dibawa ke Kota Bharu dan digantung secara songsang selama beberapa hari di padang bandaran untuk ditontonkan kepada khalayak ramai.

Kemudian pada tahun 1957, diterbitkan sebuah karya yang berkaitan dengan penentangan Tok Janggut. Karya ini berjudul *Riwayat Hidup Tok Janggut dan Peperangan di Kelantan*.³⁰ Sungguhpun judulnya bermula dengan riwayat hidup, tetapi penekanan sebenarnya adalah tentang penentangan Tok Janggut terhadap pihak British dan kerajaan Kelantan.

26 *Ibid.*, hlm. 28.

27 *Ibid.*, hlm. 29.

28 *Ibid.*, "Pendahuluan".

29 Diterbitkan oleh The Muslim Printing Press, Kota Bharu, 1955, dalam huruf jawi, berjumlah 45 halaman.

30 Diterbitkan oleh Sinaran Bros., Pulau Pinang, dalam huruf jawi, setebal 54 halaman. Karya ini telah diterbitkan semula pada tahun 1963 juga dalam huruf jawi oleh penerbit yang sama.

Sebuah lagi karya yang menceritakan tentang peperangan ialah *Perang Melaka*, yang ditulis oleh Darus Ahmad.³¹ Tetapi, seperti kebanyakan karya Darus Ahmad yang menyentuh sejarah, karya ini bukanlah sepenuhnya berupa sebuah karya pensejarahan. Beliau menyatakan bahawa "oleh menilik kepada titek-titek sejarah kejatohan itulah maka saya cuba berusaha menjalin sebuah cerita, cerita yang bercorak *Roman Sejarah*, yang saya namakan 'Perang Melaka' untuk tatapan angkatan sekarang dan akan datang".³² Oleh yang demikian, Perang Melaka ini bukanlah merupakan sebuah analisis sejarah peperangan yang ditulisnya. Buku ini mengambil fakta-fakta asas bagi peperangan itu lalu diperkembangkan menjadi satu jalinan cerita kreatif yang menarik. Fakta asas yang digunakan oleh Darus Ahmad ialah kedatangan Portugis ke Melaka dengan tujuan menaklukinya, perang Melaka pertama yang dimenangi oleh pihak Melaka, perang Melaka kedua yang membawa kekalahan ke atas Melaka, Sultan Mahmud dan Sultan Ahmad berundur dari Melaka, usaha dan cita-cita awal untuk menawan semula Melaka sehinggalah sampai ke peringkat kemangkatan Sultan Ahmad, iaitu putera Sultan Mahmud. Fakta-fakta tersebut sebenarnya berdasarkan buku *Sulalatus Salatin*. Malah, cara penulisan beliau sedikit sebanyak terpengaruh dengan cara penulisan Tun Seri Lanang, pengarang *Sulalatus Salatin*. Tetapi bagi penulisnya, barangkali yang lebih penting daripada penganalisisan yang objektif itu ialah fungsi dan matlamat sesebuah karya pensejarahan itu dihasilkan. Beliau memang menyedari perkara ini, iaitu seperti yang disarankannya dalam "Kata Pengantar", yang antara lain berbunyi:

"... kerana berguna besar rasanya jika selalu kita mengambil perbandingan akan perkara-perkara yang lepas sebagai pedoman dan panduan dalam menegakkan penghidupan baru, lebih-lebih lagi masa negara kita yang hampir akan kembali berdaulat ini."³³

Oleh sebab itu, beliau telah membina karya ini berdasarkan konsep menyedarkan dan menyemarakkan semangat perjuangan orang Melayu dalam saat-saat mereka akan mencapai kemerdekaan, supaya berjuang dengan gigih menentang pihak penjajah seperti yang telah dilakukan oleh

31 Diterbitkan oleh Sinaran Bros., Pulau Pinang t.t.; tetapi dalam "Kata Pengantar" memuatkan tarikh 1957. Diterbitkan dalam huruf rumi, setebal 83 halaman.

32 Darus Ahmad, t.t. *Perang Melaka*. Pulau Pinang: Sinaran Bros., "Kata Pengantar".

33 *Ibid.*, "Kata Pengantar".

orang Melaka dahulu. Seruan ini sangat jelas dan Darus Ahmad menganggapnya sebagai fungsi yang sangat penting bagi sejarah. Oleh sebab itu, karya beliau ini walaupun berbentuk roman sejarah seperti juga dengan beberapa buah karya beliau yang lain, memang menampilkan kesedaran sejarah pengarangnya.

Selepas karya Darus Ahmad ini, setakat yang diketahui boleh dikatakan tidak didapati lagi karya-karya pensejarahan tentang peperangan yang diterbitkan pada dekad 1950-an. Hanya ada sebuah yang telah diterbitkan pada awal dekad 1960, berjudul *Perang Saudara di Selangor 1866-1877* yang ditulis oleh Abdul Talib Haji Ahmad.³⁴ Buku ini mengisahkan tentang peperangan yang melibatkan keluarga dan kerabat diraja Selangor dan akhirnya telah membuka jalan kepada pihak British mendapatkan helah untuk menguasai Selangor.

Dalam pada itu, terdapat beberapa buah karya pensejarahan dalam bentuk syair yang mencatatkan tentang peristiwa peperangan. Salah satu daripadanya ialah *Syair Perang Siak*, yang telah disentuh sebelum ini. Sebuah lagi syair ialah *Syair Perang Aceh*, iaitu yang menceritakan salah satu peristiwa peperangan di Aceh menentang percubaan pihak penjajah Belanda menakluk dan menguasainya. Menurut syair ini, perang tersebut telah berakhir dengan kekalahan di pihak Belanda. Syair ini dikarang sebagai sebahagian daripada catatan bagi menentang dan mengabadikan kemenangan tersebut.

³⁴ Diterbitkan pada tahun 1962 oleh Pustaka Antara, dalam tulisan rumi, setebal 119 halaman.

BAB 11

KARYA PENSEJARAHAN BERBENTUK BUDAYA ATAU TAMADUN

Bagi pensejarahan dalam kategori ini pula, ada dua ciri yang harus diambil perhatian bagi menentukan bentuknya. Pertama, karya seperti ini memuatkan peristiwa sejarah yang menyeluruh bagi sesebuah masyarakat ataupun negara. Artinya, ia memuatkan aspek-aspek seperti sosiobudaya, politik, ekonomi, agama dan sebagainya dan tidaklah tertumpu kepada satu aspek penghidupan sahaja. Walau bagaimanapun, dari segi geopolitiknya, ia mungkin tertumpu kepada sesebuah negara sahaja. Dengan kata lain, ia adalah sejarah budaya atau tamadun sesuatu bangsa dalam sebuah negara tertentu. Kedua, karya yang berbentuk demikian yang kandungannya tidak dibatas oleh sempadan geopolitik. Dengan kata lain, sejarah yang dipaparkan tidaklah tertumpu kepada sesuatu tempat atau sesebuah negara sahaja. Ia merentasi sempadan negeri sedangkan dari segi budaya, anutan dan kepercayaan dan sebagainya, terdapat persamaan yang sangat meluas. Artinya, ia adalah sejarah yang sejagat bagi sesuatu bangsa ataupun sesebuah tamadun walaupun mereka dipisahkan oleh sempadan negara masing-masing. Demikianlah *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)* misalnya, adalah sebuah sejarah budaya dan tamadun Melayu yang sejagat bagi bangsa Melayu.¹

Dalam lingkungan kajian kita, antara karya terawal yang hampir menyamai kedudukan *Sulalatus Salatin* ialah *Tuhfat al-Nafis* karangan

1 *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)* karangan Tun Seri Lanang itu bukan sahaja merupakan karya sejarah, tetapi juga merupakan sumber sejarah yang penting bagi sejarah tamadun Melayu pada zaman Kesultanan Melayu Melaka dan Johor. Sebagai sumber bagi sejarah kebudayaan, lihat misalnya Haron Daud 1989, *Sejarah Melayu: Satu Kajian daripada Aspek Pensejarahan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

pujangga Riau yang agung, iaitu Raja Ali Haji. Sungguhpun karya ini pada asasnya boleh dianggap sebuah karya pensejarahan politik, namun kandungan sebenarnya adalah lebih daripada perkara yang berkait dengan politik sahaja. Ia juga memuatkan perkara yang berkait dengan sosiobudaya, ekonomi dan kegiatan keagamaan. Di samping itu, karya ini juga mencatatkan salasilah keturunan raja-raja Melayu dan Bugis.² Dari segi jangka waktu, karya ini melingkungi kira-kira seribu tahun, iaitu dari "zaman raja Melayu yang asal bernama Seri Teri Buana yang turun ke Bukit Segantang dan akhirnya membuka dan berkerajaan di Temasik (Singapura) hinggalah sampai kepada zaman Temenggung Abu Bakar yang kemudiannya menjadi Sultan Johor".³ Walaupun panorama sejagat *Tuhfat al-Nafis* ini tidaklah seluas *Sulalatus Salatin*, namun Raja Ali Haji, telah cuba menggabungkan keseluruhan entiti alam Melayu ke dalam satu entiti yang berpusatkan empayar Johor-Riau-Lingga yang berteraskan keunggulan suku bangsa Bugis khasnya dan Melayu umumnya. Dari entiti pusat inilah seluruh gerakan dan kegiatan di alam Melayu itu dipancarkan. Catatan yang dimuatkan oleh Raja Ali Haji dalam karyanya itu menggambarkan gerakan dan kegiatan tersebut. Oleh sebab itu, beliau sebenarnya telah memberikan judul yang sangat sesuai bagi karyanya yang terpenting itu, iaitu *Tuhfat al-Nafis* yang bererti "Hadiah yang Bernilai". Sesungguhnya karya ini memang bernilai, baik dari segi pensejarahannya, mahupun dari segi kedudukannya sebagai sumber sejarah.

Karya yang seterusnya dapat dianggap sebagai sejagat bagi alam Melayu ialah *Sejarah Alam Melayu* yang berjumlah lima jilid dan dihasilkan oleh dua sejarawan tanah air yang terkenal, iaitu Abdul Hadi bin Hassan dan Buyong bin Adil.⁴

2. Bagi catatan ringkas tentang kandungannya, lihat Muhd. Yusof Ibrahim, "Raja Ali Haji dan *Tuhfat al-Nafis*: Satu Tinjauan dari Sudut Kaedah Sejarah", dlm. Nik Hassan Shuhaimi (ed.) 1988. *Sumbangsih: Kumpulan Esai Sejarah*. Penghargaan untuk Prof. Datuk Zainal Abidin Abdul Wahid. Bangi: Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 102-103.
3. *Ibid.* Temenggung Abu Bakar telah menjadi pemerintah Johor menggantikan ayahandanya pada tahun 1862. Baginda telah menggunakan gelaran sultan sejak tahun 1885 iaitu sekembalinya dari lawatan ke England.
4. Daripada lima jilid itu, tiga jilid pertama adalah hasil karya Abdul Hadi bin Hassan, Jilid IV dan V adalah karya Buyong bin Adil. Kedua-duanya adalah bekas pensyarah di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI). Abdul Hadi bin Hassan menjadi pensyarah di antara tahun 1922-1929 dan Buyong bin Adil yang merupakan bekas murid Abdul Hadi telah menjadi pensyarah di MPSI dari tahun 1928-1941. Bagi riwayat hidup

Menurut keterangan Buyong bin Adil, tiap-tiap jilid atau penggal *Sejarah Alam Melayu* itu mengandungi tahap-tahap tertentu perkembangan sejarah alam Melayu yang disusun mengikut tertib-tarikh yang teratur. Jilid I misalnya, memuatkan sejarah orang Asli di Tanah Melayu dan juga kedatangan orang Melayu ke alam Melayu. Selain itu, ia juga memuatkan sejarah kebangkitan dan kebesaran kerajaan Melayu-Hindu di Tanah Jawa, khususnya Kerajaan Majapahit, Mataram, Kediri dan Singosari. Jilid II pula memuatkan sejarah kedatangan dan perkembangan agama Islam di alam Melayu. Seterusnya, dimuatkan juga sejarah kerajaan atau kesultanan Melayu di Tanah Melayu, iaitu yang berpusat di Singapura, Melaka dan Johor. Manakala Jilid III pula menumpukan kemasukan orang Cina ke alam Melayu, kedatangan orang Portugis, kedatangan dan penjajahan Belanda dan British ke rantau ini.

Abdul Hadi tidak dapat meneruskan penulisan karya sejarahnya itu kerana telah ditukarkan ke Kelantan menjadi Nazir Sekolah-sekolah Melayu di negeri itu mulai tahun 1929.⁵ Penulisannya telah disambung oleh Buyong Adil yang selesai menghasilkan dua jilid lagi (Jilid IV dan Jilid V) pada tahun 1939.⁶ Buyong Adil telah mendapat galakan daripada O.T. Dussek, iaitu pengetua Maktab Perguruan Sultan Idris pada ketika itu untuk meneruskan usaha penulisan yang telah dimulakan oleh Abdul Hadi dahulu. Malahan, O.T. Dussek telah memberikan buku-buku rujukan kepada beliau bagi menghasilkan Jilid IV dan Jilid V itu.⁷ Jilid IV mengandungi sejarah "Negeri-Negeri Selat, iaitu Singapura, Pulau Pinang, dan Melaka serta Perang Naning. Penggal [Jilid] V mengandungi sejarah Negeri-Negeri Melayu Bersekutu: Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang".⁸

Khoo Kay Kim menganggap *Sejarah Alam Melayu* ini sebagai sebuah karya sejarah kebangsaan yang pertama dan Abdul Hadi sebagai sejarawan Melayu yang pertama sekali menghasilkan karya yang berbentuk demikian.⁹ Sedikit sebanyaknya anggapan ini memang ada ke-

yang ringkas tentang Abdul Hadi bin Hassan, sila lihat misalnya, Muhammad Yusuf Harun 1982, "Abdul Hadi Hassan", dlm. *Melaka dan Sejarahnya*, disunting oleh Khoo Kay Kim 1982, Melaka: Persatuan Sejarah Melaka, hlm. 127-131. Bagi Buyong Adil pula, sila lihat tulisan beliau sendiri berjudul, "Haji Buyong Adil", dlm. *Malaysian in History*, dlm. Jil. 19, No. 2, Disember 1976, hlm. 7-22.

5 Lihat Muhammad Yusuf Harun, "Abdul Hadi Hassan", hlm. 128.

6 Haji Buyong Adil, "Haji Buyong Adil", hlm. 14.

7 *Ibid.*

8 *Ibid.*

9 Khoo Kay Kim, "Local Historians", hlm. 304-305.

benarannya, namun skop karya itu adalah melebihi daripada batasan konsep kebangsaan itu sahaja, terutamanya jika konsep itu dilihat daripada sudut geografi semata-mata. Dari segi kandungannya, ia menjangkau satu lingkungan kebudayaan yang dikenali sebagai alam Melayu. Pengarang juga menampakkan kefahaman yang jelas tentang fungsi sejarah. Justeru itulah, dapat dilihat di beberapa tempat beliau telah menyeliikan kesedaran dan semangat kebangsaannya, iaitu sebagai tunjangan dari kefahaman tersebut.¹⁰

Walau bagaimanapun, adalah jelas bahawa Abdul Hadi dan Buyong Adil merupakan dua orang sejarawan yang mempunyai kefahaman yang jelas tentang sejarah, kaedah penyelidikan, tafsiran dan juga penggunaan sumber. Mereka mempunyai sikap yang kritis baik terhadap peristiwa sejarah, tarikh yang berkaitan mahupun terhadap sumber-sumber yang digunakan. Menyentuh tentang sumber rujukan misalnya, sungguhpun kebanyakannya terdiri daripada sumber kedua, tetapi mereka tidaklah bergantung pada sumber-sumber sejarawan Barat (terutamanya British) sahaja; malah sumber tempatan dan lisan juga digunakan. Hal ini, ditambah dengan kesedaran sejarah yang mereka punyai, menjadikan siri karya mereka yang berjudul *Sejarah Alam Melayu* itu satu warisan karya pensejarahan yang sememangnya penting.

Dalam pada itu, pada tahun 1938 telah diterbitkan pula sebuah karya dalam kategori ini yang sangat menarik, berjudul *Turki dan Tamadunnya*. Buku ini dikarang oleh Ibrahim Mahmood.¹¹ Sebelum ini, beliau telah menghasilkan sebuah karya pensejarahan, iaitu karyanya yang pertama bertajuk *Turki dan Mustafa Kamal Atatürk*; tetapi naskhah

10 Satu contoh ialah yang berkait dengan peristiwa Bendahara Paduka Tuan atau Bendahara Tepok (juga dikenali sebagai Bendahara Lubok Batu) yang, walaupun sudah tua dan tepok, sanggup meminta diangkat dan dilanggarkan sahaja kepada askar Portugis yang sedang mara untuk menawan Melaka pada tahun 1511 daripada menyerah kalah atau dibawa lari. Teladannya ialah, "... ayobai segala orang-orang yang bangsawan! Lihatlah betapa besar cinta dan kasih sayangnya Bendahara yang tersebut itu akan tanah airnya; gamak ia mati bersama-sama daripada meninggalkannya! Bahkan patutlah kita sekali menghormati kemuliaan hatinya itu, dan menanamkan pada diri kita perasaan yang sedemikian itu pula akan tanah air kita. Maka hendaklah bukannya sekadar kasih dan sayang pada hati sahaja, melainkan iaitu hendaklah pula dengan perbuatan kita, bersungguh-sungguh mempertahankan tanah air kita daripada musuh dan kejahatan ..." Lihat Abdul Hadi bin Hassan 1928. *Sejarah Alam Melayu*. Penggal II. Cetakan kedua, Singapura: Fraser & Neave, Ltd., hlm. 228.

11 Buku ini tidak menyebut penerbitnya. Ia dicetak oleh The Mercantile Press, Pulau Pinang, pada tahun 1938, dalam huruf jawi, setebal 79 halaman.

ini belum dapat lagi ditemui semasa kajian ini dilakukan.¹² Menyentuh tentang karyanya yang kedua ini, iaitu *Turki dan Tamadunnya* itu, secara amnya buku ini menceritakan tentang pelbagai keadaan yang wujud dan pergerakan, perubahan, kemajuan, kekuatan dan politik yang berlaku di Turki dari sejak Mustafa Kamal Atatürk mengambil alih pemerintahan di negara itu. Dengan kata lain, Turki menjadi sebuah republik di bawah kekuasaan Mustafa Kamal yang telah menjatuhkan dan memansuhkan sistem pemerintahan berkhalifah pada tahun 1924. Pengarang nampaknya berasa sangat kagum dengan tindakan dan kemudiannya pencapaian kerajaan Mustafa Kamal dalam memajukan Turki sehingga menjadi negara yang seiring kemajuannya dengan negara Barat yang maju pada ketika itu. Kerajaan republik itu, dalam masa yang agak singkat sahaja telah berjaya membangunkan semula tamadun Turki yang baru daripada runtuhannya yang telah ditinggalkan oleh serangan pihak Barat dalam Perang Dunia Pertama dan juga daripada beberapa warisan dari zaman pemerintahan Empayar Uthmaniah (1453-1922). Kejayaan itu menyebabkan pengarang merasakan bahawa ia patut dicontohi oleh negara-negara dan masyarakat Islam lain, terutamanya Tanah Melayu. Ertinya, Ibrahim Mahmood mahu masyarakat Islam, terutamanya orang Melayu mengambil iktibar daripada kemajuan yang berlaku di Turki. Dalam bahagian "Pendahuluan" karyanya itu, beliau antara lain mengatakan, "... maka inilah diusahakan kadar yang dapat bagi menepati kepada kemahuan yang tersebut atau terusnya bagi menarik perhatian kaum kita Islam kepada kejadian-kejadian dan pergerakan yang dilakukan oleh sebab negeri di antara negeri-negeri Islam yang lain yang patut diperhatikan iaitulah negeri Turki sekarang ..."¹³

Ibrahim Mahmood mahukan orang Melayu/Islam mencontohi dan mengambil iktibar dari Turki kerana Turki telah mencontohi negara-negara Barat yang telah maju dalam usaha membangunkan negara. Malah mengambil iktibar dan contoh-mencontohi ini adalah satu proses yang

-
12. Ibrahim Mahmood juga telah menghasilkan beberapa karya pensejarahan dan bidang-bidang lain selain yang di atas itu. Antaranya ialah *Pantun Rindu Malam* (?), *Kenang-kenangan Hari Raya* (?), *Wartawan* (1948), *Nilai Bahasa Melayu* (?), *Johan Berjuang* (1962), *Tan Biajibid* (1966) dan *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu* (1978). Karyanya yang terakhir ini telah diterbitkan oleh Pustaka Antara, Kuala Lumpur dalam huruf rumi, setebal 1011 halaman, merupakan *magnum opus*nya dan mungkin karyanya yang terakhir dan terbesar.
13. Ibrahim Mahmood 1938, *Turki dan Tamadunnya*. Pulau Pinang: The Mercantile Press, "Pendahuluan". Lihat juga bahagian "Peringatan", hlm. 78.

biasa dilakukan di antara sebuah negara dengan sebuah negara atau negara-negara lain dalam usaha memajukan negara masing-masing. Misalnya, satu petikan dan sebuah buku berjudul *Kitab Mustafa Kamal*, tulisan Qabil Adam, menyatakan bahawa, "... orang Amerika memetik ilmu Eropah, demikian juga orang-orang Jepun dan orang-orang Balkan sehingga mereka dapat menghapuskan kesengsaraan dan kehambaan daripada bangsa asing."¹⁴ Lebih dari itu, beliau juga menyeru agar semangat perjuangan dan kerajinan bekerja orang Turki yang telah ditanamkan oleh kerajaan Mustafa Kamal itu dicontohi dengan teliti kerana semangat dan kerajinan itulah yang membawa kemajuan. Beliau mengatakan semua yang berlaku dan dilakukan di Turki itu adalah selaras dengan ajaran agama Islam. "Al-hasil, tamadun, maju, bebas merdeka, kasihkan tanah air, bangsa dan agama, berpengetahuan tinggi, bersatu dan sebagainya daripada inilah kewajipan yang sangat diseru oleh agama Islam".¹⁵ Turki telah menyedari hakikat ini dan terus berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai taraf tersebut dan mewujudkan sebuah tamadun yang maju.

Sebenarnya, karya Ibrahim Mahmood bukanlah semata-mata sebuah pensejarahan yang hanya memaparkan tamadun baru yang dibangunkan oleh kerajaan republik itu. Beliau juga telah membuat analisis dan memuatkan pula pandangan peribadinya terhadap perkara yang dituliskannya itu. Perkara ini telah menjadikan karya ini sangat menarik untuk dibaca. Kadangkala analisis, pandangan dan ungkapan yang dimuatkannya itu adalah berupa kritikan terhadap budaya atau masyarakat Islam itu secara amnya. Misalnya, petikan yang diambilnya daripada karya Qabil Adam, antara lainnya menyebut tentang orang Eropah yang maju sentiasa menggunakan akal untuk menjalankan penyelidikan dalam pelbagai bidang ilmu, sedangkan orang Islam tidak berbuat demikian.¹⁶ Begitu juga "orang Barat rajin bekerja dan belajar dan mencuba sebarang percubaan bagi mengetahui sesuatu ilmu pengetahuan yang berguna bagi bangsanya dan tanah airnya. Sementara itu, orang Timur leka mempelajari ilmu sihir dan memperbuat azimat-azimat."¹⁷ Pandangan yang sedemikian, ditambah pula dengan analisis serta penggunaan sumber rujukan, bukan sahaja menampakkan kesedaran sejarah tetapi juga kesedaran politik faham kebangsaan di pihak pengarangnya.

14 *Ibid.*, hlm. 4.

15 *Ibid.*, hlm. 18.

16 *Ibid.*, hlm. 5.

17 *Ibid.*

Seperti Abdul Hadi Hassan dan Buyong Adil, pengarang *Sejarah Alam Melayu*, Ibrahim Mahmood memang jelas mempunyai kesedaran tersebut dalam kedua-dua hal yang dinyatakan di atas.

Selepas karya Ibrahim Mahmood ini, karya pensejarahan yang boleh dianggap termasuk dalam kategori ini ialah karya Burhanuddin al-Helmy, terutamanya yang berjudul *Asas Falsafah Kebangsaan Melayu* (1950) dan *Falsafah Kebangsaan Melayu* (1954). Kedua-dua buku itu telah diperkatakan dalam kategori sosiopolitik dan ekonomi. Walaupun karya-karya beliau itu dibicarakan dalam kategori tersebut, atas hakikat beliau sebenarnya cuba menerangkan ideologi politiknya, namun kandungannya melingkungi sejarah satu tamadun yang terkenal, iaitu tamadun Melayu. Oleh sebab itu, karya-karya beliau yang berkenaan boleh juga diterima dalam kategori ini.

Dalam pada itu, pada tahun 1950 juga telah terbit sebuah karya pensejarahan yang sangat menarik, berjudul *Bangsa Cina*. Buku ini dikarang oleh Mohamed bin Haniff.¹⁸ Sekali imbas, karya ini seolah-olah ingin memaparkan sejarah orang Cina di tanah air kita. Tetapi ia menulis sejarah tamadun bangsa Cina itu di tanah air mereka atau negara China sendiri. Hanya bab pertama (Bangsa Cina, hlm. 3) dan dalam dua bab yang terakhir, iaitu Bab 15 (Cina di Tanah Melayu, hlm. 97-100) dan Bab 16 (Pelajaran dari Orang Cina hlm. 100-110) disentuh tentang kedatangan, kegiatan dan beberapa unsur sosiobudaya orang Cina di Tanah Melayu. Dengan hal yang demikian, sebahagian besar karya ini membicarakan sejarah tamadun orang Cina di negara China. Tujuannya adalah untuk iktibar kepada orang tempatan, khususnya orang Melayu. Bagi memenuhi tujuan tersebut, maka pengarang telah menceritakan unsur-unsur sejarah budaya orang Cina seperti sifat mereka yang rajin, tekun, jimat cermat dan kuat berpersatuan. Sikap buruk mereka juga dimuatkan, terutamanya di kalangan para peniaga yang suka menipu dari segi timbang-menimbang, menjual barang-barang yang ditegah oleh undang-undang dan memberi rasuah. Orang-orang kaya mereka pula suka menghabiskan masa dengan menghisap candu.¹⁹

Di samping sudut budaya itu, pengarang juga mencatatkan sejarah politik negara tersebut sejak dari zaman awalnya, iaitu Wangsa Hsia hinggalah ke tarikh negara itu jatuh ke tangan pemerintahan komunis

18 *Ibid.* Dikarang dan diterbitkan oleh beliau sendiri dan dicetak oleh The United Press, Pulau Pinang, 1950, dalam buruf jawi, setebal 110 halaman.

19 Mohamed Haniff 1950. *Bangsa Cina*. Pulau Pinang, hlm. 80.

pada tahun 1949. Antara peristiwa politik itu termasuklah penindasan terhadap orang Islam yang berlaku sejak pemerintahan Mancu (1644–1911). Beliau telah memetik satu ungkapan daripada sebuah karya berjudul *China Moslem*, oleh Badaruddin, yang berbunyi, "... di dalam zaman Maharaja Mancukuo ini tulang-tulang kaum Muslimin dipatah-patahkan ... kekuatannya dihancurkan ... kaum Muslimin ditindas, dihipit tidak terderita-deritakan lagi. Hati mereka hancur luluh".²⁰ Akibatnya mulai tahun 1731, berlakulah pemberontakan demi pemberontakan oleh kaum Muslimin untuk menuntut hak kebebasan beragama.²¹

Pada umumnya, peristiwa politik itu ditulis mengikut tertib-tarikh yang baik serta dilengkapi dengan tarikh yang tepat bagi sesuatu peristiwa itu. Beliau juga telah menggunakan beberapa sumber yang terdiri daripada buku-buku dan akhbar-akhbar berbahasa Inggeris, iaitu seperti yang dinyatakan dalam bahagian "Pendahuluan" karyanya itu. Dalam bahagian "Pendahuluan" itu juga, beliau menyatakan bahawa buku ini "tidak mengangkat-angkat atau merendahkan sebarang pihak melainkan menghidangkan sahaja ilmu pengetahuan yang difikirkan berguna".

Dari segi kaedah sejarah, kenyataan ini mengimbangkan sikap objektif Mohamed Haniff dalam percubaannya menerangkan sejarah tamadun orang Cina. Beliau mengingatkan kita kepada Herodotus dari tamadun Yunani purba, Ibn Khaldun dari tamadun Islam abad ke-14 dan Raja Ali Haji dari tamadun Melayu abad ke-19 dengan sikap objektif masing-masing dalam menghasilkan karya pensejarahan. Perkara inilah yang menjadi keistimewaan karya ini, iaitu di samping judul dan isi kandungannya itu sendiri.²²

Pada tahun 1953 (1377 H.), iaitu tiga tahun selepas penerbitan buku *Bangsa Cina* itu, telah diterbitkan sebuah karya berjudul *Sejarah Melayu Raya: Tarikh Perjuangan dan Ekonomi Indonesia, Filipina dan*

²⁰ *Ibid.*, hlm. 71.

²¹ *Ibid.*, hlm. 71–76.

²² Sebenarnya Mohamed Haniff adalah seorang penulis yang berpengalaman. Beliau pernah menjadi wartawan akhbar seperti *Majlis*, *Warta Malaya* dan *Utusan Melayu* dan penolong pengarang *Warta Negara*. Beliau juga bergiat dalam bidang bahasa terutamanya perkamusan. Selain karya di atas, beliau juga telah menghasilkan beberapa karya lain. Antaranya *Kamus Politik* (1949) 267 halaman; *Kemajuan di Amerika* (1949) 88 halaman; *Kamus Akhbar dan Radio* (1955), 132 halaman dan *Malaysia Sejarah dan Politik* (?), 44 halaman. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 1983. Bagi beberapa maklumat tentang riwayat hidup dan penerbitan beliau, sila lihat karya beliau, *Kamus Politik*, bahagian "Pengenalan" dan *Utusan Malaysia*, 9 April 1983.

Malaya oleh Abdullah Abbas Nasution.²³ Beliau juga telah menghasilkan beberapa buah risalah dan karya lain yang berkaitan dengan politik, agama dan juga lawatan beliau. Malah beliau telah menghasilkan sebuah tafsir *al-Quran* berjudul *Kitab Tafsir al-Quran Bergantung Makna Jawi*. Karya-karya beliau ini sebahagian besarnya adalah bagi kegunaan murid-murid di maahadnya dan sebahagiannya pula untuk bacaan masyarakat umum. Namun dari segi karya pensejarahan, maka dari beberapa segi, karya beliau yang berjudul *Sejarah Melayu Raya*, boleh dikira terbesar dan terbaik.²⁴ Sebagai sebuah karya pensejarahan berbentuk tamadun, Abdullah Abbas melihat perkembangan sejarah di alam "Melayu Raya" dari sudut politik, ekonomi, sosial dan keagamaan sejak dari zaman keagungannya hinggalah ia dikuasai oleh penjajah dari Barat dan seterusnya bangun semula untuk berjuang mencapai kemerdekaannya. Beliau telah membahagikan karya itu kepada tiga bahagian: pertama, tentang sejarah Tanah Melayu; kedua, sejarah Filipina; dan ketiga, sejarah Indonesia. Namun di sebalik pembahagian ini, beliau tetap berbicara dari sudut atau asas yang satu; bahawa ketiga-tiga daerah perantauan itu adalah tertakluk ke dalam alam "Melayu Raya". Alam tersebut pernah pada tahap-tahap yang tertentu pada masa lalu menjadi pusat kekuasaan Melayu yang agung. Pada ketika di puncak keagungannya, setiap satu pusat kekuasaan itu merupakan kuasa yang terunggul yang secara langsung atau tidak langsung menguasai seluruh alam "Melayu Raya" itu. Malah bagi Empayar Melayu Srivijaya (500-1400) yang berpusat di Sumatera dan Empayar Melayu Majapahit yang berpusat di Jawa (1293-1478), kekuasaan mereka itu selain meliputi

23 Diterbitkan oleh Persama Press, Pulau Pinang, dalam huruf jawi, setebal 132 halaman.

24 Abdullah Abbas Nasution adalah pengasas dan mudir Maahad Ihya al-Ulum Addiniyah, Tanjung Pauh, Jitra, Kedah, iaitu sebuah madrasah yang penting di Kedah pada tahun 1940-1967. Ia telah menunjukkan prestasi yang tinggi pada tahun 1946-1957. Selepas itu, ia merosot kerana persaingan daripada sekolah-sekolah lain, kekurangan guru dan kemerosotan prestasi akademiknya. Madrasah ini telah ditutup pada tahun 1967. Antara karya beliau yang lain yang telah diterbitkan ialah *Kitab Tafsir al-Quran Bergantung Makna Jawi* (1956); *Kitab Suluhan Politik* (1948); *Kitab Suluhan ke Tanah Suci* (1950); dan *Risalah Lawatan Haji Abdullah ke Aceh*. Menurut satu kajian riwayat hidupnya, beliau dikatakan telah menghasilkan penulisan, yang kebanyakannya tidak diterbitkan, sejumlah kira-kira 150 buah semuanya. Lihat Saidah bt. Haji Ismail 1986/87. "Haji Abdullah Abbas Nasution dan Maahad Ihya al-Ulum Addiniyah, 1940-1967". Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah bagi Ijazah Sarjana Muda kepujian, FSJK, UKM, Bangi, hlm. 55-62; lihat juga Lampiran E. Bagi riwayat hidup beliau, lihat hlm. 6-29.

ketiga-tiga perantauan tadi, melingkungi juga Siam, Burma, Pulau Formosa, Pulau Hainan, Pulau Ceylon, Pulau-pulau Andaman-Nicobar, dan termasuk sedikit India dan China.²⁵ Tetapi pusat kekuasaan itu akhirnya jatuh satu demi satu disebabkan oleh kelalaian dan berpecah belah oleh perebutan kuasa kerana "masing-masing hendak menjadi raja".²⁶ Dalam keadaan yang demikian itulah pihak asing, khususnya penjajah dari Barat mendapat kesempatan untuk menguasai alam Melayu Raya itu. Malah para penjajah itu berlumba-lumba dan bersaing pula sesama mereka untuk melaksanakan tujuan mereka yang keji itu. Tanah Melayu misalnya, menyaksikan penjajah Portugis (1511-1641) dan Belanda (1641-1795) dan kemudiannya British yang akhirnya dapat menguasai seluruh Tanah Melayu. Filipina pula pada mulanya dijajah oleh Sepanyol dan kemudian Amerika Syarikat. Indonesia pula telah dijajah oleh Belanda.

Semua kuasa penjajah itu mengambil kesempatan mengaut hasil ekonomi alam Melayu Raya dan menindas peribuminya. Mereka juga memecah-belahkan peribuminya melalui dasar pemerintahan dan pentadbiran dan juga penyebaran agamanya. Oleh yang demikian, Abdullah Abbas mahu masyarakat alam Melayu Raya, terutama pemimpin-pemimpin menyedari beberapa hakikat sejarah yang pernah wujud dan berlaku di perantauan mereka ini. Mereka harus menyedari hakikat keagungan dan "kesatuan" mereka dahulu, hakikat perbalahan dan perpecahan dan hakikat penjajahan serta penindasan. Kesedaran ini akan membolehkan mereka berfikir dan bertindak untuk mewujudkan semula keagungan dan kekuasaan mereka di bawah lambang "Melayu Raya".

Sesungguhnya penulisan beliau, seperti juga karya Burhanuddin al-Helmy, memang berbau politik kerana kesedaran politik dan semangat kebangsaan yang tinggi itulah yang menjadi dorongan utama penghasilan karya ini. Namun demikian, karyanya ini bukanlah semata-mata berupa retorik politik sahaja. Beliau juga telah merujuk kepada sumber-sumber sejarah dan kadangkala menunjukkan sikap yang kritis pula terhadap sumber-sumber tersebut. Menurut anggapannya, beliau memang menulis sebuah karya pensejarahan, dan mengikut pandangan kita ia juga berbuat demikian, tetapi dengan sikap yang simpati dan ber-

²⁵ Abdullah Abbas Nasution 1953. *Sejarah Melayu Raya: Tarikh Perjuangan dan Ekonomi Indonesia Filipina dan Malaya*. Pulau Pinang: Persama Press. "Pendahuluan" hlm. 3.

²⁶ Beliau seterusnya mengatakan bahawa akibat dari itu "maka merasailah umat kita kehinaan dan kezaliman". Lihat *ibid.*

semangat yang membara terhadap alam Melayu Raya dan tamadunya.

Setahun selepas karya ini diterbitkan, muncul pula sebuah karya berjudul *Asal Usul Alam Melayu*, hasil tulisan Haji Mohd. Sidin bin Haji Rashad.²⁷ Dari tujuan karya ini dihasilkan, kita dapat melihat bahawa pengarang mempunyai satu cita-cita yang tinggi untuk menghasilkan sebuah karya pensejarahan yang akan menarik perhatian ramai. Pihak penerbit misalnya mengatakan buku ini diharap "... dapat menghidangkan kepada pembaca yang budiman satu sejarah bangsa dan kerajaan Melayu yang dikarang oleh orang Melayu sendiri, berlainan daripada buku-buku sejarah yang telah diterbitkan dahulu daripadanya."²⁸ Dengan demikian, penerbit berharap ia akan menjadi "... pusaka kepada orang-orang Melayu untuk mengetahui hal ehwal moyang mereka dan zaman-zaman kebesaran bangsa mereka pada masa yang lalu".²⁹

Namun, di sebalik harapan yang tinggi itu, kita dapati karya ini telah melampaui batas pensejarahan yang telah pun dianggap lumrah menjelang dekad 1950-an. Ia sebenarnya telah berpatah kembali ke arena pensejarahan tradisi berbentuk legenda dan epik dengan bangsa dan tamadun Melayu sebagai tokoh, prasarana dan wadah jalinan perkembangan pensejarahannya. Dari satu segi, ia seolah-olah merupakan sebuah karya sastera rakyat; sementara sebahagian daripada sumbernya pula adalah sumber-sumber lisan yang didapati "dari mulut orang tua-tua".³⁰

Walau bagaimanapun, hasrat pengarang ialah untuk menghasilkan sebuah karya pensejarahan. Dengan itu, beliau juga telah menggunakan sumber-sumber seperti "hikayat-hikayat dan tawarikh-tawarikh yang kita jumpai sekarang ini".³¹ Beliau juga telah memuatkan tarikh-tarikh yang dianggarkannya sesuai dengan sesuatu peristiwa yang dipaparkan. Misalnya, tarikh orang Melayu dari daerah Gunung Himalaya di bawah

27 Diterbitkan oleh Sinaran Bros., Pulau Pinang, dalam huruf rumi, setebal 92 halaman. Tarikh 1954 terdapat di bahagian "Kata Penerangan". Beliau juga dikatakan telah menulis dua buah lagi buku, iaitu *Buku Sejarah Negeri-negeri Melayu (?)* dan *Buku Asal Usul Adat Resam Melayu (?)*. Lihat Khoo Kay Kim, "Local Historians", hlm. 305, nota kaki 35 yang memetik daripada Ramlah Adam 1972. "Maktab Melayu Melaka", Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, hlm. 50-51.

28 Haji Mohd. Sidin bin Haji Rashad 1954 (?). *Asal Usul Alam Melayu*, Pulau Pinang: Sinaran Bros., "Dari Penerbit".

29 *Ibid.*

30 *Ibid.*, "Kata Penerangan".

31 *Ibid.*

perintah Seri Maharaja Diraja mula mengorak keluar (kira-kira tahun 200 Masihi) dan tarikh kehancuran kerajaan Melayu di situ akibat letupan gunung berapi (tahun 400 Masihi).³² Tetapi ini tidaklah menjadikan karya tersebut sebagai sebuah karya sejarah yang sebenarnya yang dari segi konsep kesejarahannya setanding, umpamanya, dengan *Bangsa Cina* ataupun *Falsafah Kebangsaan Melayu*. Karya ini seolah-olah telah menjadi sebuah karya pensejarahan yang dihasilkan secara "bebas" sahaja, tanpa mengira ketepatan sumber yang digunakan mahupun fakta yang dikemukakan. Misalnya, pengarang mengatakan bahawa pada zaman keagungan kerajaan Melayu purba di sekitar Gunung Himalaya itu "... orang Melayu sudah menggunakan kapal terbang; yang kecil dinamakan baju layang dan yang besar dinamakan "Burung Garuda", kerana ia ada berkepak, dan boleh terbang macam burung".³³ Apabila Seri Maharaja Diraja mula membawa orang-orangnya keluar, "... baginda pun naiklah ke udara dengan kenaikan baju layangnya ..."³⁴

Dengan demikian boleh disimpulkan bahawa Haji Mohd. Sidin telah cuba menghasilkan sebuah pensejarahan tentang asal usul alam dan tamadun Melayu berdasarkan legenda, hikayat dan cerita rakyat dengan tujuan menunjukkan keagungan perkara yang dibicarakannya.

Selepas karya Haji Mohd. Sidin ini sehingga tahun 1960 hampir tiada lagi didapati karya pensejarahan yang berbentuk tamadun ini kecuali jika kita memperkirakan karya Darus Ahmad yang berjudul *Pancharan Melayu* yang telah diperkatakan dari sudut sosiobudaya. Namun pada tahun 1962, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, telah menerbitkan sebuah karya yang agak menarik berjudul *Sejarah Bahasa dan Bangsa Melayu*, oleh Omar Amin Hoesin. Tetapi karya ini tidaklah sebesar mahupun seghairah beberapa karya yang lebih awal seumpama *Sejarah Melayu Raya*. Dengan itu, kita akan melihat pula penerbitan pensejarahan dalam kategori yang lain, yang agak sukar untuk kita sesuaikan dengan mana-mana klasifikasi yang telah dibincangkan lebih awal.

32. *Ibid.*, hlm. 7-8 dan hlm. 10-15.

33. *Ibid.*, hlm. 9.

34. *Ibid.*, hlm. 13.

BAB 12

KARYA-KARYA PENSEJARAHAN YANG LAIN

Dalam beberapa bab yang terdahulu, telah dibicarakan bentuk pensejarahan Melayu dalam tempoh kajian ini mengikut klasifikasi masing-masing. Sungguhpun klasifikasi itu, seperti yang telah dinyatakan, adalah sesuatu yang memudahkan perbincangan sahaja, namun sedikit sebanyak ia telah dapat memberi gambaran tentang bentuk dan perkembangan pensejarahan Melayu. Dalam pada itu, masih terdapat pelbagai karya pensejarahan yang agak sukar untuk diselaraskan dengan klasifikasi yang telah dicadangkan serta digunakan. Misalnya, karya pensejarahan negeri atau sesebuah kota yang berdasarkan catatan perjalanan seseorang; apakah akan dianggap sebagai pensejarahan negeri atau catatan perjalanan sahaja? Terjemahan juga mempunyai masalah yang hampir sama, walaupun bentuk terjemahan itu lebih mudah disesuaikan dengan salah satu klasifikasi seperti yang telah dilakukan terhadap beberapa karya yang dirasakan sesuai dimasukkan. Namun hakikatnya, terjemahan tetap merupakan satu terjemahan. Oleh itu, adalah wajar ia mempunyai klasifikasinya sendiri. Dengan hal yang demikian, karya-karya pensejarahan yang "sukar" untuk dikelaskan ini telah dimasukkan dalam satu kategori umum yang merangkumi pelbagai karya pensejarahan selain klasifikasi yang awal tadi. Walau bagaimanapun, ini bukanlah bererti bahawa karya-karya itu tidak penting sama ada dari segi jumlah mahupun coraknya. Ia memang penting kerana ia adalah sebahagian daripada bentuk dan perkembangan pensejarahan Melayu itu juga. Malah ada pula antaranya begitu penting dan menonjol sekali kedudukannya. Misalnya, karya yang berjudul *Geografi dan Sejarah Semenanjung Tanah Melayu* yang diterbitkan pada tahun 1911, terjemahan Abdul Majid Zainuddin. Ditinjau dari segi pensejarahan, karya ini adalah antara karya terawal yang bercorak pensejarahan moden. Oleh

sebab itu, kepentingan karya-karya "yang lain" ini memang nyata.

Dengan itu, dalam kategori ini dikumpulkan juga karya-karya pensejarahan yang berupa terjemahan, karya tentang sesuatu institusi dan juga catatan perjalanan yang mengandungi sejarah tempat ataupun negara yang dilalui atau dilawati. Dalam kumpulan ini karya pensejarahan yang berupa terjemahan itulah yang banyak didapati dibandingkan dengan yang lain-lain. Karya-karya terjemahan yang dibicarakan di sini pada keseluruhannya adalah dari dua bahasa yang sangat rapat dengan masyarakat Melayu, iaitu bahasa Arab dan bahasa Inggeris.

Barangkali antara karya terawal yang jelas merupakan karya terjemahan yang telah diterbitkan ialah *Geografi dan Sejarah Semenanjung Tanah Melayu*. Karya ini telah diterjemahkan oleh Abdul Majid Zainuddin.¹ Pengarang asal buku ini ialah C.M. Philips dan Abdul Majid menterjemahkannya kerana memenuhi perintah nazir besar sekolah-sekolah Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dengan harapan "... bertambahlah pengetahuan anak-anak Melayu di atas hal keadaan dan kejadian di tanah airnya sendiri".²

Sungguhpun judul buku ini memuatkan istilah geografi tetapi yang nyata ialah sebahagian besar (iaitu hlm. 25 hingga halaman terakhir, hlm. 92) adalah tentang sejarah Semenanjung Tanah Melayu berserta dengan negeri-negerinya dan negeri-negeri yang berhampiran seperti Patani dan beberapa negeri lain yang di bawah kuasa Siam.³ Dari segi geografi itu dimuatkan maklumat atau fakta asas bagi Semenanjung Tanah Melayu dan negeri-negerinya, iaitu seperti keluasan muka bumi, iklim, pekerjaan, hasil bumi dan pertanian, jenis hidupan, sistem perhubungan dan perdagangan. Dari segi sejarahnya pula, ia bermula dengan

1. Abdul Majid Zainuddin adalah seorang cendekiawan Melayu yang terkenal sebelum Perang Dunia Kedua. Beliau pernah menjawat pelbagai jawatan kerajaan penjajah British. Beliau juga merupakan penulis yang aktif dan penulisanannya merentangi waktu antara tahun 1911-1935. Namun, kebanyakan karyanya adalah dalam bahasa Inggeris. Karya terjemahannya itu telah diterbitkan oleh Methodist Publishing House, Singapura. Pada ketika itu, beliau bertugas sebagai guru di Maktab Melayu Kuala Kangsar. Bagi riwayat hidupnya secara ringkas, lihat W.R. Roff 1978, *The Wandering Thoughts of a Dying Man: The Life and Times of Haji Abdul Majid bin Zainuddin*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. viii. Lihat juga Ahmad Rezman Sardiman 1987/88, "Cendekiawan Melayu Abdul Majid Haji Zainuddin", Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Sejarah, FSKK, UKM, Bangi, hlm. 5-8.

2. Abdul Majid Zainuddin (Pentj.) 1911, *Geografi dan Sejarah Semenanjung Tanah Melayu*, Singapura: Methodist Publishing House, hlm. 3.

3. *Ibid.*, hlm. 88-92.

menceritakan penubuhan Syarikat Hindia Timur Inggeris di London pada tahun 1600 dan seterusnya perluasan kuasa penjajah British ke Tanah Melayu dan beberapa negeri lain terutamanya di Pulau Borneo. Dinyatakan juga secara ringkas sebab-sebab perluasan itu, iaitu yang pada amnya adalah untuk kepentingan ekonomi dan ketenteraan pihak British jua.

Karya ini tidak memberikan tafsiran yang mendalam tentang sesuatu peristiwa ataupun sejarah negeri yang dibicarakan. Malah ia hanya merupakan catatan geosejarah bagi Semenanjung Tanah Melayu dan beberapa negeri lain yang telah dimuatkannya. Judulnya memang menggambarkan kandungannya yang sebenarnya.

Karya terjemahan yang seterusnya ialah *Kisah Hidup Sir Stamford Raffles*, karya R.O. Pringle dan diterjemahkan oleh Abdul Rahman al-Kudsi.⁴ Karya ini diterbitkan sempena menyambut seratus tahun Singapura berada di bawah kekuasaan British. Buku ini adalah sebuah karya pensejarahan yang bukan sahaja menceritakan riwayat hidup Raffles tetapi juga menyanjungi jasanya dalam memperluaskan tanah jajahan dan kekuasaan British. Beliau dan juga beberapa tokoh lain dianggap oleh pengarang sebagai telah berjasa besar kepada negaranya. Demi kepentingan negara, mereka sanggup berkorban dan sanggup mengharung lautan yang luas serta menghadapi berbagai-bagai bahaya dan menanggung bermacam azab sengsara. Malah, kadangkala mereka juga terkorban. Mengapakah mereka sanggup berbuat demikian? Pengarang menyenaraikan beberapa sebab yang merupakan prinsip bagi kerelaan mereka berbuat demikian. Pertama; kerana ingin mengembangkan agamanya. Kedua; kerana setia kepada negara. Ketiga; kerana England itu adalah negara mereka dan oleh sebab itu, mereka adalah miliknya. Atas hakikat itu juga, mereka rela jika England mengambil mereka dan membinasakan sahaja mereka itu.⁵

Bagi pengarang, Raffles adalah contoh tokoh yang telah berjasa kepada negaranya. Raffles juga dianggap sebagai seorang yang "... takutkan Tuhan, memuliakan rajanya dan bersungguh hendak mengembangkan England serta memajukan manusia".⁶ Selepas sanjungan seperti itu, barulah diceritakan riwayat hidup Raffles dari sejak beliau di-

4 Diterbitkan oleh Methodist Publishing House, Singapura, dalam huruf Jawi, setebal 42 halaman.

5 Abdul Rahman al-Kudsi (Pentj.) 1919. *Kisah Hidup Sir Stamford Raffles*. Singapura: Methodist Publishing House. "Pendahuluan".

6 *Ibid.*

lahirkan pada 5 Julai 1781 dalam kapal bapanya yang sedang berlabuh di Jamaica, pekerjaan, jawatan dan pengembaraannya, sehinggalah beliau meninggal dunia pada tahun 1826.

Sebenarnya, karya ini memanglah sesuai dengan tujuan ia diterbitkan, iaitu sempena memperingati seratus tahun Singapura. Dengan itu juga, pengarang berharap ia boleh dijadikan iktibar serta penghormatan kepada mereka yang telah berjasa itu. Karya ini diakhiri dengan satu sanjungan yang berbunyi, "... maka ia pun mencari segala faedah bagi tanah airnya sendiri dan kemuliaan Tuhan".⁷

Selepas penerbitan karya ini, agak lama baru diterbitkan sebuah karya terjemahan. Karya tersebut juga mengisahkan tentang seorang tokoh, iaitu *Abraham Lincoln*. Buku ini ditulis oleh Earnest Foster dan diterjemahkan oleh A. Samad Ahmad.⁸ Tidak seperti karya tentang *Raffles*, karya ini bukanlah diterbitkan untuk sesuatu peringatan atau semata-mata menyanjung tokoh berkenaan. Namun, konsep untuk iktibar itu tetap wujud iaitu yang boleh didapati daripada riwayat hidup Abraham Lincoln yang berasal daripada seorang budak miskin tetapi kerana ketekunan dan kecekalannya menghadapi pelajaran akhirnya berjaya menjadi peguam dan seterusnya menyertai politik dan menjadi Presiden Amerika Syarikat pada tahun 1861-65. Iktibarnya ialah rajin dan usaha itu tangga kejayaan.

Berikutan dengan terjemahan tentang ketokohan Abraham Lincoln ini, sebuah lagi karya tentang tokoh telah diterjemahkan pada tahun 1940. Buku itu ialah *Captain Cook*, karya G.E. Milton dan diterjemahkan oleh Abdul Rahim bin Yusop.⁹ Buku ini juga merupakan riwayat hidup tokohnya, iaitu seorang pegawai angkatan laut England yang telah belayar dengan kapal *Endeavour* membawa sekumpulan penjenayah mengharungi Lautan Pasifik dan akhirnya sampai ke Australia dan membuka petempatan penjenayah di situ (1770). Hasil daripada kejayaannya itu, James Cook dianggap sebagai orang yang telah menjumpai Australia. Karya ini memuatkan riwayat hidup James Cook dari sejak beliau dilahirkan (1728) hinggalah kematiannya pada 14 Februari 1799.¹⁰ Dari segi sifatnya pula, James Cook dianggap sebagai, "... se-

7 *Ibid.*, hlm. 42.

8 Diterbitkan oleh Din's Store, Klang, pada tahun 1931.

9 Diterbitkan oleh Printers Ltd., Singapura, pada tahun 1940. Dicitak dalam huruf rumi, setebal 102 halaman.

10 Abdul Rahim bin Yusop (Pentj). 1940. *Captain Cook*. Singapura: Printers Ltd., hlm. 88.

orang yang penyayang, pemurah, menimbang rasa dan adil".¹¹ Tetapi anggapan ini mungkin benar terhadap orang-orang tertentu atau bangsanya sendiri sahaja. Ini kerana kematiannya akibat ditikam oleh salah seorang suku kaum Kowrowa di Kepulauan Sandwich akibat pergaduhan dengan kaum tersebut tidaklah melambangkan sifat-sifat yang dinyatakan.¹²

Selepas karya ini, iaitu pada dekad yang berikutnya, terdapat beberapa buah lagi karya pensejarahan yang berupa terjemahan daripada bahasa Inggeris. Salah sebuah daripadanya ialah *Jagoh Fikiran Bebas*, karya Philipe Russell yang telah diterjemahkan oleh Sidang Pengarang H.M. Shah Enterprise.¹³ Sebuah lagi karya yang diterjemahkan oleh Sidang Pengarang yang sama ialah karya Francis Hawkin yang diberi judul *Kerajaan Hak Mu*.¹⁴ Walaupun buku ini lebih merupakan sebuah karya yang membicarakan teori dan keadaan politik demokrasi di Amerika Syarikat, tetapi ia juga telah menyorot sejarah setiap perkara yang dibincangkan. Antara yang dibincangkan itu termasuklah, "Seni Politik", "Sains dan Ekonomik" dan "Diktator atau Demokrasi?" Dari satu segi penerbitan, karya ini barangkali boleh dianggap sesuai pada masanya oleh penerbitnya kerana Tanah Melayu pada ketika itu sedang pesat menuju kemerdekaannya dengan cita-cita menegakkan sebuah negara yang demokratik. Sudah tentulah mereka berharap karya seperti ini akan dapat menyumbang ke arah memahamkan dan menegakkan demokrasi itu.

Usaha menterjemah ini diteruskan lagi pada tahun-tahun berikutnya. Pada tahun 1961 misalnya, Ahmad Boestamam telah menterjemahkan karya A.J. Toynbee yang berjudul *The World and the West* dengan diberi tajuk *Dunia dengan Barat*.¹⁵ Buku ini adalah sebuah karya pensejarahan dalam kategori tamadun. Namun demikian, buku ini bukan membincangkan hubungan tamadun Barat dengan Timur misalnya tetapi telah meletakkan pula tamadun Barat itu sebagai pusat perkembangan tamadun dunia. Pada tahun itu juga, Pustaka Melayu, Singapura, telah menerbitkan semula karya R.O. Winstedt yang berjudul *Sejarah Ringkas Tanah Melayu* dalam tulisan rumi. Karya ini telah diterjemah-

11 *Ibid.*

12 Lihat film, 84-88 bagi peristiwa yang membawa kepada pembunuhan James Cook.

13 Diterbitkan pada tahun 1956, oleh H.M. Shah Enterprise, Kuala Lumpur, huruf rumi, 97 halaman.

14 Juga diterbitkan oleh H.M. Shah Enterprise, huruf rumi, 97 halaman.

15 Diterbitkan oleh Oxford University Press, dalam huruf rumi, 115 halaman.

kan oleh seorang pendeta Melayu yang terkenal, iaitu Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba) kira-kira tiga puluh tahun yang lalu daripada karya asal yang berjudul *Malaya*.¹⁶ Pada asalnya *Sejarah Ringkas Tanah Melayu* adalah "kumpulan daripada terjemahan beransur-ansur ... yang disiarkan di dalam *Majalah Guru* dari awal tahun 1925-1929".¹⁷ Karya ini merupakan karya pensejarahan yang agak baik, iaitu dengan memuatkan sumber rujukan perbincangan tentang sejarah Tanah Melayu dari zaman purba hinggalah kemasukan kuasa penjajah British. Walau bagaimanapun, buku ini adalah sebuah karya yang bersifat tumpuan Eropah dalam melihat sejarah Tanah Melayu.

Dalam pada itu, beberapa karya pensejarahan yang diterjemahkan daripada bahasa Arab ada juga diterbitkan. Setakat ini beberapa buah telah pun diterbitkan pada dekad 1950-an. Salah satu daripadanya ialah *Rahsia Perpecahan Mazhab di dalam Islam* terjemahan Yusof Zaki Yaacob.¹⁸ Sebuah lagi, iaitu yang diterjemahkan oleh penterjemah yang sama, ialah *Falsafah Revolusi*, iaitu sebuah karya Abdel Gamal Nasser (1918-1970), Presiden Mesir yang terkenal itu.¹⁹ Pada umumnya, karya ini membincangkan tentang falsafah sosiopolitik Abdul Gamal Nasser yang telah melancarkan Revolusi 1952 dan berjaya menumbangkan kerajaan Raja Farouk. Sejarah merupakan asas falsafah tersebut.

Kemudian pada tahun 1962, Abdul Wahab bin Ahmad telah menghasilkan sebuah terjemahan berjudul *Sejarah Pendidikan*.²⁰ Buku ini telah diterjemahkan daripada karya asal yang berjudul *Tarikh al-Tarbiah* tulisan al-Ustaz Abdul Aziz Ahmad. Karya ini merupakan sebuah terjemahan yang baik dari segi bahasa dan persembahannya. Buku ini memperkatakan soal-soal yang berhubung dengan perkembangan alam pendidikan dalam pelbagai tamadun manusia dari sejak zaman Mesir purba hingga zaman keagungan pendidikan Islam. Karya ini menarik kerana inilah antara karya pensejarahan dalam bahasa Melayu

16 Karya terjemahan asal adalah dalam huruf jawi. Tetapi terbitan tahun 1961 itu adalah dalam huruf nuni, setebal 227 halaman dan diterbitkan oleh Pustaka Melayu, Singapura, 1961, "Pendahuluan".

17 R.O. Winstedt 1961, *Sejarah Ringkas Tanah Melayu*. Diterjemahkan daripada bahasa Inggeris ke bahasa Melayu. Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba), Singapura: Pustaka Melayu, "Pendahuluan".

18 Diterbitkan oleh Pustaka Dian, Kota Bharu, pada tahun 1956. Buku ini dicetak dalam huruf jawi, setebal 128 halaman.

19 Juga diterbitkan oleh Pustaka Dian, Kota Bharu, (asal terbitan tahun 1952) dalam huruf jawi, setebal 106 halaman.

20 Diterbitkan oleh Pustaka Aman, Kota Bharu, dalam huruf jawi, setebal 177 halaman.

(walaupun dalam bentuk terjemahan) yang membincangkan sejarah pendidikan Islam.

Dari segi karya pensejarahan yang merupakan catatan lawatan ke sesebuah negeri pula, setakat ini didapati kebanyakannya adalah hasil nukilan Mejar Dato' Haji Muhammad Said bin Haji Sulaiman. Tetapi karya-karya seperti ini bukanlah merupakan karya pensejarahan dalam erti kata yang sebenarnya. Malah, kadangkala catatan itu disertakan dengan fakta geografi dan juga keadaan tempat serta bandar-bandar yang dilalui. Catatan sejarah itu pula biasanya ringkas sahaja, walaupun jangka masa yang diceritakan adalah panjang. Antara catatan lawatan beliau yang terawal yang diterbitkan ialah *Bangkok Kepala Negeri Siam*, yang diterbitkan melalui siri *Peredar Angka 15*.²¹ Buku ini meriwayatkan secara ringkas tentang sejarah negeri Siam sejak awal (tahun 575) hingga zaman beliau melawat, iaitu tahun 1930-an. Selain itu, diceritakan juga tentang kota Bangkok dan sekitarnya serta kegiatan seperti "wayang-wayang dan kelab-kelab". Begitu juga tentang agama orang Siam dan keadaan orang Melayu di negara itu.

Sebuah lagi karya dalam bentuk catatan ialah "Perihal Tanah Jawa" dalam siri *Peredar Angka 16*.²² Karya ini juga mencatatkan sejarah Tanah Jawa secara ringkas sejak dari tahun 200 hingga termaktubnya Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 yang menetapkan hak dan kuasa penjajahan Belanda ke atas Indonesia dan British ke atas Tanah Melayu. Selepas itu, dimuatkan catatan ringkas sejarah sejak dari awal hingga abad ke-20.

Sementara itu, terdapat sebuah karya yang mencatatkan tentang bentuk dan sejarah perkembangan institusi persuratkhabaran di Tanah Melayu. Karya ini ditulis oleh Muhammad bin Dato' Muda berjudul *Akhbar-akhbar dan Majalah Melayu Keluaran Semenanjung Tanah Melayu Susunannya Mengikut Dahulu Kemudian Tarikh Keluarnya*.²³ Sebenarnya karya Muhammad bin Dato' Muda adalah sebuah karya yang sangat penting, iaitu dari ketunggalannya dan dari sudut perkara yang dituliskannya. Beliau telah mencatatkan nama, pengarang, tarikh

21 Diterbitkan oleh Matbaah al-Ahmadiyah, Singapura, pada tahun 1935, dalam huruf jawi, setebal 43 halaman.

22 Diterbitkan pada tahun 1939 oleh Matbaah al-Ahmadiyah, Singapura, dalam huruf jawi, setebal 47 halaman.

23 Karya ini mulanya diterbitkan pada tahun 1938, dim. *Majalah Guru*, Jilid XV keluaran bulan Oktober. Kemudian pada tahun 1940, diterbitkan pula oleh Matbaah al-Zainiah, Bukit Mertajam dengan judul *Tarikh Surat Khabar*.

mula dicetak, kekerapan dicetak dan sejarah perkembangan sesebuah akhbar/majalah Melayu itu dari akhbar yang mula-mula, iaitu *Cahaya Singapura*, *Dewan Pengetahuan* dan *Dewan Penerbitan* yang merupakan sebuah sumber rujukan yang penting bagi sejarawan, malahan wartawan masa kini yang ingin mengetahui sejarah akhbar/majalah Melayu di Semenanjung dalam jangka masa yang berkenaan dan ingin merujuk fakta-fakta yang telah dimuatkan di dalamnya.²⁴

24 Misalnya, statistik tentang jumlah akhbar/majalah yang telah dikeluarkan setiap negeri. Lihat Muhammad bin Dato' Muda 1938, "Tarikh Akhbar dan Majalah Melayu Keluaran Semenanjung Susunannya Mengikut Dahulu Kemudian Tarikh Keluarannya", dlm. *Majalah Guru*, Jil. XV, Oktober, hlm. 400.

BAB 13

PENSEJARAHAN MELAYU DALAM AKHBAR DAN MAJALAH: 1900-1920

Sebenarnya dalam tempoh kajian ini, penulisan atau penghasilan karya pensejarahan Melayu tidaklah terbatas kepada bentuk buku, risalah, catatan atau dokumentasi sahaja. Ia juga termasuk makalah yang diterbitkan melalui akhbar/majalah Melayu sehinggalah akhir dekad 1950. Makalah-makalah tersebut memang mempunyai nilainya; sama ada dari segi kesejarahannya mahupun konsep atau pengertian dan falsafah sejarah. Keseluruhannya, ia merupakan sebahagian daripada penulisan yang menggambarkan bentuk serta perkembangan pensejarahan Melayu khususnya bagi tempoh yang telah dinyatakan di atas. Adalah jelas bahawa antara kandungan yang termuat dalam beberapa akhbar/majalah Melayu terbitan sekitar awal abad ke-20 hingga sekitar akhir tahun 1950 ialah penulisan yang berbentuk pensejarahan. Hal ini adalah satu peningkatan dari abad sebelumnya bukan sahaja bagi kandungan akhbar/majalah yang berkenaan, tetapi juga bagi industri persuratkhabaran itu secara amnya. Peningkatan juga berlaku dari segi khalayak pembacanya kerana penulisan seperti itu memang mempunyai sasaran dan peminatnya.

Sebenarnya, bagi akhbar/majalah yang telah diterbitkan sebelum abad ini boleh dikatakan hanya segelintir sahaja yang didapati telah memuatkan penulisan yang berbentuk demikian.¹ Penulisan itu pun bukan-

1 Sementelah jumlah penerbitan akhbar/majalah sebelum ini adalah sedikit, Roff misalnya, mencatatkan hanya ada sembilan akhbar/majalah Melayu yang telah diterbitkan di Tanah Melayu/Singapura dari tahun 1876 hingga hujung abad ke-19. Sebuah akhbar dalam jangka masa itu, yang telah memuatkan penulisan sejarah ialah *Tanjung Penegeti* yang diterbitkan di Pulau Pinang, mulai bulan Oktober tahun 1894. Bagi nama akhbar/majalah itu, lihat W.R. Roff, *Bibliography of Malay and Arabic Periodicals*, hlm. 4-6.

lah merupakan penghuraian sejarah yang lengkap bagi sesuatu peristiwa yang berkenaan. Sebaliknya merupakan catatan sejarah yang asas bertujuan memberi maklumat asas pula kepada pembacanya. Bagaimanapun, kandungan yang lain dalam akhbar/majalah yang berkenaan itu boleh dikatakan ringkas belaka. Sebenarnya, keperluan dan kepentingan semasa atau sezaman itulah yang boleh dianggap menentukan keadaan itu, iaitu selain batasan kewangan atau pembiayaan. Apakah keadaan ini berubah setelah menjelang abad ke-20? Memang terdapat perubahan dari segi penulisan yang berbentuk pensejarahan itu, iaitu sama ada dari segi kekerapan ia diterbitkan mahupun kepanjangan penulisan itu. Jumlah akhbar/majalah yang diterbitkan juga telah semakin bertambah dari satu tahun ke satu tahun. Daripada sejumlah kira-kira sembilan buah pada hujung abad ke-19, ia telah berkembang menjadi kira-kira 157 buah apabila meletusnya Perang Dunia Kedua dan seterusnya menjelang hujung dekad 1960 tidak kurang daripada 430 buah telah diterbitkan.² Pertambahan ini semestinya melibatkan pula perkembangan penulisan yang berbentuk pensejarahan itu.

Walaupun bagaimanapun, kebanyakan penulisan tersebut tidaklah begitu kukuh keadaannya jika diukur dari pelbagai sudut pensejarahan yang mutakhir. Ertinya, kaedah penghasilan lantas kesejarahannya akan sentiasa menimbulkan tanda tanya. Sesungguhnya, ia hanya merupakan penulisan di akhbar/majalah. Oleh itu, ia dihasilkan melalui kaedah dan pemaparan serta tujuan yang sesuai dengan media seperti itu. Namun demikian, penulisan itu tetap mempunyai kepentingan serta keistimewaan. Sedikit sebanyak ia juga dapat menggambarkan tahap perkembangan pensejarahan Melayu pada satu jangka masa yang tertentu. Tambahan lagi, ia membayangkan pula tahap kesedaran sejarah yang wujud terutamanya di kalangan intelegensia Melayu pada jangka masa yang berkenaan. Inilah antara kepentingan dan keistimewaan penulisan tersebut. Kedua, hal ini dapat pula kita lihat dengan meninjau tujuan penulisan, kefahaman dan keperluan terhadap pengertian atau takrif sejarah, gaya penulisan (termasuk gaya bahasa), kaedah penyelidikan dan kandungannya.

Secara keseluruhannya tujuan utama penulisan pensejarahan, yang kadangkala hanya merupakan coretan, ialah untuk memenuhi tuntutan atau kegunaan yang paling asas dan praktikal bagi sejarah, iaitu untuk

² Lihat Drs. A.M. Iskandar Haji Ahmad 1973. *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, "Pendahuluan", hlm. viii dan x.

mendapatkan sesuatu manfaat, sama ada secara langsung ataupun sebaliknya daripada sesuatu peristiwa sejarah yang dipaparkan. Dari segi ini, sejarah ditulis dengan tujuan mendapatkan sesuatu teladan, petunjuk, bimbingan, pengajaran ataupun panduan. Jarang sekali, jika ada, kita temui penulisan yang diterbitkan itu demi kepentingan ilmu pengetahuan semata-mata, melainkan dengan menyatakan atau mengimbaskan pula ilmu pengetahuan itu dari segi fungsinya yang asas dan praktikal. Dengan itu, tujuan ini boleh disimpulkan dengan mengatakan bahawa tujuan utama atau yang paling menonjol bagi penerbitan penulisan tersebut ialah untuk mendapatkan sesuatu iktibar. Hakikat ini digambarkan dengan jelasnya oleh para penulis dalam ruangan pensejarahan yang berbeza-beza namanya: misalnya, ruangan "al-tarikh", "tarikh", "perkhabaran", "sejarah", dan "riwayat".³ Sebuah ungkapan yang boleh dianggap sebagai melambangkan tujuan ini ialah mukadimah yang ditulis oleh penulis ruangan "Tarikh al-Islam" di halaman hadapan majalah bulanan *Al-Imam* yang berbunyi:

"... maka tiada tersembunyi daripada segala mereka yang memerhatikan akan peredaran alam ini dengan menilik akan tarikh (perjalanan) segala mereka yang dahulu-dahulu serta menjadikan dia satu mursyid (yang memberi petunjuk) yang kepercayaan dan suluh yang menerangi pada segala ehwal kejadian."⁴

Walau bagaimanapun, tujuan yang berupa iktibar ini tidaklah semestinya dijadikan, ataupun dimuatkan dalam, mukadimah bagi setiap ruangan pensejarahan dalam setiap akhbar majalah yang berkenaan. Kerap pula tujuan itu hanya dapat kita sedut daripada ruangan yang lebih luas,

3 Misalnya *Al-Imam* (1906-1908) dan *Cahaya Islam* (1937-38) mengadakan ruangan "al-tarikh", *Pengasuh* (1918-1937) mengadakan bahagian "tarikh", *Majalah Guru* (1924-1941) dan *Cenderamata* (1923-1941) mengadakan bahagian atau ruangan "tawarikh", *Cahaya Pulau Pinang* (1900) memuatkannya dalam ruangan "Perkhabaran", begitu juga akhbar *Lembaga Melayu* (1914-1931); *Majlis*, menggunakan istilah "riwayat" dan beberapa buah akhbar dan majalah lain seperti *Bumiputera* (1933-1934) dan *Warta Malaya* (1930-1942), kadangkala menggunakan "tarikh", "sejarah", dan "tawarikh" sekali.

4 *Al-Imam* telah diterbitkan di Singapura oleh Al-Syeikh Mohd. bin Salim Al-Khalili dengan dibantu oleh Syeikh Mohd. Tahir Jalaluddin al-Azahari, Syed Syeikh bin Ahmad al-Hadi dan Haji Abbas Mohd. Taha. Majalah ini diterbitkan dari 1 Jamadil Akhir 1324H (23 Julai 1906) hingga 11 Zulhijah 1326H (25 Disember 1908). Lihat A.M. Iskandar, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, hlm. 9. Bagi ungkapan di atas lihat, *Al-Imam*, Jil. 1, 1 Jamadilakhir, 1324 = 23 Julai 1906), hlm. 1.

iaitu dari tujuan akhbar/majalah yang mengandungi penulisan pensejarahan itu diterbitkan, atau daripada cogan kata bagi akhbar/majalah yang berkenaan. Akhbar *Chahaya Pulau Pinang* (Pulau Pinang 1900–1908) misalnya, mengatakan bahawa antara lain tujuan penerbitannya ialah "... bagi kita Melayu ini mencari kepandaian dan perkhabaran yang baik-baik seperti orang yang di bahagian atas angin itu; oleh itu, telah dikeluarkan akhbar yang beriwatikan perkhabaran yang di bahagian atas angin dan di bawah angin supaya hidup nama Melayu ini di dalam dunia ..."⁵

Ada kalanya tujuan penulisan pensejarahan itu dimuatkan di bahagian lain. Misalnya, akhbar mingguan *Lidah Benar* (Klang: 1929–1932) menerangkan tujuan penulisan itu melalui ruangan "Bahagian Cerita", iaitu ruangan yang memuatkan cerita dan kisah sejarah. Bahagian ini memuatkan cerita tersebut "... bukanlah untuk kesedaran telinga mendengarnya, [tetapi] ialah disediakan bagi saudara-saudara ... supaya mengetahui atau mengambil ibarat, yang tiada memberikan menganiayakan kawannya atau dengan dia menjadi iktibar bagi mereka yang tamak ..."⁶

Dalam pada itu, *Lidah Benar* (dengan cogan kata "sejahteralah orang yang memelihara lidahnya") telah pula menerbitkan sebuah makalah yang berjudul "Kegunaan Ilmu al-Tarikh", oleh seorang cendekiawan Melayu ketika itu, iaitu Muhammad Yusof bin Sultan Muhyuddin.⁷ Antara kegunaan ilmu tarikh itu, menurut penulis tersebut ialah untuk melengkapkan serta meluaskan pengetahuan di samping mendapatkan iktibar. Sebenarnya, penerbitan makalah ini amatlah penting, kerana ia dapat melihat dengan jelas kefahaman tentang fungsi sejarah itu pada ketika itu di samping menunjukkan kesedaran yang tinggi di pihak penulisnya terhadap kepentingan sejarah.

Bagi memenuhi tujuan "melengkapkan ilmu pengetahuan" dan "iktibar", akhbar *Lidah Benar* telah memuatkan beberapa siri pensejarahan Islam. Pengarang merasakan bahawa sejarah Islam itu bukan sahaja merupakan iktibar yang paling baik, malah satu media dakwah yang sangat berguna, kepada orang Islam [Melayu]. Beliau menjelaskan

⁵ *Cahaya Pulau Pinang*, Julai 1901, hlm. 2.

⁶ Lihat *Lidah Benar*, Bil. 27 (25 Mac 1930), hlm. 3. Cerita yang dimaksudkan untuk iktibar itu adalah berbagai-bagai dan biasanya disiarkan secara bersiri. Misalnya, cerita bersiri "Khianat Isteri kepada Suaminya yang telah Terjadi di Kaherah", iaitu satu cerita sebenar yang dipadankan daripada majalah *Sabah* dari kota tersebut.

⁷ *Ibid.*, Bil. 11 (24 November 1932), hlm. 7. Lihat juga Bil. 14 (15 Disember 1932), hlm. 7.

hakikat ini dengan ungkapan berikut:

"Kebanyakan anak-anak Islam yang berpelajaran Inggeris menyangka agamanya itu menyekat kemaraan bangsanya dan ajaran-ajaran ulamanya nampaknya pun begitu, maka dalam sedikit masa dua orang telah meninggalkan agamanya, seorang di Kuala Lumpur dan seorang di Pulau Pinang. Apakah mesti dibuat sekarang dan bagaimanakah jalan hendak kita menyekat anak-anak Melayu daripada mengikut daripada tauladan tersebut, maka pada fikiran penulis tiada lain melainkan hendaklah ditunjukkan kepada mereka cerita-cerita daripada kisah-kisah yang menunjukkan dan gambaran-gambaran bangsa-bangsa Islam yang lalu."⁸

Lebih awal daripada makalah "Kegunaan Ilmu al-Tarikh", telah diterbitkan pula sebuah makalah yang berjudul "Kegunaan Pelajaran Tawarikh" oleh Mohd. Nor bin Muhammad. Makalah ini disiarkan dalam majalah triwulan, *Panduan Guru* (Pulau Pinang; 1922-1925). Makalah ini boleh kita anggap sebagai memuatkan penerangan yang menyeluruh bagi kegunaan sejarah sebagai iktibar dan teladan. Antaranya Mohd. Nor mengatakan bahawa "... tawarikh dapat menjadi sempurna ingatan, amaran, tauladan, jagaan, dan petunjuk bagi sesuatu pekerjaan di masa sekarang yang asalnya daripada langkah-an yang telah lalu. Ilmu tawarikh adalah pelita yang menyuluh kita sekarang dan dapat dijadikan petunjuk serta contoh".⁹ Beliau seterusnya mengatakan bahawa mempelajari tawarikh itu akan dapat "memberikan ingatan bagi perkara-perkara yang telah berlaku dari masa yang telah lalu".¹⁰ Ingatan seperti itu amatlah penting bukan sahaja bagi seseorang individu, tetapi juga bagi sesebuah masyarakat. Kepentingannya itu adalah berdasarkan hakikat bahawa ingatan masa lalu itu boleh mendatangkan, "... pucun-punca kemenangan, kasihkan tanah air dan hidupkan kemenangan yang tidak dapat dilupakan".¹¹

Ditinjau dari segi jumlahnya, sebenarnya tidaklah banyak makalah yang secara khusus membicarakan kegunaan sejarah itu telah diterbitkan. Namun demikian, jumlah yang kecil itu tetap dapat memberikan gambaran yang jelas tentang meluasnya kesedaran sejarah itu di

8 Lihat *Benar*, Bil. 14 (15 Disember 1932), hlm. 7.

9 *Panduan Guru*, Bil. 9 (Julai 1924), hlm. 45.

10 *Ibid.*, hlm. 47.

11 *Ibid.*

kalangan para intelegensia Melayu pada tahap-tahap kajian ini. Dari-pada penulisan-penulisan itu dapat difahami bahawa mereka menganggap sejarah adalah sesuatu yang boleh memberi faedah yang besar kepada yang mengkaji dan ingin mendapatkan iktibar daripadanya.

Kesedaran tentang kepentingan sejarah ini juga menyebabkan mereka berasa perlu untuk memberikan takrif yang jelas tentang sejarah. Ertinya, mereka cuba untuk mencari atau memberi jawapan kepada satu persoalan yang sangat penting bagi ilmu sejarah, iaitu apakah sejarah?

Dalam hal ini, penulisan yang khusus tentang takrif sejarah adalah juga sangat terbatas iaitu seperti keadaannya dalam bidang kegunaan dan tujuan. Walau bagaimanapun, kerap pula terdapat takrif sejarah ini dimuatkan di bahagian awal bagi sesebuah makalah pensejarahan itu. Misalnya, dalam *Al-Imam*, iaitu di bahagian awal ruangan "Tarikh al-Islam" dimuatkan penerangan yang pada asasnya merupakan takrif bagi sejarah. Penerangan itu berbunyi seperti yang berikut:

"Sesungguhnya setengah daripada ilmu yang patut diketahui akan dia itu (ilmu tawarikh) kerana ialah ilmu yang merupakan segala hawadith (peristiwa) yang telah lalu boleh mengambil iktibar dengan dia dan boleh mengambil kiasan daripadanya oleh segala mereka yang berakal bagi barang yang akan datang sebab inilah menyeru imam kita (Al-Quran-ul-Azim) kepadanya di dalam beberapa tempat."¹²

Akhbar mingguan *Neraca* (1911-1915) juga memuatkan imbasan bahawa sejarah itu adalah peristiwa yang telah lalu dengan mengatakan "... sekiranya tiada tarikh maka tiadalah diketahui keadaan kaum dahulu kala ..."¹³ Selepas itu, majalah *Pengasuh* (Kota Bharu: 1918-1932) telah memberi penerangan yang agak terperinci tentang pengertian sejarah. Ia merupakan satu huraian yang menunjukkan kefahaman serta penyelidikan yang memberangsangkan di pihak penulisnya. Huraian itu termuat dalam makalah yang berjudul "Peningkat dan Permohonan" oleh Muhammad al-Jauhari. Beliau mengatakan:

"... maka jadilah tarikh itu pada tempat ini seolah-olah kebangkitan yang baru bagi sekelian umat dan kitab tauladan dan buku pelajaran. Dan perhimpunan ahwal yang telah berlalu dibaharui akan dia oleh sebutan dan diterangkan ia oleh fikiran bagaimana yang diertikan oleh

12 *Al-Imam*, Jil. 1 (1 Jamadilakhir 1324H = 23 Julai 1906), hlm. 10.

13 Lihat *Neraca*, 19 November 1912.

pendita Roman yang masyhur Syisron al-Khatib [Cicero?] dengan katanya 'tarikh itulah saksi masa' dan hakikat yang benar dan madrasah kehidupan dan utusan orang dahulu kala kepada orang yang kemudian. Atau katakanlah ia guru sekalian raja-raja, pengajar sekalian sultan, pemimpin sekalian rakyat ke jalan keutuhan ke lorong kebetulan, pengingat yang berguna, penyeru yang kuat suara dan pengejut yang memberi bekas."¹⁴

Dari segi penulisan yang khusus serta membicarakan pengertian sejarah, makalah terawal yang kita temui dalam jangka masa kajian ini ialah sebuah penulisan berjudul "Tarikh" yang diterbitkan dalam *Tunas Melayu* (Singapura: 1913). Antara lain makalah ini menyebut:

"Tarikh pada bahasa Arab ertinya waktu; maka faedahnya banyak dan setengah daripada yang banyak iaitu bagi raja-raja dan orang besar-besar yang memegang pekerjaan dan yang lain-lain daripada mereka itu tiada sunyi daripada boleh mengambil teladan dan pelajaran apabila mengetahui segala khabar-khabar dan perjalanan orang-orang dahulu kala ..."¹⁵

Dalam halaman berikutnya, pengarang makalah ini (iaitu Abbas bin Muhammad Taha) seterusnya mengatakan bahawa, "... ilmu tarikh ialah ilmu mengetahuikan hal-hal bangsa-bangsa di dunia ini daripada dahulu kala hingga sekarang ini; maka jika berkenaan dengan rata semuanya sekali bangsa dan agama – dikatakan tarikh am dan jika tertentu pada yang berkenaan dengan satu-satu bangsa sahaja seperti Arab atau Melayu atau Islam dikatakan tarikh khas ..."¹⁶

Seterusnya, sebuah lagi makalah yang sungguh menarik yang membicarakan pengertian sejarah ialah makalah yang berjudul "Tarikh" oleh Shamsuddin bin Muhammad Yunus. Makalah ini diterbitkan dalam akhbar *Edaran Zaman* (Pulau Pinang: 1925-1930). Shamsuddin memang menampakkan kefahaman yang mendalam terhadap pengertian dan kepentingan sejarah. Dalam makalah tersebut, beliau telah mentakrifkan sejarah sebagai:

"... suatu daripada ilmu-ilmu yang sangat memberi manfaat. Maka setengah daripada pekerjaannya itu adalah menghuraikan kepada kita

14 *Pengasuh*, Bil. 4 (22 Ogos 1918), hlm. 3.

15 *Tunas Melayu*, No. 2 (3 Rabiulakhir 1331H = 12 Mac 1913), hlm. 1.

16 *Ibid.*, hlm. 2.

hal-hal kejadian yang telah lalu berkenaan dengan manusia sama ada ia tertulis dalam kitab atau didapati dari lain waritah, maka di dalam tiap-tiap rencana yang membentangkan hal ehwal umat-umat yang telah lalu berkenaan dengan manusia [,] akan terdapat dua jenis perhatian [:] yang satu itu selidik atau menyiasat dan yang lagi satu itu pula mementingkan pendapat atau keputusan tabikik. Sanya tarikh itu boleh dimisalkan suatu rantai yang berumbai-rumbai dengan cincin kejadian dan sebabnya dan lain ialah suatu cermin di mana kita dapat melihat kekurangan atau cacat yang ada pada tubuh kita supaya dapatlah kita berikhtiar tentang menjalankan kewajipan kita mudah-mudahan merasalah kita hemah-hemah yang terpuji dan cita-cita yang sempurna."¹⁷

Penjelasan tentang sejarah yang diberi oleh Shamsuddin sebenarnya tidaklah begitu jauh bezanya dengan pendapat sejarawan masa kini tentang pengertian.¹⁸ Seperti yang telah disentuh lebih awal, ini menunjukkan kefahaman dan kesedaran yang mendalam oleh penulisnya tentang sejarah serta kepentingannya. Tetapi makalah yang khusus seperti ini sangatlah terbatas jumlahnya. Setakat ini hanya ada kira-kira empat buah yang telah ditemui dalam jangka masa kajian ini.¹⁹ Keadaan ini tidaklah bererti kesedaran tentang kepentingan sejarah itu hanya wujud di kalangan penulis makalah yang berkenaan sahaja. Malah nukilan tentang takrif sejarah itu memang banyak dimuatkan dalam pelbagai makalah pensejarahan yang diterbitkan oleh pelbagai akhbar/majalah pula. Ringkasnya, takrif tersebut dimuatkan bersama keterangan atau pernyataan tentang kepentingan sejarah yang diikuti pula dengan huraian

17 *Edaran Zamun*, Januari 1926, hlm. 10. Di samping takrif tersebut, Shamsuddin juga menyatakan bahawa sejarah boleh "menggantikan guru bagi menanamkan ... benih kemamusiaan dan memimpin ke pintu syurga ialah tarikh junjungan kita Rasulullah S.A.W".

18 Lihat misalnya pandangan R.G. Collingwood, yang mengatakan bahawa pada hari ini sejarah itu adalah satu bentuk penyelidikan tentang tindakan manusia lalu untuk pengetahuan diri manusia. R.G. Collingwood 1985. *Idea Sejarah*. Terjemahan Mohd. Yusof Ibrahim, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, "Pengenalan", hlm. xlii-xliv.

19 Jumlah ini termasuklah makalah yang berjudul "Tarikh" dalam *Tunas Melayu*, dipercayai ditulis oleh Abbas bin Muhammad Talia. "Kegunaan Pelajaran Tawarikh" oleh Muhammad Nor bin Muhammad; "Tarikh" oleh Shamsuddin bin Mohd. Yunus, "Kegunaan Ilmu al-Tarikh" oleh Muhammad Yusof bin Suljan Mahyuddin. Sebuah lagi ialah "Kepentingan Sejarah" oleh Zaimal Abidin Abdul Wahid, dlm. *Dewan Bahasa*, Jil. II, Bil. 10, Oktober 1958, hlm. 506-510.

peristiwa sejarah. Hakikat ini menunjukkan betapa meluasnya kefahaman serta kesedaran tentang kepentingan sejarah. Ia berlegar di kalangan intelegensia Melayu pada ketika itu, sekurang-kurangnya di kalangan mereka yang terbabit dalam penerbitan dan penulisan makalah yang berkenaan, guru agama dan sekular dan khalayak pembaca. Namun, gambaran secara keseluruhannya tentang kefahaman serta kesedaran tentang kepentingan sejarah ialah bahawa sejarah adalah ilmu yang mengkaji atau memperkatakan tentang masa lalu yang akan mendatangkan faedah berupa iktibar.

Walau bagaimanapun, terdapat pula beberapa kekecualian daripada gambaran umum yang di atas itu. Ertinya, terdapat penulisan yang telah dihasilkan oleh kalangan mereka yang memahami bahawa fungsi dan kepentingan sejarah itu adalah lebih daripada iktibar semata-mata. Seseengah penulis sejarah memahami bahawa fungsi utama sejarah ialah mewujudkan kebenaran sesuatu peristiwa yang pernah berlaku pada suatu ketika dahulu. Sedangkan iktibar, teladan dan sebagainya itu, walaupun kelihatan sangat penting dan lumrah keadaannya, adalah fungsi tunjangan iaitu setelah kebenaran sejarah itu terpapar. Oleh sebab itu, mereka merasakan bahawa penghasilan karya pensejarahan yang bertujuan memaparkan kebenaran sejarah itu haruslah mempunyai atau dilaksanakan melalui satu tatacara atau kaedah penyelidikan dan penyampaian yang munasabah. Dengan itu, bukan sahaja kesejarahan sesuatu peristiwa itu dapat diyakini, tetapi iktibar dan pengetahuan yang boleh disedut daripadanya juga adalah lebih bermakna dan berkesan kerana ia berdasarkan kebenaran dan bukan khayalan penulis sahaja. Sebahagian daripada tatacara atau kaedah itu ialah pendekatan atau penyampaian secara berhujah dengan menyatakan pula pelbagai sumber yang telah dirujuk bagi menghasilkan sesebuah karya pensejarahan itu.²⁰ Dalam rencana pengarang keluaran pertama majalah *Kencana* misalnya, dimuatkan usaha yang dilakukan untuk menghasilkan karya pensejarahan mengikut kaedah yang demikian, iaitu dalam menuliskan sejarah Kelantan:

"Oleh itu berupayalah kami pada menyelidiki dan yang kebanyak-

20 Beberapa contoh bagi karya berbentuk demikian terdapat dalam beberapa buah jurnal dan majalah seperti *Pengasuh* (1918-1932); *Majalah Guru* (1924-1941); *Cenderamata* (1923-1941); *Kencana* (1930-1931) dan *Temasik* (1930-?). Penyumbang makalah tersebut kepada penerbitan itu adalah terdiri daripada tokoh-tokoh mahupun sejarawan yang sedia terkenal, iaitu seperti Asad Shukri bin Haji Muda, Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba), Buyong bin Adil dan Harun Aminurashid.

annya daripada riwayat-riwayat orang tua-tua dan dipungut sedikit-sedikit daripada *Kitab Alam Melayu, Sejarah Alam Melayu dan Geografi Semenanjung Negeri Kelantan*, karangan Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri... dengan disahkan pula oleh ahli-ahli yang berusaha dan mengetahui cerita Kelantan bagi kadarnya."²¹

Dalam *Cenderamata* pula, sebuah makalah yang berjudul "Orang-orang Masyhur Zaman Dahulu", telah menyelar sesetengah pendapat yang mempersendakan tokoh Abu Nawas pada zaman pemerintahan Khalifah Harun Aminurasyid dahulu. Pengarang mengatakan bahawa "orang yang tiada tahu perbezaan tarikh dengan hikayat barangkali kelak berkata, "kalau tidak angin bertiup di mana boleh jadi ceritanya?" Maka jawabnya, "Angin yang mengoncangkan daun kayu dalam cerita-cerita yang bukan tarikh ini hanyalah dalam otak pengarang cerita itu sahaja duduknya. Beberapa banyak cerita yang tiada benar boleh dikarangnya sahaja".²² Ini juga menunjukkan sikap kritis pengarang terhadap peristiwa dan penulis atau pentafsir peristiwa itu.

Jika dilihat secara terperinci, karya pensejarahan itu adalah berbeza-beza bukan sahaja di antara sebuah akhbar/majalah dengan yang lain, malah dalam sesebuah akhbar/majalah dan di antara satu keluaran dengan satu keluaran yang lain bagi akhbar majalah yang sama. Dalam pada itu, terdapat pula kecenderungan untuk mengikut arah ataupun orientasi sesebuah akhbar/majalah itu dalam penerbitan makalah pensejarahan itu. Misalnya, arah ataupun orientasi yang terdapat dalam *Al-Imam, Neraca, Tunas Melayu, Pengasuh, Al-Hikmah, Semangat Islam, Jasa, Bulan Melayu dan Lidah Benar* adalah keislaman, maka tumpuan penulisannya adalah kepada pensejarahan Islam. Begitu jugalah halnya dengan akhbar/majalah yang "sekular" orientasinya seperti *Chahaya Pulau Pinang, Lembaga Melayu, Panduan Guru, Majalah Guru, Cenderamata, Edaran Zaman, Malaya, Bumiputera, Majlis, Warta Malaya, Warta Ahad dan Lembaga Malaya*, maka penulisan pensejarahan itu tidaklah tertumpu kepada pensejarahan Islam, malah kepada peristiwa sejarah seperti sejarah tempatan, sejarah Eropah, tokoh, peperangan, malah sejarah akhbar/majalah itu sendiri.²³ Kecenderungan atau orien-

21 *Kencana*, Bil. 1 (April 1930), hlm. 2-3.

22 *Cenderamata*, Bil. 30 (Mac 1930), hlm. 28. Makalah ini pernah juga disiarkan dalam *Majalah Guru* (Januari 1929), hlm. 12.

23 Makalah sejarah akhbar/majalah itu ialah "Tarikh Akhbar-akhbar dan Majalah Melayu keluaran Semenanjung Tanah Melayu" oleh Muhammad bin Dato' Muda seperti yang telah dibincangkan lebih awal.

tasi ini pula seolah-olah menjadi petanda kepada kekerapan makalah-pensejarahan itu diterbitkan dalam akhbar/majalah yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, pada hakikat yang sebenarnya tidaklah ada satu ikatan, arahan mahupun peraturan yang menentukan agar orientasi itu diikuti dengan taatnya. Sebenarnya, makalah-makalah yang mengandungi sejarah yang lain daripada orientasi itu juga dimuatkan. *Al-Imam* misalnya, di samping menekankan sejarah Islam, juga pernah memuatkan penulisan sejarah Jepun, atau yang diistilahkan sebagai negara "matahari terbit". Ia juga mengiklankan sebuah buku sejarah Jepun yang telah diterjemahkan daripada bahasa Arab berjudul *Hikayat Matahari Memancar*.²⁴ *Majalah Guru* pula, iaitu sebuah majalah yang mirip kepada orientasi yang sekular, pernah juga menyiarkan sejarah yang berkaitan dengan Islam, misalnya, "Islam di China Dahulu dan Sekarang".²⁵ Oleh sebab itu, seolah-olah terasa bahawa kriteria utama penerbitan sesuatu bentuk atau isi penulisan pensejarahan itu adalah pemilihan penulis itu sendiri. Tetapi pemilihan itu juga harus berdasarkan kepada tuntutan yang utama juga iaitu untuk memberi iktibar dan pengetahuan yang berguna. Barangkali selepas itu barulah untuk memenuhi keperluan pasaran dan kebenaran sejarah itu.

Oleh hal yang demikian, segala peristiwa yang mereka rasakan sesuai dijadikan "iktibar", "teladan" dan "sempadan" dan "pengetahuan" kepada masyarakat Melayu patutlah diterbitkan. Dalam jangka masa kajian ini, didapati pensejarahan Islam dan pensejarahan tempatan dalam erti kata Tanah Melayu dan Alam Melayu itulah yang banyak sekali diterbitkan. Ertinya, untuk kepentingan sebagai iktibar dan pengetahuan berguna kepada masyarakat Melayu/Islam pada ketika itu, mereka telah mengemukakan peristiwa sejarah dari dunia Islam dan dunia Melayu agar dijadikan atau diambil contoh yang terbaik daripada kedua-duanya. Mereka juga tidak lupa mengemukakan sejarah para pemimpin seperti Nabi Muhammad S.A.W., isteri baginda Khadijah dan Siti Aisyah; seterusnya khalifah-khalifah yang empat; Imam al-Ghazali dan juga tokoh tempatan seperti Tun Seri Lanang, Diponegoro dan Dol Said sebagai tokoh yang patut dicontohi dan diikuti keakhilkan dan perjuangannya.

Dalam pada itu, peristiwa dan tokoh-tokoh "luar" juga tidak ketinggalan ditulis, iaitu demi untuk mendapatkan iktibar dan pengetahuan

24 Lihat *Al-Imam*, Jil. 2 (Jun 1907), hlm. 285-286. Karya ini adalah hasil terjemahan Abdullah bin Abd. Rahman.

25 *Majalah Guru*, Mac 1933, hlm. 87.

yang berguna. Antara peristiwa sejarah luar itu termasuklah misalnya sejarah Britain, Jepun, Jerman, Amerika Syarikat, Sepanyol, dan China. Tokoh-tokoh itu pula antaranya ialah Hitler, Winston Churchill, Walt Disney, Abraham Lincoln dan Maccaroni, iaitu selain tokoh-tokoh dari dunia Islam dan alam Melayu.

Dari segi tertib-tarikh penerbitannya, setakat ini kita dapati akhbar *Tanjung Penegeri* (Pulau Pinang; 4 Oktober 1894 – Mac 1895) itulah yang mula-mula sekali memuatkan makalah pensejarahan berjudul "Peperangan Antara Bangsa Jepun dan China", iaitu merujuk kepada peperangan tahun 1894 kerana merebut Korea.²⁶ Ini diikuti dengan sebuah makalah yang berjudul "Peperangan Umar Basya", iaitu peperangan antara Turki dan Austria kerana merebut Croatia.²⁷

Seterusnya, mulai awal abad ke-20 hingga sekitar tahun 1920 tidak kurang daripada sepuluh buah akhbar/majalah Melayu yang telah diterbitkan didapati memuatkan penulisan yang berupa pensejarahan itu. Terawal daripada ialah *Chahaya Pulau Pinang* (1900-1908) yang telah menerbitkan kira-kira 18 makalah berbentuk pensejarahan sepanjang penerbitannya. Antaranya ialah "Darihal Pegawai Yang Mengambil Singapura", iaitu tentang Stamford Raffles (21 November 1900); "Darihal Tengku Diauddin Yang Maha Mulia" (26 Januari 1901); "Darihal Tanah Melayu" (9 Mac 1901); "Peperangan Di Somaliland" (15 November 1902); "Darihal Menanam Padi" (6 Disember 1902); "Muhibbah Kedah Di atas Pulau Pinang (2 Mei 1903); "Asal Usul Istanbul", (6 Ogos 1904); "Cerita Nabi Ibrahim" (14 April 1906-12 Mei 1906); "Darihal Negeri Melayu" (16 Febuari 1907); dan "Darihal Pulau Pinang" (31 Ogos 1907-26 Oktober 1907). Keseluruhan, makalah ini merupakan pemaparan perkara yang menjadi tajuknya. Kebanyakannya pula adalah penulisan ringkas sahaja dan memuatkan fakta-fakta asas serta tertib-tarikh yang baik. Selepas itu, akhbar *Taman Pengetahuan* (Singapura, 1904-?) yang bermotokan "Perkataan yang Lembut itu Belenggu Hati Manusia", juga mempunyai ruangan "Tawarikh", tetapi hanya memuatkan tarikh-tarikh seperti bila bermula puasa, hari raya dan persamaan antara tahun Hijrah dengan Masihi.

Majalah *Al-Imam* yang terkenal itu juga memuatkan penulisan pensejarahan melalui ruang "Al-Tarikh al-Islam". Majalah ini telah menjadikan ruangan tersebut sebagai ruangan yang tetap dalam setiap pe-

26 *Tanjung Penegeri*, 5 Rabiulakhir 1312H = 4 Oktober 1894.

27 *Ibid.*, 6 Rabiulakhir = 8 Oktober 1894.

nerbitannya. Justeru itu, boleh dikatakan bahawa majalah ini telah memuatkan karya pensejarahan dalam setiap penerbitannya antara bulan Julai tahun 1906 hingga bulan Disember tahun 1908. Kebanyakan penulisan itu pula adalah bersiri, iaitu bersambung dari satu penerbitan kepada penerbitan yang lain. Hampir keseluruhan penulisan itu adalah tentang sejarah Islam, iaitu bermula dengan riwayat hidup Nabi Muhammad S.A.W. dan seterusnya diikuti dengan ketokohan dan zaman pemerintahan keempat-empat Khalifah Rasyidin dan sejarah perkembangan Islam ke negara-negara lain. Pensejarahan itu disusun oleh pengarang dengan satu tertib-tarikh yang baik, iaitu "... dimulai dengan lahirnya Nabi kita dan dihubungi pula dengan perjalanan segala Khalifah yang di belakangnya, bersusunlah tiap-tiap satu hingga masa ini."²⁸

Selepas itu, didapati *Neraca*, *Tunas Melayu* dan *Pengasuh* adalah antara akhbar/majalah yang banyak memuatkan karya pensejarahan, khususnya pensejarahan tempatan dan Islam. Dalam *Neraca* misalnya, di samping ia menerangkan tentang kepentingan tarikh seperti yang telah dinyatakan, ia juga memuatkan berita peperangan orang Turki melawan kuasa Eropah seperti Itali dan Greece serta latar belakang persengketaan itu. *Tunas Melayu* pula mempunyai ruangan "Tarikh Al-Islam" seperti majalah *Al-Imam*, yang juga memuatkan sejarah permulaan dan perkembangan agama Islam. Ruangan ini dikekalkan sepanjang penerbitannya pada tahun 1913. *Pengasuh* pula, melalui ruangan seperti "tarikh", "rencana", "bahagian rampaian", "pengetahuan", dan "akhbar di luar negeri" telah menyiarkan banyak makalah pensejarahan tempatan dan juga Islam.²⁹ Misalnya, sejarah Perang Dunia Pertama yang ditulis oleh Mohd. Ghazali bin Ariffin dengan tajuk "Perbelanjaan Peperangan", "Kemajuan Surat Khabar dan Pgunaannya", "Perkembangan Negeri Terengganu dan Jajahan taaluk Sultan Zainal Abidin III"; "Tarikh Melayu" yang merupakan 27 siri rencana yang disalin daripada buku R.O. Winstedt berjudul *Kitab Tawarikh Melayu*, "Sejarah Islam di Afrika Selatan", "Pemerintahan Gabenor Khurasan", "Peperangan Antara Topi dengan Tarbus dan Serban" dan "Negeri-negeri Selat" oleh 'Ain Ba.³⁰ Di samping itu, majalah ini telah menyiar-

28 *Al-Imam*, Jil. I, 23 Julai 1906, hlm. 10.

29 Lihat Ahadiyah Mandar 1980/81, "Pengasuh 1918-1937: Satu Analisa Rencana-rencana Berbentuk sejarah". Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah bagi Ijazah Sarjana Muda Kepujian, FSKK, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Bab 2 dan 3, hlm. 40-150 bagi perbincangan dan jenis makalah pensejarahan itu.

30 Lihat *Pengasuh*, Bil. 372, 10 Oktober 1932, hlm. 10-12 bagi makalah oleh 'Ain Ba itu.

kan dua siri makalah yang ditulis oleh Muhammad al-Jauhari berjudul "Peningkat dan Permohonan".³¹ Makalah ini sangat menarik kerana bukan sahaja telah memberi takrif tentang "tarikh" [sejarah], tetapi juga memberi penerangan tentang kepentingan sejarah sebagai ilmu yang boleh memberi kesedaran dan kekuatan bagi umat Islam melakukan pekerjaan yang besar-besar.³² Selain itu, pengarang juga menyumbang lima siri makalah berjudul "Bahasan pada tuan yang bersyarah R.O. Winstedt", iaitu sebagai menyangkal dan mengkritik beberapa pandangan Winstedt yang berkait dengan sejarah dan orang Melayu yang dibicarakan oleh beliau melalui syarahannya berjudul "Pinjaman Anak-anak Melayu di Atas Bahasa, Adat, Ugama, Cerita, Pakaian dan Pertukangan Tangan Daripada Orang-orang Hindustan".³³ Muhammad al-Jauhari telah mengkritik pelbagai perkara yang dirasakannya serta didapatinya tidak benar seperti yang dianggap oleh R.O. Winstedt itu. Misalnya, beliau tidak bersetuju bahawa adat Melayu itu adalah ditiru daripada amalan orang Hindu, tetapi merupakan warisan bangsa Melayu dan sesetengahnya pula memang menjadi amalan yang digalakkan dalam Islam. Beliau juga menyangkal bahawa agama Islam itu dibawa ke alam Melayu oleh orang-orang dari India/Hindustan. Malah beliau berpendapat bahawa orang Arab dari Hadramaut yang telah membawa dan mengembangkan agama Islam itu ke rantau ini. Menurut beliau, R.O. Winstedt telah banyak melakukan kesilapan dalam syarahan tersebut. Antara sebabnya yang terpenting ialah beliau telah "... menyandarkan hukum pada yang demikian atas buku-buku hikayat yang karut-karut dan hadis-hadis yang maudhu' yang tiada diketahui tempat terbitnya ... yang demikian membawa kepada tiada yakin hati orang-orang yang menerimanya oleh sebab apabila dihalusi sedikit iaitu kepadanya ketiadaan betul yang demikian itu."³⁴ Muhammad al-Jauhari akhirnya memberi satu garis panduan yang baik kepada sesiapa yang

31 *Ibid.*

32 Muhammad al-Jauhari, "Peningkat dan Permohonan" dalam *Pengasah*, Bil. 5, (7 September 1918), hlm. 7.

33 Syarahan atau ucapan itu telah dibuat dalam satu upacara di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur, pada malam Selasa 20 Oktober 1919. Ucapan atau syarahan R.O. Winstedt, ketika itu Penolong Penguasa Negeri-Negeri-Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat telah juga disiarkan oleh *Pengasah*, Bil. 34 (8 November 1919), hlm. 6-7; Bil. 35 (23 November 1919) hlm. 5-6 dan Bil. 36 (7 Disember 1919), hlm. 608; lihat Ahadiah Kandar, "Pengasah 1918-1937: Satu Analisa", hlm. 46 & nota kaki 17 & 18.

34 *Pengasah* Bil. 42, 5 Mac 1920, hlm. 3.

ingin menulis sejarah, iaitu secara amnya mestilah menggunakan sumber-sumber yang sahih daripada orang yang mengetahui dan menyaksikan sesuatu peristiwa itu dan juga mesti ada sanat yang betul.³⁵

35 *Ibid.*, Bil. 48, Jun 1920, hlm. 7.

BAB 14

PENSEJARAHAN MELAYU DALAM AKHBAR DAN MAJALAH: 1920–1960

Antara tahun 1920–1925, akhbar/majalah seperti *Lidah Teruna* (1920), *Panduan Guru* (1922–1925), *Tetuan Muda* (1923–1927), *Cenderamata* (1923–1941; 1953–1956), *Penyuluh* (1924–1947), *Masa* (1924–25; 1927–28; 1946), *Majalah Guru* (1924–1941; 1947–1968) merupakan akhbar/majalah yang memuatkan makalah pensejarahan. *Lembaga Melayu* (1914–1931) pula yang sebelumnya didapati tidak memuatkan penulisan sejarah, telah mula menyiarkan penulisan yang berbentuk demikian sejak awal tahun 1920-an. Setiap akhbar/majalah yang berkenaan mempunyai ruangan “tarikh” ataupun ruangan yang boleh dikatakan khusus untuk tujuan tersebut.¹ Bentuk penerbitan tetap tertumpu kepada pensejarahan tempatan dan pensejarahan Islam. *Lidah Teruna* umpamanya, menumpukan kepada pensejarahan Islam, terutamanya kisah para nabi termasuklah Nabi Muhammad S.A.W. Selain itu, majalah ini juga menyiarkan makalah tentang sejarah dan geografi Semenanjung Tanah Arab. *Panduan Guru* pula memuatkan pensejarahan tempatan yang menyentuh tentang kedatangan Islam ke Tanah Melayu, bangsa dan kebudayaan orang Melayu dan sejarah pelajaran Melayu di Semenanjung. *Tetuan Muda* banyak menyiarkan pensejarahan tempatan, terutama yang berkaitan dengan Negeri Sembilan, khususnya daerah Rembau. Penulisan pensejarahan tempatan ini dipercayai dihasilkan oleh pengarang tetap majalah ini, iaitu Dato’ Sidi Raja Abdullah. Sementara pensejarahan luar negeri yang berjumlah lima siri semuanya berjudul “Tawarikh Kerajaan Rom”, telah dihasilkan oleh pengarang

¹ *Tetuan Muda* misalnya mempunyai ruangan “Bahagian Adat” atau “Bahagian Tawarikh”.

sambilan, iaitu Muhammad Nor bin Muhammad dari Pulau Pinang. Dalam *Lembaga Melayu* pula, terdapat penulisan, malah perbincangan yang berkaitan dengan sejarah; misalnya "Bahasa dan Bangsa Melayu" oleh "Harimau Mengarung" (26 Mei 1923), "Sedikit Perkhabaran Kajang Berkenaan Dengan Hari Raya, iaitu Orang Mendahiling Menjelang Yang Mulia Raja Alang bin Raja Berayun" oleh "Saudara" (3 Siri; 7, 8, 9 Jun 1923), "Sedikit Bahas di atas Bahasa dan Bangsa Melayu" oleh "Malay" (20 Jun 1923), dan "Mazhab Wahabi" oleh Anak Mandiah Ra-beah dari Seputih (25 November 1924). Makalah yang terakhir ini membicarakan tentang mazhab yang dianjurkan oleh Muhammad bin Abdul Wahab dan sedang berkembang di Tanah Arab khususnya. Walau bagaimanapun, pengarang ini menganggapnya satu ajaran sesat dan menasihati pembaca supaya berhati-hati mengenainya serta jangan terus terikut-ikut "... jangan bagi menaikkan kenderaan yang buta sahaja".²

Seterusnya majalah *Cenderamata* dan *Majalah Guru*, dua majalah keluaran Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim, adalah antara penerbitan yang kerap sekali menyiarkan makalah sejarah. *Cenderamata* misalnya, telah memuatkan makalah sejarah sejak awal penerbitannya (November 1923) melalui ruangan "Karangan Tinggi". Kemudian ia memuatkannya pula dalam ruangan "Bahagian Perkhabaran" dan "Bahagian Laporan Peristiwa". Penulisnya adalah berlainan bagi setiap makalah. Sementara *Majalah Guru* pula sejak awal lagi juga telah menampakkan kepekaannya terhadap kepentingan menyiarkan penulisan yang berbentuk sejarah itu. Malah seorang penulis, iaitu Abdul Manan Abdullah dari Lenggeng telah menulis sebuah makalah yang menghuraikan kepentingan akhbar/majalah kepada pembaca kerana di dalamnya terdapat pelbagai "cerita dan tarikh" yang boleh dijadikan teladan. Keseluruhannya, penerbitan pensejarahan dalam *Majalah Guru* ini adalah tentang alam Melayu, Islam, Asia Timur, (khususnya Jepun) dan Eropah. Penulisan itu kadangkala mencapai nilai yang tinggi dari segi ketepatan, pendekatan dan pemilihan tajuk. *Majalah Penyuluh* dan *Masa* pula secara keseluruhannya menumpukan kepada penulisan sejarah Islam yang dimulakan dengan riwayat hidup Rasulullah S.A.W., tokoh-tokoh Islam yang terkenal dan seterusnya perkembangan Islam di Tanah Arab serta luar dari semenanjung tersebut.

Sebenarnya pada pertengahan tahun 1920-an hinggalah meletusnya Perang Dunia Kedua, jumlah makalah pensejarahan yang disiarkan oleh

2. *Lembaga Melayu*, 25 November 1925, hlm. 3.

akhbar/majalah Melayu telah meningkat. Ini bukan sahaja menggambarkan peningkatan kesedaran terhadap pentingnya sejarah, tetapi juga dari segi peningkatan jumlah penerbitan akhbar/majalah Melayu.³ Secara umumnya, kisah pensejarahannya adalah tentang sejarah Islam, tempatan (alam Melayu), luar negeri ataupun tentang tokoh-tokoh, iaitu di samping disiarkan penulisan tentang pentingnya sejarah. Dalam kategori pensejarahan Islam itu misalnya didapati akhbar/majalah seperti *Malaya* (1926-1931), *Saudara* (1928-1934), *Semangat Islam* (1929-1934), *Al-Hikmah*; (1934-1941), *Lidah Ibu* (1935) dan *Chahaya Islam* (1937-1938) telah menekankan penerbitan pensejarahan tersebut dalam hampir setiap keluarannya. Walau bagaimanapun, terdapat juga pensejarahan tempatan ataupun luar negeri yang diterbitkan dalam akhbar/majalah tersebut. Majalah *Malaya* misalnya, di samping memuatkan "Tawarikh Islam", juga memuatkan riwayat hidup tokoh tempatan dan alam Melayu seperti Sultan Kedah, Sultan Selangor, Haji Agus Salim dan Mohd. Yunus bin Abdul Hamid yang merupakan pengarang majalah itu sendiri. Selain itu disiarkan juga, riwayat hidup beberapa tokoh luar negeri seperti Napoleon Bonaparte, King George ke-V dan George Stephenson. Begitu juga dengan akhbar *Saudara* yang telah menyiarkan riwayat hidup beberapa tokoh Eropah seperti John Kay dan Robert Owen. Majalah *Al-Hikmah* pula telah menyiarkan penulisan sejarah tempatan dan Eropah, di samping sejarah Islam. Manakala majalah seperti *Semangat Islam*, *Bulan Melayu* dan *Pemimpin Melayu* boleh dikatakan menyiarkan makalah tentang pensejarahan Islam sahaja. Begitu juga keadaannya dengan *Cahaya Islam*.

Bagi berpuluh-puluh akhbar/majalah yang lain pula, iaitu dari tahun 1925-1945, tumpuan makalah pensejarahannya adalah terhadap sejarah tempatan (dan alam Melayu) dan juga sejarah Eropah serta Asia Timur (terutamanya Jepun dan China). Antaranya ialah akhbar *Edaran Zaman* yang telah menyiarkan beberapa buah penulisan pensejarahan tempatan dan luar negeri, iaitu selain sebuah makalah berjudul "Tarikh" oleh Shamsuddin bin Muhammad Yunus yang telah disebutkan. Sejarah tempatan itu adalah tentang sejarah Pulau Pinang, manakala sejarah luar

³ Menurut Drs. Iskandar Haji Ahmad, dari tahun 1926-1941, perkembangan surat khabar/majalah Melayu berkembang dengan pesatnya. Jika dikira dari tahun 1925-1945 ada sejumlah lebih kurang 135 buah yang telah diterbitkan. Tempat penerbitan yang penting ialah Singapura, Pulau Pinang, Muar dan Johor Bahru, Kota Bharu, Ipoh, Seremban dan Kuala Lumpur. Lihat Drs. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, hlm. 17. Lihat juga hlm. 15-54 bagi mendapatkan jumlah penerbitan antara tahun 1926-1945.

negeri pula ialah riwayat hidup seorang hakim beragama Islam yang pertama di Ceylon (Sri Lanka) dan sejarah peperangan Saidina Husin di Padang Karbala.

Selain itu, akhbar/majalah seperti *Lembaran Guru* (1926-1927); *Al-Ikhwan* (1926-1931), *Jasa* (1927-1931), *Dunia Melayu* (1928-1930), *Lidah Benar* (1929-1932), *Temasik* (1930), *Dewasa* dan *Kencana* (1930-1931) juga menyiarkan makalah penterjemahan tentang sejarah tempatan dan luar negeri. Dalam *Lembaran Guru* misalnya, penulisan pensejarahan dimuatkan dalam ruangan "Ingatan Ringkas Bagi Tarikh" yang antaranya mencatatkan riwayat hidup tokoh-tokoh seperti Sultan Abu Bakar, Sultan Ibrahim dan Sun Yat Sen. Dalam hal sejarah luar negeri, majalah ini telah menyiarkan secara bersiri sejarah "Permulaan Peperangan Besar Dalam Benua Eropah (1914-1919)", iaitu tentang Perang Dunia Pertama.⁴ Bagi majalah *Al-Ikhwan* pula, di samping memuatkan pensejarahan Islam, ia juga menyiarkan riwayat hidup tokoh-tokoh seperti William Shakespeare dan Isaac Newton. Shakespeare ditulis oleh Za'ba dan Isaac Newton ditulis oleh Abdul Hamim Tamim. Sementara itu, *Dewasa* telah menyiarkan "Asal Kemasukan Agama Islam ke Negeri Kedah" dan "Tarikh Semenanjung". Catatan sejarah luar negeri pula antaranya adalah tentang catatan sejarah Eropah dan Amerika Syarikat yang diterbitkan dalam ruangan "Perkhabaran Dunia Am". Sementara sejarah Islam pula dimuatkan dalam ruangan "Perkhabaran Dunia Islam." "Tarikh Semenanjung" mengandungi dua siri dalam majalah *Dewasa* ini telah ditulis oleh Ishak Haji Muhammad.⁵ Akhbar *Lidah Benar* pula telah memuatkan beberapa penulisan pensejarahan tempatan dalam dan luar negeri serta riwayat hidup tokoh-tokoh, terutama sekali tokoh Islam seperti Ibn Bajjah, Ibn Rushdi dan Ibn Tufail. Akhbar ini juga telah menerbitkan sebuah makalah berjudul "Kegunaan Ilmu al-Tarikh" oleh Muhammad Yusof bin Sultan Mahyuddin, iaitu seperti yang telah dibincangkan lebih awal. Dalam majalah *Kencana*, pensejarahan tempatan kebanyakannya merupakan catatan sejarah yang berkaitan dengan Kelantan sahaja.

Seterusnya, akhbar/majalah seperti *Warta Malaya* (1930-1941), *Majlis* (1930-1942; 1942-1943; 1943-1955),⁶ *Suara Benar* (1932-

4 Disiarkan dalam *Lembaran Guru*, 1927, Bil. 10 dan 11.

5 Bagi catatan ringkas tentang riwayat hidup dan penulisan beliau, sila lihat Baharuddin Zainal (ed.), *Wajah*, hlm. 209-213. Siri tersebut disiarkan pada hari Khamis, 10 Disember 1935, Bil. 15 dan juga pada hari Khamis, 24 Disember 1931, Bil. 19.

6 *Majlis* telah diubah namanya kepada *Perubahan Baru* (1942-1943). Lihat Des. A.M. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu, 1876-1968*, hlm. 27.

1933), *Lembaga Malaya* (1934-1941), *Lidah Ibu* (1935), *Warta Ahad* (1935-1941); *Warta Kinta* (1937-1940), *Suara Malaysia* (1939), dan *Sahabat* (1939-1940) juga menyiarkan makalah-pensejarahan. Walaupun kandungan penulisan-pensejarahan dalam akhbar/majalah tersebut kerap kali berbeza antara satu sama lain, namun kategorinya tetap sama, iaitu sejarah tempatan, alam Melayu dan luar negeri dengan kadangkala dimuatkan pula-pensejarahan Islam. Dalam *Warta Malaya* misalnya, antara sejarah tempatan itu ialah "Sejarah orang Besar Johor", "Sejarah Labuan", "Sejarah Terengganu" dan "Silsilah Raja-raja Riau" yang dipercayai dipetik daripada karya Raja Ali Haji, iaitu *Tuhfat al-Nafis*. Sementara tentang alam Melayu pula ialah "Sejarah Gugusan Pulau-pulau Melayu" yang kebanyakan dipetik daripada *Sejarah Alam Melayu* karya Abdul Hadi bin Hassan. Pensejarahan luar negeri pula antaranya adalah tentang sejarah Perang Dunia Pertama dan Napoleon Bonaparte.

Dalam pada itu, *Warta Malaya* juga tidak ketinggalan menyuarakan kepentingan mempelajari sejarah. Tetapi ini tidaklah dimuatkan dalam penulisan yang khas bertajuk demikian; malah ia dimuatkan dalam sebuah rencana pengarangnya. Sambil menyeru seluruh rakyat [iaitu orang Melayu] supaya mempelajari sejarah tanah air mereka, rencana pengarang itu menerangkan juga tentang kepentingan dan takrif sejarah. Antara lainnya dinyatakan bahawa:

"Tarikh itu satu ilmu dan perkara yang banyak dan besar faedah dan manfaatnya. Maka orang-orang Melayu yang berpelajaran pengetahuan, jawatan dan pangkat tinggi dan besar itu tiada sempurna dan tiada memberi puas hati melainkan dengan adanya cukup pengetahuan dan kemahiran dalam tarikh khas dan am kerana termaklum tarikh itu mengandungi pergerakan, kemaraan, kemajuan, kejatuhan dan kerosakan sesuatu kerajaan, umat, kaum, kumpulan, dan orang-orang dengan sebab dan penyakitnya. Dari itu, tarikh menjadi satu cermin yang besar dan terang menunjukkan teladan-teladan, ajaran-ajaran, insaf dan peringatan dengannya dapatlah dijauhkan penyakit kaum dan digunakan ubat-ubat dan jalan-jalan kemajuan dan kejayaannya sama ada dalam dunia perintah-perintah agama dan lain-lainnya. Dari itu didapati orang-orang dalam umat dan kaum yang berlebihan dan berkemajuan itu berpengetahuan cukup dengan mahimya dalam tarikh am dan khas."⁷

Dalam akhbar *Majlis* pula, antara sejarah tempatan dan alam

⁷ *Warta Malaya*, "Rencana Pengarang", (3 Januari 1930), hlm. 3.

Melayu yang dimuatkan ialah sejarah Bentong, Pahang, sejarah takhta Kerajaan Selangor dan riwayat hidup Pangeran Diponegoro. Manakala sejarah luar negeri pula adalah tentang perang saudara yang berlaku di China, sejarah Itali, Jerman dan tokoh-tokoh seperti Lloyd George (1863-1945), iaitu Perdana Menteri Britain (1916-1922) dan Adolf Hitler (1889-1945). Seperti *Warta Malaya* dan beberapa akhbar/majalah yang lain, penulisan pensejarahan dalam *Majlis* juga bertujuan untuk mendapatkan pengajaran, teladan dan sebagainya, iaitu sebagai "cermin" yang sangat besar faedahnya.

Begitu juga halnya dengan penulisan pensejarahan yang terdapat dalam akhbar *Suara Benar* yang bermotokan "berani kerana benar takut kerana onar". Akhbar ini telah menyiarkan penulisan pensejarahan tentang sejarah tempatan, iaitu sejarah Tanah Melayu, sejarah Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu serta Negeri-Negeri Selat. Akhbar ini diterbitkan di Melaka. Selain itu, akhbar ini juga banyak memuatkan penulisan sejarah Melaka. Malah sejarah Melaka inilah yang menjadi tumpuan khasnya; ia telah menyiarkan sebanyak 24 siri tentang sejarah Melaka (dari 2 Disember 1932-28 Februari 1933). Walau bagaimanapun, akhbar ini tetap menganggap bahawa sejarah Tanah Melayu secara keseluruhannya sangatlah penting dipelajari dan diketahui oleh orang Melayu. Kepentingannya itu tiadalah tolok bandingnya kerana "... dalam jagat buana ini tiada ada negeri yang lain yang menyamai kisah Malaya ..."⁸ Di samping sejarah tempatan itu, kadangkala dimuatkan juga penulisan pensejarahan tentang Amerika Syarikat dan Eropah.

Berlainan sedikit pula keadaannya dengan akhbar *Lembaga Malaya*. Walaupun akhbar ini memuatkan beberapa penulisan sejarah tempatan dan alam Melayu malah sejarah Islam, tetapi penekanannya lebih kepada sejarah benua Eropah, terutamanya yang berkaitan dengan Britain dan jajahan takluknya serta salasilah rajanya.

Akhbar *Warta Ahad* juga memuatkan pelbagai penulisan sejarah tempatan, alam Melayu dan luar negeri. Namun demikian, akhbar ini juga menekankan kepentingan pensejarahan Islam terutamanya yang berkaitan dengan kemasukan agama Islam ke alam Melayu. Ini terbukti dengan terbitnya 24 siri penulisan tentang perkara itu, iaitu dari 12 Mei 1935 hingga 27 Oktober 1935 dengan judul "Peri Islam Masuk ke Indonesia dan Tanah Melayu". Selain itu, terdapat pula penulisan seperti

8 *Suara Benar*, 1932, Bil. 2, Tahun I (6 September 1932), hlm. 2.

"Tarikh Islam masuk ke Aceh" dan "Siarah Agama Islam di Pulau-pulau Melayu". Walau bagaimanapun, penulisan sejarah Islam yang lebih luas juga telah dimuatkan, misalnya, "Tarikh Islam", "Kisah Nabi-nabi Di dalam al-Quran", dan "Tarikh Ahli Sufi Dalam Adab Arab". Namun, penulisan ini tidaklah sepanjang "Peri Islam Masuk ke Indonesia dan Tanah Melayu" itu.

Selain itu, akhbar *Warta Ahad* juga memuatkan sejarah tempatan dan alam Melayu. Antara makalah yang dimuatkan ialah "Riwayat Dato' Engku Kelang Selangor", "Kejatuhan Kuasa Aceh", "Sejarah Singapura", "Sejarah Pulau Pinang", "Sejarah Melaka", "Riwayat Kuala Lumpur 50 Tahun Dahulu", dan "Tarikh Borneo Utara". "Riwayat Kuala Lumpur" (disiarkan dalam keluaran bulan Oktober dan November 1935) ditulis oleh Haji Abdullah Hukum. Pensejarahan luar negeri pula antaranya ialah sejarah "Terusan Suez" dan "Terusan Panama", serta riwayat hidup tokoh seperti George Stephenson, King George ke-V dan Al-Malik Fuad (Mesir). Di samping itu, akhbar ini juga menyatakan kepentingan-sejarah, iaitu seperti yang dimuatkan dalam tujuan penulisan yang berjudul "Jadual Tarikh Kerajaan Islam". Penulis catatan ini, iaitu "Penulis Terengganu" berharap agar penulisan beliau itu "... berfaedah dan manfaat besar kepada umat Muslimin istimewa pula kaum kita Melayu yang beragama Islam, mengetahui tarikh-tarikh kerajaan Islam dahulu kala. Maka dengan perasaan yang riang, penulis memberikan jadual tarikh pemerintah dan pemimpin panji-panji Islam dengan ringkas yang dipetik daripada kitab tarikh Arab, mudah-mudahan berguna jua".⁹

Seterusnya sebuah lagi akhbar yang didapati memuatkan penulisan pensejarahan ialah *Warta Kinta*. Akhbar ini memang mempunyai ruangan "tarikh". Antara penulisan berkaitan yang disiarkan ialah "Perhubungan Negeri Langkat dengan Perak", sejarah "Benua Australia", sejarah "Pangkat Bangsa Jawa" dan sejarah "Orang-orang Jawa di Ceylon", "Benua China dan Jepun" dan "Tawarikh Kerajaan Siam". Walau bagaimanapun, penulisan sejarah yang terdapat dalam *Warta Kinta* ini adalah ringkas dan lebih merupakan catatan sejarah sahaja.

Beberapa akhbar/majalah lain yang telah diterbitkan sebelum Perang Dunia Kedua yang dapat ditinjau dalam kajian ini, juga menyiarkan beberapa penulisan sejarah. Apabila Perang Dunia Kedua meletus dan gagak-gempitannya sampai ke Tanah Melayu pada awal bulan Disember

⁹ *Warta Ahad*, 22 Disember 1935, hlm. 7.

tahun 1941, penerbitan akhbar/majalah juga turut terancam. Keadaan ini berterusan pada sepanjang peperangan itu yang juga dikenali sebagai Zaman Pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Di sepanjang tempoh tersebut, iaitu dari tahun 1942-1945, hanya ada kira-kira 12 akhbar/majalah sahaja yang telah diterbitkan di Tanah Melayu.¹⁰ Semua akhbar/majalah itu dikuasai, dipengaruhi ataupun ditapis oleh pihak Jepun. Antara akhbar/majalah tersebut ialah *Cahaya Timur*, *Matahari Memancar*, *Cermin Hidup*, *Suara Timur*, *Perubahan Baharu*, *Semangat Asia*, *Fajar Asia*, dan *Berita Malai*. Antara yang telah dapat dikesan, akhbar/majalah yang mengandungi penulisan pensejarahan ialah *Fajar Asia* yang kebanyakannya menekankan sejarah tempatan dan alam Melayu sahaja. Kebanyakan penulisan itu disiarkan secara bersiri yang agak panjang dan ditulis dengan gaya yang menarik sekali. Maksudnya, gaya persembahannya menggunakan bahasa yang kemas, dalam bentuk penghujahan dan lebih dari semua itu, sangat kuat dipengaruhi oleh cara penulisan kreatif. Antara penulisan tersebut adalah tentang tokoh-tokoh seperti "Tun Fatimah: Pahlawan Puteri Melayu di Zaman Melaka", "Dol Sa'ied: Pahlawan Naning"; "Diponegoro: Pahlawan Kesatria Bangsa Indonesia", dan "Raden Adjeng Kartini: Srikandi Indonesia yang Membuka Lembaran Baru bagi Riwayat Kebangsaan Bangsa Kita". "Sejarah Singapura Lama", "Semangat Harimau (Hayam Wuruk atau Aria Padjang)", dan "Riwayat Malai Sepintas Lalu". Hakikatnya, penulisan pensejarahan dalam *Fajar Asia* mempunyai satu tujuan atau seruan yang khusus iaitu untuk mendorong serta membangkitkan semangat perjuangan menentang penjajah Barat dan membangunkan anak bangsa sendiri.

Keadaan penerbitan akhbar/majalah Melayu yang lembab semasa perang (1942-1945) mula berubah setelah Perang Dunia Kedua berakhir. Ertinya, penerbitan akhbar dan majalah telah meningkat semula mulai tahun 1946 hinggalah tahun-tahun berikutnya. Menjelang hujung dekad 1950, dianggarkan terdapat kira-kira 150 penerbitan akhbar/majalah Melayu di Semenanjung Tanah Melayu; satu jumlah yang bukan sahaja menandingi, malah telah melebihi penerbitan pada tahap sebelum Perang Dunia Kedua yang telah disebutkan lebih awal.¹¹ Antara pelbagai akhbar/majalah ini yang telah dapat ditinjau mempunyai penulisan

10 Dis. A.M. Iskandar, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, hlm. 50-52.

11 Lihat *ibid.*, hlm. 53-91 bagi judul dan jumlah akhbar/majalah yang telah diterbitkan di Semenanjung Tanah Melayu dalam jangka masa ini.

pensejarahan ialah *Cermin Malaya*, *Mastika*, *Benih*, *Kenchana*, *Majalah Tawarikh*, *Masyarakat*, *Penuntut*, *Qalam*, *Chitra*, *Majallah Murid*, *Angkatan Baru*, *Kebudayaan*, *Pati*, *Angkatan*, *Madah* dan *Dewan Bahasa*.

Berbeza daripada tahap sebelum Perang Dunia Kedua, pada tahap ini boleh dikatakan hampir seluruh penerbitan yang memuatkan penulisan pensejarahan itu menyiarkan makalah sejarah dari kategori tempatan, alam Melayu dan luar negeri. Dianggarkan juga hanya sebahagian kecil sahaja yang menumpukan pensejarahan Islam. Jumlah yang kecil ini barangkali termasuklah akhbar/majalah seperti *Kesatuan Islam*, *Attaqwa*, *Al-Ikhyia*, *Warta Jabatan Ugama Johor*, *Al-Islam*, *Qalam*, *Ad-Deen*, *Suara Islam*, *Seruan Agama Islam*, dan *Suara Jabatan Agama*. Ertinya, pensejarahan Islam itu bukanlah sesuatu yang telah diketepikan, apatah lagi dilupakan langsung. Malah sebuah penerbitan yang boleh dikatakan khusus memuatkan penulisan pensejarahan, iaitu yang berjudul *Majalah Tawarikh* (1949-1958) telah menekankan pensejarahan Islam terutamanya riwayat nabi-nabi dan perjuangan mereka menegakkan hukum Allah S.W.T. Misalnya, penerbitan yang pertama majalah ini telah menyiarkan "Tawarikh Islam I", iaitu tentang riwayat Nabi Adam hingga riwayat Nabi Salleh. Majalah ini bercadang untuk menerbitkan riwayat nabi-nabi hingga sampai kepada Nabi Muhammad S.A.W. Pengarang majalah ini ialah Mejar Dato' Haji Muhammad Said Haji Sulaiman, iaitu seorang sejarawan tanah air yang memang terkenal dan telah berkecimpung dalam menghasilkan karya pensejarahan sejak awal abad ke-20. Dalam pada itu, ada juga antara akhbar/majalah dalam kategori ini yang telah menyiarkan penulisan pensejarahan tentang negeri atau bangsa lain. *Qalam* umpamanya, di samping menyiarkan penulisan pensejarahan Islam seperti "Hari Raya Orang-orang Arab di dalam Jahiliah dan Islam" juga memuatkan penulisan sejarah tentang Perang Dunia Kedua, sejarah Korea dan perang antara Korea Utara dengan Korea Selatan.

Manakala akhbar/majalah yang menyiarkan pensejarahan tempatan dan sebagainya tadi, seperti *Cermin Malaya* misalnya, telah memuatkan satu siri penulisan yang berjudul "Tanah Melayu Tanah Tumpah Darah Kita" yang merupakan catatan sejarah Tanah Melayu sejak dari zaman Kesultanan Melayu Melaka hingga awal abad ke-19, iaitu dengan pembentukan Negeri-Negeri Selat. *Mastika* pula memang didapati banyak memuatkan penulisan pensejarahan tempatan. Misalnya, bagaimana Negeri Sembilan mendapat namanya; beberapa catatan sejarah dan tokoh-tokoh yang berkait dengan Melaka (Hang Kasturi, Hang Tuah membuka Melaka, Makam Hang Jebat); Raja Ali Haji atau Al-Marhum Teluk

Ketapang; sejarah putera Bugis lima bersaudara; riwayat hidup Tunku Abdul Rahman; Dato' Onn dan Za'ba. Bagi pensejarahan Alam Melayu pula, antara penulisan yang dimuatkan ialah riwayat hidup tokoh-tokoh seperti Sukarno, Mohammad Hatta, Sultan Amengko Buwono, Anak Agung Gedi Agung, Dr. Abu Hanafiah, Prof. Dr. Supomo, Dr. Sabaruddin Perwiro Negara, Dr. Juanda, dan Kiai Haji Wahid Hashim. Selain itu, disiarkan juga riwayat hidup tokoh-tokoh luar seperti Malcolm McDonald dan Leonardo de Vinci.

Majalah *Masyarakat* pula hanya memuatkan beberapa penulisan yang berbentuk pensejarahan. Antara penulisan yang terpenting ialah "Adat Papatih" yang dikatakan oleh pengarangnya, Siti Dinar Yunus, telah "dipetik di dalam buku-buku dan dari orang tua-tua dalam jajahan Kuala Pilah."¹²

Seterusnya, sebuah lagi majalah yang sangat peka terhadap penulisan pensejarahan ialah *Penuntut*, iaitu majalah bagi Gabungan Penuntut Melayu Semenanjung (GPMS). Majalah ini menampilkan "Halaman Sejarah" yang memuatkan makalah sejarah tentang pelbagai peristiwa. Seseengah daripada penyumbanganya pula terdiri daripada penulis-penulis yang kemudiannya mencipta nama dalam bidang masing-masing. Antaranya ialah Abdullah Ayub dan Asraf. Antara penulisan tersebut ialah "Sejarah Dunia" oleh Abdullah Ayub yang bertujuan menceritakan "dengan ringkas tentang sejarah dunia semenjak ia mula jadi sehingga manusia mula mempunyai masyarakat yang teratur."¹³ Selain itu, terdapat juga "Selayang Pandang Atas Perkembangan Bahasa dan Kesuasteraan Melayu," oleh Asraf, dan "Nabi Besar Muhammad S.A.W." oleh M. Hasymy. Keistimewaan penulisan dalam majalah ini ialah mutunya yang boleh dikatakan tinggi, iaitu dari segi kesejarahannya, bahasa dan gaya penulisannya. Sebenarnya, majalah ini secara keseluruhannya adalah sebuah majalah yang bermutu. Ia boleh dikatakan setanding dengan beberapa majalah yang bermutu tinggi yang diterbitkan selepasnya, iaitu seperti *Pati* dan *Dewan Masyarakat*. Dalam pada itu, kepekaan dan kesedaran penulis seperti Abdullah Ayub terhadap sejarah memang nyata apabila dalam salah sebuah makalahnya beliau menyatakan bahawa tawarikh/sejarah:

"... ialah suatu jenis sains suatu cawangan pelajaran yang berasas kepada sebab-sebab yang bererti tiap-tiap suatu kejadian itu mestilah

12 *Masyarakat*, 1950 Bil. 1, No. 1, (Januari), hlm. 6-7.

13 Abdullah Ayub 1950. "Sejarah Dunia" dlm. *Penuntut*, 1. Bil. 2, (September), hlm. 26.

ada mempunyai sebab-sebab yang menjadikannya, bukannya terjadi dengan sendiri sahaja...

Tawarikh suatu cawangan pelajaran yang mengkaji perihal manusia semenjak ia mula jadi di muka bumi ini sehingga pada hari ini. Dengan mengetahui tawarikh kita akan dapat mengkaji kejayaan dan kemunduran sesuatu kaum atau bangsa. Dengan mengetahui tawarikh, kita akan dapat mengelak daripada kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh orang yang terdahulu daripada kita dan jua mencontohi akan kejayaan mereka. Pendeknya dengan mengetahui tawarikh kita akan dapat memberi pertimbangan yang saksama akan perkara yang berlaku di sekeliling kita pada hari ini."¹⁴

Seterusnya, *Majallah Murid* yang diterbitkan "... untuk dibaca oleh murid-murid sekolah Melayu,"¹⁵ memang menyediakan satu ruangan sejarah, iaitu "Tawarikh" atau "Halaman Tawarikh" untuk menyiarkan penulisan berbentuk demikian. Penulisan yang dimuatkan kebanyakannya tertumpu kepada pensejarahan tempatan. Antaranya ialah "Sejarah Semenanjung Tanah Melayu", "Bangsa Melayu", "Bahasa Melayu", "Sejarah Alam Melayu" dan sejarah awal seperti "Alam Melayu dalam Zaman Hindu Dahulu". Penekanan kepada sejarah tanah air bertujuan untuk menanamkan sikap cintakan sejarah lantas bangsa dan tanah air.

Pada tahun 1952 juga telah diterbitkan majalah *Chitra* di Alor Star, Kedah. Majalah ini juga mempunyai "Ruangan Sejarah" untuk tujuan menerbitkan penulisan yang demikian. Namun demikian, sepanjang yang dapat dikesan ia hanya pernah menyiarkan sebuah penulisan ringkas berjudul "Ringkasan Sejarah Kedah", iaitu yang menceritakan sejarah Kedah sejak dari awal hingga kira-kira tahun 890 Masihi dan seterusnya sampai abad ke-13 apabila dikatakan Kedah telah dikuasai oleh Funan.

Pada tahun 1955 pula, antara akhbar/majalah yang didapati memuatkan penulisan pensejarahan ialah *Angkatan Baru* dan *Kebudayaan*. Dalam *Angkatan Baru*, beberapa buah penulisan yang berbentuk sejarah telah diterbitkan; namun judul serta kandungan dan pendekatannya adalah lebih mirip kepada sejarah sosial seperti yang terdapat dalam *Majallah Murid*. Antara penulisan tersebut ialah "Abdullah Munsyi", iaitu rencana ringkas tentang riwayat hidup tokoh tersebut yang ditulis

14 Abdullah Ayub 1950. "Tawarikh Mesopotamia," dlm. *Pemuntai*, Jil. 1, Bil. 3, (Januari), hlm. 25-26.

15 *Majallah Murid*, 1952, Bil. 1, (Disember), hlm. 2.

dengan tujuan "mengenangkan angkatan lama" serta melihat sumbang-an beliau sebagai perintis jalan ke arah sastera Melayu baru.¹⁶ Selain itu, terdapat juga makalah yang berjudul "Perkembangan Filem Melayu" oleh Abdullah Hussien, yang merupakan satu penulisan kritikal tentang industri tersebut sejak tahun 1930-an hingga tahun 1950-an. Sebuah lagi makalah ialah "Pengaruh Hindu Dalam Kebudayaan Melayu," yang merupakan terjemahan daripada makalah oleh Durai Rajasingham.

Majalah *Kebudayaan* boleh dianggap bermutu seperti halnya dengan majalah *Penuntut*. Sesuai dengan tajuknya, maka penulisan pensejarahan tertumpu kepada pensejarahan tempatan khususnya dari aspek sosiobudaya. Antara makalah yang disiarkan ialah "Adat Kahwin Orang-orang Melayu", "Tarian-tarian Kebangsaan Kita", "Sirih Dalam Adat Istiadat Melayu", "Bahasa Melayu Dahulu dan Sekarang", dan "Penduduk Tenggara Asia di Zaman Purba". Makalah itu ditulis dalam bahasa yang baik dan kandungannya dapat memberikan maklumat yang berguna tentang perkara yang diperkatakan.

Majalah seterusnya yang setanding dengan *Kebudayaan*, malah dari beberapa segi melebihiinya, ialah *Pati*. Namun demikian, majalah ini lebih menumpukan kepada peristiwa semasa, khususnya isu-isu politik yang sedang bergolak pada ketika itu, iaitu sejajar dengan semangat dan suasana menjelang kemerdekaan tanah air. Isu-isu politik ini diberikan pula latar belakang sejarah yang sewajarnya. Antara judul yang berkaitan ialah "Kerakyatan dan Jus Soli", satu analisis yang kritikal terhadap latar belakang, bentuk, kesan politik dan bahayanya pelaksanaan konsep tersebut terhadap bangsa Melayu sekiranya ia diterima sebagai satu syarat kemerdekaan. Penulisan lain, antaranya ialah "Perkembangan Politik di Brunei", "Memperingati Hari Kartini", dan "Sarawak: Sejarah dan Politiknya". Dalam pada itu, terdapat juga rencana yang boleh dikatakan berbentuk pensejarahan semata-mata. Rencana tersebut berjudul "Sudut Sejarah Jelebu", iaitu satu rencana ringkas yang memuatkan terbit-tarikh daerah tersebut dari asalnya hinggalah kedatangan penjajah British pada tahun 1886.¹⁷

Dalam pada itu, terdapat juga beberapa majalah lain yang kurang memberi tumpuan terhadap sejarah. Antaranya ialah majalah *Madah*. Majalah ini mempunyai satu "Ruangan Sejarah", namun hanya sebuah sahaja rencana sejarah yang telah disiarkannya. Rencana ini pula tidak-

16 *Angkatan Baru*, 1955, No. 1, Ogos, hlm. 22.

17 *Pati*, 1956, Tahun 1, Bil. 8, Oktober, hlm. 19-20.

lah begitu menarik, iaitu tentang riwayat hidup seorang ahli silap mata Amerika Syarikat yang terkenal bernama Houdini. Rencana ini hanya merupakan rencana ringkas dan berbentuk mudah. Walau bagaimanapun, majalah ini tidak dapat bertahan lama, kemungkinan besar ia hanya dapat menerbitkan satu naskah sahaja dan kemudian terhenti.

Dewan Bahasa pula memang berlainan keadaan dan pencapaiannya. Sungguhpun majalah ini tidak mempunyai ruangan sejarah yang khusus, namun itu tidaklah bererti ia tidak mementingkan rencana yang berbentuk demikian. Hakikatnya, majalah ini sentiasa memberi peluang kepada rencana-pensejarahan dan sentiasa menunggu sumbangan yang wajar serta sesuai untuk diterbitkan. Walau bagaimanapun, *Dewan Bahasa* terpaksa memilih kategori dan juga tajuk serta taraf rencana yang perlu diterbitkan. Ini kerana majalah ini ingin menjaga dan mengekalkan imejnya sebagai sebuah majalah yang bermutu tinggi yang menekankan rencana-rencana tentang bahasa dan sastera daripada bidang-bidang lain. Tetapi seperti yang telah dinyatakan, rencana-rencana lain, seperti sejarah misalnya, akan juga diterbitkan jika mutunya mencapai taraf yang dikehendaki oleh pihak penerbitnya. Dengan hal yang demikian, maka antara rencana-pensejarahan yang menarik yang telah disiarkan oleh *Dewan Bahasa* dari tahun 1957-1960 ialah dua buah makalah yang berjudul "Tawarikh Dari Segi Penjajah Dan Yang Telah Di Jajah", dan "Kepentingan Sejarah". Kedua-dua makalah ini sebenarnya berkaitan antara satu sama lain khususnya dari segi beberapa peristiwa, atau contoh dan penghujahan yang dikemukakan dalam mengisi judul yang dibincangkan. Kedua-dua makalah ini juga mempunyai keistimewaan yang jarang terdapat dalam penulisan-pensejarahan Melayu sebelum ini. Keistimewaan itu ialah penulisnya, iaitu Zainal Abidin Abdul Wahid telah memaparkan penulisan sejarah secara berhujah, yakni dalam hal ini beliau membahaskan isu-isu sejarah yang dianggapnya penting tetapi telah diputar-belitkan oleh beberapa sejarawan Barat demi kepentingan mereka. Perbuatan memutar-belit ini adalah satu penyelewengan dan bertentangan dengan konsep atau falsafah asas sejarah, iaitu mencari dan mewujudkan kebenaran peristiwa lalu yang dikaji. Kedua-dua makalah ini menampakkan kefahaman, kematangan dan kepekaan penulisnya terhadap pendekatan dan konsepsi sejarah sebagai satu bidang atau disiplin ilmu pengetahuan yang teratur. Hakikatnya, kedua-dua makalah itu adalah bersifat ilmiah.¹⁸ Dengan penerbitan kedua-dua

18 Zainal Abidin Abdul Wahid telah menjadi seorang pensyarah sejarah di Jabatan

makalah itu juga telah memperbaiki lagi penerbitan penulisan pensejaraan sebelumnya terutamanya yang tersiar dalam akhbar dan majalah. Dari segi konsep atau teori sejarah, makalah yang berjudul "Kepentingan Sejarah" itu sangatlah penting dan bernilai. Makalah itu merupakan antara hanya empat atau lima buah rencana yang telah diterbitkan dari tahun 1900-1960 yang khusus membicarakan perkara tersebut. Dari segi kandungannya, boleh dikatakan bahawa rencana tersebut adalah yang terbaik, di samping yang terkini dalam jangka masa kajian ini.

Sebenarnya kebanyakan akhbar/majalah Melayu memang boleh dianggap mempunyai kesedaran tentang kepentingan sejarah. Namun, setiap akhbar/majalah itu adalah dibataskan ataupun dipandu oleh keperluan penerbitan masing-masing. Sesetengahnya merasakan perlu dikembalikan ruangan tawarikh/sejarah atau yang seerti secara amnya di samping ruangan-ruangan yang lain. Sesetengahnya pula merasakan bahawa penerbitannya akan dilakukan apabila perlu dan ada rencana sejarah yang sesuai serta wajar disiarkan. Cara ini dan cara mengekalkan ruangan khusus berlaku berterusan hingga ke dekad seterusnya. Ertinya, kandungan bagi sesebuah akhbar/majalah itu bercampur-campur, kecuali bagi sesebuah majalah seperti *Majalah Tawarikh*. Namun demikian, sumbangannya terhadap perkembangan dan pemantapan pensejaraan Melayu tidak seharusnya dipandang ringan apatah lagi diperkecilkan.

Sejarah, Universiti Malaya (1962-1970); Profesor dan Ketua Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia (1970-1981) dan pada tahun 1992 menjadi Pengarah Pusat Kajian Borneo, UKM, Bangi.

KESIMPULAN

Di bahagian awal telah dikemukakan beberapa persoalan yang berkaitan dengan pensejarahan Melayu secara keseluruhannya dengan harapan bahawa persoalan itu akan diberikan jawapan yang sewajarnya. Ini memanglah merupakan satu idaman. Namun atas hakikat bahawa kajian ini merupakan satu tinjauan awal, maka berkemungkinan pula ada persoalan tersebut yang tidak dapat diberi jawapan yang cukup memuaskan. Barangkali persoalan itu akan mendapat jawapan sewajarnya dalam kajian yang akan datang. Sesungguhnya, pensejarahan Melayu masih mempunyai bidang serta potensi yang luas untuk dikaji.

Walau bagaimanapun, setakat ini daripada sejumlah kira-kira 160 karya pensejarahan yang dapat dikenal pasti telah diterbitkan dalam jangka masa kajian ini, beberapa pandangan, kalau pun tidak kesimpulan, boleh pula dibentuk berkaitan dengan pensejarahan Melayu. Penerbitan dalam pelbagai akhbar/majalah Melayu dari kira-kira tahun 1900 hingga hujung dekad 1950 juga membantu dalam hal mewujudkan pandangan ini.

Wujudnya Kesedaran Kepentingan Sejarah

Salah satu daripada pandangan itu ialah bahawa penerbitan karya-karya pensejarahan, yang terus-menerus berlaku, menampakkan kesedaran dan kefahaman tentang pentingnya sejarah, khususnya di kalangan sejarawan/penulis, penerbit dan khalayak yang membaca dan amnya di kalangan masyarakat Melayu. Dari segi ini, sejarah merupakan "pengajian semula", atau mungkin lebih tepat sebagai "pencatatan semula" peristiwa masa lalu untuk dijadikan panduan, teladan, petunjuk, mahupun pengajaran bagi masa kini dan masa akan datang dalam pelbagai la-

pangan kehidupan. Misalnya, peristiwa masa lalu itu boleh dijadikan contoh serta rujukan bagi memperbaiki akhlak ataupun kedudukan bangsa Melayu bagi masa kini dan masa akan datang. Ertinya, sejarah adalah sesuatu yang boleh mendorong berlakunya kemajuan. Sejarah merupakan sumber iktibar yang sungguh berpotensi. Dalam hal ini, imbasan yang jelas bahawa sejarah adalah satu proses yang boleh silih berganti serta berulang-ulang. Oleh itu, manusia, masyarakat, bangsa dan negara haruslah sentiasa berwaspada dan peka terhadap perkembangan sejarah. Jika mereka membelakangi sejarah, mereka akan dibelakangi oleh sejarah.

Sebenarnya kesedaran dari sudut ini bukanlah baru muncul dalam jangka masa kajian ini sahaja. Kesedaran ini sudah wujud sejak sekian lama, iaitu sejak masyarakat Melayu mula menghasilkan karya pensejarahannya. Dengan munculnya karya-karya pensejarahan, kesedaran tersebut terserlah pula bersamanya. Dalam *Sulalatus Salatin/Sejarah Melayu* misalnya, Tun Seri Lanang menyatakan bahawa antara tujuan karya tersebut dihasilkan ialah "... supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, diingatkannya oleh mereka itu; syahdan beroleh faedahlah ia daripadanya."¹ Begitu jugalah halnya dengan beberapa buah karya pensejarahan yang lain, sama ada yang masih berbentuk tradisi atau klasik, mahupun yang telah mengalami beberapa perubahan atau pembaharuan. Falsafahnya ialah bahawa sejarah adalah sesuatu yang boleh memberikan pengajaran kepada manusia.

Kesedaran terhadap Kaedah

Kesedaran terhadap kepentingan sejarah sebagai iktibar menampakkan pula kesedaran sejarah yang lebih mendalam lagi. Maksudnya, kesedaran tentang betapa pentingnya sejarah itu digambarkan atau dituliskan sebagai peristiwa yang benar-benar pernah berlaku pada suatu masa lalu. Kesedaran ini melibatkan penggunaan satu bentuk kaedah penyelidikan bagi menentukan kebenaran sesuatu peristiwa sejarah ataupun untuk melakukan tafsiran terhadapnya. Penggunaan kaedah penyelidikan ini terimbas juga dalam karya pensejarahan seperti *Sulalatus Salatin*. Malahan dalam *Tuhfat al-Nafis*, dinyatakan dengan begitu terbuka dan jelas sekali sehingga keraguan tidak lagi timbul tentang kesedaran Raja Ali Haji tentang keperluan mewujudkan kebenaran sejarah. Begitu juga

1 A. Samad Ahmad (ed.), *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, Jlm. 3.

halnya dengan *Hikayat Abdullah* yang ditulis oleh Abdullah Munsyi, cendekiawan Melayu abad ke-19. Kesedaran demikian juga bererti mereka ingin melihat sejarah dipaparkan sebagai penulisan yang boleh dipertanggungjawabkan kebenarannya. Atau dengan kata lain, mereka mahu karya mereka bersifat demikian kerana hakikatnya ilmu pengetahuan yang benar akan memberikan iktibar yang lebih baik dan berkesan daripada yang berbentuk khayalan. Kewujudan kedua-dua bentuk kesedaran ini adalah berterusan di sepanjang jangka masa kajian ini.

Perkembangan Kuantiti

Dalam pada itu, kita juga dapat melihat aliran perkembangannya sama ada dari segi kuantiti mahupun kualiti. Dari segi kuantiti, aliran perkembangannya itu bermula dengan agak terhad jumlahnya (iaitu setakat tinjauan awalan ini) pada abad ke-19. Tetapi keadaannya semakin bertambah pesat sejak awal abad ke-20 hinggalah meletusnya Perang Dunia Kedua. Semasa zaman perang, jumlah penerbitannya yang setakat ini dapat diketahui sangatlah kecil. Tetapi keadaan yang terbantut itu telah pulih semula sejak kira-kira tahun 1946, iaitu tidak berapa lama selepas tamatnya peperangan tersebut. Menjelang awal dekad 1950-an, keadaannya telah pulih semula sepenuhnya dan aliran perkembangan penerbitannya itu berlaku semakin pesat hari demi hari.

Keadaan dalam akhbar/majalah juga boleh dikatakan mempunyai aliran yang sama. Secara umumnya, ia berubah mengikut jumlah penerbitan akhbar/majalah dalam tahap-tahap yang telah disebutkan. Walau bagaimanapun, perinciannya harus dikaji dengan lebih mendalam lagi, terutamanya untuk menentukan jumlah sebenarnya penulisan pensejarahan yang telah diterbitkan dalam pelbagai akhbar/majalah Melayu dalam tahap-tahap tersebut. Hanya dengan jumlah yang terperinci itulah dapat ditentukan dengan jelas perkembangan penerbitannya yang sebenar.

Perkembangan Kualiti

Dari segi kualiti atau nilainya pula, aliran perkembangannya sukar diukur seperti kita mengukur perkembangan kuantitinya. Dari satu segi, ia adalah suatu yang relatif, iaitu sesuatu yang tertakluk kepada penilaian atau takrif kita terhadap kualiti sesebuah karya pensejarahan itu. Dalam hal ini, satu ukuran yang dapat digunakan ialah dengan menilai kesejarahannya dengan berdasarkan kaedah penghasilannya. Jika cara

pengukuran begini boleh diterima, maka bererti pensejarahan Melayu itu secara amnya memang mempunyai nilai yang tinggi sejak awal lagi. Ini kerana karya-karya seperti *Sulalatus Salatin*, *Hikayat Abdullah*, *Tuhfat al-Nafis* dan sebagainya memang mempunyai bentuk perkaedahan penyelidikan yang boleh meyakinkan kita terhadap kesejarahannya. Kualiti pensejarahan bertambah baik lagi menjelang awal abad ini dengan munculnya karya-karya seperti *Hikayat Johor dan Tawarikh al-Marhun Sultan Abu Bakar* (1911), *Kitab Tawarikh Melayu* (1918) dan seterusnya pelbagai karya lain yang diterbitkan pada dekad-dekad berikutnya, misalnya dengan penerbitan karya-karya seperti *Sejarah Alam Melayu*, *Kejatuhan Kaum-Kaum Islam dan Pergerakan Baru*, *King George Yang Keenam*, *Kenang-kenangan Selangor, Turki dan Tamadunnya* dan karya-karya Dato' Mejar Haji Muhammad Said Haji Sulaiman, sejarawan Melayu yang ternama itu. Kemudian mulai dekad 1950-an, pensejarahan Melayu sudah boleh dikatakan mantap sama ada dari segi jumlah penerbitan mahupun dari segi nilai penerbitannya. Pada dekad tersebut, ditemui karya-karya pensejarahan yang penting seperti *Bangsa China*, *Tawarikh Johor*, *Sejarah Kenaikan dan Kejatuhan Kekuasaan Portugis di Melaka, T.M. 1511-1641*, *Sejarah Melayu Raya; Tarikh Perjuangan dan Ekonomi Indonesia, Filipina dan Malaya*, *Falsafah Kebangsaan Melayu*, *Riwayat Hidup Tunku Abdul Rahman Putera* dan *Sejarah Kebesaran Islam di Timur Tengah*.

Walau bagaimanapun, ditinjau dari segi perkembangan bentuknya sahaja, kita dapati pensejarahan yang berbentuk puisi, khususnya syair, tidaklah menampakkan penerusan atau pertambahan yang menggalakkan. Nampaknya pensejarahan dalam bentuk ini hanya popular pada tahun-tahun sebelum Perang Dunia Kedua sahaja. Selepas itu, ia kelihatan seolah-olah tidak bermaya lagi dengan jumlah penerbitannya sangat terhad jika dibandingkan dengan yang berbentuk penulisan biasa. Salah satu sebabnya barangkali ialah kerana bentuknya sudah kurang menarik minat para sejarawan untuk menghasilkannya. Khalayak pembaca juga mungkin tidak begitu tertarik lagi kerana saingan daripada bentuk penulisan biasa yang didapati lebih tepat dan bernilai dari segi kesejarahannya. Oleh itu, menjelang dekad 1950-an, malah di sepanjang dekad tersebut hanya sedikit sahaja ditemui karya pensejarahan yang diterbitkan dalam bentuk syair. Tambahan pula bentuk ini, dianggap sebagai bentuk lama atau tradisi. Oleh itu, dirasakan tidak cocok lagi dengan perkembangan pensejarahan Melayu menjelang dekad 1950-an. Tetapi ini bukan bererti bahawa penerbitannya ditegah disebabkan bentuknya yang tradisi itu sahaja. Malah pensejarahan dalam bentuk biasa

pun, pada lewat tahun 1950-an, masih memuatkan beberapa ciri pensejarahan tradisi, namun penerbitannya semakin meningkat. Dengan demikian, penerimaan khalayak pembaca menjadi penentu bagi peningkatan mahupun pengurangan penerbitannya.

Sebab Pengekalan Unsur Kesusasteraan

Berhubung dengan ciri-ciri pensejarahan Melayu, adalah benar bahawa dari *Sulalatus Salatin* (1612) melewati *Hikayat Abdullah* (1849) dan *Tuhfat al-Nafis* (1865) hinggalah *Hikayat Johor* (1911) dan seterusnya *Tawarikh Johor* (1950) memang terdapat beberapa ciri persamaannya. Misalnya, gaya penulisan atau persembahan adalah secara deskriptif atau penceritaan dan tidak menggunakan gaya berhujah. Begitu juga sesetengah karya masih memuatkan beberapa ciri kesusasteraan seperti kata perbualan tokoh sejarah, dan kisah legenda. Bentuk penerbitan pula kebanyakannya adalah dalam bentuk popular.

Terdapat dua atau tiga sebab mengapa unsur kesusasteraan itu dikekalkan dan bentuk popular itu dijadikan aliran penerbitan. Pertama, popularnya kesusasteraan itu sendiri sehingga gaya penulisannya mempengaruhi pula gaya penulisan dalam bidang-bidang lain. Kedua, ketiadaan satu bentuk panduan yang jelas untuk digunakan sebagai pembimbing bagi seseorang sejarawan menghasilkan karya pensejarahannya. Ketiadaan penulisan yang berbentuk demikian memang ketara di sepanjang tempoh kajian ini. Ertinya, setakat ini, belum ditemui satu penerbitan yang khusus [maksudnya dalam bentuk buku] yang membicarakan tentang takrif atau pengertian sejarah dan kemudian menguraikan pula tata cara atau kaedah penyelidikan dan penulisannya, serta beberapa isu penting yang berkaitan dengan ilmu sejarah seperti sumber, tafsiran, konsep objektif dan subjektif, imaginasi dan kebenaran dalam sejarah. Oleh hal yang demikian, sejarawan berusaha dengan mencontohi dari karya-karya pensejarahan yang lain, ataupun tidak mencontohinya. Dalam hal ini, mereka akan mencontohi karya-karya seperti kesusasteraan atau menulis mengikut pengalaman sendiri misalnya, sebagai guru sejarah. Dalam pada itu, karya yang dihasilkan itu secara umumnya ditunjukkan kepada khalayak tertentu, seperti segelintir golongan istana, ataupun kepada khalayak umum yang mempunyai taraf pendidikan yang sederhana dan asas sahaja. Ertinya, karya itu tidak ditujukan kepada khalayak yang berpendidikan tinggi dalam pengertian kita sekarang yang menuntut agar sesuatu karya pensejarahan itu dihasilkan berdasarkan pendekatan ilmiah sepenuhnya. Walau bagaimana-

pun, kekecualian wujud dalam semua penyeluruhan ini. Ertinya, jika dikaji secara mikro, maka kekecualian dari pelbagai aspek penyeluruhan memang wujud. Malah, beberapa karya yang telah disebutkan pada awal bahagian ini adalah antara karya yang menampakkan kekecualian itu. Walau apa pun keadaannya, namun itu bukanlah bererti bahawa karya-karya pensejarahan Melayu adalah rendah mutunya, sama ada dilihat dari segi kesejarahan ataupun gaya persembahannya. Apatah lagi jika ia dilihat dari sudut nilai, sosiobudaya, keperluan dan taraf pendidikan pada tempoh karya itu dihasilkan atau diterbitkan.

Persoalan dan Tanggapan tentang Pensejarahan Melayu Moden

Sebenarnya persoalan di atas akhirnya mengheret kita kepada persoalan yang berkait dengan konsep pensejarahan Melayu moden dan bilakah bentuk ini dianggap mula diterbitkan di tanah air kita. Sesungguhnya ia merupakan satu persoalan yang rumit dan bukan mudah untuk dijelaskan. Dari beberapa segi, ia berkait pula dengan pengertian konsep moden dan takrif tentang pensejarahan moden itu sendiri yang pada hari ini, secara disedari atau tidak disedari adalah berdasarkan konsep peradaban Barat. Dalam peradaban tersebut, takrif pensejarahan moden bukan sahaja melingkungi satu tata cara atau kaedah penyelidikan yang ilmiah, tetapi peristiwa dan proses pergerakan sejarah itu telah disesuaikan pula dengan nilai-nilai baru yang berbentuk sekular sepenuhnya yang telah berjaya dicapai sejak tercetusnya Revolusi Perancis 1789. Dengan kata lain, secara idealnya, mereka bukan sahaja menolak bentuk yang berupa khayalan atau dongeng sebagai ada kaitan dengan sejarah, tetapi menolak juga unsur dan kuasa ketuhanan dalam proses sejarah. Persoalannya ialah apakah pensejarahan Melayu, sama ada yang dikatakan moden, apatah lagi yang tradisi, menerima serta boleh dipadankan dengan konsepsi pensejarahan yang demikian?

Satu hakikat yang nyata dan harus disedari ialah bahawa tradisi pensejarahan Melayu sekurang-kurangnya dalam jangka masa kajian ini adalah sebahagian daripada tradisi pensejarahan Islam. Kebanyakan karya pensejarahan yang telah diterbitkan dalam jangka masa kajian ini memang menampakkan ciri-ciri pensejarahan tersebut. Pada umumnya, bentuk pensejarahan ini adalah berasaskan falsafah sejarah ketuhanan; khususnya yang menyedari serta menerima faktor-faktor yang berbentuk ketuhanan di samping faktor kemanusiaan dalam menerangkan sesuatu peristiwa sejarah. Ertinya, Allah S.W.T. tetap mempunyai peranan

KESIMPULAN

dalam proses pergerakan sejarah. Sejarawan atau yang meniru pensejarahan ini, menerima hakikat tersebut dengan cara langsung ataupun sebaliknya. Secara langsung ertinya menghubungkan terus sesuatu peristiwa sejarah itu dengan Allah S.W.T. seperti yang terdapat dalam karya-karya seperti *Sulalatus Salatin*, *Qissas al-Anbiya*, dan *Syair Yang Mulia Cetra Peranakan Nabi S.A.W.* Secara tidak langsung bererti memberi penerangan dari sudut kemanusiaan/keduniaian tetapi dalam pada itu, tetap pula mengingati tentang kewujudan, kewibawaan dan kekuasaan Allah S.W.T. Dalam *Kitab Tawarikh Melayu* misalnya, R.O. Winstedt dan Daeng Abdul Hamid mengakhiri penulisan mereka dengan mengatakan "pada akhirnya dari semenjak itu, bernaunglah segala negeri itu di bawah panji-panji kerajaan Inggeris, mudah-mudahan Allah kiranya menambahkan aman sentosa dan makmur kesenangan bagi bumiputeranya selama-lamanya. Amin! Amin! Ya rabul 'alamin!'"²

Hakikatnya adalah walau apa pun penerangan yang berbentuk kemanusiaan/keduniaian, namun pada akhirnya kuasa Allah S.W.T. itulah yang paling penting. Ibn Khaldun, sejarawan Islam yang paling ternama itu menyimpulkan perkara ini dengan mengatakan bahawa pada akhirnya Allah S.W.T. itulah petunjuk kepada yang sesungguhnya benar.³

Berbalik kepada isu pensejarahan moden, pensejarahan Islam dianggap telah mengasaskan taraf moden pada tahun empat Hijrah/10M, khususnya dengan kemunculan karya-karya sejarawan ulung pada kurun tersebut, iaitu al-Masu'di. Seterusnya, ia mencapai kemuncak kecemerlangannya pada abad ke-14 khususnya dengan kemunculan Ibn Khaldun dan karya sejarahnya terutama yang berjudul *Muqaddimah*. Perkembangan ini lambat-laun sudah pasti akan mempengaruhi pula perkembangan pensejarahan di negara-negara Islam yang lain, termasuklah alam Melayu ini. Oleh sebab itu, jika pensejarahan al-Masu'di digunakan sebagai pengukur pensejarahan Islam yang moden, maka pensejarahan Melayu/Islam telah pun mencapai taraf tersebut dengan kemunculan beberapa karya pensejarahan pada abad ke-19, terutamanya karya Abdullah Munsyi yang berjudul *Hikayat Abdullah* dan karya Raja Ali Haji yang berjudul *Tuhfat al-Nafis*. Antaranya, pandangan ini didasarkan pada kaedah objektif yang digunakan dalam pengkajian dan sikap serta pendekatan yang boleh dikatakan kritis terhadap peristiwa yang di-

2 R.O. Winstedt & Daeng Abdul Hamid, *Kitab Tawarikh Melayu*, hlm. 86.

3 Osman Rahiby 1965. *Ibn Khaldun. Tentang Masyarakat dan Negara*. Cetakan Ketiga. Djakarta: Penerbitan Bulan Bintang, hlm. 127.

kaji. Bagi Abdullah Munsyi khususnya, keistimewaanannya ialah dari skop kajian, iaitu yang berupa riwayat hidup beliau sendiri, atau autobiografi, yang berkemungkinan besar merupakan satu-satunya karya pensejarahan berbentuk demikian yang pernah diterbitkan sejak dari beberapa abad sebelumnya sehinggalah tarikh *Hikayat Abdullah* diterbitkan.

Namun demikian, karya-karya tersebut masih mempunyai beberapa kelemahan, terutamanya dari sudut beberapa unsur kesusasteraan yang masih terdapat dalam menerangkan peristiwa sejarah. Tetapi pada abad tersebut masih ada karya-karya lain, iaitu *Hikayat Napoleon Bonaparte* dan *Hikayat Perang Jerman Perancis* yang memang boleh dianggap sudah lebih jelas bercorak pensejarahan moden. Selepas itu, diterbitkan karya-karya yang pada amnya semakin memperbaiki bentuk yang terawal itu.

Walau bagaimanapun, seperti yang telah disentuh lebih awal, memanglah terdapat kekecualian, iaitu sama ada dari segi aliran perkembangannya yang dikatakan semakin baik ataupun dari segi unsur pensejarahan Islam. Ertinya, dalam perkembangannya itu memang terdapat pula karya-karya yang tidak menampakkan "kemajuan" dan juga karya-karya yang tidak langsung menampakkan unsur pensejarahan Islam, malah boleh dianggap telah menerapkan unsur pensejarahan Barat.

Dalam pada itu, pensejarahan Melayu tidak pula dapat lari daripada menerima unsur-unsur terbaik dari pensejarahan sekular Barat. Ini terutamanya dapat dilihat dari sudut kaedah, pendekatan, malah dalam beberapa hal dari segi takrif dan falsafah sejarah. Keadaan ini boleh dianggap bermula sejak tahun 1920-an khususnya dengan kemunculan *Sejarah Alam Melayu* oleh Abdul Hadi bin Hassan. Menjelang dekad 1950-an, keadaan ini semakin bertambah jelas. Malah pada dekad-dekad yang berikut hingga awal dekad 1990-an, aliran inilah yang nampaknya menjadi ikutan. Namun demikian, bagi sejarawan Melayu yang mempunyai kesedaran tentang warisan pensejarahannya, mereka akan menyisipkan juga peranan ataupun konsep kekuasaan Allah S.W.T. dalam karya mereka walaupun dengan cara lebih luas atau umum.

Wallah-hu-'alam bissawab.

LAMPIRAN 1

Senarai Buku Sejarah dalam Jangka Masa antara Tahun 1800 hingga Tahun 1960-an

1. L. *Syaer Sultan Mahmud Di Lingga.*

1. L. *Syaer Raja Haji*

Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi 1830-an. *Syaer Singapura Terbakar atau Syaer Singapura Di Makan Api.* Singapura.

Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi 1838. *Bahawa ini Kesah Pu-layar-an Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi dari Singapura Ke Kelantan.* (Abdullah's Jurnal). Singapura.

Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi 1841. *Hikayat Abdullah.* Singapura.

? 1841. *Bahawa ini Cheritera Kapal Asap.*

Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi 1848? *Syaer Kampung Gelam Terbakar.* Singapura.

Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi 1852. *Kisah Pelayaran Abdullah Ke Kelantan.* Terbitan dari penulisan beliau T.M. 1838.

Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi 1854. *Kisah Pelayaran Abdullah ke Jeddah.*

Raja Ali Haji 1865. *Tuhfat al-Nafis: Sejarah Melayu dan Bugis.* Dirumikan oleh En. Munir Ali dari Jawi. Penerbitan JMBRAS, Jil. X, Bah. II (1932). Singapura: Malaysia Publications Ltd. 1965.

Raja Ali Haji 1865. *Silsilah Melayu dan Bugis dan Sekalian Raja-rajanya.* Disusun dan dikaji oleh Arena Wati 1973. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.

? H. 1305-1884M. *Bahawa ini Hikayat Napoleon Bonarparte atau Napoleon I.* Percetakan Kerajaan Lingga.

- ?, H. 1305-1884M. *Hikayat Perang antara Jerman dan Perancis 1870 dan 1871*. Percetakan Kerajaan Lingga.
- Na Tien Piet 1896. *Shaer al-Marhoem Baginda Sultan Abu Bakar di Negeri Johor*. Singapura.
- Ishak ibn Ibrahim 1897/98. *Al-Naisaburi 1897/98 Qissas al-Anbiya*. Pulau Pinang.
- Hikayat Merong Mahawangsa* 1898. Diselenggarakan oleh Siti Hawa Salleh 1970. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.
- Inilah Hikayat Perang Setambul* 1902. Singapura.
- Muhammad Said bin Haji Sulaiman 1904/5. *Hikayat Queen Victoria*. Singapura.
- Wan Yahya bin Wan Muhammad Taib H. 1329/1911 M. *Salasilah dan Tarikh Kerajaan Kedah*. Alor Setar: British Malaya Press.
- Muhammad Said bin Haji Sulaiman 1911. *Hikayat Johor*. Singapura.
- Abdul Majid Haji Zainuddin (Pentr.) 1911. *Geografi dan Sejarah Semenanjung Tanah Melayu*. Singapura.
- Haji Nik Mahmud bin Haji Wan Ismail H. 1332/1914M. *Hikayat Seri Kelantan*.
- R.O. Winstedt & Daing Abdul Hamid bin Tengku Muhammad Salleh 1918. *Kitab Tawarikh Melayu*. Singapura: The Education Department, S.S. & F.M.S.
- T.D.K. Dalam Kota Maziah. t.t. *Syaer Tawarikh Zainal Abidin Yang Ketiga*. Singapura.
- Abdul Rahman Al-Kudsi (Pentr.) 1919. *Kisah Hidup Sir Stamford Raffles*. Singapura.
- Muhammad Ibrahim Munsyi 1919. *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi*. Dengan "Pengenalan" dan anotasi oleh Mohd. Fadzil Othman 1980. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abubakar, E. (Pentr.) 1919. *Chetra Prang Dunia*. Singapura.
- Muhammad Said bin Haji Sulaiman 1920. *Syaer Melaju: Suatu Karangan mengenai Kelebihan Bangsa Melayu*. Singapura: Methodist Publishing House.
- Sulaiman bin Siddiq (Pentr.) 1921. *Siraj al-Alam*. Penang.
- Muhammad Zainuddin ibn Uthman al-Sirwaki 1922. *Chitra al-Marhum al-Shaikh Uthman (Nafhlatul al-Ridzwan)*. Sarawak.
- Ibrahim ibn Datu' Muda 1923. *Kitab Kumpulan Nama Melayu*. Singapura.
- Abdul Hadi bin Hassan 1925. *Sejarah Alam Melayu*. Tanjung Malim.
- Haji Nik Mahmud bin Haji Wan Ismail 1926. *Kitab Geografi dan Tarikh Negeri Kelantan*. Kota Bharu.

- Hajah Wok Aisyah 1928. *Syaer Tuan Humphreys Terengganu*. Terengganu: Matbaah al-Ahliyah.
- Ismail ibn Att Ahmad Kasim ibn Ibrahim 1928. *Shair yang mula Chetra Peranakan Nabi ... Shair yang kedua dll*. Penang.
- Muhammad bin Haji Alias H. 1384/M. 1929. *Tarikh Dato' Bentara Luar Johor*. Johor Bahru: al-Attas.
- Muhammad Zain bin Ibrahim 1929. *Hikayat Peperangan Garib dan Ajaib (Ajib)?* Penang.
- 'A. Ya'kub 1930. *Tarikh Perjalanan Siti Aishah*. Penang: Matbaah Persama.
- 'A Ya'kub & M. Tamin 1930. *Tarikh Kehidupan al-Sayyidah Khadijah*. Penang: Matbaah Persama.
- Haji Muhammad Amin bin Haji Abdullah 1930. *Hikayat Muhammad Hanafiah*. Singapura.
- Muhammad Tayib ibn Hashim 1930. *John Abram (Story of His Life)*. Malacca: Lateefiah Press.
- Cleopatra 1930. *Cleopatra dan Antonius*. Penang: Matbaah Persama.
- Muhammad Zain bin Ibrahim 1930? *Hikayat Peperangan Sisehana*. Penang.
- Muhammad Yusuf ibn Sultan Mahyuddin 1931. *Kejatuhan Kaum-kaum Islam dan Pergerakan Baru*. Penang: Jelutong Press.
- Muhammad Said bin Haji Sulaiman 1931. *Pakai Patut Melayu*. Johor Bahru.
- Ahmad Kutu bin Abd. Rahman Sulong 1932? *Sejarah Tanjong Besar atau Keturunan Pembesar-pembesar Pahang*. Seremban: Sungai Ujong Press.
- Mohd. Rakawi Yusof 1932. *Hikayat Sarawak*. Jil. I. Kuching: Sarawak Printing Co.
- Hikayat Pahang 1932?* Disunting oleh Kalthum Jeran 1980. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Zainal Abidin Daud Al-Sulaimani 1932. *Taman Penghidupan*. Penang: C. Debab & Company.
- Muhammad Yusof Idris 1934? *Kitab Sejarah Pergerakan Islam Tarikh Pedoman dan Pembesar Islam: Adab Pengajaran*. Penang: Persama Press.
- Haji Nik Mahmud bin Haji Wan Ismail 1934. *Ringkasan Cetera Kelantan*. Kota Bharu.
- Wan Abdul Karim Wan Abdul Hamid 1934. *Tawarikh Raja-raja dan Adat Istiadat Zaman Purbakala Negeri Perak Darul Ridzuan*. Kuala Kangsar.

- Dato' Haji Ramly Abdullah (Toh Tan Dewa Paduka) 1935. *Orang-orang Melayu Perak Darul Ridzuan daripada Zaman Purbakala*. Taiping.
- Muhammad Said bin Haji Sulaiman 1935. *Alam dan Bangsa Melayu*. Singapura: Malaya Publishing House Ltd.
- Muhammad Said bin Haji Sulaiman 1935. *Bangkok, Kepala Negeri Siam* (Ataupun Gelaran Baharu, Thai). *Peredar Angka 15*. Singapura: Matbaah al-Ahmadiyah.
- Dato' Haji Ramli Abdullah 1935. *Orang Melayu Perak Darul Ridzuan daripada Zaman Purbakala*. Taiping.
- Ibrahim Mahmood 1936? *Turki dan Mustaffa Kamal Atarturk*.
- A. Samad Ahmad (Pentr.) 1936. *Abraham Lincoln*. Klang: Din's Store.
- Zainal Abidin Daud al-Sulaiman 1937. *Pelayaran Dahulu Kala*. Batu Pahat: The Teruna Press.
- Umar bin Muhammad Khan 1937. *Shair Nabi Yakub*. Singapura.
- Shair Nabi Allah Adam* 1937. Jawi Press: Singapura.
- Ibrahim Haji Yaacob 1937. *King George yang ke-enam*. Kuala Lumpur.
- A. Samad Ahmad (Peny.) 1937. *Kenang-kenangan Selangor*. Klang.
- Muhammad Said bin Haji Sulaiman 1938. *Perihal Adat Melayu*. Singapura: Matbaah Al-Ahmadiyah.
- Daing Abdul Hamid bin Tengku Haji Mohd. Salleh 1938. *Sentosa Ketakhtaan Selangor*. Klang.
- Muhammad Said bin Haji Sulaiman 1938. *Tawarikh dan Manusia: Mengandung Tawarikh dari Zaman Tahun Adam hingga Tahun Masihi 1938*. Singapura: Matbaah al-Ahmadiyah.
- Jaafar bin Haji Mohd. Taib 1938. *Rengkas Tawarikh Allahyarham Haji Mohd. Taib bin Haji Othman*. (Penghulu Parit Jamil, Muar). Muar: Jamiliah Press.
- Ibrahim Mahmood 1939. *Turki dan Tamadunnya*. Penang: The Mercantile Press.
- Abdullah Thani bin Raja Kechil 1938. *Pusat Kekuasaan Inggeris di dalam Laut Mediterranean*. Ipoh: Malay Press.
- Umar bin Muhammad Khan 1938. *Syaer Nabi Allah Ilyas A.S.* Singapura.
- Muhammad Said bin Haji Sulaiman 1938. "Tawarikh dan Manusia", *Peredar Angka 4*. Singapura: Matbaah al-Ahmadiyah.
- Muhammad Said bin Haji Sulaiman 1938. "Perihal Adat Melayu: mengandungi Kanun Sultan Sulaiman Riau dan Ringkas Kanun Sultan Muhammad Syah Melaka", *Peredar Angka 5*. Singapura: Matbaah al-Ahmadiyah.

LAMPIRAN I

- Muhammad Said bin Haji Sulaiman 1938. "Negeri-negeri dalam Tanah Melayu", *Peredar Angka 6*. Singapura: Matbaah al-Ahmadiyah.
- Muhammad Said bin Haji Sulaiman 1939. "Malaya: Iaitu Negeri-negeri Dalam Tanah Melayu dan Yang Berkenaan (Bah. II). Federated Malay States: Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang", *Peredar Angka 7*. Singapura: Matbaah al-Ahmadiyah.
- Muhammad Said bin Haji Sulaiman 1939. "Perihal London & Bandar-bandar Berhampiran", *Peredar Angka 10*. Singapura: Matbaah al-Ahmadiyah.
- Buyong Adil 1939. *Sejarah Alam Melayu*. Tanjung Malim: Pejabat Karang-Mengarang.
- Muhammad Said bin Haji Sulaiman 1939. "Perihal Tanah Jawa", *Peredar Angka 16*. Singapura: Matbaah al-Ahmadiyah.
- Zainal Ariffin Haji Abdul Halim Hassan & Abbas Al-Khudari (Sheikh Muhammad) (Pentj.) 1939. *Tarikh Tashri' Islam*. Penang: Persama Press.
- Muhammad Said bin Haji Sulaiman 1939. "Hikayat Semenanjung Tanah Melayu dan Negeri-negeri Berhampiran", *Peredar Angka 14*. Singapura: Matbaah al-Ahmadiyah.
- Muhammad Said bin Haji Sulaiman 1940. *P.M.P.B. Diraja: Perihal Pakatan Ini Dari Mula Ditubuhkan Hingga 17 September 1940*. Singapura: Matbaah al-Ahmadiyah.
- Muhammad bin Dato' Muda 1940. *Tarikh Suratkhobar*. Bukit Mertajam: Matbaah al-Zainiah.
- Abdul Rahim bin Yusop (Pentj.) 1940. *Captain Cook*. Singapura.
- Ibrahim bin Haji Yaacob 1941. *Melihat Tanah Air*. Kota Bharu.
- Muhammad Said bin Haji Sulaiman H. 2603/1943 M. *Rengkasan Tawarikh Nippon: Dari Asal Usul Nippon Hingga Akhir Tahun 2602*. Johor Bahru: Syekh bin Alwi Shahab.
- Muhammad Said bin Haji Sulaiman (Pentj.) H. 2602/1942M. *Semangat Nippon yang Sebenarnya Di Rawikan*. Johor Bahru: Syekh bin Alwi Shahab.
- Abdullah bin Hamid al-Edrus 1944. *Riwayat Perang Besar Yang Kedua*. Penggal I. Dikumpul dan disusun oleh Al-Edrus, Singapura.
- Kuala Lumpur - Pejabat Pethubungan Raya 1945? *Hikayat Perang Dunia Kedua*. Kuala Lumpur.
- Brooke, Anthony 1946? *Perihal Sarawak Yang Sebenarnya*. Kuala Lumpur: Nanyang Press.
- Burhanuddin al-Helmi 1946. *Perjuangan Kita*. Singapura: Parti Kebangsaan Melayu Malaya.

- Zainal Abidin bin Daud 1947. *Riwayat Tanjung Malim*. Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
- Muhammad Said bin Haji Sulaiman 1947. *Hikayat Johor (Penggala 2) dan Tawarikh YMM Ibrahim Sultan Johor*. Johor Bahru: Pejabat Cetak Kerajaan Johor.
- Muhammad Said bin Haji Sulaiman 1948. *Tawarikh England*. Johor Bahru: Government Printing Office.
- Muhammad Said bin Haji Sulaiman 1948. *Kejadian Alam dan Nabinabi yang Terbilang*. Johor Bahru: Anis Printing Works.
- Muhammad Said bin Haji Sulaiman t.t. "Tawarikh Islam - Riwayat Nabi Shuib hingga Nabi Daud", *Majallah Tawarikh Penggal 3*, Singapura: The Royal Press.
- Muhammad Said bin Haji Sulaiman, t.t. "Tawarikh Islam - Riwayat Nabi Sulaiman hingga Riwayat Nabi Yahya", *Majallah Tawarikh Penggal 4*. Singapura: The Royal Press.
- I.K. Agastja 1948. *Sedjarah Perdjuaan Di Malaya*. Jogjakarta.
- Neilson, J.B. 1949. *Penimbau Bacaan Sekolah: Belayar dan Berniaga*. Singapura: Malaya Publishing House Ltd.
- Abdullah Basmeh (Penj.) 1950. *Aisyah*. Singapura: Kenari.
- Abdullah Basmeh (Peny.) 1950? *Sallahuddin al-Ayubi*. 4 penggal. Singapura: Qalam.
- Shahrom Hussein 1950. *Tawarikh Johor*. Singapura: al-Ahmadiyah Press.
- Mohamed bin Haniff 1950. *Bangsa China*. Penang.
- Syahda 1951. *Pesaka Naning*. Kuala Pilah.
- I.K. Agastja 1951. *Nusa dan Bangsa Melayu*. Jakarta.
- Abdullah Basmeh (Peny.) 1951. *Abu Bakar Al-Siddiq*. Singapura: Qalam Publisher.
- Salamah dan Sawiyah 1951. *Wanita Tanahair*. Alor Setar: Lembaga Persuratan Bahasa Melayu.
- Muhammad Dahlan bin Haji Ma'soud 1951. *Tun Kudu*. Kuala Lumpur.
- Al-Natly (Muhammad Arif Abdul Kadir) 1952. *Sejarah Hidup Imam Shafie*. Penang: Bersama Press.
- Muhammad Said bin Haji Sulaiman 1953. *Syaer Riwayat Hidup Yang Amat Mulia Tengku Ampuan Besar Pahang (Tengku Mariam binti Sultan Abu Bakar)*. Pejabat Cetak Kerajaan Johor.
- Mustaffa Abdul Rahman (Peny.) 1953. *Zulkarnain*. Penang.
- Abdul Aziz bin Zakaria 1953. *Sejarah Kenaikan dan Kejatuhan Kekuasaan Portugis di Melaka, T.M. 1511-T.M. 1641*. London: Macmillan and Co. Ltd.

LAMPIRAN I

- Ahmad al-Taji 1953. *Sejarah Pahlawan Islam*. Singapura: Jasa Publications.
- Abdullah bin Hamid-al-Idrus, t.t. *Sejarah Ringkas Nabi Muhammad*. Qalam: Singapura.
- Mohd. Sidin bin Haji Rasyad 1954. *Asal Usul Alam Melayu*. P. Pinang: Sinaran Bros.
- Mustaffa Abdul Rahman Mahmud 1954. *Sejarah Ilmu Ekonomi*. P. Pinang: United Press.
- Burhanuddin al-Helmy 1954. *Falsafah Kebangsaan Melayu*. Bukit Mertajam: Pustaka Semenanjung.
- Muhammad Said bin Haji Sulaiman 1954. *Riwayat Hidup Majod Haji Mohd. Said bin Haji Sulaiman*. P. Pinang: Nanyang Press.
- Abdullah Abbas "Nasution" 1954. *Sejarah Melayu Raya*. P. Pinang: Bersama Press.
- A. Samad Ahmad 1954. *Laksamana Tun Tuah*. Kuala Lumpur.
- Mansur Sanusi 1955. *Sejarah Perkembangan Pelajaran Melayu*. Penang.
- Yahya Abdullah (Ya Abdullah) 1955. *Peperangan Tok Janggut Atau Balasan Derhaka*. Kota Bharu: The Al-Muslim Printing Press.
- Daud bin Sulaiman 1955. *Ringkasan Tawarikh Orang Kaya-kaya dan Penghulu-penghulu Batu Pahat*. Muar.
- Abdul Aziz Ishak 1955. *Riwayat Hidup Tunku Abdul Rahman Putra*. Kuala Lumpur.
- Razak Ahmad 1956. *Perjuangan Hang Tuah*. Johor Bahru: Sabirin bin Mohd. Annie.
- Mashhor Malaya 1956? *Kesan Sejarah Tanah Melayu*. P. Pinang: Sinaran Bros.
- Yusof Zaki (Pentj.) 1956. *Rahsia Perpecahan Madhab Di dalam Islam*. Kota Bharu: Pustaka Dian.
- Abdullah Haji Musa Lubis 1956. *Mengembara dan Berniaga*. P. Pinang: Sinaran Bros.
- Haji Hakim 1956. *Pelajaran Melayu Dahulu-Sekarang*. P. Pinang: Sinaran Bros.
- Muhammad bin Ibrahim 1956. *Hikayat Hang Tuah-Jebat Derhaka*. Singapura.
- Sidang Pengarang H.M. Shah Enterprise (Pentj.) 1956. *Jagoh Fikiran Bebas*. Kuala Lumpur: H.M. Shah.
- A. Samad Ahmad 1957, 1958. *Sejarah Kesusasteraan Melayu*. Jil. II & III. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Natly (Muhammad Arif Abdul Kadir) 1957. *Sejarah Ringkas Nabi*

- Muhammad S.A.W.*, P. Pinang: Ahmad Latiff Press.
- Ibrahim bin Haji Yaacob 1957. *Sekitar Malaya Merdeka*. Jakarta.
- Zainal Abidin bin Daud 1957. *Sejarah Malaya Merdeka*. Kuala Pilah: Sentiasa Store.
- Darus Ahmad 1957. *Raja Haji Pahlawan Terbilang*. P. Pinang: Sinaran Bros.
- Darus Ahmad 1957. *Dol Said Pahlawan Naning*. P. Pinang: Sinaran Bros.
- Abdullah Haji Musa Lubis 1957. *Ahli-Ahli Sains*. P. Pinang: Sinaran Bros.
- Haji Muhammad Salleh bin Haji Awang 1957. *Mengkaji Sejarah Terengganu*. Singapura, Ahmadiyah Press.
- Darus Ahmad 1958. *Hang Jebat*. P. Pinang: Sinaran Bros.
- Abdul Manan bin Abdul Majid 1958. *Sejarah Kebesaran Islam di Timur*. Kluang, Johor.
- Muhammad Abdul Rahman 1958. *Sa-ratus (100) Tanya-Jawab Sejarah dan Ilmu Alam Negeri Sabah*. P. Pinang: Ahmad Latiff Press.
- Abdullah Haji Musa Lubis 1958? *Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang*. Singapura: Qalam.
- Abdul Talib bin Haji Ahmad 1958. *Shaer Pelayaran Sultan Iskandar Perak*. Kuala Lumpur: H.M. Shah Enterprise.
- Mohammad Daud Jamil 1959. *Tawarikh Gunong Reng*. Kota Bharu.
- Yusof Zaki Yaacob (Pentj.) 1959. *Falsafah Revolusi*. Kota Bharu: Syarikat Dian Sdn. Bhd.
- Abdul Ghani Haji Abas 1959. *Tinjauan Sastera Tanah Air*. Singapura: Qalam.
- Abdul Aziz Zakaria 1959. *Lt. Nor Pahlawan Gerila*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bali (Kaf Bali Thailand) 1959. *Riwayat Hidup Seniman-Seniman Agung dan Pelukis Dunia*. P. Pinang: Sinaran Bros.
- Mansor bin Abdullah 1959. *Panglima Hitam*. P. Pinang: Sinaran Bros.
- Abdul Talib Haji Ahmad 1959. *Riwayat Kinta*. Kuala Lumpur: Pustaka Rusna.
- Kamaruddin bin Abdul Hasan (ed.) Lt. *Adat Istiadat Raja-Raja Melayu* Kuala Pilah: Sentosa Store.
- Mokhtar bin Abd. Wahab 1960. *Pengembaraan Munshi Abdullah (Ringkasan dari Kisah Pelayaran Abdullah)*. P. Pinang: Sinaran Bros.
- Sanusi (Jaldin) 1960. *Cherita Sejarah Pemimpin-pemimpin Besar*. P. Pinang: Sinaran Bros.

LAMPIRAN I

- Ibrahim al-Yusuffi 1960. *Ringkasan Tawarikh Negeri Kita*. Kuala Lumpur: M.N. Abdul Hamid.
- Mansor bin Abdullah 1960. *Panglima Nayan*. P. Pinang: Sinaran Bros.
- Abdul Talib Haji Ahmad 1960? *Sejarah Dato' Bahaman, Orang Kaya Semantan*. Kuala Lumpur: Pustaka Bahagia.
- Yasin bin Saini 1960. *Adat Rexam dan Kebudayaan Melayu*. Pulau Pinang: Sinaran Bros.
- Mahmud Ahmad 1960. *Kebudayaan Sepintas Lalu*. Singapura: Pustaka Melayu.
- Ariffin Abdul Rashid 1960. *Peristiwa-peristiwa di Kelantan*. Kota Bharu: Muslim Printing Press.
- Tardjan Hadidjaja 1964. *Adat Raja-Raja Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Raja Chulan 1966. *Misa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Abdul Samad Ahmad (ed.) 1966. *Pesaka Selangor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



LAMPIRAN II

Senarai Akhbar dan Majalah yang Setakat ini Dapat Dikesan Memuatkan Penulisan Pensejarahan

- Tanjung Penegeri*. Pulau Pinang: Oktober 1894 – Mac 1895?
Pemimpin Warta. Pulau Pinang: Nov. 1895 – Julai 1897.
Chahaya Pulau Pinang. Pulau Pinang: Oktober 1900 – ?
Taman Pengetahuan. Singapura: Jun 1904 – Dis. 1905.
Al-Imam. Singapura: Julai 1906 – Jun? 1915.
Neraca. Singapura: Jun 1911 – Jun? 1915.
Majalah Al-Islam. Singapura: Feb. 1913 – Nov. 1913.
Lembaga Melayu. Singapura: Jan 1913 – ? 1915.
Tunas Melayu. Singapura: Feb. 1913 – Nov. 1913.
Lembaga Melayu. Singapura: Ogos 1914 – Dis. 1931.
Pengasuh. Kota Bharu: Julai 1918 – Dis. 1937.
Lidah Teruna. Muar: Jun 1920 – ?
Panduan Guru. Pulau Pinang: Julai 1922 – Jan. 1925.
Al-Hidayah. Kota Bharu: Jun 1923 – Feb. 1926.
Cenderamata. Tanjung Malim: Nov. 1923 – ? 1956.
Tetuan Muda. Seremban: Disember 1923 – Nov. 1927.
Masa. Parit Jamil, Muar: Jan. 1924 – April? 1934.
Penyuluh. Singapura: Mei 1924 – Mac? 1925.
Majalah Guru. Seremban: Nov. 1924 – April 1932; Kuala Lumpur: Feb. 1932 – Dis. 1938; Pulau Pinang: Jan. 1939 – Dis. 1941; Kuala Lumpur: April 1947 – Dis. 1950; Pulau Pinang: Jan. 1950 – 1962.
Idaran Zaman. Pulau Pinang: Jan. 1925 – Jan. 1930.
Malaya. Pulau Pinang: Mei 1926 – Julai? 1928 & Mac 1931 – Mei? 1931.

- Lembaga Guru*. Muar: Julai 1926 - ?
Al-Ikhwān. Pulau Pinang: Sept. 1926 - Dis. 1931.
Chahaya Melayu. Alor Setar: Julai 1927 - Feb. 1928.
Jasa. Johor Bahru: Nov. 1927 - Sept.? 1931.
Saudara. Pulau Pinang: Sept. 1928 - ? 1941.
Dunia Melayu. Pulau Pinang: Dis. 1928 - Julai? 1930.
Malaya. Pulau Pinang: Mac 1929 - ?
Lidah Benar. Klang: Sept. 1929 - ? 1935.
Semangat Islam. Pulau Pinang: Nov. 1929 - Jan. 1931.
Punca Pertikaian Ulama Islam. Pulau Pinang: Nov. 1929 - Nov. 1930.
Warta Malaya. Singapura: Jan. 1930 - Ogos 1942.
Temasik. Singapura: Mac 1930 - Sept. 1930.
Kenchana. Kota Bharu: April 1930 - ? 1931.
Bulan Melayu. Johor Bahru: Jun 1930 - ? 1941.
Dewasa. Pulau Pinang: Oktober 1931 - ?.
Majlis. Kuala Lumpur: Dis. 1931 - Sept. 1955.
Kemajuan Melayu. Singapura: April 1932 - ?
Suara Benar. Melaka: Sept. 1932 - Feb. ? 1933.
Bumiputra. Pulau Pinang: Jan. 1933 - ? 1936.
Pemimpin Melayu. Pulau Pinang: Julai 1933 - 1934?
Tanah Melayu. Singapura: Mac 1933 - Jan. 1940?
Berita Sekolah. Pulau Pinang: Mac 1934 - ?
Al-Hikmah. Kota Bharu: April 1934 - Nov. 1941.
Dunia Sekarang. Singapura: Julai 1934 - ?
Lembaga Malaya. Singapura: Dis. 1934 - ? 1937. Johor Bahru: ? 1938 -
 ? 1941.
Warta Ahad. Singapura: Mei 1935 - Dis. 1941.
Al-Hikmah. Kepala Batas: Julai 1935 - ?
Lidah Ibu. Singapura: Sept. 1935 - ?
Usaha Melayu. Seremban: Sept. 1935 - ?
Saujana. Singapura: Jan. 1936 - Nov.? 1940.
Al-Islam. Pulau Pinang: Julai 1936 - ?
Chahaya Islam. Singapura: Feb. 1937 - Jun 1937?
Warta Kinta. Ipoh: Dis. 1937 - ? 1941.
Sahabat. Pulau Pinang: Feb. 1939 - ? 1941.
Suara Malaysia. Pulau Pinang: Mei 1939 - ?
Utusan Zaman. Singapura: Nov. 1939 - Jan. 1942.
Mastika. Singapura: Jun 1941 - Dis. 1941.; Nov. 1946 - Dis. 1958.
Fajar Asia. Singapura: Jan. 1943 - April 1944.
Benih. Singapura: Feb. 1946 - ?

LAMPIRAN II

- Kenchana*. Singapura: Jan. 1947 – ?
Wathan. Alor Setar: Mei 1946 – ?
Penyedar. Kota Bharu: Jun 1946 – ?
Suluh Kemajuan. Pulau Pinang: ? 1946 – ? Dis 1948.
Ahaqwa. Taiping: Jan. 1947 – ?
Al-Ihya. Gunung Semanggol, Taiping: Feb. 1947 – ?
Majallah Tawarikh. Singapura: Mei 1949 – Mei 1958.
Warta Jabatan Agama Johor. Johor Bahru: Nov. 1949 –
Al-Islam. Johor Bahru: ? 1950 – ?
Masyarakat. Ipoh: Jan. 1950 – ?
Qalam. Singapura: Julai 1950 – 1968 – ?
Sinaran. Singapura: Ogos 1950 – ?
Penuntut. Kuala Lumpur: Sept. 1950 – ?
Perkawalan. Singapura: Oktober 1951 – ?
Maju. Kuala Lumpur: Jan. 1952 – ?
Chitra. Alor Setar: Nov. 1952 – ?
Majalah Murid. Pulau Pinang: Dis. 1952 – Dis. 1954.
Ad-Deen. Pulau Pinang: ? 1953 – ?
Warta. Singapura: Mei 1953 – Dis. 1955.
Warta Masyarakat. Singapura: Ogos 1954 – Okt. 1954.
Malaya Merdeka. Johor Bahru: Jan. 1955 – Ogos 1956, Kuala Lumpur:
 Ogos 1956 ? 1962.
Angkatan Baru. Pulau Pinang: Ogos 1955 – ?
Kebudayaan. Muar: Dis. 1955 – ?
Bulan Malaya. Singapura: Jan. 1956 – Dis. 1969.
Pati. Kuala Lumpur: Mac 1955 – ?
Lidah Penuntut. Seremban: April 1956 – ?
Waktu. Alor Setar: Oktober 1956 – ?
Kehidupan. Singapura: Mei 1956 – ? 1958.
Angkatan. Alor Setar: Oktober 1956 – ?
Suara Islam. Kota Bharu: Dis. 1956 – ?
Berita Harian. Kuala Lumpur: Julai 1957 –
Pembina. Johor Bahru: Ogos 1957 – ?
Dewan Bahasa. Kuala Lumpur: Sept. 1957 –
Seruan Agama Islam. Alor Setar: ? 1959 –



BIBLIOGRAFI

- A. Samad Ahmad 1979. *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A.M. Iskandar Hj. Ahmad 1980. *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Abd. Kadir Munsyi 1964. *Kisah Pelayaran Abdullah*. Cetakan Ketiga, diberi Pengenalan dan Anotasi oleh Kassim Ahmad. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Abdullah bin Abd. Kadir 1970. *The Hikayat Abdullah*. An Annotated Translation by A. H. Hill. Reprint. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Abdullah Haji Musa Lubis 1965. *Kesah Raja Merong Maha Wangsa*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Abu Bakar Hamzah 1991. *Al-Imam: It's Role in Malay Society 1906-1908*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Ahmad Boestamam 1976. *Tujuh Tahun Malam Menjelang*. Kuala Lumpur: Amir Enterprise.
- Ahmad Shalaby 1975. *Sejarah dan Kebudayaan Islam*. Edisi baru. Jil. 1, cetakan kedua. Alih bahasa oleh Prof. Muchtar Jahja. Singapura: Pustaka Nasional.
- Ali Ahmad 1987. *Karya-karya Sastera Bercorak Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Andaya, B.W. & Andaya L.Y. 1982. *A History of Malaysia*. London: The Macmillan Press Ltd.
- Andaya, L.Y. 1975. *The Kingdom of Johor, 1641-1728: Economic and Political Development*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Baharuddin Zainal (ed.) 1981. *Wajah (Biografi Seratus Penulis)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bastin, J. & Roolvink, R. (ed.) 1964. *Malayan and Indonesian Studies*. Essays presented to Sir Richard Winstedt on his 80th birthday. London: Oxford University Press.

- Birch, E.W. 1966. "The Vernacular Press in the Straits", *JSBRAS*, 4, reprinted in *JMBRAS*, XLII.
- Buyong Adil 1973. *Sejarah Melaka Dalam Zaman Kerajaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buyong Adil 1980. *Sejarah Johor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buyong Adil 1981. *Sejarah Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buyong Adil 1981. *Sejarah Perak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Carr, E.H. 1984. *Apakah Sejarah?* Terjemahan Abd. Rahman Hj. Ismail. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collingwood, R.G. 1985. *Idea Sejarah*. Terjemahan Muhd. Yusof Ibrahim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Funston, J. 1980. *Malay Politics in Malaysia: A Study of UMNO & PAS*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.
- Greentree, R. & Nicholson, E.M.B. 1910. *Catalogue of Malay Manuscripts and Manuscripts Relating to Malay Language in the Bodleian Library*. Oxford: Oxford University.
- H. 1403/1982M *Koleksi Keluarga Harun Aminurrashid*. Bangi: Perpustakaan Tun Seri Lanang: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hall, D.G.E. 1961. *Historians of Southeast Asia*. London: Oxford University Press.
- Hamdan Hassan 1990. *Surat al-Anbia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron Daud 1989. *Sejarah Melayu: Satu Kajian Daripada Aspek Pensejarahan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hussien 1974. *A Study of Traditional Malay Literature: With Selected Bibliography*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Issawi, C., (ed.) 1964. *Filsafat Ibnu Khaldun: Ikhtisar-ikhtisar Pilihan dari Mukaddimah Ibnu Khaldun*. Diterjemahkan oleh Ali Munawar. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Kamaruddin Jaafar 1980. *Dr. Burhanuddin al-Helmy: Politik Melayu dan Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Anda Sdn. Bhd.
- Katalog Koleksi Melayu Perpustakaan Universiti Malaya*, 1980. Kuala Lumpur: Perpustakaan Universiti Malaya.
- Katalog Manuskrip Koleksi Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka*, 1983. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khoo Kay Kim 1975. *Pensejarahan Malaysia*. Syarahan Tun Seri Lanang. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Khoo Kay Kim 1979. "Recent Malaysian Historiography," dlm. *Journal of Southeast Asian Studies*. Jil. X, No. 2. Singapura: University Press.
- Khoo Kay Kim 1979. "Local Historians and the Writing of Malaysian History in the Twentieth Century" dlm. *Perceptions of the Past in Southeast Asia*. Disunting oleh A.J.S. Reid dan D. Marr. Singapura: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.

BIBLIOGRAFI

- Khoo Kay Kim 1981. "Pensejarahan Melayu yang Bersifat Perjuangan Sebelum dan Sesudah Merdeka", dlm. *JEBAT*, Bil. 10 (April).
- Khoo Kay Kim 1984. *Majalah dan Akhbar Melayu Sebagai Sumber Sejarah*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Universiti Malaya.
- Khoo Kay Kim (ed.) 1980. *Lembaran Akhbar Melayu*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Li Chuan Siu 1980. *Ikhtisar Sejarah Kesusasteraan Melayu Baru, 1830-1945*. Cetakan keempat. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Liaw Yock Fang 1976. *Undang-undang Melaka (The Laws of Malacca)*. The Hague: Martinus Nijhoff.
- Lim Pui Huen 1970. *Newspapers Published in Malaysian Area*. Singapura: Institute of Southeast Asian Studies.
- Mahayudin Hj. Yahaya 1984. *Pengertian Sejarah Islam dan Permasalahannya*. Kuala Lumpur: Penerbitan Sarjana (M) Sdn. Bhd.
- Mohd. Taib Osman & Abu Hassan Sham (ed.) 1984. *Warisan Prosa Klasik*. Cetakan keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Taib Osman 1972. "Laporan: Naskhah-naskhah dan Alatan-alatan Budaya Melayu di Beberapa Pusat Pengajian di Great Britain dan Jerman Barat", dlm. *NU/SANTARA*, Bil. 1 (Januari), hlm. 60-82.
- Mohd. Taib Osman 1974. *Asas Pertumbuhan Kebudayaan Malaysia*. Syarahan Tun Seri Lanang. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Mohd. Taib Osman 1974. *Kesusasteraan Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Federal Publications Sdn. Bhd.
- Mohd. Taib Osman 1983. *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad bin Dato' Muda 1938. "Tarikh Akhbar-akhbar dan Majalah Melayu Keluaran Semenanjung Tanah Melayu." dlm. *Majalah Guru*, Jil. XV (Oktober).
- Muhammad Yusoff Hashim 1988. *Pensejarahan Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn. Bhd.
- Muhd. Yusof Ibrahim 1986. *Pengertian Sejarah: Beberapa Perbahasan Mengenai Teori dan Kaedah*. Edisi Kedua, cetakan pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd. Yusof Ibrahim & Mahayudin Hj. Yahaya 1988. *Sejarawan dan Pensejarahan: Karya dan Ketokohan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd. Yusof Ibrahim 1988. "Akhbar dan Majalah ditinjau dari Sudut Pensejarahan Melayu", dlm. Mohd. Sarim Haji Mustajab (ed.), *Akhbar dan Majalah di Malaysia: Sejarah dan Perkembangan*. Bangi: Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhd. Yusof Ibrahim 1992. "Kesedaran Sejarah: Satu Tinjauan Umum Terhadap Pengertian, Fungsi dan Perkembangannya di dalam Masyarakat Melayu." Seminar Sejarah Malaysia Moden, anjuran Jabatan Sejarah, Univer-

- siti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 21-22 Disember 1992.
- Newbold, T.J. 1971. *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*. Cetakan Semula, Jil. I. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Panuti H.M. Sudjiman 1982. *Adat Raja-Raja Melayu*. Jakarta: Penerbit Universitas Indonesia (UI - Press).
- Pustaka Antara 1972. *Daftar Buku-buku Terbitan Malaysia*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Ras, J.J. 1968. *Hikayat Bandjar: A Study in Malay Historiography*. The Hague: Martinus Nijhoff.
- Ricklefs, M.C. & Voorhoeve, P. 1977. *Indonesian Manuscripts in Great Britain: A Catalogue of Manuscripts in Indonesian Languages in British Public Collections*. Oxford: Oxford University Press.
- Roff, W.R. (ed.) 1974. *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Roff, W.R. 1961. *Guide To Malay Periodicals, 1876-1941*. Singapura.
- Roff, W.R. 1967. *Sejarah Surat-surat Khabar Melayu*. Pulau Pinang: Sinaran Bros. Press.
- Roff, W.R. 1972. *Bibliography of Malay and Arabic Periodicals Published in The Straits Settlements and Peninsular Malay States: 1876-1941*. London: Oxford University Press.
- Roff, W.R. 1974. *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Rogayah Abdul Hamid (ed.) 1980. *Hikayat Upu Daeng Menambun*. Diselenggarakan oleh Rogayah Abd. Hamid. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hawa Salleh (ed.) 1987. *Cendekia: Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Stanford J. Shaw & Ezel Kural Shaw 1977. *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*. Jil. II. London: Cambridge: Cambridge University Press.
- Sudjatmoko dll. 1965. *An Introduction to Indonesian Historiography*. Ithaca, New York: Cornell University Press.
- Sweeney, A. 1967. *The Connection Between Hikayat Raja Pasai and Sejarah Melayu*. Singapura: Malay Publishing House.
- Teeuw, A. dan Wyatt, D.K. 1970. *Hikayat Patani*. The Hague: Martinus Nijhoff.
- Winstedt, R.O. 1974. "A History of Perak", *JMBRAS*, Cetak Semula No. 3. Kuala Lumpur: Percetakan Mas.
- Winstedt, R.O. 1977. *A History of Malay Classical Literature*. 2nd. imp. from reprint from 2nd ed. Petaling Jaya: Oxford University Press.
- Zahrah Ibrahim (ed.) 1986. *Sastera Sejarah: Interpretasi dan Penilaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Ahmad 1941. "Malay Journalism in Malaya," *JMBRAS*, Jil. XIX, 2.
- Zainal Abidin bin Abdul Wahid 1958. "Tawarikh Dari Segi Penjajah dan yang

BIBLIOGRAFI

- Telah di Jajah." *Dewan Bahasa*, Jil. II, Bil. 8 (Ogos) hlm. 366-371.
- Zainal Abidin bin Abdul Wahid 1958. "Kepentingan Sejarah," *Dewan Bahasa*, Jil. III, Bil. 10 (Oktober), hlm. 506-510.



INDEKS

- A. Samad Ahmad, 14, 15, 52, 101, 102, 129
- Abbas, Kapten, 110
- Abbas bin Muhammad Taha, 70, 140
- Abbasiyyah, 75, 76
- Abdel Gamal Nasser, 131
- Abdul Aziz Ahmad, Al-Ustaz, 131
- Abdul Aziz Ishak, 51, 52, 96
- Abdul Aziz Zakaria, 53, 102
- Abdul Ghani Haji Abbas, 102
- Abdul Hadi bin Hassan, 14, 115, 116, 117, 120, 153, 170
- Abdul Hamim Tamim, 152
- Abdul Majid Zaimuddin, 126
- Abdul Manan Abdullah, 150
- Abdul Manan bin Abdul Majid, 75
- Abdul Rahim bin Yusop, 129
- Abdul Rahman al-Kudsi, 128
- Abdul Rahman Haji Mohammad, 102
- Abdul Talib Ahmad, 26, 27, 36, 53, 113
- Abdullah Abbas "Nasution", 26, 122, 123
- Abdullah Ayub, 158
- Abdullah Basmeh, 65, 66, 68
- Abdullah bin Hamid al-Edrus, 55
- Abdullah Haji Musa Lubis, 25, 98
- Abdullah Hukum, Haji, 155
- Abdullah Hussien, 160
- Abdullah Mursyi, 18, 30, 38, 39, 41, 49, 74, 78, 79, 81, 159, 165, 169, 170
- Abdullah Thani, 92, 107
- Abraham Lincoln, 129, 145
- Abu Bakar, E., 105
- Abu Bakar, Leftenan, 110
- Abu Bakar al-Sidiq, 65
- Abu Bakar bin Afriqasy, 69
- Abu Hanafrah, Dr., 158
- Abu Hurairah, 60
- Abu Nawas, 143
- Aceh, 3, 25, 113
- Ad-Deen*, 157
- Adat Melayu, 147
- Adat Minangkabau dengan Agama Islam dalam Hal Adat*, 89
- Adat Papatih, 89, 158
- Adat Raja-Raja Melayu*, 77
- Adat Resam dan Kebudayaan Melayu, 102
- Adat Resam Melayu dan Adat Istiadat*, 102
- Adat Temenggung, 89
- Adnan, Leftenan Mada, 110
- Agama Islam, 116, 146, 147
- Agus Salim, Haji, 151
- Ahmad Abdullah, 53
- Ahmad Bakhtiar, 53
- Ahmad Boestamam, 130, *lih. j.* Abdullah Thani
- Ahmad Kassim bin Ibrahim, 56
- Ahmad Lutfi, 108
- Ajib, 105, 106
- Akhhbar-akhhbar dan Majalah Melayu Keluaran Semenanjung Tanah Melayu Susunannya Mengikut Duhulu Kemudian Tarikh Keluarnya*, 132
- Al-Alawi, 75
- Al-Hashimiyyah, 75

- Al-Hikmah*, 143, 151, 152
Al-Ikhyā, 157
Al-Imam, 136, 139, 143, 144, 145, 146
Al-Islam, 157
 Al-Marhum Teluk Ketapang, 158
 Al-Masu'di, 169
 Al-Quran, 57, 59, 61, 68, 70, 73
Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah, 7, 13, 107
 Al-Zubair, 65
 Alam Melayu, 8, 9, 96, 101, 115, 116, 117, 123, 124, 144, 145, 147, 150, 151, 153, 154, 156, 157, 158, 169
 Alexander The Great, 69
 Alfiah, 80
 Alfonso d'Albuquerque, 98
 Ali Ibn Abi Talib, 106
 Allah S.W.T., 39, 54, 55, 58, 60, 62, 69, 157, 168, 169, 170
 Alor Setar, 159
 Amerika Syarikat, 90, 123, 130, 142, 145, 154, 161
 Aman Shah, Kapten, 110
Amir Hamzah, 106
 Amru, 106
 Anak Agung Gedi Agung, 158
Angkatan, 157
Angkatan Baru, 157, 159
 Arab, 78, 79, 140
 Ariffin, Leftenan, 110
 Ariffin Abdul Rashid, 102
 Arkib Negara Malaysia, 11
Asal Usul Adat Resam Melayu, 102
Asal Usul Alam Melayu, 124
Asas Falsafah Kebangsaan Melayu (1950), 93, 94, 120
 Asia, 91
 Asia Timur, 150, 151
 Askar Melayu, 110
 Asraf, 158
Attaqwa, 157
 Australia, 110, 129
 Austria, 42
 Autobiografi, 170
Awang Sulung Merah Muda, 12
 Azahari al-Khalidi Rahmatullah, Haji, 57
 Badaruddin, 121
 Bahaman, Dato', 12
 Bahasa Arab, 106, 131, 144
 Bahasa hikayat, 21, 24
 Bahasa Melayu, 96, 106
Bahawa Ini Cerita Kapal Asap, 78
 Baitulmaqdis, 104
 Baju kurung Teluk Belanga, 85
 Baju layang, 125
 Baju Melayu cekak musang, 85
 Baju Wan, 85
 Bangkok, 132
Bangkok Kepala Negeri Siam, 132
 Bangsa Bugis, 115
 Bangsa China, 166, 120, 125
 Bangsa Melayu, 88, 92, 93, 94, 114, 160, 160
 Bani Israel, 62
 Barat, 61, 75, 118, 130, 168, 170
 Batu, Haji, 37, 88
 Belanda, 22, 23, 31, 96, 113, 116, 123, 132
 Bendahara Tun Ahmad, 12
 Bendahara Tun Ali, 12
 Bendahara Tun Habib, 22
 Bendahara Tun Mutahir, 12
 Bengkalis, 31
 Benih, 157
 Bentong, 154
 Bentuk terjemahan, 126
 Benua Afrika, 110
 Benua Asia, 110
 Benua Eropah, 110
 Berita Malai, 156
 Bimbingan, 136
 Bismarck, Otto von, 104
 Bom Zarah, 110
 Bottoms, J.C., 30, 31
 Britain, 98, 109
 British, 23, 24, 25, 27, 46, 47, 87, 97, 111, 113, 116, 123, 128, 131, 132
 Buddha, 72
 Bugis, 3, 8, 22, 25
 Bukit Marak, 10
 Bukit Seguntang, 115
Buku Tarikh Kelantan, 11
Bulan Melayu, 120, 143, 151
 Bumiputera, 143

INDEKS

- Burhanuddin al-Helmy, Dr., 92, 93, 94, 95,
123
- Burma, 123
- Burung Garuda, 125
- Buyong Adil, 115, 116, 117, 120
- Cahaya Singapura*, 133
- Cahaya Timur*, 156
- Captain Cook, 129
- Catatan lawatan, 132
- Catatan sejarah, 155
- Cenderamata*, 143, 149, 150
- Cermin Hidup*, 156
- Cermin Malaya*, 157
- Ceylon, 111, 152
- Chahaya Islam*, 151
- Chahaya Pulau Pinang*, 137, 143, 145
- Chetra Prang Dunia dan Pernulaaan Pe-
rang di Seluruh Benua Eropah*, 105
- China Moslem*, 121
- China, 46, 87, 110, 120, 123, 145, 151,
154
- Chitra*, 157, 159
- Churchill, Winston, 146
- Ciri kesusasteraan, 167
- Ciri-ciri pensejarahan, 167
- Citra al-Marhum al-Syeikh Uthman*, 69
- Contoh serta rujukan, 163
- Cyprus, 92
- Daeng Ronggek, 23
- Daeng Abdul Hamid, 169
- Daeng Abdul Majid bin Tengku Muham-
mad Salleh, 26
- Dakwah Islamiah, 55
- Damsyik, 87
- Darah Mengalir di Pasir Salak*, 53
- Darul-al-Salam, 105
- Darus Ahmad, 52, 100, 101, 112, 113, 125
- Dasar-dasar Adat Papatih, 102
- Dato' Amar Diraja, 15
- Dato' Bentara Kiri, 15, 16
- Dato' Bentara Luar, 46
- Datu Patinggi Ali, 13
- Daud A.S., 59
- Demokrasi, 130
- Dewan Bahasa dan Pustaka, 4, 101, 157,
161
- Dewan Masyarakat*, 158
- Dewan Penerbitan*, 133
- Dewan Pengetahuan*, 133
- Dewasa*, 152
- Diponegoro, 144, 156
- "Dol Sa'ied: Pahlawan Naning", 156
- Dol Said, 144, 52
- Dongeng, 168
- Dunia dengan Barat*, 130
- Dunia Islam, 144, 145
- Dunia Melayu, 144, 152
- Dunia Tua, 110
- Durai Rajasingham, 160
- Dusseck, O.T., 116
- Edaran Zaman*, 140, 143
- Edrus, 108
- Edward, King, 48
- Ejen British, 32
- Elizabeth, Lady, 48
- Empayar Johor-Riau-Lingga, 115
- Empayar Melayu Majapahit, 122
- Empayar Melayu Melaka, 18, 22, 38
- Empayar Melayu Srivijaya (500-1400),
122
- Empayar Uthmaniah (1453-1922), 118
- Endeavour, 129
- England, 42, 51, 128
- Eropah, 42, 43, 44, 87, 98, 109, 131, 146,
150, 152, 154
- Eropah Barat, 99
- Fajar Asia*, 156
- Fakir Muhammad Salleh bin Perang, 34,
45
- Fakir Ulullah Maulah al-Basri Sulaiman
bin Sidiq al-Qadahi, 55
- Fakta geografi, 132
- Falsafah Kebangsaan Melayu (1954), 93,
95, 120, 125, 166
- Falsafah Revolusi, 131
- Falsafah sejarah, 134, 170
- Falsafah sejarah ketuhanan, 168
- Filipina, 122, 123
- Filipina dan Malaya, 166
- Fiqh, 72
- Firaun, 58, 61, 62
- Firaun Ramses II, 61

- Fester, Earnest, 129
 Fungsi sejarah, 117
- Gabungan Penuntut Melayu Semenanjung (GPMS), 158
 Ganga Negara, 25
 Ghatrif, Maharaja, 106
 Geografi dan Sejarah Semenanjung Tanah Melayu, 17, 126
 Geografi Semenanjung Tanah Arab, 149
 George, Lloyd, 154
 George ke-V, King, 151
 George ke-VI (Duke of York), King, 48
 Gharib, 105, 106
 Greece, 1456
 Gugusan Pulau-pulau Melayu, 86, 96
 Gunung Himalaya, 124
 Gunung Jerai, 5
 Guru sejarah, 167
- H.M. Shah Enterprise, 130
 "Hadiah yang Bernilai", 115
 Hadis, 73
 Hadramaut, 147
 Hadrat Maulana Sultan Abdul Majid Khan, 104
 Hakim, Haji, 100
 Hang Kasturi, 157
 Hang Tuah, 106, 157
 "Harimau Mengarung", 150
 Harun A.S., 59
 Hasmy, M., 158
 Hawkin, Francis, 130
 "Heil Hitler", 109
 Herodotus, 121
 Hikayat, 143
Hikayat Abdullah, 38, 39, 40, 41, 43, 44, 165, 166, 167, 169, 170
Hikayat Amir Hamzah, 38, 63
Hikayat Bulan Berbelah, 54
Hikayat Hang Tuah-Jebat Derhaka, 52
Hikayat Iskandar Dzulkarnain, 63
Hikayat Johor, 12, 17, 18, 24, 167
Hikayat Kejadian Nur Muhammad, 54
Hikayat Matahari Memancar, 4, 5, 6, 7, 8, 25, 144
Hikayat Muhammad Hanafiah, 38, 63
Hikayat Mukjizat Nabi, 54
Hikayat Nabi Berecur, 54
Hikayat Nabi Wafat, 55
Hikayat Napoleon Bonaparte, 103, 170
Hikayat Nur Muhammad, 54
Hikayat Pada Menyatakan Citra Tanah Melayu serta Pulau-Persa dan Sebuai-mya, 22
Hikayat Pahang, 11, 12, 15, 16
Hikayat Peperangan Gharib dan Ajib, 105
Hikayat Peperangan Sisehana, 106, 107
Hikayat Perang antara Jerman dengan Perancis 1870 dan 1871, 103
Hikayat Perang Dunia Kedua, 109, 111
Hikayat Perang Jerman Perancis, 170
Hikayat Sarawak, 13, 14, 15, 19
Hikayat Semenanjung Tanah Melayu dan Negeri-negeri Berhampiran, 18
Hikayat Seri Kelantan, 9, 11
Hikayat Seri Rama, 12
 Himyar, 69
 Hindu, 147
 Hiroshima, 110
 Hitler, Adolf, 108, 109, 110, 145, 154
 Hollandia, 42
 Hollywood, 61
 Hormuz, 98
 Houdini, 161
Hukum Kanun Melaka, 88, 89
 Hulu Muar, 45
 Humphreys, J.L., 32
- Ibn Abbas, 106
 Ibn Bajjah, 152
 Ibn Khaldun, 121, 169
 Ibn Rushd, 152
 Ibn Tufail, 152
 Ibnu Taimiah, 73
 Ibrahim al-Yusuffi, 26
 Ibrahim bin Dato' Muda, 84
 Ibrahim Haji Yaacob (IBHY), 19, 47, 48, 97
 Ibrahim Mahmood, 74, 117, 118, 120
 Iktibar, 136, 137, 138, 139, 142, 144, 164
 Imaginasi, 167
 Imam al-Ghazali, 144
 Imam Syafie, 67
 India, 87, 123
 India/Hindustan, 147

INDEKS

- Indonesia, 97, 122, 123, 132, 154
Inilah Hikayat Perang Setambul, 104
 Intelegensia Melayu, 139, 142
 Intelek Melayu, 81
 Iraq, 105, 106
 Ishak Haji Muhammad, 152
 Iskandar al-Rumi, 69
 Iskandar Yang Agung, 69
 Islam, 140, 150
 Itali, 110, 146, 154
- Jaafar bin Haji Mohamad Taib, Haji, 49
 Jabal Tariq, 92
Jagoh Fikiran Bebas, 130
 Jajahan Dinding, 25
 Jajahan Perak Tahun 1872, 84
 Jalan Hatim, 83
 Jamaica, 129
 James Brooke, 13, 19, 20
 Jasa, 143, 122, 152
 Jawa, 122
 Jawatankuasa Pelajaran 1956, 100
 Jeddah, 80, 87
 Jembal, 10
 Jementah, 45
 Jepun, 46, 110, 111, 144, 145, 150, 151, 156
 "Jepun Melanggar Malaya", 36
 Jeram, 10
 Jerman, 104, 108, 109, 110, 145, 154
 Jogjakarta, 97
 Johor Bahru, 17, 18, 22, 31, 34, 36, 44, 45, 46, 50, 82, 83, 85, 116
 Johor-Riau, 22, 23
 Juanda, Dr., 158
 Jurutera Melayu, 110
- Kaedah objektif, 169
 Kaedah penyelidikan, 117, 142
 Kaedah penyelidikan yang ilmiah, 168
 Kaedah sejarah, 121
 Kalikut, 80
 Kalkata, 80
 Kampung Gelam, 31
 Kampung Pupuh, 111
Kanun Riau, 89
Kanun Sultan Mahmud Syah Melaka, 88
- Kapal "Kedah", 111
 Karya sejarah yang berunsur kesusasteraan, 2
 Kay, John, 151
 Kebaya, 85
 Kebenaran sejarah, 142, 144, 164, 167
Kebudayaan, 157, 159, 160
Kebudayaan Sepintas Lalu, 102
 Kedah, 5, 6, 7, 16, 51, 92, 159
 Kediri, 116
 "Kegunaan Ilmu al-Tarikh", 137, 138
 "Kegunaan Pelajaran Tawarikh", 138
Kejatuhan Kaum-kaum Islam dan Pergerakan Baharu, 70, 166
 Kelantan, 10, 11, 79, 80, 111, 116, 142, 152, 164
Kenang-kenangan Selangor, 14, 17, 166
Kencana, 142, 152, 157
 Kepentingan sejarah, 147, 155, 161
 Kepulauan Sandwich, 130
 Kerajaan Brunei "Darussalam", 14
Kerajaan Hak Mu, 130
 Kerajaan Kedah, 7
 Kerajaan Majapahit, 116
 Kerajaan Melayu-Hindu, 116
 Kerajaan Selangor, 154
 "Kerakyatan dan Jus Soli", 160
 Keramat "Tok Takir", 83
 Kesatuan Islam, 157
 Kesatuan Melayu Muda, 98
 Kesedaran tentang kepentingan sejarah, 117, 135, 138, 141, 142, 162, 163, 164
 Kesultanan Melayu di Tanah Melayu, 116
 Kesultanan Melayu Melaka, 22, 77, 78, 94, 95, 100, 157
 Khadijah, 64, 144
 Khalifah al-Rasyidin, 63, 146
 Khalifah Harun Aminurasyid, 143
 Khalifah-khalifah yang empat, 144, *lih.f.*
 Khalfah al-Rasyidin
 Khawarij, 75
 Khayalan, 142, 168
 Khoo Kay Kim, 27, 30, 93, 97, 116
 Khurasan, 72
 Kiai Haji Wahid Hashim, 158
 Kiai Muhammad Arshad Talib Lubis, 56
King George Yang Keenam, 47, 166
 Kinta, 27

- Kisah Hidup Sir Stamford Raffles*, 128
Kisah Pelayaran Abdullah ke Jeddah, 80
Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan,
 41, 74, 79
*Kisah Pelayaran Abdullah ke Negeri
 Jeddah*, 41
*Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim
 Munsyi*, 81, 83, 84
*Kitab Geografi dan Tarikh Negeri Kelan-
 tan*, 10
Kitab Kumpulan Nama Melayu, 84
Kitab Sabil Mukhtadin, 85
Kitab Tafsir al-Baidhawi, 68, 69
*Kitab Tafsir al-Quran Bergantung Makna
 Jawi*, 122
Kitab Tambuk Alam Minangkabau, 89
Kitab Tawarikh Melayu, 17, 26, 146, 166,
 169
 Klang, 82, 84
 Komunis, 120
 Konsep moden, 168
 Konsep objektif dan subjektif, 167
 Konsep pensejarahan Melayu moden, 168
 Korea, 145, 157
 Korea Selatan, 157
 Korea utara, 157
 Kota Bharu, 97, 102, 111
 Kowrowal, 130
 Kuala Lumpur, 97, 125
 Kuala Pilah, 158
 Kuase Pasak, 110
 Kubang Labu, 10
 Kumpulan 25 Rasul, 56, 57

Laksamana Tun Tuah, 52
 Lamaddusalat, 8
 Langat, 84
 Langkasuka, 5, 6, 7
 Larut, 84
 Laut Aceh, 87
 Laut Mediterranean, 92
 Laut Merah (Laut Khalzom), 62
 Laut Sokotra, 87
 Lautan Hindi, 87
 Lautan Pasifik, 129
 Legenda Islam, 63
 Leipzig, 43
Lembaga Malaya, 143, 153, 154
Lembaga Melayu, 149, 150
Lembaran Guru, 152
 Lenggeng, 150
 Leonardo de Vinci, 158
Lidah Benar, 137, 143, 152
Lidah Ibu, 151, 153
Lidah Teruna, 149
 Light, Francis, 98
 Ligor, 10
 Lima orang putera Bugis, 8
 London, 34, 35, 96, 97, 128
 Long Jaafar, 10
 Long Muhammad, 10
 Long Pandak, 10
 Long Senik Mulut Merah, 10
 Long Yunos, 10
Lt. Nor Pahlawan Gerila, 53

 Maccaroni, 145
Madah, 157, 160
 Madinah, 56, 60
 Madrasah Masyhur al-Islamiah, 106
 Maharani Queen Elizabeth, 47
 Mahmud Ahmad, 102, 131, 143, 144, 149,
 150
Majalah Tawarikh, 56, 59, 157, 162
Majallah Murid, 157, 159
Majlis, 19, 143, 152, 153, 154
 Makam Hang Jebat, 157
 Makam Mahmudiah, 45
 Makkah, 50, 56, 69, 72, 74, 80, 87, 88
 Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung
 Malim, 116, 150
 Malaikat Jibril, 106
 Malaya, 131, 143, 151, 154
 Malaysia, 2, 9, 51
 Malta, 92
 Manchuria, 91
 Mancu (1644-1911), 121
 Mancukuo, Maharaja, 121
 Mansor bin Abdullah atau Manbina, 53
 Marco Polo, 98
Masa, 149, 150
Mastika, 157
Masyarakat, 157, 158
 Masyarakat Islam, 54, 118
 Masyarakat Melayu, 80, 82, 94, 144, 163
 Mat Hassan, Haji, 111

INDEKS

- Matahari Memancar*, 156
 Matang, 30
 Mataram, 116
 Maxwell, William, 3
 Mazhab Syafie, 67
 Mazhab Wahabi, 150
 McDonald, Malcolm, 158
 Media dakwah, 137
 Melaka, 18, 22, 31, 39, 40, 49, 82, 83, 84, 112, 116, 154, 157
 Melayu, 77, 78, 79, 80, 88, 140
 Melayu Raya, 122
 Melenggang perut, 77
Melihat Tanah Air, 19, 97
 Mengaji al-Quran, 100
Mengembara dan Berniaga, 98, 100
Mengkaji Sejarah Terengganu, 24
 Merlimau, 82
 Merong Mahawangsa, 7, 12
 Mesir purba, 87
 Mesir, 71, 72
 Milton, G.E., 129
Misa Melayu, 2, 3, 7, 8, 12, 13, 30, 37
 Mohamed Haniff, 121
 Mohammad Hatta, 158
 Mohd. Ghazali bin Ariffin, 146
 Mohd. Nor bin Muhammad, 138
 Mohd. Rakawi Yusof, 13, 14, 19
 Mohd. Sidin bin Haji Rashad, Haji, 124
 Mohd. Taib Osman, 9
 Mohd. Yunus bin Abdul Hamid, 151
 Monggol, 68
 Moscow, 42
 Muar, 49
 Muawiyah, 75, 76
 Muhammad Ali Hanafiah, 106
 Muhammad Abdul, 73
 Muhammad al-Jauhari, 139, 147
 Muhammad Arif Abdul Kadir al-Natly, 56, 67, 68
 Muhammad bin Abdul Wahab, 150
 Muhammad bin Abdullah, 106
 Muhammad bin Dato' Muda, 132
 Muhammad bin Hassan, 57
 Muhammad bin Ibrahim, 53
 Muhammad Hassan bin Dato' Kerani
 Muhammad Arshad, 7
 Muhammad Haji Alias, 44, 45
 Muhammad Ibrahim Munsyi, 81, 82, 83, 84
 Muhammad Nor bin Muhammad, 150
 Muhammad Said Haji Sulaiman, Mejar.
 Dato', 19, 24, 36, 49, 51, 59, 60, 85, 90, 132, 157, 166
 Muhammad Salleh Haji Awang.
 (MISBAHA), Haji, 24
 Muhammad Yunus Hamidi, 102
 Muhammad Yusof bin Sultan Mahyuddin,
 70, 71, 73, 74, 75, 137, 152
 Muhammad Zain bin Ibrahim, 105, 106
 Muhammad Zainuddin Ibn Uthman al-Sirwaki, 69
Muqaddimah, 169
 Muslim Printing Press, 102
 Mussolini, 110
 Mustaffa Abdul Rahman Mahmud, 68, 69, 99
 Mustafa Kamal Atatürk, 75, 100, 118, 119
 Muzium British, 109
 Na Tian Piet, 33, 35, 45
 Nabi Adam A.S., 57, 59, 60, 157
 "Nabi Besar Muhammad S.A.W.", 158
 Nabi Ilias A.S., 56
 Nabi Isa A.S., 60, 61
 Nabi Khidir, 62
 Nabi Muhammad S.A.W., 54, 55, 56, 57, 60, 63, 66, 144, 146, 149, 157
 Nabi Musa A.S., 59, 61, 62
 Nabi Salleh, 157
 Nabi Seth A.S., 8, 60
 Nabi Sulaiman A.S., 56
 Nabi Syuib A.S., 59
 Nabi Yahya A.S., 56
 Nabi Yusof A.S., 56, 60
 Nabi Zakaria A.S., 56
 Nabi Zulkifli A.S., 56
Nafhlatal al-Ridwan, 69
 Nagasaki, 109
 Napoleon III, 104
 Napoleon Bonaparte, 42, 43, 44, 104, 151, 153
 Napoleon, Louis, 104, *lih.j.* Napoleon III
 Negara "matahari terbit", 144
 Negeri Darul-al-Salam, 104

- Negeri Luvu, 8
 Negeri Sembilan, 157
 Negeri-negeri Melayu, 80, 81
 Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 127, 154
 Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu, 154
 Negeri-Negeri Persekutuan, 84
 Negeri-Negeri Selat, 18, 83, 84, 127, 154, 157
Neraca, 139, 143, 146
 Nering, 111
 Newton, Isaac, 152
 Nik Mahmud bin Haji Wan Ismail, 9, 10
 Nippon, 90, 91
Nusa dan Bangsa Melayu, 97
- Onn, Dato', 158
 Opu Tendri Burung Daeng Rilaka, 8
 Orang Arab, 147
 Orang Asli di Tanah Melayu, 116
 Orang Cina, 116, 120, 121
 Orang Islam, 137
 Orang Kaya Pahlawan, 12
 Orang Melayu, 84, 86, 96, 100, 101, 110, 112, 116, 118, 120, 124, 132, 147, 153, 154
 Orang Portugis, 116
 "Orang-orang Masyhur Zaman Dahulu", 143
 Orientasi, 143, 144
 Osman bin Kering, Leftenan, 110
 Owen, Robert, 151
- Padang Karbala, 152
 Pahang, 79, 154
Pakai Patut Melayu, 85
 Pakaian Melayu, 85
 Palembang, 18
Pancharan Melayu, 100, 125
Panduan Guru, 138, 143, 149
 Panduan, 136, 163
 Pangeran Diponegoro, 154
 Panglima Nayan, 53
 Paris, 43, 44
 Parit Raja (iaitu Parit Jamil sekarang), 49
 Parsi, 71, 72
- Pasir Putih, 111
 Patani, 127
 Pati, 157, 158, 160
Pelayaran Dahulu Kala, 87
Pemberita Betawi, 45
 Pemimpin Melayu, 151
 Pemuka-pemuka "pemodenan" dalam Islam, 73
 Penasihat British, 32
 "Pencatatan semula", 163
 Pengajaran, 136, 154, 163
Pengasuh, 139, 143, 146
 Pengertian dan kepentingan sejarah, 140
 Pengertian sejarah, 139, 140, 167
 "Pengetahuan", 144
 Penggunaan sumber, 117
 "Peningkat dan Permohonan", 139, 147
Penimbu Buchaan Sekolah: Belayar dan Berniaga, 98
 Penjajahan British, 52
 Pensejarahan, 144
 Pensejarahan Islam, 143, 144, 149, 152, 154, 157, 170
 Pensejarahan Islam yang moden, 76, 169
 Pensejarahan Melayu-Islam, 74
 Pensejarahan moden, 169, 170
 Pensejarahan tempatan, 27, 144, 146, 149, 152
 Pensejarahan tradisi Melayu-Islam, 68
 Penulisan kreatif, 156
Penuntut, 157, 158, 160
 Penyampaian yang munasabah, 142
Penyuluh, 149, 150
 Peperangan, 143
 "Peperangan Antara Bangsa Jepun dan China", 145
Peperangan Tok Janggut atau Balasan Derhaka, 111
 "Peperangan Umar Basya", 145
 Perak, 2, 3, 25, 26, 27, 30, 83
 Perancis, 42, 43, 91, 104, 109
 Perang Dunia Kedua, 18, 19, 29, 36, 53, 98, 108, 110, 135, 150, 155, 156, 157, 165, 166
 Perang Dunia Pertama (1914-1918), 105, 108, 118, 146, 152, 153
 Perang Jamal (Unta), 65
 Perang Melaka, 112

INDEKS

- Perang Saudara (1857-1863), 12, 113
Peredar, 18
Perihal Adat Melayu: Mengandungi Kamun Sultan Sulaiman Riau dan Ringkasan Kamun Sultan Muhammad Syah Melaka, 88
Perihal Kejadian Alam dan Nabi-Nabi yang Terbilang, 60
Perihal Sarawak yang Sebenarnya, 19
 "Perihal Tanah Jawa", 132
Peringatan Raja-Raja Kedah, 7
Peristiwa-peristiwa di Kelantan, 102
Peristiwa-peristiwa Siasah Di Tanah Melayu, 102
 Perjanjian Frankfurt, 104
 Perjanjian Inggeris-Belanda 1824, 23, 132
Perjuangan Hang Tuah, 52
Perjuangan Kita: 17 Oktober 1945-17 Oktober 1946, 92
 Perkaedahan penyelidikan, 166
 "Perkembangan Filem Melayu", 160
 "Perkhabaran", 136
Perubahan Baharu, 156
Pesaka Selangor, 15, 16, 17
 Petunjuk, 136, 163
 PKMM, 93
 Portugis, 22, 96
Portugis dalam Sejarah Melaka, 102
 Presiden Mesir, 131
 Proses pergerakan sejarah, 169
 Prussia, 42
 Puisi, 166
 Pujangga Riau, 115
 Pulau Borneo, 13, 14, 20, 128
 Pulau Corsica, 42
 Pulau Elba, 43
 Pulau Fornisam 123
 Pulau Pinang, 83, 84, 97, 98, 99, 102, 105, 106, 123, 150, 151
 Pulau St. Helena, 43, 44
 Pulau-pulau Andaman-Nicobar, 123
 Pulay Ceylon, 123
Pusat Kekuasaan Inggeris di Dalam Laut Mediterranean, 109
 Pustaka Antara, 125
 Pustaka Melayu, 130
 Putera Bugis lima bersaudara, 158
 Puteri Balqis, 8
 Putusan, 13
Qalam, 157
 Qarun, 58
Qissas al-Anbiya, 55, 57, 59, 60, 169
 Raden Adjeng Kartini, 156
 Raffles, Stamford, 98, 128
 Raffles College, 96
Rahsia Perpecahan Mazhab di dalam Islam, 131
 Raja Ali Haji, 8, 9, 18, 44, 115, 121, 153, 157, 164, 169
 Raja Bendahara Long Jenal, 10
 Raja Bersiong, 6
 Raja Chulan, 2, 30, 37
 Raja Haji Ahmad, 16, 31
Raja Haji Pahlawan Terbilang, 52
 Raja James Brooke, 14
 Raja Jembal, 10
 Raja Johor/Lingga, 89
 Raja Kecil, 22
 Raja Luwu, 8
 Raja Merong Mahapudisat, 5
 Raja Merong Mahawangsa, 5, 6
 Raja Muda, 10
 Raja Muda Musa ibni Sultan Abdul Samad, 16
 Raja Muhammed Nordin, 102
 Raja Ong Maha Perita Deria, 6
 Raja Philips di Makedonia, 69
 Raja Pra' Ong Mahawangsa, 6
 Raja Sarawak, 13
 Raja Sulaiman, 16
 Raja Temenggong Long Tan, 10
 Ratu Victoria, 34
 Razak Ahmad, 52
Ringkasan Tawarikh Negeri Kita, 26
Repulse, 110
 Revolusi 1952, 131
 Revolusi Perancis 1789, 168
Ringkasan Cetera Kelantan, 10
Ringkasan Tawarikh Allahyarham Haji Mohammad Taib bin Haji Othman, 49
Risalah Bernama Sirajul Alam: Ertinya Pelita Alam Fi Sirat-Khairul Anam Cetra Nabi Sallallah Hu Alai Hi Wassallam Penghulu kita Yang Maha

- Mulia*, 55
Risalah Kebudayaan Melayu Sepintas Lala, 102
 "Riwayat", 136
 Riwayat diri (autobiografi), 38
Riwayat Hidup Mejar Haji Muhammad Said bin Haji Sulaiman, 49
Riwayat Hidup Tok Janggut dan Peperangan di Kelantan, 111
Riwayat Hidup Tunku Abdul Rahman Putra, 51, 166
Riwayat Kelantan, 11
Riwayat Kinta, 26, 28
Riwayat Nabi Adam Hingga Nabi Salleh, 60
Riwayat Nabi Sulaiman Hingga Riwayat Nabi Yahya, 56
Riwayat nabi-nabi, 157
 "Riwayat Pelayaran Haji Batu", 87
Riwayat Perang yang Kedua (Penggai 1), 108
Riwayat Tanjung Malim, 27, 94
 Roman Sejarah, 53, 112
 Ruangan "al-tarikh", 136, 149
 Rusia, 42, 43, 104, 109
 Russell, Philipe, 130
- Sabah, 20
 Sabaruddin Perwira Negara, Dr., 158
Sahabat, 153
 Saidina Husin, 152
Salsilah atau Tarikh Kerajaan Kedah, 9
 Samat, 148
Sa-ratus (100) Tanya-Jawab Sejarah dan Ilmu Alam Negeri Sabah, 20
 Sarawak, 19, 20, 69
 Sarawak "Darul Hana", 13, 14
 "Sastera sejarah", 1
Saudara, 151
 Sayidina Ali, 65, 106
 Scotland, 48
Scotland Nations, 99
Sejarah Alam Melayu, 14, 115, 116, 120, 153, 166, 170
Sejarah Bahasa dan Bangsa Melayu, 125
Sejarah dan Perjuangan di Malaya, 98
 Sejarah dari kategori tempatan, 157
 Sejarah Eropah, 143
 "Sejarah haruslah pada yang benar", 26, 27
Sejarah Hidup Imam Syafie, 67
Sejarah Ilmu Ekonomi, 99
 Sejarah Islam, 144, 146, 150, 151, 152, 155
 Sejarah Kebangsaan, 116
Sejarah Kebesaran Islam di Timur Tengah, 75, 166
 Sejarah kejadian alam, 57, 60
 Sejarah kemasyarakatan, 78
Sejarah Kenaikan dan Kejatuhan Kekuasaan Portugis di Melaka, T.M. 1511-1641, 95, 166
Sejarah Kesusasteraan Melayu, 101, 102
Sejarah Malaya Merdeka, 26, 94
Sejarah Melayu (Sulatus Salatin), 11, 22, 25, 38, 63, 112, 114, 115, 164, 166
Sejarah Melayu Raya: Tarikh Perjuangan dan Ekonomi Indonesia, Filipinan dan Malaya, 26, 122, 125, 166
 Sejarah merupakan "pengajian semula", 163
Sejarah Nabi Musa, 61
Sejarah Pendidikan, 131
 Sejarah pendidikan Islam, 132
Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang, 25
Sejarah Pergerakan Politik Melayu Semenanjung, 102
Sejarah Perjuangan di Malaya, 97
Sejarah Ringkas Nabi Muhammad S.A.W., 55, 56
Sejarah Ringkas Tanah Melayu, 130, 131
 Sejarah sosial, 159
 Sejarah tempatan, 26, 143, 153, 154, 156
 Sejarah teologi Islam, 59
 "Sejarah", 136, 149
 Selangor, 16, 83, 84, 113
 Selat Melaka, 87
 "Seluar Cina", 85
 Seluar katuk, 85
 Seluar panjang, 85
 "Seluar Qabul", 85
 Seluar sempak, 85
Semangat Asia, 156
 "Semangat Harimau (Hayam Wuruk atau Aria Padjang)", 156
Semangat Islam, 143, 151

INDEKS

- Semangat Nippon yang Sebenar Diuraikan*, 19, 90
- Semenanjung, 133
- Semenanjung Itali, 42
- Semenanjung Tanah Melayu, 18, 127, 128, 156
- Sepanyol, 71, 123, 145
- Seri Maharaja Diraja, 125
- Seri Teri Buana, 115
- Seruan Agama Islam*, 157
- Seri Maharaja Diraja, 125
- Shahrom Hussein, 21, 25
- Shakespeare, William, 145, 152
- Shamsuddin bin Muhammad Yunus, 141, 151
- Siak, 31
- Siam, 10, 123, 127, 132
- Sidi Raja Abdullah, Dato', 149
- Silsilah atau Tarikh Kerajaan Kedah*, 6, 7, 15
- Silsilah Melayu dan Bugis dan Sekalian Raja-Rajanya*, 8
- Singapura, 13, 18, 30, 31, 36, 39, 40, 49, 50, 78, 97, 116, 128, 129
- Singosari, 116
- Siratul Mustaqim*, 85
- Siti Aisyah, 65, 144
- Siti Dinar Yunus, 158
- Siti Hawa Salleh, 4, 17
- Siti Malangkai, 8
- "Smiling Duchess", 48
- Smith, Adam, 99
- Socotra, 98
- Strang, Herbert, 105
- Suara Benar*, 152, 154
- Stephenson, Geogre, 151
- Suara Islam, 157
- Suara Jabatan Agama*, 157
- Suara Malaysia*, 153
- Suara Timur*, 156
- Sukarno, 158
- Sulaiman bin Muhammad Salleh bin Perang, 45
- Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, 11, 18, 38, 63, 112, 114, 115, 164, 166, 169
- Sultan Abdul Majid, 105
- Sultan Abdul Rahman Muazzam Syah, 23
- Sultan Abdillah, 36
- Sultan Abu Bakar Johor, 18, 22, 33, 34, 36, 152
- Sultan Abu Bakar Pahang, 36
- Sultan Ahmad Al-Muazzam Syah, 12, 36, 112
- Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah, 5
- Sultan Alauddin Mansur Syah, 2
- Sultan Alauddin Sulaiman Syah, 15
- Sultan Amengko Buwono, 158
- Sultan Hussien Syah, 23
- Sultan Ibrahim, 36, 50, 152
- Sultan Iskandar Zulkarnain, 2
- Sultan Jalilullah, 2
- Sultan Kedah, 151
- Sultan Mahmud Muzaffar Syah Ibni Marhum Lingga, 31
- Sultan Mahmud Pahang, 36
- Sultan Mahmud Syah III, 22
- Sultan Mahmud Syah, 3, 112
- Sultan Mansur, 10
- Sultan Mu'adzam Syah, 5
- Sultan Mudzalfah Syah, 6
- Sultan Muhammad, 10
- Sultan Muhammad II, 10
- Sultan Muzaffar Syah, 3
- Sultan Selangor, 151
- Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah Ibnu Sultan Abdul Jalil IV, 89
- Sultan Zainal Abidin III, 24, 31, 32
- Sumatera, 18, 122
- Sumber, 142, 167
- Sumber-sumber yang sahih, 148
- Sun Yat Sen, 152
- Sungai Perak, 30
- Supemo, Prof., Dr., 158
- Surat al-Anbia*, 55
- Syaer al-Marhoem Baginda Sultan Abu Bakar di Negeri Johor*, 33
- Syaer Bah Singapura*, 31
- Syaer Kampung Boyan di Makan Api*, 31
- Syaer Kampung Gelam Terbakar*, 30
- Syaer Perang Siak*, 31
- Syaer Raja Haji*, 31
- Syaer Riwayat Hidup Yang Amat Mulia Tengku Ampuan Besar Pahang (Tengku Mariam bt. Sultan Abu Bakar Johor)*, 36
- Syaer Singapura di Makan Api*, 30

- Syaer Singapura Terbakar*, 30
Syaer Sultan Mahmud di Lingga, 31
Syaer Tuan Humphreys Terengganu, 31
 Syair Nabi Allah Adam, 56
Syair Nabi Allah Hud A.S., 56
Syair Nabi Allah Noh A.S., 56
Syair Nabi Ilyas A.S., 56
Syair Nabi Yaakub, 56
Syair Pelayaran Sultan Iskandar Perak, 36
Syair Perang Aceh, 113
Syair Perang Siak, 113
Syair Yang Mulia Cetra Peranakan Nabi S.A.W., 169
Syair Yang Mulia Cetra Peranakan Nabi Syair yang kedua, 56
 Syair, 29, 30, 31, 34, 35, 56, 113, 166
 Syam, 72
 Syarif Sahab, 13
 Syariff Maula, 13
 Syarikat Hindia Timur Inggeris, 128
 Syed Abdullah bin Abd. Hamid al-Edrus, 102, 108
 Syed Ahmad Khan al-Hindi, 73
 Syed Alwi bin Syeikh al-Hadi, 102
 Syed Jamaluddin al-Afghani, 73
 Syeikh Muhammad Abdul Wahab, 73
 Syeikh Tahir Jalaluddin, 70
 Syeikhul Islam Negeri Kedah, 55
Syonan Times, 90

 Tafsir al-Quran, 122
 Tafsiran, 117, 167
 Takrif, 167, 170
 Takrif sejarah, 139, 141, 153
 Takrif tentang "tarikh", 147
 Takrif tentang pensejarahan moden, 168
 Tamadun Islam abad ke-14, 121
 Tamadun Yunani purba, 121
Taman Pengetahuan, 145
Taman Penghidupan, 85, 87
 Tanah Arab, 73, 74, 150
 Tanah Jawa, 45, 116, 132
 Tanah Melayu, 18, 19, 24, 25, 26, 53, 59, 73, 81, 94, 97, 98, 101, 111, 118, 122, 123, 128, 130, 131, 132, 144, 149, 154, 155, 156, 157
 Tanah Minangkabau, 89
Tanjung Penegeri, 145

Tarikh al-Tabari, 66
Tarikh al-Tarbiah, 131
Tarikh Dato' Bentara Luar Johor, 44, 47
Tarikh Kehidupan al-Sayyidat Khadijah, 64
Tarikh Perjalanan Siti Aisyah: Jempolan Kaum Ibu dan dalam Pergerakan Islam, 64
Tarikh Perjuangan dan Ekonomi Indonesia, 166
 "Tarikh", 68, 136, 140, 143, 151
 Tasawuf, 72, 73
Tawarikh al-Marhum Sultan Abu Bakar, 17
Tawarikh Dari Segi Penjajah Dan Yang Telah Di Jajah, 161
Tawarikh Johor, 21, 23, 24, 166, 167
 "Tawarikh Kerajaan Rom", 149
 Teladan, 136, 138, 142, 144, 150, 154, 163
 Teluk Belanga, 50
 Temasik, 115, 152
 Temenggung Abdul Rahman, 23
 Temenggung Abu Bakar, 115
 Temenggung Daeng Ibrahim, 23
 Tempatan (Alam Melayu), 151
 Tengku Abdul Rahman, 22, 23
 Tengku Hussien (atau Tengku Long), 22, 23
 Tengku Kudin, 16
 Tengku Mahmud Ibnu Al-Marhum Maulana Sultan Ahmad Tajuddin Mukaram Syah, 55
 Tengku Mariam, 36
 Tentera Laut Merah Diraja, 110
 Teori sejarah, 162
 Terengganu, 23, 24, 31, 33, 79
Terong Pipit, 12
Yetuan Muda, 149
 Thalbah, 65
The Prince of Wales, 110
The Ten Commandments, 61
The World and the West, 130
 Timur, 130
 Timur Tengah (Asia Barat), 75
Tinjauan Sastera Tanah Ayer, 102
 Tok Janggut, 111
 Tok Kenali, 70
 Tok Keranji, 10

INDEKS

- Tokoh, 143
 Tokoh Eropah, 151
 Tokoh tempatan, 151
 Toynebee, A.J., 130
 Tradisi pensejarahan Islam, 168
 Tuan Miller, 50
 Tuan Puteri Sa'dong, 10
 Tuhan Yang Maha Berkuasa, 59
Tuhfat al-Nafis, 9, 114, 115, 153, 164, 166, 167, 169
 Tun Fatimah, 156
 Tun Seri Lanang, 18, 144, 164
Tumas Melayu, 140, 143, 146
 Tunku Abdul Rahman Putra, 52, 158
 Turki, 72, 75, 118, 145
Turki dan Mustafa Kamal Atatürk, 74
Turki dan Tamadunnya, 117, 118, 166
 Umar bin Muhammad Khan, 56
 Umat Islam (Keling dan Melayu), 83, 147
 Umat Melayu, 88, 100
 UMNO, 51
 Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor, 34
 Universiti Cambridge, 96
 Usur dan kuasa ketahanan, 168
 Usur kesusasteraan, 170
 Usuluddin, 72
 Volunteer Melayu, 110
 Wadi Sisehana, 106
 Wahabi, 73
 Walt Disney, 145
 Wan Ahmad, 12
 Wan Muhammad Amin bin Wan Muhammad Sa'id, 15, 16
 Wan Sulaiman bin Wan Sidiq, 55
 Wan Yahya bin Wan Muhammad Taib, 7, 15
 Wangsa Hsia, 120
 Warisan bangsa Melayu, 147
Warta Ahad, 143, 153, 154, 155
Warta Jabatan Ugama Johor, 157
Warta Kita, 153, 155
Warta Malaya, 143, 152, 153, 154
 Waterloo, 43
 Wilkinson, R.J., 84
 Winstedt, R.O., 26, 63, 128, 130, 147, 169
 Wok Aisyah binti Haji Nik Idris, Hajah, 31

 Xenophon, 99

 Ya'juj dan Ma'juj, 68
 Ya'kub, 64
 Yahya Abdullāh, 111
 Yasir bin Saini, 102
 Yazid, Kapten, 110
 Yasa' A.S., 59
 Yusof Zaki Yaacob, 131

 Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba), 131, 152, 158
 Zainal Abidin Da'ud al-Sulaiman, 26, 27, 85, 87, 94, 95
 Zaman Islam, 102
 Zaman moden, 102
 Zaman Pendudukan Jepun, 156
 Zaman penjajahan British, 102
 Zaman Pertengahan, 99
 Zoroaster, 72
Zulkarnain, 68, 69